

2014

LAPORAN TAHUNAN



KISAH RAKYAT. CERITA MEREKA.

21

Memastikan
penjagaan
kesihatan asas
mampu dinikmati
semua rakyat



138

Mengurangkan
kejadian
kecurian kereta



43

Membina masa
hadapan untuk
kampung luar
bandar



62

Membantu
penumpang
bergerak di
sekitar bandar

86

Daripada pekerja
kilang kepada
pembekal puyuh
serantau



127

Menyerlahkan potensi
dalam diri setiap pelajar





168

Memastikan
anak-anak
kita mengikut
landasan
yang betul

2	KOMITMEN YANG TEGUH TERHADAP PENYAMPAIAN
4	KEUTAMAAN KEKAL SEBAGAI FOKUS
6	MASA DEPAN BERGANTUNG PADA TINDAKAN KITA HARI INI
10	PERISTIWA PENTING GTP
12	BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)
14	Menangani Kos Sara Hidup Rakyat
28	Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar
50	Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
74	Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
100	Memastikan Pendidikan Berkualiti
132	Mengurangkan Jenayah
154	Membanteras Rasuah
172	Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam
188	KAD SKOR MENTERI
194	TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC
195	PRESTASI DAN BAJET PERBELANJAAN NKRA 2014
206	GLOSARI
210	PENGHARGAAN



KOMITMEN YANG TEGUH TERHADAP PENYAMPAIAN

S sejak mula diperkenalkan pada tahun 2010, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah menetapkan sasaran yang bertujuan memperkukuhkan lagi asas sosioekonomi Malaysia.

Tahun ini menandakan tahun kelima penerbitan Laporan Tahunan GTP dan saya ingin melaporkan bahawa kita telah mencapai keberhasilan yang positif dalam usaha membanteras kemiskinan dan rasuah. Di samping itu, kita juga telah mencapai kemajuan dalam taraf pendidikan, keselamatan awam, pengangkutan awam dan pembangunan luar bandar.

Laporan Tahunan GTP berfungsi sebagai kayu ukur kepada matlamat dan janji yang telah ditetapkan kepada rakyat. Setiap tahun, kita melaporkan pencapaian yang telah dibuat selain menyatakan dengan telus cabaran yang dihadapi untuk mencapai sasaran ini.

Komitmen utama kita adalah untuk memastikan setiap rakyat Malaysia dapat menikmati kualiti kehidupan yang baik. Untuk itu, tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah GTP telah diberi keutamaan untuk memastikan pelaksanaan komitmen tersebut.

Membina daya tahan dan menghasilkan keberhasilan yang berterusan dengan akauntabiliti merupakan teras utama yang mendasari GTP sejak lima tahun yang lalu.

GTP telah berjaya membasmi kemiskinan tegar menerusi satu daripada program bantuan utama, iaitu program Akhiri Zaman Miskin (1AZAM) yang bertujuan Mempertingkatkan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH). Dalam tempoh empat tahun yang lepas, sejumlah 168,483 rakyat Malaysia yang berdaftar dengan pangkalan eKasih telah keluar daripada kepompong kemiskinan susulan peningkatan dalam pendapatan.

Program 1AZAM menekankan pembangunan kemahiran kewangan dan pemeraksanaan keupayaan rakyat dan kami ingin melaporkan bahawa sehingga hari ini 64,689 rakyat Malaysia telah mengambil bahagian dalam program literasi kewangan.

Falsafah pembangunan kita berteraskan prinsip keterangkuman dan NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NKRA COL) merupakan pendekatan terbaik dalam menterjemahkan prinsip ini. Pada tahun 2014, 7 juta isi

rumah dan individu meraih manfaat daripada pengagihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), memastikan barangan dan perkhidmatan asas dapat dinikmati oleh setiap rakyat.

Prinsip keterangkuman ini juga merupakan sebab utama perbelanjaan pembangunan tidak dikurangkan apabila belanjawan 2015 dikaji semula. Kita menekankan pembangunan di kawasan luar bandar, mempertingkatkan pelaksanaan infrastruktur khususnya di Sabah dan Sarawak, dan kita akan meneruskan usaha yang sama untuk merapatkan jurang perbezaan antara kawasan di negara kita.

GTP komited untuk meningkatkan standard pendidikan dan mewujudkan platform pembelajaran yang mantap bagi para pelajar. Anak-anak kita merupakan aset penting bagi masa hadapan negara, dan kita memerlukan beberapa generasi pekerja yang berkemahiran tinggi dan berilmu untuk melestarikan tahap pembangunan negara.

Kita juga telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam, dengan pemfokusan beberapa bidang penyampaian seperti penjagaan kesihatan. Buat kali pertama di Malaysia, satu program untuk menyusun semula penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital-hospital telah dilaksanakan di seluruh negara susulan kejayaan program rintis di Hospital Pakar Sultan Ismail di Johor Bahru.

Saya ingin menyatakan bahawa lebih 15.8 juta kes perubatan telah dirawat di klinik 1Malaysia di seluruh negara, dan kini terdapat 161 Kedai Rakyat 1Malaysia yang menyediakan keperluan asas kepada rakyat pada harga yang rendah.

Segala pencapaian ini tidak mungkin terlaksana tanpa usaha dan komitmen padu oleh perkhidmatan awam dalam melaksanakan inisiatif GTP. Saya ingin memuji dedikasi mereka yang berterusan untuk menggapai matlamat kita. Usaha penyampaian kita telah mendapat pengiktirafan antarabangsa di mana PEMANDU dipilih sebagai salah satu daripada 20 Pasukan Inovasi Kerajaan Terbaik Di Dunia (*Top 20 Leading Government Innovation Teams Worldwide*). Ini merupakan bukti jelas terhadap peranan yang telah dimainkan oleh perkhidmatan awam kita dalam memacu kemajuan negara.

Meskipun tahun 2014 merupakan tahun yang paling mencabar, saya berpuas hati dengan respon kita. Keupayaan kita untuk bersatu berdepan dengan kesukaran memberi saya keyakinan bahawa kita dapat melangkah ke hadapan dalam satu pasukan untuk membina negara Malaysia yang selamat, makmur dan saksama. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan terus komited terhadap matlamat tersebut bagi mencapai sasaran yang telah kita tetapkan untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.

Tahun ini menandakan tahun kelima penerbitan Laporan Tahunan GTP dan saya ingin melaporkan bahawa kita telah mencapai keberhasilan yang positif dalam usaha membanteras kemiskinan dan rasuah. Di samping itu, kita juga telah mencapai kemajuan dalam taraf pendidikan, keselamatan awam, pengangkutan awam dan pembangunan luar bandar.

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia



KEUTAMAAN KEKAL SEBAGAI FOKUS

Sepanjang tempoh empat tahun yang lepas, Kerajaan telah ditugaskan dengan pelaksanaan sasaran yang mustahil dicapai oleh Perdana Menteri, selain turut dikekang dengan pelbagai cabaran yang lazimnya hadir seiring dengan proses perubahan.

Sehubungan itu, saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa Kerajaan terus komited dalam menghadapi segala cabaran ini dan melaksanakan projek-projek yang memberikan impak yang nyata kepada rakyat sepanjang tempoh lima tahun yang lepas. Sebagai Pengerusi Pasukan Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF), saya ingin memberi jaminan kepada rakyat bahawa setiap Kementerian dan juga pasukan pengurusan penyampaian masing-masing sedang berusaha giat untuk mencapai KPI yang ditetapkan.

Antara pencapaian penting GTP pada tahun 2014 termasuklah:

- Memperluas jangkauan program Kedai Rakyat 1Malaysia menerusi penubuhan kedai baharu di seluruh negara, sekaligus memastikan akses yang lebih meluas untuk rakyat mendapatkan barangan pada harga yang berpatutan.
- Membantu 24,646 individu berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan dalam setahun.
- Terus memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah bagi tahun kelima berturut-turut, kepada kedudukan ke-50 pada tahun 2014 daripada kedudukan ke-53 pada tahun 2013.
- Mengurangkan bilangan kes jenayah sebanyak 12.6%, dalam usaha untuk menjadikan negara kita tempat yang selamat untuk rakyat dan pelancong asing.
- Terus memastikan akses pendidikan yang berkualiti kepada kanak-kanak yang sebelum ini belajar di sekolah yang terpinggir. Selain itu, pada tahun 2014 sahaja, terdapat peningkatan sejumlah 3,105 sekolah dalam Band 1 dan Band 2.
- Membina 485km jalan raya luar bandar dan menyampaikan bekalan air bersih dan terawat kepada 8,195 isi rumah selain menghubungkan 14,299 isi rumah kepada bekalan elektrik yang stabil.
- Meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam di Kuala Lumpur kepada rekod tertinggi iaitu sebanyak 455,728 orang pada waktu puncak pagi dan melaksanakan infrastruktur sebagai asas kepada sistem MRT yang berkesan.

Pencapaian-pencapaian ini akan terus membawa kita lebih dekat kepada sasaran menjadi sebuah negara maju, dan pada masa yang sama membina asas kepada kelestarian. Saya menyanjung tinggi rakan-rakan saya dalam perkhidmatan awam atas kegigihan mereka melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah GTP ini dengan penuh tanggungjawab, dan saya berharap mereka akan terus gigih mencurahkan idea dan usaha dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Cabaran akan senantiasa hadir. Dalam konteks ini, penting untuk kita membuat penilaian secara mendalam tentang inisiatif yang telah dilaksanakan agar kita dapat memastikan pembelajaran daripada proses tersebut dan memperhalus hasilnya dalam memenuhi keperluan rakyat dengan lebih baik. Saya ingin menyatakan bahawa muhasabah dan pembaharuan diri diperlukan untuk mengekalkan kesungguhan dan strategi untuk mencipta kejayaan. Hakikatnya, ini sememangnya satu daripada ciri utama untuk memastikan kejayaan GTP sejak ia diperkenalkan, dan Kerajaan akan terus komited terhadap falsafah transformasi yang digariskan pada tahun 2010.

2015 merupakan tahun yang penting bagi kita. Semua pihak perlu terus kekal gigih dan fokus dalam mewujudkan asas yang kukuh untuk terus mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Untuk mencapai tujuan ini, satu inisiatif pembaharuan strategik, yang dahulunya terletak di bawah ETP, iaitu Penyampaian Perkhidmatan Awam, kini diletakkan di bawah GTP untuk membolehkan fokus dan penyepaduan yang lebih berkesan untuk memastikan penyampaian yang lebih pantas. Sehingga kini, keberhasilan jelas terbukti dan impak yang positif telah dapat dirasakan dan diperincikan dalam laporan ini. Keutamaan untuk memastikan kejayaan penyampaian kekal menjadi fokus utama dan maklum balas orang ramai amat penting bagi Kerajaan dalam proses penambahbaikan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sektor korporat dan rakan komuniti yang bersungguh-sungguh menyokong program GTP ini sepanjang lima tahun yang lalu. Saya menyeru kepada semua pihak agar terus berganding bahu kerana transformasi Malaysia merupakan usaha bersama yang memerlukan penglibatan semua. Dengan hanya tinggal kurang lima tahun untuk mencapai matlamat negara maju yang berpendapatan tinggi, kita perlu meningkatkan usaha untuk menangani matlamat yang sukar dicapai dan seterusnya mempercepat kemajuan transformasi dalam tempoh setengah dekad yang akan datang ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan rasa simpati yang tidak terhingga kepada individu-individu yang telah ditimpa bencana pada tahun 2014. Kerajaan kekal komited untuk memberikan bantuan dan sokongan kepada rakyat yang terjejas dan saya berharap bantuan yang dihulurkan dapat memberikan kelegaan kepada mereka dalam menghadapi waktu yang sukar seperti ini.

“Sebagai Pengerusi Pasukan Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF), saya ingin memberi jaminan kepada rakyat bahawa setiap Kementerian dan juga pasukan pengurusan penyampaian masing-masing sedang berusaha giat untuk mencapai KPI yang ditetapkan.”



YAB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN MOHD YASSIN
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

MASA DEPAN BERGANTUNG PADA TINDAKAN KITA HARI INI

Dalam membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2014 ini, ingin saya mulakan dengan menyatakan bahawa usaha dalam GTP adalah berfokus dan bersasar. Matlamat utama GTP adalah untuk memastikan jurang ketidaksamaan sosiekonomi dapat ditangani sementara kebolehcapaian kemudahan sosial pula dipertingkatkan. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengimbau kembali pencapaian yang telah diraih GTP sepanjang pelaksanaannya secara menyeluruh.

Saban hari saya dan rakan-rakan menerima e-mel daripada rakyat Malaysia termasuk rakan-rakan kami di seluruh negara. Mereka memberi maklum balas mengenai harapan, kebimbangan dan cabaran yang dihadapi serta mencadangkan penyelesaian ke arah tadbir urus yang lebih mantap. Tidak kurang pula ada yang memberi ucapan tahniah ke atas kejayaan yang diraih. Sebahagian daripada mereka ternyata kritis dan lantang. Ramai juga yang bersifat konstruktif dan menyimpan harapan terhadap masa depan Malaysia dengan peluang yang ada. Yang bercita-cita tinggi pula menyaksikan cabaran persaingan di arena global yang melewati pesisiran Malaysia. Yang pastinya, semua e-mel ini umumnya memberitahu saya satu perkara – rakyat Malaysia hakikatnya memang mengambil berat tentang Malaysia!

Pada tahun ini, kami sengaja mengambil pendekatan khusus bagi berkongsi naratif GTP dari perspektif beberapa rakyat Malaysia yang telah melaksanakan usaha transformasi tanpa mengenal penat dan lelah sejak tahun 2010 dan juga mereka yang telah menerima impak positif transformasi tersebut. Setelah lima tahun kembara transformasi, kami mempunyai nama-nama individu daripada berjuta-juta orang yang telah menerima impak positif GTP, dari mana mereka berasal dan siapa mereka yang sebenarnya. Ini adalah sebab mengapa kami boleh berkongsi tentang kisah yang mengubah kehidupan mereka yang bukan sahaja menyentuh perasaan malah mampu mencetuskan perubahan terhadap kehidupan yang lebih baik.

GTP telah dibangunkan untuk menyediakan rakyat Malaysia akses kepada perkhidmatan awam yang lebih baik tanpa mengira bangsa, agama dan wilayah tempat tinggal. Matlamatnya senantiasa tertumpu pada penyampaian dalam bidang yang amat penting kepada semua rakyat

Malaysia, seperti mempertingkatkan taraf kehidupan untuk semua, mempertingkatkan taraf kehidupan di kawasan luar bandar menerusi penyediaan infrastruktur asas dan peluang ekonomi, memastikan pendidikan berkualiti untuk generasi muda, menambah baik ketercapaian dan kesalinghubungan infrastruktur pengangkutan awam bandar untuk perjalanan ulang-alik yang lebih lancar, mewujudkan persekitaran yang selamat, dan menggalakkan akauntabiliti dan amalan beretika, serta keterbukaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan yang lebih besar di institusi Kerajaan.

Untuk tujuan itu, kami telah mencatat kemajuan yang signifikan sepanjang lima tahun yang lepas, malah dalam beberapa bidang, kami mencipta perubahan transformasi yang amat besar.

Izinkan saya memulakan dengan sebuah kisah yang dipetik daripada halaman yang terkandung dalam laporan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Memastikan Pendidikan Berkualiti. Nor Izzati Sabrina dari Ipoh seperti sebahagian besar kanak-kanak kecil yang lain menyimpan harapan dan impian. Beliau berhasrat untuk menjadi seorang peguam pada suatu hari nanti akan tetapi keyakinan beliau sering dicabar oleh penguasaan beliau dalam bahasa dan komunikasi. Untuk tujuan itu, kemasukan Nor Izzati ke sekolah yang bertaraf Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) seperti SK Marian Convent di Ipoh telah banyak membantu beliau dalam membina keyakinan diri dan mengasah kemahiran komunikasi dan kemahiran sosial. Baru-baru ini beliau mewakili sekolah dalam pertandingan *Choral Speaking*. Inisiatif SBT merupakan satu daripada beberapa inisiatif pendidikan di bawah GTP untuk menyemai rasa bangga di sekolah, yang memotivasikan guru, pelajar dan ibu bapa untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pendidikan anak-anak.



Setelah lima tahun kembara transformasi, kami mempunyai nama-nama individu daripada berjuta-juta orang yang telah menerima impak positif GTP, dari mana mereka berasal dan siapa mereka yang sebenarnya. Ini adalah sebab mengapa kami boleh berkongsi tentang kisah yang mengubah kehidupan mereka yang bukan sahaja menyentuh perasaan malah mampu mencetuskan perubahan terhadap kehidupan yang lebih baik.

SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan
Prestasi & Pelaksanaan (PEMANDU)

“GTP telah dibangunkan untuk menyediakan rakyat Malaysia akses kepada perkhidmatan awam yang lebih baik tanpa mengira bangsa, agama dan wilayah tempat tinggal. Matlamatnya senantiasa tertumpu pada penyampaian dalam bidang yang amat penting kepada semua rakyat Malaysia, seperti mempertingkatkan taraf kehidupan untuk semua, mempertingkatkan taraf kehidupan di kawasan luar bandar menerusi penyediaan infrastruktur asas dan peluang ekonomi, memastikan pendidikan berkualiti untuk generasi muda, menambah baik ketercapaian dan kesalinghubungan infrastruktur pengangkutan awam bandar untuk perjalanan ulang-alik yang lebih lancar, mewujudkan persekitaran yang selamat, dan menggalakkan akauntabiliti dan amalan beretika, serta keterbukaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan yang lebih besar di institusi Kerajaan.

Kementerian Pendidikan sedar bahawa terdapat lebih ramai lagi pelajar seperti Nor Izzati di Malaysia, dan inilah sebab utama pelajar seperti beliau diberi sokongan yang diperlukan ketika tahun-tahun formatif mereka, menerusi satu inisiatif yang bermula pada tahun 2010, yang dikenali sebagai program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS). Tujuan program ini adalah untuk melaksanakan saringan terhadap semua pelajar Tahun 1 hingga 3 untuk menilai tahap Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan numerasi pelajar. Hasil yang diperoleh adalah sangat menggalakkan memandangkan indeks yang terkini menunjukkan sebanyak 88% daripada pelajar tahun 3 kita adalah mahir dalam bahasa dan sebanyak 98.9% mahir dalam numerasi.

Asbdullah Ali dari Nibong Tebal merupakan seorang lagi individu yang telah banyak meraih manfaat daripada program Azam Tani, iaitu inisiatif di bawah NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Sebagai pekerja kilang yang berpendapatan minimum sebanyak RM900 sebulan, Asbdullah berhasrat untuk membuka perniagaan telur dan daging puyuh di Seberang Perai. Pada tahun 2013, Asbdullah diberi bantuan tunai sebanyak RM9,000 sahaja daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Hari ini Asbdullah merupakan pembekal utama telur dan daging puyuh di Seberang Perai, Kedah & Perak, dengan meraih keuntungan kasar minimum sebanyak RM6,000 sebulan.

Asbdullah merupakan seorang daripada 168,483 rakyat Malaysia yang telah meraih manfaat daripada program 1AZAM yang telah pun dijalankan sejak tahun 2011.

GTP adalah sebuah agenda nasional. Walau bagaimanapun, impak dan manfaat daripada projek-projek pembangunan GTP yang dilaksanakan hanya akan disedari dan dirasakan oleh masyarakat setempat.

Sehubungan dengan itu, izinkan saya berkongsi sebuah kisah tentang pembinaan jalan raya sepanjang 60km yang dilaksanakan di Sabah. Semasa temubual kami dengan Jurutera Kanan, Jabatan Jalan Raya di Sabah, iaitu Mohd Shamsul Nizam Haji Abdul Wahid, beliau memberitahu kami bahawa jalan raya sepanjang 60km yang menghubungkan Pekan Sook dengan Kampung Sinua telah mengubah kehidupan sekurang-kurangnya 10,000 penduduk kaum Murut dan Dusun.

Pada hari ini, terdapat 18 buah sekolah dalam masyarakat sekeliling. Mohd Shamsul memaklumkan bahawa satu daripada manfaat terbesar ialah kanak-kanak suku kaum ini kini boleh berulang-alik ke sekolah dengan lebih selesa dan yang lebih penting lagi, lebih selamat berbanding dengan ketika wujudnya jalan batu kerikil atau jalan hutan.



Lima tahun yang lalu menuntut daya tahan daripada semua rakyat Malaysia dan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan program GTP. Tahun 2015 hakikatnya berkisar tentang bagaimana kita mengekalkan dan memerkasakan momentum kita. Tahun 2015 juga berkisar tentang bagaimana kita membuka satu lagi halaman baharu dalam pelan hala tuju GTP. Lima tahun yang akan datang menuju tahun 2020 merupakan masa hadapan kita untuk ditulis bersama. Marilah kita bersama-sama berganding bahu meneruskan perjalanan ini untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik buat semua rakyat Malaysia.

Jalan Pekan Sook ke Kampung Sinua sepanjang 60 km sebenarnya merupakan sebahagian daripada 4,553km jalan raya yang dibina dan disediakan untuk masyarakat luar bandar pada hari ini sejak inisiatif di bawah NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar diperkenalkan pada tahun 2010. Suku kaum Murut dan Dusun yang meraih manfaat pembinaan jalan raya ini sebenarnya merupakan 10,000 daripada 2.5 juta penduduk Malaysia yang kini mempunyai akses kepada jalan raya pada hari ini. Selain itu, di bawah pelaksanaan pembangunan luar bandar, sejumlah 336,266 isi rumah telah diberi akses kepada bekalan air bersih, dan sejumlah 129,595 isi rumah lagi telah disambungkan dengan bekalan tenaga elektrik tanpa gangguan.

Sejak tahun 2010, tidak dinafikan bahawa pelaksanaan GTP telah dapat menangani pembangunan luar bandar dengan tujuan mencapai satu tahap kehidupan asas bagi mereka yang tinggal di luar pusat bandar, yang bermakna mereka kini mempunyai akses kepada sebahagian besar keperluan asas manusia, seperti kesalinghubungan jalan raya yang sewajarnya, bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik. Meskipun demikian, GTP bukan sahaja berkisar tentang kaedah untuk meningkatkan kualiti pendidikan, kaedah meningkatkan pendapatan atau meningkatkan pembangunan luar bandar, malah GTP juga berkisar tentang usaha mempertingkatkan kemudahan awam.

Sebagai seorang yang pernah membesar di kawasan pedalaman di Bario, Sarawak dan kini menetap di tengah-tengah ibu kota Malaysia, saya dapat mengaitkan impak transformasi infrastruktur di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Seperti kebanyakan rakyat Malaysia lain yang terpaksa mengharungi kesesakan lalu lintas dalam perjalanan ulang alik ke tempat kerja, saya turut sama merasai kesusahan tersebut dan amat mengharapkan projek Transit Aliran Massa (MRT) disiapkan secepat mungkin.

Walau bagaimanapun, MRT hanya akan menjadi kemudahan yang mampan sekiranya asas kepada sistem pengangkutan awam dibangunkan. Inilah faktor utama yang mendorong

GTP memfokuskan usaha terhadap penambahbaikan dalam kesalinghubungan pengangkutan awam yang lain secara menyeluruh seperti perkhidmatan KL Monorail, Transit Aliran Ringan (LRT) dan KTM Komuter, selain bas RapidKL dan GO-KL, untuk melengkapkan infrastruktur MRT.

Dengan penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam bandar kita ini, pesara seperti Tang Wek Eng dapat bergerak dengan lebih mudah di kawasan bandar melalui perkhidmatan bas bandar percuma GO-KL. Perkhidmatan bas ini telah membolehkan individu seperti Tang, pekerja di bandar dan banyak pelancong asing, menikmati perjalanan yang lancar dan selesa di pusat bandar, menggantikan perkhidmatan taksi yang memerlukan kos yang lebih tinggi iaitu antara RM6 – RM10 bagi setiap perjalanan. Individu seperti Tang sebenarnya merupakan salah seorang daripada 35,000 pengguna yang meraih manfaat daripada perkhidmatan harian ini.

Kisah seperti di atas merupakan sebab yang mendorong kita untuk memulakan tahun 2015 ini dengan semangat baru dan kepercayaan bahawa sesungguhnya GTP berada pada landasan yang tepat. Bersama-sama dengan ETP yang merupakan sebahagian daripada agenda Program Transformasi Negara, tugas kita pada hari ini adalah untuk memastikan setiap rakyat Malaysia merasakan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada pertumbuhan negara kita.

Lima tahun yang lalu menuntut daya tahan daripada semua rakyat Malaysia dan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan program GTP. Tahun 2015 hakikatnya berkisar tentang bagaimana kita mengekalkan dan memerkasakan momentum kita. Tahun 2015 juga berkisar tentang bagaimana kita membuka satu lagi halaman baharu dalam pelan hala tuju GTP. Lima tahun yang akan datang menuju tahun 2020 merupakan masa hadapan kita untuk ditulis bersama. Marilah kita bersama-sama berganding bahu meneruskan perjalanan ini untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik buat semua rakyat Malaysia.

PERISTIWA PENTING GTP

2014

DIS

**KECURIAN KERETA BERKURANG
SEBANYAK 20% PADA TAHUN 2014**



DIS

33,368 PESERTA BAHARU PROGRAM 1AZAM



DIS

PENYAMPAIAN BEKALAN ELEKTRIK
kepada 14,296 isi rumah melalui
Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar



NOV

**PEMBINAAN JALAN RAYA 485KM
MELALUI PROJEK JALAN LUAR BANDAR**



26 DIS

395,838 GURU DAN PENGETUA SEKOLAH
berjaya melengkapkan penilaian asas Instrumen
Penilaian Bersepadu (*Unified Instrument*)



DIS

**DUA SET PERTAMA DARIPADA 12 SET EMPAT
GERABAK KL MONOREL TELAH DIHANTAR**



NOV - DIS

**PARK 'N' RIDE TELAH DIBINA DI STESEN LRT
AMPANG (1,140 RUANG), STESEN KTM SHAH
ALAM (558 RUANG) DAN STESEN LRT ASIA
JAYA (607 RUANG)**



NOV

**SESI KOMUNIKASI MEDIA BERSAMA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN KETUA
SETIAUSAHA KEMENTERIAN**



berhubung Laporan Ketua Audit Negara (AuG)
untuk memberikan pemahaman yang lebih
objektif dan telus mengenai Laporan AUG



30 OCT

SEBANYAK 13 SEKOLAH
telah menerima status Sekolah Berprestasi
Tinggi (SBT), menjadikan jumlah SBT kepada
128 sekolah sehingga akhir 2014



2 SEPT

**PELANCARAN PRIME (*RESIDENCY
AND IMMERSION PROGRAMME*)**
dengan 163 pengetua baharu
menjalani program



JUN

PENUGASAN KAKITANGAN JPJK DI SELURUH NEGARA

MAC

OPS BBKLCC DILANCARKAN

Agensi penguatkuasaan yang diketuai oleh PDRM untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di Segi Tiga Emas Kuala Lumpur



JAN

KEPERLUAN MINIMUM YANG BAHARU BAGI PENGETUA BERKUAT KUASA

18 JAN

KR1M PERTAMA DIBUKA DI BETONG, SARAWAK

2013

DIS

PEMBERSIHAN BLACKSPOT TELAH DISELESAIKAN

Inisiatif Pembersihan Blackspot telah mempertingkatkan infrastruktur luar bandar di 20 lokasi selaras dengan prinsip Pencegahan Jenayah Menerusi Reka Bentuk Persekitaran



18 SEPT

SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

24 buah sekolah telah dianugerahkan status Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)



JULY

PEMBINAAN JALAN RAYA

JALB telah mencapai sasaran sebanyak 100% dalam pembinaan jalan (441km)



10-14 OGOS

KEDAI RAKYAT 1MALAYSIA

Tahun pertama Kedai Rakyat 1Malaysia telah dibuka di Mambong, Sarawak



2012

DIS

USAHAWAN WANITA

Lebih 4,00 usahawan wanita telah dibangunkan sejak tahun 2010



OCT

INISIATIF KAMERA KESELAMATAN

19,336 buah CCTV beroperasi di bawah fasa pertama Inisiatif Kamera Keselamatan, yang pertama dilancarkan di Johor Selatan



31 OGOS

BAS GO-KL

Bas GO-KL merupakan sebuah perkhidmatan bas percuma yang menghubungkan pelbagai mercu tanda di Pusat Bandar Kuala Lumpur, telah beroperasi



10-14 OGOS

HARI TERBUKA GTP 2.0

Diadakan di Semenanjung Malaysia



2011

31 DIS

PENGSAHAN eKASIH

100% pangkalan eKasih telah dikemas kini

PROGRAM 1AZAM

Lebih 63,00 isi rumah miskin telah menyertai program 1AZAM



14 NOV

MENYINARI KEHIDUPAN ISI RUMAH

5,000 rumah penduduk kampung Pulau Sebatik dihubungkan dengan bekalan elektrik



31 MAC

PELANCARAN IKRAR INTEGRITI KORPORAT

4 MAC

SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

23 buah sekolah telah diumumkan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi



2010

15 DIS

ANTIRASUAH

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat diperkenalkan



28 NOV

RBI

Lebuhraya Kuching-Serian telah dilancarkan, sepanjang 13.73km jalan raya yang menghubungkan 9 buah kampung dan 2 buah sekolah di daerah yang terpencil di Sarawak



JUN

PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

10 set tren laluan LRT Kelana Jaya beroperasi




4 MAC

ANTIRASUAH

Pangkalan data "Name and Shame" dilancarkan



BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)



PENDEKATAN BERFOKUSKAN KETELUSAN DAN KECEKAPAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI



MENGURANGKAN JENAYAH



MEMBANTERAS RASUAH



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



Membina Daya Tahan Ekonomi

Pergolakan dalam ekonomi global pada suku terakhir tahun 2014 merupakan bukti yang jelas bahawa ketidakstabilan pasaran kewangan telah menjadi satu kelaziman baharu. Walaupun tidak semestinya semua perubahan mendadak dalam ekonomi global menjejaskan ekonomi Malaysia, salah satu daripada akibatnya ialah rakyat negara ini tidak akan mampu lagi merancang kewangan mereka dengan tahap keyakinan yang tinggi jika tiada pelaksanaan langkah intervensi. Meskipun sesetengah rakyat mungkin mempunyai ruang dan kesempatan untuk menyediakan penampungan untuk menghadapi ketidakpastian tersebut, namun sebahagian besar rakyat kita, iaitu golongan berpendapatan rendah dan sederhana, tidak berpeluang mendapatkan perlindungan sedemikian.

Sememangnya golongan rakyat inilah yang menjadi sasaran inisiatif **NKRA COL** yang telah kami laksanakan dan yang akan kami teruskan. Melalui program bantuan kami seperti **Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)** dan barangan yang lebih berpatutan harganya di **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)**, kami membantu golongan rakyat ini membina penampungan terhadap sebarang ketidakpastian dengan membantu mereka membina daya tahan ekonomi yang lebih tinggi.



“Wajar dinyatakan sekali lagi bahawa NKRA COL dirangka untuk bertindak balas terhadap situasi sebenar dalam masyarakat yang sering berubah, dan keadaan ini sendiri ditentukan oleh pergerakan pasaran dalam negeri dan luar negara.

Sejak NKRA COL dilaksanakan pada tahun 2011, kami telah melakukan usaha tambahan untuk memastikan ketercapaian sejagat kepada manfaat yang dibawa oleh pelbagai programnya seperti akses kepada barangan yang lebih murah melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M); akses kepada penjagaan kesihatan yang mampu dibayar melalui Klinik 1Malaysia (K1M); akses kepada makanan berkhasiat yang mampu dinikmati melalui **Menu Rakyat 1Rakyat (MR1M)**. Inisiatif ini amat penting kepada segmen rakyat yang amat memerlukan, kerana bagi mereka, setiap ringgit yang diijimatkan dapat digunakan untuk keperluan yang sama pentingnya seperti perbelanjaan pendidikan atau penyelenggaraan rumah.

Sementara itu, bantuan yang telah kami agihkan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), program **Bantuan Kembali ke Sekolah** dan **Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)** turut berfungsi untuk memastikan golongan rakyat yang disasarkan menerima pakej manfaat yang mencetuskan impak terhadap perbelanjaan harian masing-masing. Kami telah meningkatkan jumlah bantuan dan memperluas jangkauan program ini secara berperingkat dalam beberapa tahun ini untuk mencapai visi kami dalam menyediakan perlindungan menyeluruh kepada semua rakyat Malaysia yang layak dan memerlukan bantuan.

Wajar dinyatakan sekali lagi bahawa NKRA COL ialah NKRA yang dirangka untuk bertindak balas terhadap situasi sebenar dalam masyarakat yang sering berubah, dan keadaan ini sendiri ditentukan oleh pergerakan pasaran dalam negeri dan luar negara. Fokus NKRA ini adalah terhadap segmen rakyat sasaran yang memerlukan sokongan tambahan selain program bantuan Kerajaan yang disediakan untuk seluruh rakyat Malaysia.

Meskipun Kerajaan mempertimbangkan semula dan mengubah dasar subsidi dan cukai negara, kami tetap komited untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa berdaya tahan dari segi ekonomi. Berdasarkan faktor ini sahaja, NKRA COL akan terus menjadi satu komponen utama Program Transformasi Kerajaan.

Tan Sri Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

MELEGAKAN KESEMPITAN HIDUP AKIBAT KENAIKAN KOS

Inisiatif NKRA COL direka untuk membina ketahanan ekonomi bagi segmen masyarakat Malaysia yang disasarkan melalui dua kaedah, iaitu dengan menyediakan bantuan wang tunai secara terus kepada kumpulan sasar serta dengan memastikan ketersediaan barangan dan perkhidmatan asas pada harga yang berpatutan. Pelbagai agensi kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kewangan (MoF) bekerjasama dan terdapat juga kerjasama dengan sektor swasta untuk melaksanakan inisiatif tersebut kepada rakyat.

Inisiatif tersebut termasuklah:

Inisiatif-inisiatif NKRA COL

- | | |
|---|------------------------------------|
| 1 | Klinik 1Malaysia (K1M) |
| 2 | Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) |
| 3 | Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) |
| 4 | Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) |
| 5 | Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) |
| 6 | Program Bantuan Kembali ke Sekolah |

Sepanjang empat tahun yang lepas, NKRA COL berjaya mencetuskan impak kepada kumpulan penerima yang lebih besar. Melalui pembukaan cawangan baharu KR1M, K1M serta peluasan program bantuan wang tunai BR1M, lebih banyak rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dan sederhana mampu bertahan dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat.

NKRA COL sememangnya dirancang untuk bersifat reaktif, iaitu inisiatifnya boleh disesuaikan mengikut situasi semasa yang sering berubah. Halaman berikut akan memperincikan pencapaian dan cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan inisiatif ini pada tahun 2014.

PKS tempatan meraih manfaat daripada inisiatif KR1M



KR1M membantu merancang perusahaan tempatan bersaiz kecil dan sederhana (PKS), yang menghasilkan kebanyakan produk yang dijual di kedai tersebut.

Produk KR1M dilabelkan semula di bawah jenama Produk Rakyat 1Malaysia, yang kemudiannya dijual kepada pengguna pada harga yang lebih murah. Produk berkualiti yang murah merupakan sebab utama barangan yang dijual di KR1M semakin menjadi pilihan di hati pelanggan.

“Sebagai pemilik kedai makan, saya perlu mengisi semula inventori saya setiap hari dengan barangan asas seperti gula, susu, tepung dan beras,” kata Norhayati Mohd Ariffin, 38, yang menjadi pelanggan tetap KR1M di Pekan Sungai Besar sejak ia dibuka dua tahun lepas. “Dengan harga yang lebih murah di sini, saya dapat membeli barangan dengan kuantiti yang lebih banyak, yang bermakna harga yang berpatutan juga bagi pelanggan saya.”

Menurut Norhaizat Mustafa, iaitu pengurus KR1M kawasan Selangor dan Perak, permintaan daripada pelanggan tempatan amat menggalakkan.

“KR1M di sini [di Sungai Besar] telah menjadi pusat beli-belah sehati untuk keluarga dan anak muda tanpa mengira apa jua jumlah pendapatan mereka,” kata beliau. “Daripada maklum balas yang kami terima, pelanggan kami sebulat suara bersetuju bahawa pengalaman beli-belah mereka adalah positif tanpa sebarang isu mengenai kualiti produk yang ditawarkan.”

MEMASTIKAN BARANGAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN ASAS

MAMPU DINIKMATI

Sasaran NKRA COL adalah untuk mengurangkan beban rakyat untuk membayar harga barangan asas dan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan. Terdapat tiga inisiatif di bawah NKRA COL yang dirancang untuk mengimbangi kenaikan kos barangan dan perkhidmatan:

KR1M yang menyediakan barangan isi rumah asas yang lebih murah harganya

K1M yang menyediakan penjagaan kesihatan yang mudah diakses

MR1M yang memastikan hidangan yang mampu dinikmati oleh rakyat

Di bawah inisiatif ini, semua rakyat layak mengakses kemudahan tersebut. Namun, kebanyakan pengguna adalah daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.


Memberi rakyat akses yang lebih baik kepada barangan dengan harga berpatutan

Sejumlah 161 buah KR1M kini ditempatkan di seluruh Semenanjung dan Malaysia Timur yang menawarkan barangan isi rumah pada harga yang lebih berpatutan berbanding dengan kedai runcit lain. KR1M membantu isi rumah menjimatkan perbelanjaan keperluan asas dengan berkesan tanpa perlu menjejaskan kualiti barangan.

KR1M pada dasarnya menjual barangan pada harga yang lebih rendah dengan membekalkan barangan berjenama sendiri, iaitu Produk Rakyat 1Malaysia, yang 15% hingga 30% lebih murah berbanding dengan

kedai biasa. Produk Rakyat 1Malaysia ialah barangan umum yang dibeli secara pukal, atau diperoleh daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari seluruh Malaysia sejajar dengan penekanan keseluruhan GTP terhadap transformasi holistik. Dengan cara ini, inisiatif KR1M turut membantu merancakkan perniagaan bagi pembekal tempatan. Pada masa ini, KR1M membekalkan lebih 272 barang runcit Produk Rakyat 1Malaysia.

Selain barangan Produk Rakyat 1Malaysia, KR1M turut menawarkan jenama isi rumah lain untuk menyediakan pilihan barangan yang menyeluruh kepada pelanggan. Harga barangan Produk Rakyat 1Malaysia di kedai KR1M di Malaysia Timur, yang menjadi titik tumpuan untuk peluasan sejak dua tahun lepas, adalah sama dengan harga di Semenanjung.



Perluasan Kedai Rakyat 1Malaysia untuk menjangkau isi rumah di Kuala Lumpur dan Lembah Klang



Kedai Rakyat 1Malaysia

Liputan kawasan menjadi keutamaan dalam usaha peluasan inisiatif ini. Sejak kedai pertama dilancarkan pada tahun 2011, jangkauan KR1M telah diperluas setiap tahun apabila ruang perniagaan terus ditambah di pelbagai lokasi. Pihak berkuasa tempatan dirujuk untuk membantu mengenal pasti lokasi bagi ruang perniagaan baharu.

Pada tahun 2014, sebanyak 36 buah KR1M tambahan dibuka untuk perniagaan: 16 di Semenanjung Malaysia dan 20 di Malaysia Timur, iaitu 6 di Sabah dan 14 di Sarawak. NKRA COL juga terus meningkatkan pengagihan barangan Produk Rakyat 1Malaysia ke lokasi pengedaran bukan KR1M seperti kedai runcit yang menyertai program TUKAR di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta kedai runcit persendirian yang lain. Sehingga akhir tahun 2014, sejumlah 569 kedai di seluruh negara menjual barangan Produk Rakyat 1Malaysia yang terpilih. Apabila ditambah dengan jumlah KR1M, bilangan kedai yang menjual Produk Rakyat 1Malaysia semuanya berjumlah 730 kedai.

Mencetuskan perubahan yang bermakna dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

Bagi Abd Rahman Hassan dan Wan Noraziah Wan Ghazali, iaitu pasangan suami isteri yang mempunyai anak, KR1M di Putrajaya berfungsi sebagai kedai sehenti untuk memenuhi kebanyakan keperluan isi rumah pasangan ini. Kepelbagaian produk dan harga barangan yang lebih murah menjadi faktor pelaris utama KR1M, menurut Wan Noraziah.

“Mudah untuk mencari barangan isi rumah harian di sini,” kata Wan Noraziah. “Daripada sabun hinggalah bekalan dapur, saya memberikan sokongan penuh kepada KR1M di sini. Saya berharap lebih banyak cawangan akan dibuka di negeri dan daerah lain. Memandangkan saya sudah biasa membeli-belah di KR1M, saya asyik mencari-cari kedai yang sama di mana-mana lokasi yang saya kunjungi. Saya sangat berpuas hati dengan produk yang ada di sini.”

Abd Rahman Hassan berkata bahawa pembelian di KR1M telah banyak mengurangkan perbelanjaan bulannya—daripada RM600 kepada kira-kira RM400 sebulan—iaitu penjimatan sebanyak satu pertiga daripada jumlah asal. Menurut pasangan itu, penjimatan tersebut amat membantu.

Pendapat tersebut dipersetujui oleh Muhammad Raduan Ismail yang bekerja di Indah Water Konsortium. Beliau merupakan pelanggan tetap KR1M Putrajaya yang terletak berdekatan dengan tempat kerjanya. Muhammad Raduan mendapati kualiti produk di sana setanding dengan kedai lain.

“Saya menghabiskan kira-kira RM200 hingga RM300 sebulan untuk perbelanjaan isi rumah, tetapi di sini saya boleh berjimat kira-kira RM100,” kata beliau.

Kebanyakan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana masih mampu membeli-belah di kedai biasa, tetapi mereka juga amat peka mengenai harga dan menghargai penjimatan di mana-mana lokasi yang menawarkannya. KR1M amat penting bagi golongan ini yang perlu mengekalkan belanjawan bulanan yang ketat.



Memastikan penjagaan kesihatan asas mampu dinikmati semua rakyat

Habibah Sharif ialah seorang jururawat di K1M Pandamaran di Kampung Delek, Klang. Klinik tersebut menerima 80 hingga 100 pesakit pada hari kerja, dan lebih ramai lagi pada hujung minggu. Menurut Habibah, sambutan terhadap klinik ini amat baik.

“Sejak klinik ini dibuka, sambutannya amat menggalakkan. Kami menyediakan rawatan yang cepat kepada penduduk kawasan ini kerana klinik kesihatan kerajaan agak jauh dan waktu operasinya adalah terhad,” kata beliau.

“Kebanyakan pesakit kami datang untuk lawatan susulan setelah menerima rawatan daripada klinik kesihatan. Ada juga yang memerlukan penjagaan harian seperti menukar pembalut luka, jadi kami menawarkan khidmat tersebut.”

Rawatan berharga seringgit telah menjadi ciri khusus K1M. Dengan menawarkan rawatan yang cepat dan murah di kawasan hospital kerajaan yang terlalu sesak, K1M memainkan peranan yang penting dalam melegakan tekanan terhadap infrastruktur sedia ada. Justeru, fokus K1M ialah menyediakan akses kepada rawatan.

Habibah berkata bahawa kualiti perkhidmatan di K1M adalah sama dengan klinik kerajaan, perbezaannya cuma K1M boleh merawat isu perubatan yang ringan sahaja seperti merawat demam, selesema dan membuang benang jahitan. Walau bagaimanapun, pernah juga terjadi apabila pesakit datang dengan penyakit serius diberi perhatian segera sebelum dirujuk ke hospital.

Akses kepada khidmat penjagaan kesihatan asas yang cepat dan murah

K1M menawarkan rawatan yang cepat, mudah dan berpatutan di tempat di mana hospital dan klinik kerajaannya sudah terlalu sesak. K1M memainkan peranan yang penting dalam menyediakan penjagaan kesihatan asas kepada rakyat Malaysia melalui akses yang lebih baik kepada perkhidmatannya. Pada tahun 2014, sejumlah 51 K1M baru telah mula beroperasi di seluruh negara, di Semenanjung dan juga Malaysia Timur.

K1M dan KR1M yang pertama telah dibuka masing-masing pada tahun 2010 dan 2011 di Kampung Kerinchi di Kuala Lumpur dan stesen LRT Kelana Jaya di Petaling Jaya. Kini, terdapat lebih 307 K1M dan 161 KR1M di seluruh negara. Kedua-dua perkhidmatan ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk menyampaikan barangan dan perkhidmatan asas mampu milik kepada semua rakyat, terutamanya di kawasan yang lalu lintasnya sesak dan penduduknya padat dengan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Inisiatif K1M dirangka berasaskan falsafah yang serupa dengan KR1M, yang bermatlamat menyediakan rawatan berkualiti untuk penyakit ringan pada harga yang berpatutan. K1M tidak bertujuan menggantikan hospital awam atau klinik kerajaan. Sebaliknya, ia menyediakan perkhidmatan sokongan di lokasi strategik berhampiran dengan komuniti kediaman agar lawatan ke klinik menjadi lebih mudah.

K1M turut berperanan sebagai perkhidmatan triaj tidak rasmi untuk penyakit serius, yang tanpa perkhidmatan ini mungkin penyakit tersebut tidak disedari atau tidak dirawat kerana pesakit tidak mampu berjumpa doktor swasta atau tinggal terlalu jauh dari pusat penjagaan kesihatan yang lain. Dalam komuniti ini, K1M mencetuskan perubahan yang amat bermakna terhadap kehidupan penghuninya.

Sejak inisiatif ini dimulakan, K1M telah memberikan 15,777,194 rawatan asas seperti luka, demam dan selesema. Dengan bilangan 307 K1M pada masa ini di seluruh negara, KKM terus komited untuk mencapai matlamat inisiatif ini, iaitu untuk memperluas perkhidmatan tersebut ke seluruh negara untuk meningkatkan jangkauannya.



15,777,194 kes kesihatan (setakat 31 Disember 2014) telah mendapat rawatan di 307 (setakat 31 Disember 2014) buah Klinik 1Malaysia di seluruh negara



Dapatkan restoran yang mempunyai Menu Rakyat 1 Malaysia di lokasi berhampiran dengan menggunakan aplikasi telefon pintar myKPDNKK



Hidangan makanan pada harga yang lebih rendah

Inisiatif MR1M ialah program yang dirancang untuk memastikan hidangan yang berkualiti dengan harga berpatutan di kedai makan terpilih di seluruh negara. MR1M mengekalkan harga sarapan pagi dan makan tengah hari masing-masing pada RM2.00 (RM2.50 di Malaysia Timur) dan RM4.00 (RM5.00 di Malaysia Timur), dengan demikian memastikan rakyat Malaysia daripada setiap peringkat pendapatan mampu menikmati hidangan panas.

Pada tahun 2014, inisiatif MR1M menerima penyertaan baharu daripada 578 kedai makan di seluruh negara. Inisiatif MR1M turut melaksanakan aplikasi mudah alih yang membolehkan pengguna mencari premis makanan terdekat yang menyertai program ini dan senarai hidangan yang ditawarkan.

Selain penjimatan kos kepada pengguna, inisiatif MR1M juga terbukti sebagai alat pemasaran yang berkesan bagi restoran yang mengambil bahagian apabila restoran tersebut menerima pengiklanan percuma melalui penyusunan premis masing-masing di laman sesawang dan aplikasi MR1M. Senarai semua kedai yang mengambil bahagian dan menu hidangan boleh didapati di laman sesawang MR1M di <http://www.1pengguna.com>.

Rakyat menyokong produk KR1M

“Pada pendapat saya, KR1M benar-benar membantu penduduk di sini dari segi harga produk,” kata Hussain Karim Ally, seorang Pegawai KR1M. “Contohnya, sekampit beras 5kg di sini berharga RM11.90 iaitu lebih murah daripada kebanyakan tempat. Dari perspektif itulah kami membantu anggota komuniti ini.”

Husain berkata bahawa produk KR1M serupa dengan barangan berjenama lain dari segi kualiti, dan keserupaan ini dibuktikan oleh bilangan pelanggan yang memilih jenama Produk 1Malaysia yang lebih murah.

“Produk KR1M kami pun produk yang berkualiti. Kualitinya sama dengan produk lain cuma jenamanya berbeza,” tambah Husain. “Kami dapati ramai pengguna dan pemilik kedai membuat pembelian di sini. Kebanyakan mereka yang bekerja di kantin datang untuk membeli sardin dan roti berjenama 1Malaysia untuk dijual semula. Malah, anda akan perasan bahawa kami kehabisan roti kerana ada pelanggan datang semalam dan membeli 20 buku roti.”

KR1M telah berusaha memastikan kualiti barangan tidak terjejas kerana mesej yang ingin disampaikan oleh NKRA COL ialah rakyat tidak perlu mengorbankan kualiti disebabkan harga. Dalam hal ini, KR1M membantu golongan marhaan terus berhemat dengan perbelanjaan isi rumah mereka setiap hari.



MEMBERIKAN BANTUAN WANG TUNAI

KEPADA KUMPULAN SASAR

Untuk terus membina daya tahan rakyat kita dari segi ekonomi, NKRA COL melaksanakan inisiatif intervensi bagi pihak rakyat melalui pengagihan bantuan wang tunai bersasar. Tiga inisiatif utama program ini ialah:

Bantuan wang tunai BR1M untuk kumpulan sasar

Program Bantuan Kembali ke Sekolah sebanyak RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan menengah

Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 kepada pelajar yang mendaftar di institusi pengajian tinggi

Sebagai contoh, sebuah keluarga di Malaysia mempunyai isi rumah yang terdiri daripada lima orang termasuk ibu bapa, seorang anak mengikuti pengajian di kolej dan dua orang anak belajar di sekolah rendah atau sekolah menengah. Berdasarkan bahawa isi rumah ini layak sebagai penerima BR1M dengan pendapatan bulanan RM3,000 atau kurang, jumlah bantuan wang tunai yang diterima oleh mereka daripada NKRA COL ialah:

Membantu mengimbangi kos sara hidup melalui pemberian bersasaran

Jangkauan dan jumlah inisiatif BR1M yang diberikan telah meningkat sejak dua tahun lepas. Pada tahun 2014, jumlah BR1M dinaikkan daripada RM500 kepada RM650 bagi isi rumah yang berpendapatan RM3,000 sebulan atau kurang. BR1M baharu sebanyak RM450 diperkenalkan bagi isi rumah yang berpendapatan melebihi RM3,000 hingga RM4,000 sebulan. BR1M bagi individu berumur 21 tahun ke atas yang memperoleh pendapatan RM2,000 sebulan atau kurang dinaikkan daripada RM250 kepada RM300.

Program BR1M telah dipelbagaikan lagi untuk merangkumi program Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M) yang membekalkan perlindungan insurans sehingga RM30,000 kepada semua penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya secara kekal. Di bawah program ini, Kerajaan menyumbangkan RM50 kepada i-BR1M.

“Untuk terus membina daya tahan rakyat kita dari segi ekonomi, NKRA COL melaksanakan inisiatif intervensi bagi pihak rakyat melalui pengagihan bantuan wang tunai bersasar.”

Bantuan
BR1M

RM650

Bantuan Kembali
ke Sekolah

RM200

Baucar Buku
1Malaysia (1 anak)

RM250

Jumlah: RM1,100

BR1M: Membantu golongan berpendapatan rendah mengurus perbelanjaan dengan lebih baik



G. Munisamy dari Muar, Johor merupakan penerima BR1M sejak tahun 2012. Bagi Munisamy, program ini diperkenalkan bertepatan pada masanya kerana pada waktu itu beliau perlu menjalani pembedahan pintasan jantung.

Munisamy menggambarkan BR1M sebagai “wang kecemasan” yang sememangnya bertepatan dengan keadaannya sebagai pesara yang bergantung pada pendapatan tetap. Munisamy, kini 75 tahun, merupakan bekas pekerja ladang kelapa sawit yang menerima pensyen bulanan daripada KWSP sejak beliau bersara. Dengan sumber pendapatan alternatif yang terhad, perbelanjaan untuk pembedahan pintasan jantung yang perlu dijalaninya itu merupakan satu jumlah yang besar dan di luar jangkanya.

“Saya telah menggunakan duit BR1M sebelum ini untuk membayar bil perubatan saya. Saya juga akan menggunakan BR1M yang akan datang untuk rawatan saya,” ujar Munisamy.

Munisamy ialah seorang daripada beribu-ribu rakyat Malaysia yang menyara hidup melalui pendapatan tetap yang diterima selepas persaraan dengan sumber dana tambahan yang terhad. Sumbangan BR1M mencipta perubahan yang amat bermakna dalam kehidupan golongan ini dan akan terus menjadi tunjang utama usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup.

Seorang pesara yang merupakan penerima BR1M, Che Buang Mat, 77, berkata bahawa wang tersebut dapat membantu melegakan perbelanjaan harian keluarganya di samping membayar rawatan lututnya. M. Andy Marr, 75, meluahkan rasa terima kasihnya kepada Kerajaan Persekutuan dan berkata bahawa beliau tidak pernah menerima bantuan tunai seperti itu sebelum ini. “Saya akan menggunakan wang itu sebaik mungkin kerana saya tidak mempunyai pendapatan,” katanya.

Melegakan beban kos pendidikan pelajar kita

NKRA COL turut mengagihkan bantuan wang tunai kepada pelajar yang dilihat sebagai kumpulan sasaran yang penting. Pada tahun 2012, Malaysia mengambil langkah yang signifikan

dalam mengurangkan kos pendidikan dengan memansuhkan yuran sekolah awam, lantas menjadikan pendidikan awam percuma buat kali pertamanya di Malaysia. Langkah ini disokong selanjutnya oleh inisiatif lain yang dirancang untuk mengurangkan kos pendidikan termasuklah:

Program Bantuan Kembali ke Sekolah:

Semua pelajar sekolah rendah dan menengah menerima RM100 setiap tahun untuk membantu mengurangkan kos kembali ke sekolah dan perbelanjaan lain.

Program Baucar Buku 1Malaysia:

Pelajar yang mendaftar di institusi pengajian tinggi awam atau swasta menerima baucar buku bernilai RM250 pada tahun 2014 untuk membantu menampung kos buku. Nilai baucar tersebut telah dinaikkan daripada RM200 sebelum ini.



PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Dato' Sri Alias Haji Ahmad

Ketua Setiausaha Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi
dan Kepenggunaan



KR1M DAN MR1M KEKAL SEBAGAI PROGRAM PENTING RAKYAT

Dato' Sri Alias Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkata bahawa program KR1M and MR1M terus memainkan peranan yang penting dalam menawarkan produk yang murah dan mampu dinikmati oleh rakyat Malaysia berpendapatan rendah dan sederhana, dan akan terus memainkan peranan penting itu pada masa hadapan.

Walaupun kedua-dua program ini telah menerima beberapa kritikan kerana memberikan subsidi item barangan dan makanan secara tidak adil yang tidak memberikan kelebihan kepada perniagaan biasa, Ketua Setiausaha berkata bahawa intervensi Kerajaan adalah perlu memandangkan iklim ekonomi yang wujud pada hari ini.

“Tujuan program ini adalah untuk meringankan beban rakyat dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup,” ujar Dato' Sri Alias. “Ini merupakan bidang intervensi ekonomi oleh Kerajaan yang dianggap perlu. Outlet lain bebas untuk menjalankan perniagaan seperti biasa dan mempunyai pilihan untuk menyediakan barangan dan hidangan dengan harga berpatutan. Sehingga penyelesaian yang lebih jitu terhadap isu ini disediakan, program ini akan diteruskan untuk kebajikan rakyat secara umum.”

Sementara itu, fokus NKRA COL terhadap program ini telah berganjak sejak awal pelaksanaan masing-masing. Meskipun menjamin penyediaan barangan yang lebih murah menerusi KR1M dan menu makanan melalui MR1M merupakan keutamaan pada permulaan program berkenaan, Dato' Sri Alias berkata perhatian kini diberikan terhadap penambahbaikan ketercapaian.

“Daripada semata-mata menyediakan barangan dan hidangan yang mampu dinikmati, program telah berkembang dalam bentuk penekanan yang diberikan dalam memastikan bahawa rakyat sentiasa mempunyai akses yang mencukupi secara fizikal dan ekonomi kepada makanan, selamat dan bernutrisi untuk memenuhi keperluan pemakanan harian dan pilihan makanan masing-masing demi kehidupan yang aktif dan sihat,” ujar Dato' Sri Alias lagi.

“Memberikan barangan dan hidangan dengan harga yang berpatutan semata-mata tidak lagi dapat diterima, justeru program telah bertukar ke arah memastikan penawaran barangan dan hidangan berkualiti secara berterusan yang dapat dinikmati oleh orang ramai di samping memastikan pematuhan terhadap standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.”

Untuk memudahkan ketercapaian yang lebih baik, jumlah outlet KR1M dan kedai makan MR1M yang mengambil bahagian terus meningkat pada tahun 2014. Matlamat outlet KR1M, khususnya, adalah untuk memastikan kewujudan sekurang-kurangnya satu kedai KR1M di setiap kawasan parlimen.

“Saya ingin katakan bahawa program kami pada masa ini berjalan seperti yang dirancang dan kami hampir menyempurnakan pembukaan KR1M di semua kawasan parlimen yang ditetapkan,” kata Dato' Sri Alias Haji Ahmad. “Walau bagaimanapun, saya hanya berani menyatakan bahawa Kementerian telah berjaya sebaik sahaja semua 56 outlet KR1M telah dibuka dan beroperasi di Malaysia Timur dan 222 KR1M lagi di seluruh negara.”



MEMPERTINGKATKAN PROGRAM UNTUK RAKYAT YANG PALING MEMERLUKAN

NKRA COL sentiasa berusaha untuk menambah baik inisiatifnya dengan memperluas skop jangkauan atau kaedah inisiatif tersebut distrukturkan. Peluasan jangkauan telah dijadikan keutamaan penting NKRA COL dan akan diteruskan pada tahun 2015. KPI untuk tahun 2015 termasuklah:

Kerajaan akan menggantikan insurans takaful berkelompok atau i-BR1M dengan Skim Khairat Kematian. Skim baharu ini akan membolehkan waris terdekat penerima BR1M menerima khairat kematian sebanyak RM1,000 yang berkuat kuasa selama setahun.

Menambah bilangan ruang perniagaan KR1M sebanyak 25 kedai

Menambah bilangan lokasi K1M sebanyak 40 klinik

Pemberian insentif Kembali ke Sekolah

Bantuan terus BR1M (lihat rajah di muka surat berikutnya)

66

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan dalam ucapan Bajet 2015 bahawa jumlah pemberian akan dinaikkan lagi kepada RM950, RM750 dan RM350 untuk setiap kumpulan tersebut. Jadual di bawah menunjukkan pertambahan jangkauan dan jumlah bayaran yang diluluskan di bawah BR1M sejak ia diperkenalkan.

BRIM	1.0	2.0	3.0	4.0
Tarikh	April 2012	Feb 2013	Feb 2014	
Kelayakan	≤ RM3,000	≤ RM3,000 (isi rumah) ≤ RM2,000 (individu bujang)	RM3,001-RM4,000 (isi rumah) ≤ RM3,000 (isi rumah) ≤ RM2,000 (individu bujang)	RM950 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah + Skim Khairat Kematian
Bantuan	RM500 (isi rumah)	RM500 (isi rumah) RM200 (individu)	RM650 (kepada isi rumah dengan jumlah pendapatan ≤ RM3,000) RM450 (kepada isi rumah dengan jumlah pendapatan > RM3,000–RM4,000) RM300 (individu dengan pendapatan ≤ RM2,000) Caruman RM50 kepada Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M)	RM750 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan > RM3,000 hingga RM4,000 sebulan + Skim Khairat Kematian RM350 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2,000 sebulan dan ke bawah



GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang baharu	Sekurang-kurangnya 35 (Sabah: 6) (Sarawak: 12) (Labuan: 1) (Semenanjung: 16)	36	100	●
2	Bilangan kedai yang aktif menyertai program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)	Sekurang-kurangnya 1,000	1,000	100	●
3	Bantuan terus kepada Rakyat (BR1M): (i) RM650 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan + iBR1M RM50 (ii) RM450 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan + iBR1M RM50 (iii) RM300 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan + iBR1M RM50	100% (i) 100% (ii) 100% (iii) 100%	98.7%	99	●
4	Bilangan Klinik 1Malaysia baharu yang menyediakan perkhidmatan	50	51	102	●
5	Insentif Kembali ke Sekolah - Pelaksanaan bantuan wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 (bilangan pelajar)	100%	100%	100	●
6	Pelaksanaan baucar buku bernilai RM250 kepada pelajar IPTA & IPTS (RM yang dituntut oleh kedai buku)	100%	90% Bayaran sebenar untuk tuntutan sehingga Nov 2014	90	●
JUMLAH				99%	●

Jadual KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Penubuhan KR1M baharu	25 i) 20 – Semenanjung Malaysia ii) 3 – Sarawak iii) 2 – Sabah
2	Pemberian Insentif Kembali ke Sekolah	100%
3	Pemberian BB1M	100%
4	Pemberian terus kepada Rakyat (BR1M) i) RM950 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah + Skim Khairat Kematian; ii) RM750 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan >RM3,000 hingga RM4,000 sebulan + Skim Khairat Kematian; dan iii) RM350 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2,000 sebulan dan ke bawah	100%
5	Bilangan Klinik 1Malaysia baharu yang menyediakan perkhidmatan	Akan disahkan i) 26 – Semenanjung Malaysia ii) 2 – Sarawak iii) 2 – Sabah + tertangguh pada 2014

BR1M

**Bantuan Rakyat
1Malaysia**

RM3.6 bil

membantu lebih **6.8 juta**
isi rumah dan individu



K1M


307

Klinik 1Malaysia

dibangunkan untuk
menyediakan
rawatan yang
hampir percuma
kepada rakyat



**Program Kembali
ke Sekolah**



membantu **0.5 juta**
pelajar sekolah rendah
dan menengah dengan
memberikan bantuan

RM100
kepada mereka


KR1M

Kedai Rakyat 1Malaysia, 161 Buah Kedai di Seluruh Negara

15% - 30% lebih rendah



Kedai serbaneka yang menawarkan barangan
keperluan asas pada **harga yang lebih murah**
berbanding dengan kedai biasa



Baucar Buku 1Malaysia
bernilai

RM250

telah diagihkan kepada
1.2 juta pelajar yang
mengikuti pengajian di
institusi pengajian tinggi

Baucar buku tersebut
telah membantu pelajar di
institusi tempatan awam
dan juga swasta

MR1M

Menu Rakyat 1Malaysia

RM2.00

sarapan pagi

RM4.00

makan tengah hari



SEMENANJUNG

MALAYSIA TIMUR

Menawarkan **hidangan yang**
lebih mampu dinikmati dengan
kerjasama restoran persendirian

RM2.50

sarapan pagi

RM5.00

makan tengah hari

MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



Perubahan Luar Bandar yang Mengubah Kehidupan Lalu

Pembangunan dan perjalanan negara daripada masyarakat berasaskan pertanian kepada negara perindustrian sesungguhnya merupakan suatu perkara yang amat membanggakan. Kita seharusnya bersyukur dengan pencapaian yang telah diraih sejauh ini.

Pada hari ini, kemudahan yang dahulunya bersifat eksklusif kini menjadi suatu perkara biasa kepada hampir semua orang tanpa mengira pendapatan. Namun, bagaimanakah keadaannya dengan kenyataan bahawa dalam setiap sepuluh orang rakyat Malaysia, tiga daripadanya masih hidup dalam realiti generasi silam kita itu?

Kami kemudiannya sedar bahawa pembangunan di kawasan luar bandar ini merupakan laluan yang dilupakan, sedangkan dahulu, kawasan inilah yang merupakan satu-satunya pemacu ekonomi negara dan tempat tinggal sebahagian besar rakyat Malaysia.

Kami perlu memastikan bahawa tiada seorang pun rakyat yang dibiarkan ketinggalan. Justeru, kami telah memperkenalkan GTP pada tahun 2009 untuk memfokuskan liputan, skala dan mempercepat penyampaian infrastruktur dan penyediaan kemudahan kepada saudara kita yang tinggal di kawasan luar bandar. Sepanjang lima tahun yang lalu, inisiatif di bawah **NKRA Pembangunan Luar Bandar** telah banyak memberikan manfaat kepada lebih 5 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar melalui pelaksanaan kemudahan asas dan infrastruktur untuk meningkatkan taraf kehidupan.



Pertambahan sebanyak 336,266 isi rumah yang menerima bekalan air bersih dan terawat hari ini bermakna lebih banyak keluarga dapat menikmati kemudahan yang suatu ketika dahulu dianggap sebagai satu kemewahan. Penduduk yang tinggal di luar bandar kini dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Pada tahun 2014, kita menyediakan kemudahan air bersih kepada 8,195 isi rumah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sejumlah 129,595 isi rumah lagi telah menerima bekalan elektrik 24 jam dan ini bermaksud produktiviti yang lebih tinggi selepas matahari terbenam. Kini, kanak-kanak yang tinggal di pedalaman dapat belajar tanpa mengira waktu. Selain itu, hospital dan sekolah dapat berfungsi dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, sekali gus memberikan kehidupan yang lebih mudah dan selesa. Pada 2014, sebanyak 14,299 isi rumah mendapat akses 24 jam kepada bekalan elektrik.

Bagi sebahagian besar saudara kita yang tinggal di kawasan pedalaman, sebanyak 73,392 rumah telah dibaik pulih dan dibina untuk keluarga yang tidak berkemampuan. Dengan tempat perlindungan dan ruang yang lebih selesa, mereka dapat menikmati istirahat yang amat diperlukan sementara menunggu kedatangan hari esok. Pada tahun 2014, sebanyak 8,995 buah rumah telah dibina dan dibaik pulih untuk masyarakat luar bandar.

Kami berasa bangga menyatakan bahawa kami telah membina jalan raya sepanjang 4,553km dan membaik pulih 2,056km jalan raya pada kadar kepantasan tujuh kali berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Jalan-jalan raya ini berfungsi menghubungkan kawasan bandar dan dibina sebagai asas untuk pertumbuhan ekonomi luar bandar pada masa hadapan. Pada tahun 2014, kami membina jalan raya sepanjang 485km. Kami juga telah meluaskan jangkauan ke Sabah dan Sarawak.

Sejak tahun 2013, kami telah memulakan program yang lebih memfokuskan kesinambungan pembangunan kawasan luar bandar ini menerusi Program Kampung Abad ke-21. Menerusi program ini, kami menghidupkan kembali aset negara yang dahulunya paling berharga, iaitu ladang-ladang pertanian tetapi pada kali ini diperkukuh dengan potensi yang lebih besar untuk mewujudkan pekerjaan yang berkekalan dan berfungsi sebagai komponen utama dalam rantai nilai pengeluaran negara kita.

Kami berazam untuk mentransformasikan kampung-kampung sedia ada menjadi pusat ekonomi pesat berkembang yang mampu menyediakan sumber pendapatan dan peluang kepada saudara kita di luar bandar, dan kami sedar bahawa banyak usaha yang perlu dilaksanakan. Kami berbangga dengan para peserta dan pemenang Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar yang turut sama berkongsi visi ini. Kisah mereka begitu menambat perhatian, malah kesan yang tercetus daripada kisah mereka juga pastinya cukup besar.

Dalam kita meneruskan perjalanan untuk mencapai status negara maju, kita tidak seharusnya lupa akan laluan yang telah membawa kita ke tahap ini.

Kami kemudiannya
sedar bahawa
pembangunan
di kawasan
luar bandar ini
merupakan laluan
yang dilupakan,
sedangkan dahulu,
kawasan inilah yang
merupakan satu-
satunya pemacu
ekonomi negara
dan tempat tinggal
sebahagian besar
rakyat Malaysia.

**Dato' Seri Haji Mohd Shafie
bin Haji Apdal**

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

TIADA SESIAPA YANG DIBIARKAN KETINGGALAN

DALAM PERJALANAN KITA MENUJU STATUS NEGARA MEMBANGUN

Matlamat utama NKRA Pembangunan Luar Bandar (NKRA RD), yang dahulunya dikenali sebagai NKRA Infrastruktur Luar Bandar, adalah untuk mempercepat pembangunan kawasan luar bandar di Malaysia melalui penyediaan infrastruktur dan pelaksanaan program bersasaran untuk memangkinkan pertumbuhan ekonomi. Dengan melaksanakan usaha ini, rakyat Malaysia di luar bandar akan lebih bersedia untuk menyumbang kepada kemakmuran negara dan mencapai matlamat yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Fokus NKRA Pembangunan Luar Bandar adalah untuk menangani kekurangan pelaburan dalam memangkinkan asas ekonomi di kawasan luar bandar di negara ini. Akses kepada kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, air bersih dan jalan berturap masih terhad di beberapa buah kawasan di negara

ini. Rakyat Malaysia yang tinggal jauh di kawasan pedalaman, tidak mempunyai akses kepada bekalan air bersih atau elektrik, dan terpaksa menggunakan jalan pembalakan yang berbahaya dan tidak terjamin.

Sepanjang lima tahun yang lalu, NKRA Pembangunan Luar Bandar telah berusaha dengan begitu gigih untuk membina infrastruktur di kedua-dua kawasan, Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Kemajuan yang besar telah dicapai dalam usaha ini dan penduduk luar bandar kini menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Untuk mengambil manfaat seterusnya daripada penambahbaikan ini, inisiatif tambahan yang direka untuk merangsang aktiviti ekonomi diperkenalkan pada tahun 2014.

Inisiatif tersebut diteruskan pada tahun 2014 dan berjaya mencapai keberhasilan yang berikut:

Pencapaian inisiatif NKRA RD pada tahun 2014

- 1 Membina jalan raya berturap atau jalan yang setara sepanjang 485km berbanding dengan sasaran 437.65km
- 2 Membekalkan air bersih atau air terawat kepada 8,195 isi rumah berbanding dengan sasaran 8,000 isi rumah
- 3 Menghubungkan 14,299 isi rumah kepada sumber bekalan elektrik yang andal berbanding dengan sasaran 14,295 isi rumah
- 4 Mengenal pasti 23 pemenang tambahan Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar yang bakal memulakan atau mempertingkatkan perusahaan luar bandar mereka untuk menggiatkan lagi pembangunan ekonomi luar bandar

Memperkasakan masyarakat luar bandar agar mereka dapat turut serta dalam Malaysia maju menuju 2020

“Apabila anda melawat Bario, anda akan terus merasai kedamaian dan ketenangan tempat ini,” kata Renai, seorang berketurunan Kelabit di Bario. “Kami bangga menjadi masyarakat yang suka membantu, masyarakat yang dilimpahi semangat yang membangkitkan rasa cinta kepada alam sekitar, meskipun kami pernah berdepan dengan zaman yang cukup mencabar pada masa silam.”

Bario, sebuah kampung yang terpencil di sempadan paling timur Sarawak, hari ini mengalami suatu kebangkitan pembangunan.

Kemudahan asas seperti air terawat, bekalan elektrik dan akses Internet telah dipercepat untuk kampung ini disebabkan oleh pelbagai usaha NKRA Pembangunan Luar Bandar. Kemudahan ini seterusnya memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan pendapatan dan mata pencarian masyarakat Bario.

“Sebelum usaha transformasi ini dilaksanakan, masyarakat dari pinggir pekan Bario terpaksa berjalan kaki selama sejam untuk ke pekan. Sekarang, dengan adanya semua infrastruktur ini, orang ramai mula menggunakan kereta. Banyak anak muda sudah memiliki kenderaan pacuan empat roda dan mula berjinak-jinak dengan perniagaan”, ulas John Terawe, yang merupakan Ketua Kaum Kelabit di Bario.

Menerusi infrastruktur yang tersedia melalui NKRA Pembangunan Luar Bandar, perniagaan tempatan sudah mula bercambah sekali gus mewujudkan peluang kepada penduduk dalam bidang industri desa dan pelancongan.

“Ekopelancongan merupakan antara aktiviti penting di Bario dan banyak penduduk berusaha menjadi pemandu



Rakyat Malaysia yang tinggal jauh di kawasan pedalaman, tidak mempunyai akses kepada bekalan air bersih atau elektrik, dan terpaksa menggunakan jalan pembalakan yang berbahaya dan tidak terjamin.

pelancong. Memandangkan kini terdapat tiga penerbangan ke sini setiap hari, inilah bukti wujudnya permintaan terhadap Bario. Jika tidak, tiada apa yang dapat mewajarkan pertambahan kekerapan ini,” jelas Terawe.

“Dengan bertambahnya bilangan pelancong yang datang ke Bario, kami berharap faktor ini akan mendorong lebih banyak perubahan untuk kami. Sebagai contoh, kini terdapat lebih banyak perniagaan inap desa untuk menampung kedatangan pelancong kerana kami tidak mempunyai hotel di Bario. Tetapi dalam beberapa tahun lagi, mungkin salah satu hotel besar seperti di bandar akan beroperasi di sini, dan saya tidak akan terkejut kalau perkara itu berlaku!”

Sambil menghargai segala usaha yang telah dilaksanakan setakat ini, beliau bersetuju bahawa masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Memandangkan Bario merupakan pusat aktiviti kaum Kelabit, Terawe berkata impian yang dihasratkan adalah untuk membangunkan Bario setanding dengan bandar lain di Malaysia.

“Memandangkan Bario ialah pekan terbesar dan pusat aktiviti kaum Kelabit, kami berhasrat membangunkan kawasan ini... Sekurang-kurangnya, lebih adil bagi kami apabila kami setaraf dengan pekan lain yang lebih membangun. Kami tidak menyebel Kuala Lumpur kerana itu bukan perbandingan yang setara. Kerajaan hendaklah terus menerajui program pembangunan dan memantaunya dengan teliti. Kita juga mesti mempertimbangkan aspek kesinambungan, bukan sahaja dengan memikirkan generasi muda kita di Bario ini, malah di seluruh Malaysia.

Pencapaian ini, bersama-sama dengan kejayaan yang diraih pada tahun-tahun lepas, telah memberikan manfaat kepada lebih 5.07 juta penduduk luar bandar.

Meskipun infrastruktur akan terus dilaksanakan di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar, pasukan pelaksana akan turut memberikan penekanan yang lebih besar terhadap usaha mewujudkan nilai ekonomi di kawasan luar bandar melalui program Kampung Abad ke-21. Pada tahun 2014, inisiatif berikut dilaksanakan di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar:

Inisiatif NKRA RD

- 1 Membina jalan raya untuk meningkatkan kesalinghubungan dengan kawasan luar bandar
- 2 Menyediakan bekalan air bersih atau air terawat kepada isi rumah luar bandar
- 3 Menghubungkan bekalan elektrik yang andal kepada isi rumah
- 4 Membina atau membaiki pulih rumah untuk golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar
- 5 Menyenggara jalan raya luar bandar
- 6 Mewujudkan peluang ekonomi melalui EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium
- 7 Mewujudkan peluang ekonomi melalui program koperasi kampung Desa Lestari
- 8 Mengenal pasti pemenang pelan perniagaan luar bandar melalui Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar

Bahagian seterusnya memperincikan gambaran keseluruhan inisiatif dan pencapaian masing-masing pada tahun lepas.

MEMBINA JALAN RAYA

UNTUK MENINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN LUAR BANDAR

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Pembinaan Jalan Raya (KM)	783	1,013	1,553	718	485
Jumlah	4,553 KM				

Fokus terhadap pembinaan jalan raya di kawasan luar bandar Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menyepadukan masyarakat luar bandar dengan penduduk lain di seluruh negara. Yang lebih penting lagi, kesalinghubungan ialah pemangkin utama pengupayaan ekonomi dan memudahkan pengangkutan orang ramai dan barangan yang diperlukan untuk kehidupan yang berkualiti tinggi. Penduduk di kawasan luar bandar Malaysia tidak seharusnya berasa terperangkap di tempat mereka sendiri, sebaliknya harus bebas bergerak keluar dan masuk ke kawasan komuniti mereka.

Kesalinghubungan yang lebih baik menggalakkan aktiviti ekonomi lain secara langsung seperti pelancongan, dan memudahkan akses yang lebih luas kepada pasaran bagi pengeluaran

produk luar bandar. Harga barangan akan menjadi lebih murah berikutan kos pengangkutan yang lebih rendah, sekaligus membantu penduduk luar bandar mengurus kewangan mereka dengan lebih berkesan dan menumpukan perbelanjaan pada aspek kehidupan yang lain seperti pendidikan anak-anak dan tabungan untuk masa hadapan.

Usaha pelaksanaan telah ditumpukan di Sabah dan Sarawak kerana bentuk muka bumi kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tidak sekata, penuh berliku dan sukar dilalui telah merencatkan usaha pelaksanaan pada masa lepas. Walau bagaimanapun, NKRA Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2014 berjaya menebus masa yang terbuang hingga berjaya melaksanakan pembinaan jalan raya tergendala yang diteruskan dari tahun 2013.



Gambaran sebelum dan selepas pembinaan jalan di Jalan Sugud Timpangoh, Penampang, Sabah



Jalan Kampung Tas

Meningkatkan momentum pembinaan jalan raya bagi kehidupan yang lebih baik

Jalan raya sejauh 60km yang menghubungkan Pekan Sook dengan Kampung Sinua di Keningau, Sabah kini membawa perubahan kepada kehidupan lebih 10,000 penduduk. Jika dahulunya para pelajar daripada dua buah sekolah rendah dan 16 buah sekolah menengah terpaksa menggunakan jalan batu kelikir yang lekak-lekuk untuk pergi dan pulang dari sekolah masing-masing, namun jalan berturap yang telah disiapkan menjelang akhir tahun 2014 kini menjadikan perjalanan mereka lebih selamat dan terjamin.

“Jalan raya merupakan suatu pencapaian besar bagi kami,” kata Mohd Shamsul Nizam Haji Abdul Wahid, Jurutera Kanan, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah.

“Jalan raya ini sangat berkualiti tinggi dan saya berasa bangga dengannya. Pembinaannya adalah berkualiti tinggi dan disiapkan hampir tiga bulan lebih awal daripada jadual. Jalan raya ini memberikan kemudahan kepada komuniti sekitar yang terdiri terutamanya daripada kaum Murut dan Dusun, sekali gus menghubungkan mereka dengan Pekan Sook yang kini mengalami pembangunan ekonomi yang pesat.”

Mohd Shamsul menjelaskan bahawa jalan raya tersebut membantu penduduk sekitar mengangkut barangan mereka termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran segar ke pasar sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

“Penerima manfaat kami, secara umumnya dan bukan sahaja bagi jalan raya Sook, ialah sebahagian besarnya penduduk kampung,” kata Mohd Shamsul. “Jalan raya yang dibina memberikan impak yang baik terhadap penduduk khususnya dari segi kesalinghubungan dan kemudahan perjalanan. Harapan kami situasi ini akan membawa faedah yang positif kepada ekonomi kewangan dan juga sosial kawasan luar bandar ini.”

Jalan raya Sook—Kampung Sinua hakikatnya merupakan suatu contoh tujahan NKRA Pembangunan Luar Bandar di Sabah. Mohd Samsul berkata sebahagian besar daripada 24 daerah di Sabah telah menyaksikan pembinaan jalan raya sejak GTP diperkenalkan dengan purata hampir 10 jalan raya bagi setiap wilayah.

“Sebelum NKRA diperkenalkan, statistik kami menunjukkan hanya 45% jalan di Sabah merupakan jalan berturap,” ujar Mohd Shamsul. “Pada hari ini, peratusannya telah meningkat kepada 55%. Meskipun ia kelihatan peningkatan yang kecil, hakikatnya ia merupakan suatu perubahan yang besar kerana kami mempunyai hampir 10,000km jalan raya di negeri Sabah.”

Mohd Shamsul mengakui bahawa tidak semua urusan berjalan dengan lancar dan mudah. Kekurangan bahan dan kekurangan perunding serta kontraktor berkemahiran terbukti merupakan halangan, namun mereka berjaya mendapatkan penyelesaian alternatif.

“Kami mengalami masalah kekurangan bahan pembinaan seperti batu kelikir dan simen, namun kami bernasib baik kerana berjaya mendapatkan kerjasama para pembekal untuk mengatasi masalah tersebut,” jelas Mohd Shamsul. “Berkaitan dengan perunding pula, kami telah mengenal pasti enam kontraktor peneraju yang boleh bekerja berdasarkan spesifikasi dan kami telah pun menggunakan khidmat mereka di seluruh negeri Sabah.”

Meskipun ketersediaan jalan raya yang berkualiti di Sabah masih belum boleh dibandingkan dengan apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Mohd Shamsul yakin bahawa NKRA Pembangunan Luar Bandar sedang berusaha membawa Sabah dan Sarawak lebih hampir kepada pembangunan dengan Semenanjung Malaysia.



Jalan Kampung Tas

Sebelum NKRA diperkenalkan, statistik kami menunjukkan hanya 45% jalan di Sabah merupakan jalan berturap. Pada hari ini, peratusannya telah meningkat kepada 55%. Meskipun ia kelihatan peningkatan yang kecil, hakikatnya ia merupakan suatu perubahan yang besar kerana kami mempunyai hampir 10,000km jalan raya di negeri Sabah.

AKSES KEPADA BEKALAN AIR BERSIH

MERUPAKAN KEPERLUAN ASAS KEHIDUPAN

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Penyampaian Bekalan Air (Isi Rumah)	36,273	73,227	187,567	31,004	8,195
Jumlah	336,266 isi rumah				

Kekurangan akses yang andal kepada bekalan air bersih adalah berbahaya kepada kesihatan dan mengganggu rutin harian penduduk di kawasan luar bandar. Dalam keadaan kekurangan bekalan, rakyat di luar bandar terpaksa mencari air sendiri. Hal yang demikian boleh membahayakan kesihatan mereka kerana air yang tidak dirawat mungkin dicemari patogen.

Kekerapan menghidap penyakit bermakna penduduk sering kali terpaksa berehat daripada bekerja untuk memulihkan kesihatan atau menjaga ahli keluarga yang sakit. Kekurangan akses kepada bekalan air bersih turut menjejaskan perniagaan perkilangan kecil-kecilan yang memerlukan bekalan air bersih untuk penghasilan barangan.

Usaha penyampaian bekalan air telah ditumpukan di Sabah dan Sarawak, kerana sepertimana pembinaan jalan raya, akses kepada masyarakat luar bandar amat sukar dan mencabar walaupun pada masa yang paling baik. Kesukaran ini ada kalanya mustahil sama sekali untuk menghubungkan paip air utama kepada penduduk di pedalaman. Untuk mengatasi



Kuala Lipis

masalah ini, pasukan pelaksana terpaksa membuat penyesuaian dan menggunakan penyelesaian yang inovatif. Antara contoh penyelesaian sedemikian ialah Lifesaver M1, iaitu sistem penapisan air yang direka bentuk untuk beroperasi secara bebas dengan menadah dan menapis air hujan.

Komitmen keseluruhan NKRA Pembangunan Luar Bandar adalah untuk memastikan 95% kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia dan 90% kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak mempunyai akses yang andal kepada bekalan air bersih menjelang fasa akhir GTP.



Tuaran, Sabah



Lifesaver M1

Perkembangan pesat projek air membawa manfaat kepada lebih 100,000 penduduk luar bandar Sabah



Tangki air Batas Paip

Lim Lam Beng, Timbalan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah, menyedari perubahan yang ketara dalam cara penyampaian projek bekalan air di kawasan luar bandar Sabah sejak lima tahun yang lalu. Sejak GTP diperkenalkan, NKRA Pembangunan Luar Bandar telah menambah 25 loji rawatan air baharu untuk memproses lebih 115 juta liter air sehari, yang seterusnya disalurkan melalui rangkaian perpaipan yang meluas.

“Sebelum NKRA diperkenalkan, terdapat kira-kira 48 loji rawatan yang beroperasi di negeri ini, oleh itu 25 loji baharu ini merupakan satu penambahan yang amat ketara,” kata Lim. “Hakikat bahawa kami berjaya menyiapkan projek air dalam masa yang begitu singkat untuk memberikan manfaat kepada lebih 100,000 isi rumah luar bandar di Sabah merupakan satu pencapaian yang amat besar walau apa jua ukurannya.”

Projek loji rawatan air dan projek bekalan air yang lain menjadikan jumlah bilangan inisiatif infrastruktur air yang diperuntukkan kepada Sabah di bawah GTP sebanyak kira-kira 200. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 171 projek telah dilaksanakan, yang telah membawa perubahan yang besar kepada kawasan luar bandar Sabah, tambah Lim.

“Projek-projek tersebut sememangnya meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar kerana mereka kini kurang menghabiskan masa mencari air,” kata beliau. “Rakyat Malaysia di bandar mungkin tidak menyedari sepenuhnya perkara ini, tetapi dahulu, sesetengah penduduk luar bandar ini terpaksa berjalan sejauh 2 km hingga 3 km setiap hari untuk mendapatkan air. Lagipun, air yang diperoleh daripada sesetengah punca air ini tidak semuanya bersih untuk digunakan.”



Tangki air Batas Paip

Pelaksanaan infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak telah menjadi fokus NKRA Pembangunan Luar Bandar sejak tahun 2012. Disebabkan oleh bentuk muka bumi Sabah yang secara relatifnya menyebabkan kesukaran akses, ditambah pula dengan kekurangan tenaga manusia, kerja-kerja pembinaan bukanlah tugas yang mudah.

“Terdapat banyak cabaran setiap kali kita cuba melaksanakan projek yang sebegitu besar dalam masa yang singkat,” ujar beliau. “Pada mulanya kami menghadapi masalah dengan perunding yang tidak berpengalaman, yang bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan kelulusan tanah dan membekalkan tenaga elektrik kepada infrastruktur di kawasan terpencil. Kami juga berhadapan dengan isu kekurangan bahan, namun saya berbesar hati menyatakan bahawa kami berjaya menyelesaikan sebilangan besar masalah ini sepanjang lima tahun lepas.”

Lim, yang berasal dari luar bandar sendiri, akan bersara setelah berkhidmat lebih 30 tahun di Jabatan Air Negeri Sabah. Beliau berkata bahawa pencapaian GTP merupakan antara sorotan penting dalam kerjaya beliau.

MENYINARI KEHIDUPAN ISI RUMAH

DENGAN MENGHUBUNGKAN
BEKALAN ELEKTRIK

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Penyampaian Bekalan Elektrik (Isi Rumah)	27,266	27,004	41,030	19,996	14,299
Jumlah	129,595 isi rumah				

Bekalan elektrik ialah komponen utama untuk mencapai taraf kehidupan yang memuaskan selain untuk menjalankan aktiviti ekonomi. Tenaga elektrik telah menjadi kemudahan asas yang begitu diperlukan untuk kehidupan moden sehinggakan kepentingannya hampir setara dengan kemudahan air bersih. Daripada keperluan asas seperti membantu pelajar mengulang kaji pada waktu malam sehinggalah keperluan yang lebih kompleks seperti membolehkan akses kepada Internet, pembekalan elektrik di luar bandar diperlukan untuk merapatkan jurang antara

kawasan bandar dengan luar bandar di Malaysia.

Sepertimana kemudahan jalan raya dan bekalan air, pembekalan elektrik di luar bandar turut diiringi cabaran dari segi akses dan ada ketikanya memerlukan penyelesaian yang disesuaikan mengikut situasi penduduk setempat. Daripada penyediaan generator diesel kepada pembinaan empangan mini hidro, pasukan NKRA Pembangunan Luar Bandar telah menyesuaikan pelaksanaan infrastrukturnya berdasarkan situasi tertentu dan situasi penduduk setempat.



Kampung Pa Dalih, Sarawak



Penyampaian bekalan elektrik dijangka mencapai semua sasaran menjelang tahun 2015

Menurut Pengurus Projek inisiatif bekalan elektrik di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar KKLW, pelaksanaan infrastruktur berjalan mengikut jadual dan akan mencapai sasaran liputan sebanyak 95% di Sabah dan Sarawak menjelang tahun 2015. Ramdan Baba berkata bahawa menjelang akhir tahun 2014, liputan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia mencapai tahap 97.6%, manakala di Sabah 94.1% dan di Sarawak 91.1%.

“Kami sepatutnya mencapai sasaran yang ditetapkan menjelang akhir tahun ini,” kata Ramdan. “Walaupun kami belum melakukan sebarang penilaian impak sosial, pencapaian yang diraih sekurang-kurangnya 95% liputan di seluruh negara ini merupakan satu kejayaan yang besar.”

Penyampaian bekalan elektrik bukanlah proses yang jelas dan mudah sepanjang masa, tambah beliau. Meskipun 97% daripada projek tersebut pada umumnya berkait dengan usaha menghubungkan komuniti dan kampung kepada grid utama, 3% yang selebihnya, disebabkan isu akses dan bentuk muka bumi, memerlukan penyelesaian alternatif, iaitu pembinaan sistem mikrohidro. Sistem tersebut pada dasarnya melibatkan pemasangan infrastruktur penjanaan hidro berskala kecil berhampiran dengan punca air untuk menjana bekalan kuasa kepada komuniti berdekatan.

“Cabaran terbesar ialah akses, kerana kebanyakan komuniti luar bandar tinggal lebih 50 km jauhnya dari pekan terdekat,” ujar Ramdan. “Oleh itu, pengangkutan dan akses menjadi masalah, menyebabkan kerja tersebut mengambil masa yang lama dan menuntut tenaga buruh yang banyak.”

Di bawah program NKRA Pembangunan Luar Bandar, infrastruktur itu diserahkan kepada syarikat utiliti yang bertanggungjawab untuk memantau kawasan itu, yang seterusnya bertanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan infrastruktur tersebut. Matlamat akhir adalah untuk mencapai 99% liputan di semua kawasan di Malaysia sebelum tahun 2020.

MEMBINA RUMAH

UNTUK MASYARAKAT LUAR BANDAR

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Pembinaan Rumah (Isi Rumah)	16,926	14,365	22,085	11,021	8,995
Jumlah	73,392 isi rumah				

Kami juga memberi tumpuan ke atas pembinaan rumah yang berkualiti untuk masyarakat miskin luar bandar kerana kos untuk mendapatkan rumah di kawasan terpencil mungkin agak mahal. Kekurangan akses untuk mendapatkan rumah membawa maksud bahawa rakyat miskin luar bandar kurang berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka dalam membina kehidupan yang lebih baik untuk keluarga mereka.

Salah satu cabaran utama pada permulaan program ini adalah untuk memastikan hanya rakyat yang benar-benar memerlukan layak mendapatkan rumah tersebut. Oleh itu, sejak awal GTP dilaksanakan, penerima-penerima yang berkecukupan bagi program perumahan ini dikenal pasti dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan agensi-agensi di peringkat daerah, kakitangan kerajaan serta merujuk pangkalan data di portal eKasih.



Menggatal, Sabah

Perumahan mencetuskan perubahan dalam kehidupan penduduk luar bandar Sabah

Pembinaan rumah oleh NKRA Pembangunan Luar Bandar kepada penduduk luar bandar Malaysia yang memerlukan telah memberikan sumbangan yang nyata kepada kehidupan penduduk luar bandar Sabah, membantu kehidupan mereka dan menyediakan asas buat mereka untuk melaksanakan aktiviti ekonomi.

“Program Bantuan Rumah merupakan inisiatif yang penting bagi kami kerana jika tuan pergi ke Sabah, tuan boleh melihat penduduk berpendapatan rendah hampir di mana-mana sahaja, terutamanya di kawasan pedalaman,” kata Abu Bakar Haji Abdul Latip, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau KPLB).

“Yang pastinya kami tidak hanya memberikan rumah percuma kepada mereka. Kami membuat langkah susulan untuk memastikan mereka telah

mendiami rumah dalam keadaan yang baik dan bahawa mereka melakukan sesuatu yang bermanfaat untuk memperbaiki kualiti kehidupan masing-masing. Lazimnya kami juga memberi mereka peluang untuk menjalankan aktiviti ekonomi.”

Tempat berlindung dan rumah sesungguhnya memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin ekonomi kerana ia menyediakan tempat berlindung yang kekal bagi ahli keluarga sekali gus membolehkan pencari nafkah yang menyara keluarga mencari pekerjaan tanpa berasa bimbang untuk menempatkan semula ahli keluarga dari semasa ke semasa. Pejabat daerah KPLB bertanggungjawab untuk mengenal pasti penerima dan juga melaksanakan pembinaan rumah tersebut.

“Khalayak sasaran ialah ketua isi rumah yang berdaftar di bawah eKasih (pangkalan data kemiskinan negara),” kata Abu Bakar



Menggatal, Sabah

lagi. “Ini merupakan suatu kemestian kerana keperluan ini memastikan hanya individu yang layak sahaja menerima bantuan.”

Sejak GTP diperkenalkan, kata Abu Bakar, di Sabah sahaja kira-kira 9,250 buah rumah telah dibina di bawah program GTP. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan dengan kira-kira 50,000 isi rumah yang berdaftar di Sabah, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan dalam aspek penyampaian perumahan.

MEMBAWA KAMPUNG KITA MENUJU ABAD KE-21

Pelaburan yang telah dicurahkan terhadap infrastruktur luar bandar telah mengubah kehidupan rakyat luar bandar, namun masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan penduduk. NKRA Pembangunan Luar Bandar percaya bahawa penyediaan infrastruktur sahaja tidak memadai untuk mentransformasikan kawasan luar bandar menjadi pusat perniagaan yang berkembang maju dan mampan. Justeru, NKRA Pembangunan Luar Bandar turut memfokuskan usahanya terhadap pelaksanaan program yang direka bentuk untuk memangkinkan pembangunan ekonomi.

Program Kampung Abad ke-21 (KA-21) diperkenalkan untuk memenuhi hasrat transformasi ini, dan aspek utama program ini adalah untuk memastikan peluang ekonomi yang mencukupi kepada penduduk luar bandar. Sebagai sebahagian daripada program KA-21, NKRA Pembangunan Luar Bandar telah memanfaatkan komponen Program Transformasi Negara (NTP) yang lain dan memperjuangkan pembangunan ikon luar bandar setempat untuk berperanan sebagai contoh dan pemangkin untuk memacu pembangunan luar bandar.

Meskipun program KA-21 ini baru berusia dua tahun, program ini telah mula menampakkan pencapaian yang ketara dalam aspek pembangunan ekonomi, terutamanya berhubung dengan kesan daripada program Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC) dan Desa Lestari. Tahap minat yang ditunjukkan oleh penduduk luar bandar terhadap penyertaan dalam program ini amat menggalakkan sekali gus memberikan isyarat bahawa inisiatif tersebut sedang mengorak kemajuan di landasan yang tepat.

Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna laluan yang ditempuh tidak menampilkan sebarang ranjau atau cabaran. Antara yang paling menonjol ialah cabaran untuk mengenal pasti tanah yang sesuai bagi aktiviti pertanian, yang merupakan keperluan penting bagi inisiatif EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium. Tanah yang tidak mencukupi atau tidak sesuai bagi aktiviti pertanian menghambat pelaksanaan inisiatif ini, meskipun penyelesaian yang mungkin telah dikenal pasti seperti memperluas pencarian tanah di Sabah dan Sarawak.



EPP 7: Sdili Kecil, Bandar Penawar, Johor

Biarpun berhadapan dengan pelbagai cabaran, program KA-21 akan terus dilaksanakan untuk mewujudkan nilai bagi kawasan luar bandar. Program ini terdiri daripada empat tunggak transformasi yang berbeza:

- i. Membuat pelaburan kepada belia melalui Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar
- ii. Membuat pelaburan dalam kawasan pertanian luar bandar yang berpotensi dengan memanfaatkan EPP 7: Buah-

buahan dan Sayur-sayuran Premium

- iii. Membuat pelaburan dalam kampung melalui program Desa Lestari
- iv. Mewujudkan kampung bersepadu melalui program Rimbunan Kaseh.

NKRA Pembangunan Luar Bandar mengurus tiga daripada empat tunggak yang dikenal pasti di atas. Tunggak yang keempat, iaitu program Rimbunan Kaseh, diselaraskan dan diurus oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri.

MELABUR DALAM MODEL CONTOH UNTUK BELIA LUAR BANDAR

Kohort pertama peserta RBC sedang mengorak langkah ke hadapan dari segi mempamerkan potensi penuh kawasan luar bandar di Malaysia. Pertandingan tersebut, yang menggalakkan usahawan muda untuk membuka perniagaan mereka di kawasan luar bandar Malaysia, merupakan cara kami membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa kawasan luar bandar boleh menjadi pusat ekonomi yang pesat berkembang.

Pemenang RBC diberi sokongan dari segi pembiayaan dan nasihat untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka, dan dikehendaki menunjukkan pulangan yang berbentuk peningkatan pendapatan dalam tempoh 12 bulan yang berikutnya. Kejayaan yang amat mengagumkan telah diraih dalam pelbagai aktiviti ekonomi luar bandar.

Edisi RBC tahun 2014 telah dijadikan rancangan TV realiti. Di bawah format ini, para pesaing bertemu dengan panel juri pada setiap minggu untuk berkongsi dan memberikan laporan terkini tentang pelan pembangunan perniagaan mereka.

“Tahap minat yang ditunjukkan oleh penduduk luar bandar terhadap penyertaan dalam program ini amat menggalakkan sekali gus memberikan isyarat bahawa inisiatif tersebut sedang mengorak kemajuan di landasan yang tepat.”



Majlis Perasmian RBC

RBC membantu usahawan cendawan merealisasikan impian



Rusila Yusof, 33, merupakan seorang usahawan berpengalaman. Sejak tahun 2007, beliau giat mengusahakan perniagaan penanaman cendawan, yang mengalami turun naik disebabkan ragam perniagaan kecil yang lazim. Dengan pembiayaan yang terhad dan perkongsian yang tidak stabil, Rusila terpaksa menghentikan perusahaannya dan memulakannya semula sebanyak dua kali.

Namun, sejak beliau dipilih sebagai pemenang RBC pada tahun 2012, nasibnya telah berubah. Geran berjumlah RM500,000 yang diterimanya daripada RBC memberi Rusila modal yang diperlukannya untuk memulakan semula perusahaannya sendiri, yang pada hari ini telah berkembang menjadi perniagaan cendawan bersepadu yang bukan hanya mencakupi ladang cendawan, malah kilang yang menghasilkan produk berasaskan cendawan seperti sos cendawan yang telah memenangi anugerah selain kedai makan bertemakan cendawan.

“Memenangi pertandingan ini telah membawa kesan yang besar,” ujar Rusila. “RBC memberi saya segalanya yang saya perlukan, daripada A hingga Z, untuk memulakan semula perusahaannya. Selain sebidang tanah yang diberikan kepada saya, semua barang lain telah dibeli menggunakan dana geran—jentera, rumah cendawan, pejabat kami dan bahan mentah.

“Jika saya membuat pinjaman daripada bank, bank hanya sanggup membiayai infrastruktur dan pembinaan, tetapi dengan RBC, dana mencakupi modal kerja yang saya perlukan, seperti untuk peralatan pejabat, upah pekerja dan bahan mentah.”

Selain bantuan kewangan yang diterima untuk pembelian jentera dan bahan, kemenangannya dalam RBC turut membantu melonjakkan profil syarikatnya.

“Setelah saya memenangi RBC, lebih banyak agensi mula menyedari kewujudan syarikat saya,” katanya. “Memang sukar untuk mula menembusi pasaran, khususnya dalam bidang seperti

eksport. Namun, agensi-agensi ini telah membantu saya dalam pelbagai aspek termasuk pemasaran. Justeru, apabila saya menghadiri ekspo seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (*Malaysian Agricultural, Horticultural and Agrotourism*, MAHA), saya mendapat lebih banyak perhatian daripada pihak yang berkaitan.”

Daripada pengalamannya mengurus dua perniagaan cendawan sebelum ini, Rusila percaya bahawa model perniagaannya mampu berjaya. Tetapi, kekangan kawalan modal dalam dua percubaannya yang terdahulu menghalang beliau daripada melaksanakan pelan perniagaan sepenuhnya. Geran yang diterima daripada RBC memenuhi keperluan kritikal untuk mendapatkan modal dan membolehkan beliau mengawal penuh perniagaan ini. Hasilnya, pendapatan beliau meningkat lebih tiga kali daripada RM20,000 sebulan dalam percubaan terdahulu kepada RM70,000 pada masa ini.

Rusila turut menyalurkan sumbangan kepada komuniti di Terengganu yang menempatkan perniagaannya dan menggaji 22 orang pekerja untuk membantu beliau mengendalikan pelbagai perniagaan. Meskipun beliau mengakui bahawa promosi produk dan akses kepada pasaran tidak semudah berbanding jika perniagaannya terletak di pusat bandar, Rusila berpendapat kedudukannya di luar bandar mempunyai kelebihan lain seperti upah yang kompetitif dan kos pengeluaran yang lebih murah.

Pada masa yang sama, Rusila turut mengajar di sebuah kolej dan politeknik setempat tentang penanaman cendawan dan beliau telah menulis sebuah buku mengenai rahsia berjaya dalam perniagaan cendawan. Bagi Rusila, kejayaannya bertitik tolak daripada kemenangan yang diraihinya dalam RBC.

“Terima kasih kepada RBC, perniagaan saya kini lebih kukuh dan teratur,” ujarnya. “Saya telah mengesyorkan RBC kepada usahawan lain dan rakan-rakan yang saya temui di pameran dan setakat ini, tiga orang telah mengambil bahagian dan menerima geran. Ini cara yang hebat untuk membantu perniagaan desa yang kecil untuk bermula.”

MEWUJUDKAN KEMAMPAHAN

MELALUI BIDANG PERTANIAN

Di bawah EPP 7: Program buah-buahan dan sayur-sayuran segar, petani diberi latihan dan pekerjaan oleh syarikat petani manakala tanah pula disediakan oleh KKLW dengan kerjasama agensi kerajaan negeri seperti KEJORA. Syarikat peneraju juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengendalikan ladang selain memasarkan hasil. Memandangkan program tersebut dijangka mencetuskan transformasi yang nyata kepada masyarakat, ladang yang dicadangkan hendaklah memenuhi keperluan skala minimum (iaitu saiz minimum sebesar 200 ekar).

Pengalaman penduduk kampung di Kampung Sedili merupakan penunjuk kepada kewujudan potensi yang besar di kawasan luar bandar di Malaysia.

Dengan projek yang tepat dan rakan kongsi yang sesuai, potensi tersebut dapat direalisasikan dengan cepat dan menguntungkan bagi manfaat semua pihak yang terlibat. Program ini beroperasi berasaskan bahawa rakyat luar bandar perlu diberi peluang ekonomi yang sewajarnya dan ladang-ladang yang diasaskan oleh pengendali yang berdaya harap ini mampu untuk menyediakan peluang tersebut.

Meskipun dua buah ladang dicadangkan untuk diambil pada tahun 2014, namun hanya sebuah ladang sahaja yang disiapkan kerana agensi kerajaan negeri mengambil keputusan untuk menarik diri daripada satu lagi projek yang lain untuk memberikan keutamaan kepada pembangunan ladang kelapa

sawit. Melangkah ke hadapan, KKLW telah mengenal pasti 3,500 ekar tanah di Rompin, Pahang dan 200 ekar di Desaru, Johor untuk mengimbangi sasaran yang tidak berjaya dipenuhi pada tahun 2014.

Kekurangan tanah yang tersedia untuk perladangan di Semenanjung Malaysia juga mendorong usaha yang besar untuk mencari tanah yang sesuai bagi program di Malaysia Timur selain rakan kongsi sektor swasta yang tepat.



Sedili Kecil, Johor

Membina masa hadapan untuk kampung luar bandar

Penduduk Kampung Sedili Kecil, Johor telah melalui perubahan yang amat besar sejak KKLW dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) memilih kampung tersebut untuk dijadikan tapak Projek Tanaman Nenas Tuan Seh, iaitu inisiatif yang dilaksanakan di bawah program EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium. Di kampung yang dahulunya peluang pekerjaan adalah terhad dan sukar diperoleh, pembukaan ladang nenas merupakan satu rahmat yang amat dialu-alukan oleh hampir semua penduduk.

“Siapa yang tidak mahukan pendapatan yang stabil?” tanya Muhammad Adam Ramesh Abdullah, 36. “Tentulah bagus apabila saya mendapat gaji setiap bulan. Sebelum ini, pendapatan saya tidak tetap; kadang-kadang ada kerja, kadang-kadang tidak. Ini satu perubahan yang bagus. Sejak saya menyertai projek ini, saya tidak perlu bimbang lagi tentang perbelanjaan saya.”

Muhammad Adam ialah salah seorang penerima manfaat daripada projek ini, yang dikendalikan oleh rakan pelaksana dari sektor swasta, iaitu ERGOBUMI Sdn Bhd. Selain pendapatan yang stabil, pekerja projek turut diberi latihan kemahiran yang berguna dalam pengeluaran nenas secara besar-besaran yang dijual di pasar raya besar seperti Giant dan Tesco di seluruh negara.

Sebagai rakan peneraju, ERGOBUMI bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan ladang termasuk penggunaan teknologi untuk memudahkan proses penanaman dan penggredan. Menurut pengarah ERGOBUMI, Patrick Teoh Gim Hooi, ladang tersebut menghasilkan 30 tan nenas daripada satu ekar tanah pada tuaian pertama.

KEJORA memperuntukkan 300 ekar tanah untuk ladang tersebut, dan daripada jumlah itu, satu ekar

telah ditanam sebagai sebahagian daripada Fasa 1. Fasa seterusnya bakal menyaksikan peluasan operasi penanaman.

“Enam pekerja tempatan telah diambil bekerja sejak ladang ini dibuka tetapi lebih banyak pekerja akan ditambah apabila semua infrastruktur ladang siap pada tahun 2016,” kata Teoh.

Ini secara langsung bermaksud peluang kerja yang lebih banyak untuk penduduk Kg Sedili Kecil, yang dahulunya merupakan nelayan yang berhadapan dengan masa depan yang tidak menentu. Namun kini, dengan adanya ladang nenas tersebut, masa depan mereka untuk jangka panjang lebih terjamin.

Mencari peluang kerjaya di luar bandar

Hazleen Syafiza Mansur merupakan contoh cara NKRA Pembangunan Luar Bandar menetapkan sasaran untuk mengubah trend ini, terutamanya dalam kalangan belia. Selepas memperoleh ijazah dalam bidang Komunikasi Massa dari Universiti Teknologi MARA, Shah Alam pada tahun 2006, Hazleen memutuskan untuk kembali ke kampung halamannya di Sungai Petani, Kedah.

“Meskipun ditawarkan beberapa pekerjaan di KL, saya tetap mahu pulang ke Kedah untuk bersama-sama dengan keluarga saya. Peluang pekerjaan yang wujud di Kedah membantu saya membuat keputusan dan saya yakin kehidupan saya di kampung tetap terjamin,” cerita beliau.

Hazleen merupakan salah seorang pemenang Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar pertama anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pertandingan tersebut direka untuk membantu belia membangunkan perniagaan mereka yang terletak di kawasan luar bandar dengan memberikan geran tunai dan beberapa bentuk bantuan yang lain.

Semasa Hazleen menyertai pertandingan ini, beliau telah pun membuka suatu perniagaan membuat coklat yang walaupun kecil tetapi berkembang maju. Melalui perniagaan yang diusahakannya bersama-sama dengan keluarga dan tujuh orang pekerja, iaitu OKU yang ditemuinya semasa bekerja sebagai pegawai kerajaan, Hazleen bercita-cita untuk mengembangkan jenamanya ke seluruh negara.

“Saya mahu mencapai misi perniagaan saya, iaitu menjadi pembuat coklat tempatan dan mentransformasikan jenama coklat Hazleen menjadi jenama terkenal sebutan ramai,” kata beliau.

Dengan geran sebanyak RM1.5 juta yang diterimanya apabila memenangi RBC, Hazleen sudah pun mengembangkan pengeluaran coklatnya daripada 500kg hingga 1,000kg sebulan kepada 2,500kg dalam tempoh dua tahun lalu. Sasaran beliau adalah untuk meningkatkan pengeluaran kepada 7,000kg sebulan.

“Itulah cabaran saya,” ujar beliau. “Rintangan yang saya hadapi sekarang adalah dari segi pemasaran dan promosi, tetapi perkara itu sepatutnya tidak lagi menjadi isu kerana saya sudah memiliki



sebuah pejabat di Klang untuk mengurus wilayah tengah Malaysia dan sebuah pejabat lagi di Kuantan untuk mengurus kawasan pantai timur. Kami mengurus kawasan utara melalui ibu pejabat kami di Sungai Petani.”

Hazleen merancang untuk meningkatkan bilangan pusat pengagihan runcit daripada 500 kepada 1,000 buah pada tahun 2015 dan sedang mendapatkan pensijilan GMP (Amalan Pengilangan Baik) bagi coklatnya sebagai tambahan kepada pensijilan halal yang telah diperolehnya.

“Inilah impian saya,” kata Hazleen. “Saya mahu mengembangkan perniagaan saya dan mengambil lebih ramai pekerja, terutamanya orang kurang upaya untuk membantu mereka menjadi anggota masyarakat yang lebih produktif.”



MEMBANTU KOPERASI KAMPUNG MEMPERTINGKATKAN OPERASI

Kampung Lonek merupakan contoh yang baik berkaitan dengan matlamat yang ingin dicapai oleh program Desa Lestari, yang membentuk tunggak ketiga program KA-21. Melalui Desa Lestari, NKRA Pembangunan Luar Bandar menyasarkan lonjakan kapasiti program koperasi luar bandar sedia ada dengan meningkatkan pendapatan dan memperkemas operasi koperasi tersebut. Memandangkan ekonomi luar bandar lazimnya terpinggir daripada pasaran utama, koperasi tersebut harus menjajarkan aktiviti mereka dalam setiap ekonomi untuk mencipta nilai bagi satu

sama lain, sekali gus membina entiti yang mampu memenuhi keperluannya sendiri. Sejumlah 36 buah kampung telah dikenal pasti setakat ini.

Desa Lestari dibiayai dan dipantau oleh Bahagian Pengupayaan Ekonomi yang akan turut bekerjasama dengan agensi pelaksana lain untuk mengenal pasti calon kampung yang sesuai. Sebagai contoh, kami telah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) untuk melaksanakan program tersebut.

Agensi-agensi tersebut bertanggungjawab untuk mengurus pembelian dan pembinaan aset baharu, penyelenggaraan koperasi dan pemantauan pelaksanaan projek.



Kampung Lonek

MEMBINA LADANG MODEN

UNTUK PENGUPAYAAN EKONOMI

Program Rimbunan Kaseh yang diselenggarakan dan diurus oleh ICU berperanan membina ladang yang moden dan bersepadu dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi masing-masing. Ladang-ladang ini direka agar dapat disepadukan sepenuhnya untuk memaksimumkan kecekapan dan meminimumkan pembaziran dalam semua aspek operasinya. Ladang-ladang ini seterusnya menggaji penduduk kampung luar bandar dan menyediakan perumahan kepada mereka untuk mewujudkan masyarakat yang berpusat di ladang tersebut.

Ladang-ladang Rimbunan Kaseh, iaitu sebuah usaha sama dengan IRIS Corp Bhd, mencerminkan masyarakat contoh yang menitikberatkan kelestarian alam sekitar untuk menyediakan sumber makanan dan pendapatan kepada penduduk luar bandarnya. Sebagai contoh, ladang tersebut membiakkan ikan melalui sistem akuaponik dan air buangan daripada projek tersebut digunakan untuk mengairi tanaman bagi menghasilkan tanaman yang segar. Cacing yang dibiakkan dalam kompos tanaman kemudiannya dijadikan makanan ayam kampung untuk melengkapkan kitaran.

Program Rimbunan Kaseh dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan disasarkan terutamanya untuk penduduk miskin luar bandar yang tidak mempunyai pekerjaan dan kediaman.



Kampung Lonek

Menempatkan kampung kita pada kedudukan yang lebih mampan

Salah satu ciri paling menyenangkan yang dimiliki oleh Kampung Lonek, iaitu sebuah kampung yang terletak sejauh 7km dari Bahau, Negeri Sembilan, ialah cara kampung ini mengekalkan rupa

dan suasana kampung tradisional. Daya tarikan kampung ini menjadikannya sebuah destinasi pelancong semula jadi, yang seterusnya memacu pembangunan program inap desa pada tahun 2004. Populariti program tersebut meningkat dengan begitu pesat dan meluas sehingga akhirnya menjadi produk utama kampung itu.

Industri inap desa di Kampung Lonek mencatat kemajuan yang besar pada tahun 2013 apabila ia terpilih sebagai peserta Desa Lestari, iaitu sebuah inisiatif di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar yang direka khusus untuk mempercepat pembangunan aktiviti ekonomi

luar bandar. Program inap desa itu kemudiannya diletakkan di bawah koperasi kampung, iaitu Koperasi Homestay Lonek Jempol Bhd, yang menyelaraskan dan mengurus program tersebut secara keseluruhan.

Sebagai peserta Desa Lestari, koperasi menerima geran daripada KKLW untuk membangunkan kampung, khususnya mempertingkatkan program inap desa kepada pelancong.

“Antara projek kami termasuklah membina chalet untuk menambah bilangan rumah yang ada dan mengadakan aktiviti perkhemahan,” kata Badariah Ahmad, pengerusi koperasi tersebut. “Selain itu, kami turut membina pusat jalur lebar untuk membantu membangunkan kemahiran komputer penduduk kampung kami. Kami juga menggunakan geran tersebut untuk membeli kenderaan seperti van, trem pelancong dan jentera berat.”

Badariah berkata bahawa koperasi turut membangunkan aktiviti komersial lain seperti kraf tangan yang dihasilkan daripada pokok getah, pemeliharaan

lebih dan penyewaan kelengkapan kepada pelancong. Beliau menambah bahawa salah satu keutamaan tertinggi koperasi adalah untuk melatih dan memberikan pendedahan kepada belia kampung, terutamanya berkaitan dengan kemahiran pengurusan perniagaan. Dengan melaksanakan usaha ini, koperasi akan mengubah Kampung Lonek menjadi pusat ekonomi yang mampan.

“Koperasi berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk kampung dengan memberi mereka peluang sebanyak yang mungkin untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti,” ujar beliau. “Ini akan membantu menambah dan menjana pendapatan, meskipun kami turut membayar dividen pada akhir tahun.”

Melangkah ke hadapan, koperasi sedang berusaha menggalakkan penduduk kampung untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi mereka, terutamanya dalam bahasa Inggeris, memandangkan sebahagian besar pengunjung yang datang ke kampung ini adalah dari luar negeri.

PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Aida Shazleen Binti Mohd Sohaimi

Ketua Penolong Setiausaha, Unit NKRA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

PELAKSANAAN INISIATIF LUAR BANDAR SATU CABARAN YANG MENDATANGKAN KEPUASAN KEPADA DMO

Bagi Aida Shazleen binti Mohd Sohaimi, Ketua Penolong Setiausaha, Unit NKRA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), pelaksanaan setiap inisiatif NKRA Pembangunan Luar Bandar diiringi dengan cabaran tersendiri yang memerlukan penyelesaian yang unik. Meskipun NKRA Pembangunan Luar Bandar pada umumnya telah menyempurnakan tugas dengan cemerlang dari segi pencapaian semua KPI untuk projeknya, terdapat rintangan pada sesetengah projek, terutamanya projek yang melibatkan pihak ketiga. Salah satu inisiatif yang berhadapan dengan masalah sedemikian ialah inisiatif EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium.

“Kami menghadapi cabaran mendapatkan tanah untuk projek itu,” jelas Aida. “Pertama sekali, kami perlu mendapatkan tanah yang berpotensi dijadikan tanah pertanian. Kami perlu melihat kedudukan geografi dan keadaan tanah, sama ada ia mudah menghadapi masalah seperti banjir, sejauh mana kecerunan bidang tanah itu—semua ini merupakan perkara yang perlu kami pertimbangkan.”

“Setelah kami mengenal pasti tanah yang sesuai, kami juga perlu berurusan dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi lain untuk mendapatkan kelulusan tanah tersebut. Oleh itu, kami perlu duduk berbincang dan bekerjasama untuk menjalin hubungan baik dan mencapai persetujuan mengenai visi yang dihasratkan untuk tanah itu. Perkara ini pun ada cabarannya sendiri, namun kami semakin cekap menanganinya setelah menimba pengalaman selama bertahun-tahun.”

Pelaksanaan infrastruktur turut mengalami masalah yang serupa, menurut beliau: “Malangnya, tidak semua rakan pelaksana projek memenuhi jangkaan kami dalam pelaksanaan mereka, dan hal ini telah melewati penyempurnaan sesetengah projek air di Sabah dan Sarawak. Sejak itu, kami telah menyenaraihitamkan kontraktor dan perunding yang bermasalah itu.”

Menerusi pengalaman tersebut, pasukan pelaksana di KKLW sedar bahawa pelaksanaan projek dan rakan pelaksanaannya perlu dipantau dengan lebih rapi, tambah Aida. Untuk memudahkan pengawasan pelaksanaan dengan lebih teliti, Kementerian menyediakan “bilik perang” untuk pihak berkepentingan utama bertemu dan membincangkan isu, sama ada isu sebenar atau yang berkemungkinan, antara satu sama lain.

“Hasil daripada bilik perang, kami dapat mengenal pasti projek yang menunjukkan tanda-tanda kegagalan sejak peringkat awal, dan ini membolehkan kami menghulurkan bantuan yang lebih cepat kepada pelaksana projek,” kata beliau. “Berdasarkan pengalaman kami, ada projek yang nampaknya seperti tiada masalah tetapi apabila kami duduk berbincang bersama-sama mengenainya, kami menyedari ada penambahbaikan yang boleh dibuat.”

Perbincangan itu juga boleh mencetuskan inovasi atau penyelesaian kreatif terhadap masalah yang mungkin timbul tanpa disangka-sangka. Aida berkata bahawa banjir teruk yang dialami pada tahun 2014 merupakan salah satu halangan yang muncul secara tiba-tiba tanpa diduga. Namun demikian, beliau berkata bahawa melalui pengalaman tersebut, pasukan pelaksana kini lebih bersedia untuk mengambil tindakan luar jangka sekiranya perkara yang sama berlaku lagi.

“Seperti yang saya katakan, cabaran yang ditempuh sentiasa berubah-ubah dan kami belajar sesuatu yang baharu setiap hari,” ujar Aida. “Namun, jika kami berhadapan dengan cabaran ini buat kali kedua, kami sudah tahu cara untuk bertindak balas dan menanganinya.”


Melangkah ke hadapan, Aida berkata bahawa pasukan pelaksana akan menentukan keutamaan projek berdasarkan keperluan. Menurut beliau, pengenalan GTP telah membantu memulakan pendekatan yang lebih berpaksikan tujuan terhadap pelaksanaan hasil, dan membantu menjalin kerjasama yang lebih erat dalam kalangan perkhidmatan awam dan rakan kongsi yang lain.

Perkara ini khususnya amat penting dalam peringkat pelaksanaan seterusnya, iaitu dalam pewujudan Kampung Abad ke-21, yang memerlukan penyediaan penyelesaian menyeluruh yang tidak terhad kepada infrastruktur sahaja. Dalam konteks program KA-21, Aida mengakui wujudnya cabaran dalam mendapatkan penerimaan penduduk luar bandar, namun menurut beliau, sokongan mereka semakin meningkat kini apabila kesan dan hasil inisiatif yang dilaksanakan pada dua tahun pertama mula dapat dilihat dan dirasakan.

Sebagai contoh, Aida berkata bahawa terdapat kampung yang berebut-rebut memohon untuk menyertai program Desa Lestari setelah melihat kesan program tersebut terhadap peserta awal.

“Apabila kami turun padang untuk memeriksa kampung, kami mendapati bukan kampung yang mengambil bahagian dalam program sahaja yang berkembang maju, tetapi kampung-kampung di sekelilingnya turut bersemangat untuk melakukan perkara yang sama,” ujar beliau. “Malah, ini menimbulkan sedikit cabaran kepada kami kerana apabila kami memilih kampung untuk dimasukkan ke dalam program, kami sering mendapati bahawa terdapat lebih banyak kampung yang layak menyertai program daripada yang kami anggar.”

Meskipun mencabar, Aida berkata bahawa pelaksanaan inisiatif NKRA Pembangunan Luar Bandar merupakan satu pengalaman yang memberikan kepuasan. Beliau yang sebelum ini bertugas di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, peranan baharu beliau dengan KKLW telah membolehkan beliau berinteraksi dengan lebih rapat dengan penerima manfaat inisiatif selain melihat dengan lebih dekat perubahan yang tercetus dalam kehidupan mereka.



TERUS MENELUSURI JALAN YANG JARANG DILALUI

Setiap tahun, perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan untuk projek pembangunan luar bandar ditentukan bagi memastikan semua rakyat Malaysia, di kawasan bandar dan luar bandar, dapat menikmati manfaat yang terhasil dalam perjalanan Malaysia menuju ke arah status negara membangun. Visi NKRA Pembangunan Luar Bandar adalah untuk menyampaikan kemudahan asas pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan sebelumnya untuk mengupayakan keluarga dan meningkatkan taraf hidup mereka, agar mereka dapat meraih peluang yang sama sepertimana masyarakat bandar.

Melalui perkongsian dan penyempurnaan pertumbuhan sosioekonomi negara, masyarakat luar bandar tidak akan dibiarkan ketinggalan. Walau bagaimanapun, transformasi yang berimpak tinggi memerlukan masa dan komitmen daripada pelbagai kementerian, agensi serta rakyat sendiri.

Meskipun jalan yang terbentang mungkin penuh berliku dan mencabar, usaha mencapai sasaran yang ditetapkan oleh makmal GTP 2.0 sebelum tarikh akhir pada tahun 2015 menjadi fokus kami yang paling utama untuk melaksanakan perubahan, khususnya di sepanjang laluan yang tidak lagi dilupakan.

GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Pembinaan Jalan Raya (KM)	437.65	485.49	111	●
	Semenanjung	226.64	244.29	108	●
	Sabah	104.55	108.95	105	●
	Sarawak	106.46	132.25	124	●
2	Penyampaian bekalan air (isi rumah)	8,000	8,195	102	●
	Semenanjung	2,000	2,195	110	●
	Sabah	3,000	3,000	100	●
	Sarawak	3,000	3,000	100	●
3	Penyampaian Bekalan Elektrik (isi rumah)	14,295	14,299	100	●
	Semenanjung	1,644	1,540	94	●
	Sabah	4,151	4,227	102	●
	Sarawak	8,500	8,532	100	●
4	Nisbah Program Bantuan Rumah (PBR) - Rumah yang Dibaiki: Rumah baharu yang dibina	8,175 (Nisbah 80:20)	8,995	110	●
	Semenanjung	2,908	3,560	112	●
	Sabah	2,732	2,637	97	●
	Sarawak	2,535	2,798	110	●
5	Penyenggaraan jalan raya (KM)	730	815	112	●
6	EPP Pertanian #7: Menaik Taraf Keupayaan untuk menghasilkan Buah-buahan dan Sayur-sayuran premium - Ladang Buah-buahan yang Besar	2	1	50	●
7	Desa Lestari	13	13	100	●
8	Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (i) Pemenang RBC	13-20	115%	115	●
	Peratusan pemenang tahun 2012 mencapai peningkatan pendapatan sebanyak 25%	80%	90.9%	114	●
JUMLAH				102%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Pembinaan Jalan (jarak km)	697
2	Penyampaian bekalan air :Bilangan isi rumah	7,500
3	Penyampaian Bekalan Elektrik :Bilangan isi rumah	13,319
4	Perumahan: Bilangan Rumah	9,500
5	Penyelenggaraan Jalan (jarak km)	313
6	KA-21 : Desa Lestari	13 Kampung
7	KA-21 : EPP7	2 Kawasan
8	KA-21 : RBC	80% daripada Pemenang mencapai 30% peningkatan dalam pendapatan

Seramai
5 juta

rakyat Malaysia
di kawasan luar
bandar telah
mendapat manfaat
sejak dari tahun
2010-2014



3 kawasan ladang
buah-buahan dan sayuran
segar (2013-2014)




34 orang pemenang
Pertandingan Pelan
Perniagaan Luar Bandar
untuk menggalakkan penyertaan
belia (2013 -2014)



10 orang daripada 11 orang
Pemenang Pertandingan
Pelan Perniagaan Luar
Bandar 2012

telah mengalami peningkatan
dalam pendapatan mereka
sebanyak **25%**



42 buah Kampung
untuk mempertingkatkan
aktiviti ekonomi koperasi
kampung (2013-2014)



Program Kampung Abad Ke-21

merupakan pengenalan baru dalam
NKRA Pembangunan Luar Bandar yang
bertujuan untuk mengubah kampung
sedia ada menjadi sebuah pusat ekonomi
yang berkembang maju dan boleh
memberikan peluang ekonomi
kepada masyarakat luar bandar



Sejak tahun 2010, pembinaan infrastruktur asas luar bandar telah berjaya dilaksanakan


4,553 kilometer
jalan raya luar bandar
siap dibina

2.5
juta
orang




336,266
isi rumah luar bandar
mendapat bekalan air bersih

1,681,330 orang



129,595
isi rumah luar bandar
mendapat bekalan
elektrik yang andal

647,975 orang



73,392
rumah luar bandar
dibina dan dibaik pulih

366,960 orang



Ladang Moden yang dipacu Kerajaan Negeri

untuk membangunkan dan
menyenggara ladang-ladang
moden dengan kerjasama kerajaan
negeri dan agensi-agensinya.





Mempertingkatkan Kesalinghubungan dan Ketercapaian

Salah satu lambang kemegahan bandar raya bertaraf dunia ialah wujudnya sistem pengangkutan awam yang cekap untuk menyediakan pengangkutan yang efisien untuk keluar dan masuk ke bandar. Impian kami, selaras dengan **NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT)**, adalah untuk melaksanakan rangkaian pengangkutan awam yang sedemikian di sekitar *Greater* Kuala Lumpur/Lembah Klang yang bakal menjadikan ibu kota negara ini setanding dengan bandar raya bertaraf dunia yang lain.

Walaupun kita telah meraih kemajuan yang ketara dalam mempertingkatkan perkhidmatan rel, bas dan teksi negara sejak lima tahun yang lepas, jelas bahawa usaha yang lebih perlu diteruskan untuk memastikan kejayaan dapat dicapai. Data terus menunjukkan pertumbuhan yang positif dan jelas membuktikan bahawa inisiatif yang dilaksanakan berada pada landasan yang betul. Contohnya, bilangan penumpang pada waktu puncak pagi meningkat 4% pada tahun 2014 kepada 455,728 orang penumpang pengangkutan awam berbanding dengan 437,525 penumpang pada tahun 2013. Peningkatan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam kepada 86% daripada 71% merupakan satu lagi bukti bahawa rangkaian pengangkutan kita secara beransur-ansur menunjukkan peningkatan.



“Kekerapan tren telah bertambah baik dan setanding dengan piawaian bertaraf bandar global dari segi kebolehan menampung penumpang bagi orang kurang upaya dan warga tua serta orang awam.

Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Pengangkutan

Tindakan pertama yang perlu diambil adalah untuk mengurangkan kesesakan di bandar. Sesungguhnya perkara ini boleh membawa kekecewaan dan masa yang terbuang ketika terperangkap dalam kesesakan lalu lintas, jumlah bahan api yang dibazirkan oleh kenderaan yang tidak dapat bergerak, dan usaha mencari ruang letak kenderaan yang sering kali mengecewakan. Hakikatnya, sebuah rangkaian pengangkutan awam yang bersepadu dengan baik sememangnya cara yang lebih efisien untuk perjalanan masuk dan keluar bandar setiap hari.

Kedua, rangkaian pengangkutan awam yang cekap dapat meningkatkan produktiviti bagi perniagaan yang terletak di pusat bandar. Kesesakan lalu lintas menyekat pergerakan pekerja dan barangan, sekali gus menjadikan Kuala Lumpur lokasi yang kurang sesuai untuk menjalankan perniagaan bagi penduduk tempatan dan syarikat korporat asing yang berpotensi. Akses yang lebih baik yang dijana oleh pengangkutan awam juga menjadikan bandar raya ini sebuah lokasi yang lebih sesuai untuk aktiviti rekreasi dan sosial, sekali gus meningkatkan kesesuaian keseluruhan bandar untuk didiami.

Jika dilihat kembali bagaimana perkembangan usaha ini, boleh dikatakan bahawa pencapaian kita sejak bermulanya GTP amat ketara. Kekerapan tren telah bertambah baik dan setanding dengan piawaian bertaraf bandar global dari segi kebolehan menampung penumpang bagi orang kurang upaya, warga tua dan orang ramai. Selain itu, beberapa perkhidmatan pengangkutan awam kita, seperti bas RapidKL, turut dilengkapi akses perkhidmatan Wi-Fi percuma untuk menjadikan perjalanan suatu pengalaman yang lebih bermakna.

Kami mendapati bahawa sistem pengangkutan awam menunjukkan bahawa lebih banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan penyampaian. Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan pihak berkepentingan yang lain, komited untuk mengubah persepsi ini, dan bertekad untuk mempertingkatkan rangkaian pengangkutan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Sebagai contoh, kami menyedari bahawa kekurangan kesalinghubungan dari awal hingga akhir perjalanan serta kekurangan integrasi antara pelbagai kaedah pengangkutan awam terus menjadi faktor yang menghalang lebih ramai orang awam untuk menaiki pengangkutan awam.

Kami sedang berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah ini dan masalah lain yang menghalang kemajuan sistem pengangkutan awam negara. Kami senantiasa bersifat terbuka terhadap sebarang kritikan mengenai sistem pengangkutan awam negara, dan kami menggalakkan apa jua maklum balas yang boleh menambah baik perkhidmatan kami. Melangkah ke hadapan, saya menyeru semua rakyat untuk berganding bahu bersama-sama dengan kami dalam mendukung agenda nasional ini untuk mewujudkan sebuah bandar yang lebih cekap kesalinghubungan dan ketercapaiannya.

* Waktu puncak pagi adalah antara 6 pagi - 10 pagi pada hari biasa.

MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM PILIHAN YANG LEBIH BAIK

Bandar-bandar di Malaysia telah menjadi pusat pertumbuhan yang penting di negara ini, bahkan akan menjadi lebih penting apabila negara menghampiri matlamatnya untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Apabila bandar berkembang, begitu juga dengan aktiviti ekonominya, yang menyebabkan perlunya aliran manusia yang malar untuk memainkan peranan sebagai pekerja atau pengguna. Apabila aliran ini terhenti atau terhalang, bandar ini gagal berfungsi ataupun ia berfungsi pada peringkat separa optimum.

Bilangan penduduk *Greater* Kuala Lumpur dan Lembah Klang (GKL/KV) dijangka mencapai 10 juta orang menjelang tahun 2020, sekali gus menambah tekanan terhadap jalan raya bandar yang telah menghampiri kapasiti maksimumnya. Meskipun jalan raya di GKL/KV pada umumnya masih dapat digunakan, ia amat sensitif terhadap sebarang gangguan yang mungkin mempunyai kesan buruk yang tidak diingini terhadap keseluruhan sistem hingga menyebabkan kesesakan.

Kesesakan lalu lintas yang berpanjangan mempunyai pelbagai kesan dari segi sosial dan ekonomi. Bahan api dibazirkan oleh kenderaan yang tidak bergerak, produktiviti berkurang kerana pekerja terperangkap dalam kesesakan, kualiti udara merosot akibat pelepasan asap kereta dan kekecewaan pemandu akibat perjalanan ulang-alik ke bandar yang begitu lama.

Terdapat dua penyelesaian secara konvensional kepada kesesakan, iaitu pembinaan lebih banyak jalan raya atau mencari jalan alternatif untuk membawa penumpang masuk dan keluar dari bandar, contohnya melalui pengangkutan awam. Pada pandangan NKRA UPT, sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan merupakan penyelesaian utama untuk meningkatkan kesalinghubungan dan kebolehcapaian.

GKL/KV telah pun mempunyai sistem pengangkutan awam yang mampan di mana ianya menggunakan kedua-dua jalan raya dan rel. Walau bagaimanapun, kadar kemajuan perbandaran yang pesat di bandar kita telah menggunakan kapasiti yang ada dengan cepat sehingga sistem pengangkutan awam kini beroperasi hampir pada had maksimumnya. Satu lagi faktor yang membataskan lagi keberkesanan dan kecekapannya ialah kekurangan integrasi antara pelbagai kaedah pengangkutan awam.

Justeru, penumpang terpaksa membuat pertukaran yang menyusahkan mereka atau menunggu lama di stesen. Gangguan yang kerap dalam perkhidmatan semakin menyemarakkan rasa tidak puas hati orang ramai terhadap perkhidmatan pengangkutan awam sehingga mendorong banyak pengguna bertukar kepada kenderaan persendirian untuk melakukan perjalanan. Dalam kes-kes lain, kekurangan kesalinghubungan dari awal hingga akhir perjalanan



Bas Aliran Deras (BRT) - Aliran Sunway sedang dalam pembinaan dan akan dilancarkan pada Jun 2015

bererti tidak ada cara yang mudah bagi penumpang untuk melakukan peringkat pertama dan terakhir perjalanan, dari rumah mereka ke stesen dan dari stesen ke destinasi mereka, sekali gus mengurangkan lagi keinginan untuk menggunakan pengangkutan awam.

Untuk memenangi hati pengguna agar menggunakan pengangkutan awam, NKRA UPT sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan untuk mentransformasikan pengangkutan awam menjadi alternatif yang berdaya maju berbanding dengan penggunaan kenderaan persendirian. Dalam tempoh lima tahun yang lalu, RM3.5 bilion telah dibelanjakan untuk melaksanakan inisiatif di bawah NKRA UPT (tidak termasuk projek peluasan jajaran aliran LRT dan Monorel). Walaupun kemajuan sememangnya telah dicapai, masih banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan.

NKRA UPT terus melaksanakan inisiatif pada tahun 2014, dan telah berjaya meraih pencapaian berikut:

	Prestasi ketepatan masa perkhidmatan KTM Komuter pada waktu puncak pagi
1	NKRA UPT berjaya memastikan prestasi ketepatan masa mencapai 97.5% daripada keseluruhan perkhidmatan KTM Komuter pada waktu puncak pagi.
	Peningkatan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam
2	Satu tinjauan yang dilakukan pada November 2014 menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam telah meningkat daripada 71% kepada 86% pada tahun 2014. Ia membuktikan bahawa inisiatif kami untuk menambah baik sistem pengangkutan awam mula menampakkan hasilnya.
	Peningkatan kesalinghubungan akhir perjalanan
3	Inisiatif NKRA untuk meningkatkan kesalinghubungan akhir perjalanan menyaksikan 2,407 tempat letak kereta ditambah di empat stesen ¹ rangkaian rel di Lembah Klang, yang memudahkan akses pengguna kepada perkhidmatan rel.

Cabaran pelaksanaan projek memberikan kesan terhadap bilangan penumpang

Terdapat beberapa kelewatan dalam pelaksanaan projek seperti pembinaan Terminal Transit Bersepadu (ITT) Gombak, penghantaran set empat gerabak monorel baharu (yang dijangka siap pada penghujung tahun 2015) dan pembinaan laluan Bas Aliran Deras (BRT) Kuala Lumpur - Klang. Semua ini telah memperlambatkan pertumbuhan bilangan penumpang pengangkutan awam.

Pada masa yang sama, kadar pembinaan projek infrastruktur utama seperti pembinaan untuk projek peluasan aliran LRT berhadapan dengan kelewatan disebabkan oleh isu pelaksanaan projek. Di samping itu, perhatian yang lebih teliti diberikan terhadap kerja-kerja pembinaan berikutan beberapa kes kemalangan yang dikaitkan dengan kedua-dua projek itu pada tahun 2014.

Satu lagi cabaran yang dihadapi ialah bilangan pemandu bas henti-henti yang semakin berkurang telah menjejaskan kemampuan pengusaha untuk memberikan khidmat yang berkesan kepada semua laluan bas, lantas menyebabkan penumpang mencari mod pengangkutan alternatif dengan

menggunakan kenderaan persendirian. Kekurangan pemandu bas henti-henti ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kelemahan dalam model perniagaan sedia ada, seperti pembayaran pampasan yang rendah, kos sara hidup yang tinggi di GKL/KV dan kos kemasukan industri yang tinggi serta persepsi mengenai taraf pekerjaan yang rendah dan keadaan kerja yang mencabar. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan sepanjang dua tahun lalu untuk menyelesaikan masalah kekurangan pemandu, seperti merekrut bekas tentera dan pemandu wanita, dan pelan pengambilan pekerja yang agresif oleh Prasarana, namun inisiatif-inisiatif tersebut tidak berjaya membuahkan hasil yang ketara.

Kesan daripada cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan projek, NKRA UPT telah mengubah sasaran bilangan penumpang pada waktu puncak pagi daripada 750,000 kepada 550,000 pada tahun 2015.

Usaha mengubah pemikiran pengguna juga menjadi cabaran utama dalam pembangunan sektor pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, NKRA UPT mengakui bahawa usaha meyakinkan pengguna kenderaan persendirian untuk bertukar kepada pengangkutan awam mungkin merupakan rintangan terbesar yang perlu diatasi. Untuk mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap pengangkutan awam, NKRA UPT perlu membuktikan bahawa rangkaian pengangkutan awam disepadukan dengan baik, andal dan cekap. Selain itu, terdapat keperluan untuk menambah baik kesalinghubungan dari awal hingga ke akhir perjalanan melangkaui pencapaian yang telah diraih setakat ini.

Usaha mengubah persepsi pengguna tidak mungkin dapat dicapai dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, NKRA UPT tetap percaya bahawa usaha yang sedang dilaksanakan hari ini akan menyediakan asas yang diperlukan untuk mewujudkan alternatif yang berdaya maju dan menarik kepada penggunaan kenderaan persendirian pada masa hadapan, sebaik sahaja semua inisiatif disempurnakan.

¹ Shah Alam, Padang Jawa, Ampang dan Asia Jaya



Pandangan daripada Prasarana: Cabaran UPT adalah untuk menyediakan rangkaian pengangkutan pada waktu puncak

Walaupun bilangan penumpang harian perkhidmatan rel meningkat dengan ketara pada tahun 2014—meningkat 18% kepada 527,659 penumpang LRT dan Monorel daripada 447,777 pada tahun 2011—Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Azmi Abdul Aziz, berkata bahawa banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan bilangan penumpang, terutamanya pada waktu puncak pagi, yang juga dikenali sebagai “waktu paling puncak”.

“Perkhidmatan rel, di mana-mana sahaja di dunia, sentiasa direka untuk mengendalikan keadaan paling puncak pada waktu pagi apabila permintaan perkhidmatan sangat tinggi,” kata Azmi. “Kapasiti yang cukup perlu untuk mengurus permintaan tersebut.”

NKRA UPT memantau secara aktif bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi, yang menunjukkan peningkatan berterusan selama beberapa tahun dengan jumlah yang direkodkan pada tahun 2014 ialah sebanyak 455,728 pengguna. Walaupun peningkatan pengguna perkhidmatan rel amat menggalakkan, Azmi berkata bahawa usaha yang telah dilaksanakan tidak mencukupi untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan rel dengan ketara.

“Untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, kita harus mencari jalan untuk meningkatkan jumlah pengguna walaupun pada waktu puncak pagi,” ujar beliau. “Untuk waktu puncak pagi, kita boleh meningkatkan bilangan penumpang tetapi kita perlu mencari jalan untuk mengurangkan kemuncak permintaan pada waktu paling puncak. Satu cadangan penyelesaian ialah jika pengguna dapat memulakan perjalanan pada masa yang berlainan (berbanding dengan kesemuanya melakukan perjalanan serentak) pada waktu puncak pagi.”

Azmi memberikan contoh Penguasa Pengangkutan Darat Singapura (*Land Transport Authority, LTA*), yang melancarkan program untuk menawarkan perjalanan MRT percuma di stesen-stesen terpilih jika pengguna menamatkan perjalanan mereka sebelum jam 7.45 pagi, iaitu sebelum waktu puncak. Untuk menggalakkan lebih banyak perjalanan dibuat pada waktu tersebut, LTA juga telah berbincang dengan majikan untuk meyakinkan mereka agar menawarkan waktu kerja fleksibel kepada pekerja mereka.

“Kita harus mencontohi usaha yang telah dilakukan Singapura untuk memikat pengguna agar melakukan perjalanan sebelum waktu puncak,” kata Azmi. “Namun untuk melaksanakan usaha itu, kita perlu menambah baik sistem Kutipan Tambang Automatik.”

Untuk memastikan kelancaran integrasi antara aliran rel, kini kedua-dua LRT dan Monorel di GKL/ KV telah pun dilengkapi dengan sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC). Namun, untuk memastikan integrasi rangkaian rel yang lengkap, kita perlu menyepadukannya dengan perkhidmatan KTM Komuter, yang hanya akan selesai dari segi pemasangan kemudahan pada tahun 2016.

Sementara itu, Prasarana sedang meneruskan kerja untuk menambah baik kesalinghubungan dari awal hingga akhir perjalanan, dan sedang mempertimbangkan untuk melancarkan perkhidmatan bas pengantara yang lebih baik bagi kawasan perumahan. Namun, perkhidmatan ini hanya akan bermula paling awal pada tahun 2016.



MEMBOLEHKAN ORANG RAMAI

TIBA KE DESTINASI MELALUI PENGANGKUTAN AWAM

Inisiatif NKRA UPT untuk menambah baik mod pengangkutan awam di kawasan GKL/KV tertumpu pada pembinaan rangkaian pengangkutan awam rel termasuk perkhidmatan KTM Komuter dan LRT, bas dan teksi. Bahagian seterusnya menerangkan secara terperinci pencapaian NKRA UPT dalam penambahbaikan perkhidmatan tersebut untuk rakyat.

Meningkatkan standard perkhidmatan rel

Menurut data bilangan penumpang daripada pengendali perkhidmatan rel, penggunaan pengangkutan awam rel paling pantas berkembang antara semua mod pengangkutan awam. Berdasarkan data bilangan penumpang tersebut, bilangan penumpang harian untuk perkhidmatan rel meningkat sebanyak 23% kepada 685,706 pengguna pada tahun 2014 daripada 557,921 pada tahun 2011*. Keandalan, kepantasan dan kapasiti penumpang yang boleh dibawa menjadikan tren salah satu kaedah pengangkutan awam yang paling cekap, dan bakal menjadi pemacu penggunaan pengangkutan awam yang penting apabila MRT yang sedang dibangunkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) memulakan operasinya pada tahun 2017.

Namun, NKRA UPT percaya bahawa rangkaian rel sedia ada – KTM Komuter, KL Monorail dan perkhidmatan LRT – boleh ditambah baik secara berterusan untuk mencapai potensi sepenuhnya. NKRA UPT telah merangka tiga inisiatif utama untuk menambah baik operasi perkhidmatan sedia ada dan memperluas jangkauannya:

- Penambahbaikan perkhidmatan KTM Komuter dan LRT
- Penambahan kapasiti KL Monorail
- Projek peluasan jajaran aliran LRT Kelana Jaya dan Ampang

MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN REL

Inisiatif yang dirangka untuk mempertingkatkan perkhidmatan tren telah membuahkan hasil. Satu tinjauan pada tahun 2014 yang melibatkan pengguna pengangkutan awam menunjukkan bahawa 86% daripada responden berpuas hati dengan perkhidmatan pengangkutan awam, meningkat daripada 48% pada tahun 2010. Sebab-sebab yang mempengaruhi tahap kepuasan yang lebih baik ini termasuklah:

- Peningkatan tahap keselesaan dengan menyediakan kapasiti yang lebih tinggi (mengurangkan selang waktu perjalanan kepada setiap 15 minit bagi KTM Komuter) dan menaik taraf stesen dengan kemudahan yang lebih baik
- Peningkatan keandalan perkhidmatan rel (prestasi ketepatan masa Komuter mencapai 97.5% pada waktu puncak pagi; perkhidmatan LRT aliran



Perkhidmatan KTM beroperasi dari 6 pagi hingga 12 malam setiap hari

Kelana Jaya setiap 2.5 minit daripada 5-7 minit)

- Peningkatan kesalinghubungan dari awal hingga akhir perjalanan melalui kompleks Park n Ride, stesen bersepadu dan laluan pejalan kaki.

Salah satu penanda aras yang digunakan untuk mengukur kejayaan bagi langkah-langkah penambahbaikan ialah prestasi sistem rel pada waktu yang paling sibuk, iaitu waktu puncak pagi. Untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan rel, set gerabak baharu yang lebih besar telah diperkenalkan ke dalam sistem seperti jadual di bawah.

Peningkatan kapasiti	Kesan
Pengenalan 38 set tren enam gerabak baharu bagi perkhidmatan KTM Komuter	Mengurangkan selang waktu perjalanan (<i>headway</i>), iaitu tempoh antara ketibaan tren, ketika waktu puncak daripada setiap 30 hingga 45 minit kepada 15 minit
Pengenalan 35 set tren empat gerabak baharu bagi aliran LRT Kelana Jaya	Mengurangkan selang waktu perjalanan kepada 2.5 minit ketika waktu puncak pagi dan meningkatkan tahap keselesaan para penumpang
Pengenalan set pertama tren empat gerabak (daripada 12 set) bagi KL Monorail (Penggunaan sepenuhnya dijangka selesai pada tahun 2015)	Menggandakan kapasiti tren dua gerabak yang sedia ada, untuk membolehkan lebih banyak penumpang menggunakan Monorel

* termasuk perkhidmatan LRT, Monorel, KTM Komuter dan ERL.

Kesan secara langsung terhadap pengenalan set gerabak baharu ialah pengurangan selang waktu perjalanan pada waktu puncak, yang meningkatkan jumlah penumpang dan menambah baik masa perkhidmatan. Penambahan kapasiti tren dengan gerabak baharu telah menyumbang kepada peningkatan jumlah penumpang ketika waktu puncak pagi sebanyak 4.1% pada tahun 2014 menjadikan jumlahnya sebanyak 455,728 penumpang daripada 437,525 penumpang pada tahun 2013. Angka ini dijangka akan terus meningkat apabila kesemua set gerabak monorel baharu diperkenalkan sepenuhnya ke dalam sistem perkhidmatan.



Selain menyediakan kapasiti tambahan, NKRA UPT juga telah melaksanakan inisiatif untuk menaik taraf sistem sokongan perkhidmatan rel. Antara contohnya ialah pemasangan sistem Kutipan Tambang Automatik (*Automatic Fare Collection, AFC*) dalam aliran LRT. Sistem yang serupa telah dirancang untuk KTM Komuter namun pelaksanaannya ditangguhkan memandangkan pembekal yang dilantik sebelum ini menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan. Pembekal baharu akan dilantik pada tahun 2015 untuk menjalankan projek ini, yang disasarkan siap pada tahun 2016.

Sementara itu, usaha untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan KL Monorail telah melangkah setapak ke hadapan setelah set pertama daripada 12 set tren empat gerabak diperkenalkan pada bulan Disember 2014. Penyediaan tren yang selebihnya akan dibuat secara berperingkat sepanjang tahun 2015.



Menaiki LRT merupakan satu pengalaman perjalanan yang lancar dan ia sangat mudah. Sistem penjualan tiket agak baik dan telah mengalami peningkatan. Saya pernah belajar di UK dan boleh dikatakan bahawa sistem LRT di sini sama seperti sistem di sana, jadi ia sesuatu yang bagus.

Alif Ikhman Ahmad Lela

Menjadikan tren sebagai alternatif yang berdaya maju bagi penumpang luar bandar

Chua Geak Lan yang berulang-alik setiap hari ke tempat kerja dari rumahnya di Gombak merupakan seorang penumpang yang telah melakukan perubahan ini. Beliau meletakkan keretanya di tempat letak kereta bertingkat *Park 'n' Ride* yang dihubungkan dengan stesen LRT Gombak. Sebagai seorang penumpang LRT, beliau hanya perlu membayar RM4 setiap kali masuk.

“Saya telah menggunakan perkhidmatan ini sejak enam bulan yang lalu dan saya mendapati kemudahan ini amat baik,” kata beliau. “Saya tinggal di Taman Gombak, jadi ia sangat memudahkan saya. Saya menaiki LRT ke KLCC dan berjalan kaki melalui pusat konvensyen untuk sampai ke pejabat saya di Wisma UOA 2.”

Bagi Chua, penggunaan LRT mempercepat masa perjalanannya menuju ke bandar, dan beliau tidak perlu

berhadapan dengan masalah tempat letak kereta bandar yang terhad dan mahal. Tidak perlu bersaing dengan pemandu lain di jalan raya juga menjadikan perjalanannya lebih menenangkan dan beliau tidak perlu bimbang lagi tentang kemungkinan kesan cuaca buruk terhadap masa perjalanan.

Chua merupakan salah seorang daripada beribu rakyat Malaysia yang membuat keputusan untuk menggunakan pengangkutan awam rel sebagai kaedah perjalanan harian mereka. Meskipun usaha meyakinkan pengguna kenderaan persendirian untuk bertukar menggunakan pengangkutan awam masih lagi menjadi cabaran terbesar NKRA UPT, namun integrasi rangkaian yang lebih baik dan perkhidmatan yang dipertingkatkan dari awal hingga akhir perjalanan boleh dijadikan hujah yang kukuh untuk menyokong pengangkutan awam.



MEMPERLUAS JAJARAN ALIRAN LRT

Sistem pengangkutan awam di GKL/KV telah mengalami satu transformasi apabila perkhidmatan LRT diperkenalkan pada tahun 1998. Sejak itu, kedua-dua aliran LRT telah mengalami peningkatan yang ketara, terutamanya aliran Kelana Jaya yang menghadapi masalah kesesakan penumpang sejak beberapa tahun lalu. Isu ini telah diatasi dengan penambahan set tren empat gerabak baharu untuk aliran tersebut, yang telah mengurangkan selang waktu perjalanan kepada 2.5 minit ketika waktu puncak pagi.

Untuk menambah baik kesalinghubungan perkhidmatan LRT, kedua-dua aliran akan diperluas ke lokasi lain di bawah Program Peluasan Aliran (*Line Extension Programme, LEP*). Aliran Kelana Jaya akan diperluas untuk meliputi 12 stesen tambahan sebelum berakhir di Stesen Bersepadu Putra Heights. Stesen Putra Heights juga akan menjadi perhentian terakhir bagi aliran Ampang yang bakal menyaksikan pembinaan 12 lagi

stesen di sepanjang jajaran tersebut. Peluasan jajaran kedua-dua aliran telah direka khusus untuk menyediakan perkhidmatan LRT di kawasan bandar berkepadatan tinggi seperti Puchong, Subang Jaya dan USJ.

Projek peluasan tersebut telah diluluskan dan pembinaan telah pun dimulakan. Peluasan kedua-dua aliran ini dijangka meningkatkan bilangan penumpang harian sebanyak 300,000 orang dalam sistem.

Jadual Pembinaan LEP

Aliran Ampang	Stesen	Stesen Tarikh Siap
Fasa 1	Awan Besar ke Kinrara BK 5	Oktober 2015
Fasa 2	Stesen 5 ke Putra Heights	Mac 2016

Aliran Kelana Jaya

	Lembah Subang ke Putra Heights	Jun 2016
--	--------------------------------	----------

Stesen LRT di LEP*



*Nota: LEP ialah Program Perluasan Aliran yang meliputi 25 stesen secara keseluruhannya seperti rajah di atas



Menjadikan bas pilihan yang lebih menarik

Bas kekal menjadi teras penting kepada sistem pengangkutan awam kerana ia menyediakan akses dan kesalinghubungan ke kawasan yang tidak diliputi oleh mana-mana tiga perkhidmatan rel. Ia juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan perjalanan setempat, terutamanya bagi masyarakat bandar dan pinggir bandar di luar pusat bandar Kuala Lumpur.

Rangkaian bas dalam kawasan GKL/KV telah menyaksikan perubahan yang ketara semenjak bermulanya GTP. Inisiatif telah memberikan tumpuan terhadap akses dan kapasiti perkhidmatan ini untuk menjadikan perkhidmatan bas henti-henti sebagai suatu kaedah pengangkutan awam yang lebih selesa dan cekap untuk penumpang harian. Antara pencapaian utama NKRA UPT semenjak GTP diperkenalkan ialah:

Menaik taraf 1,177 perhentian bas di lokasi utama seperti Sepang, Subang Jaya, Ampang Jaya, Selangor dan Shah Alam

Mereka bentuk dan membina 372 perhentian bas baharu di 12 kawasan pihak berkuasa tempatan di sekitar GKL/KV

Pengenalan 470 bas RapidKL baharu untuk menambah kekerapan bas di Lembah Klang

Membaik pulih Terminal Puduraya yang ikonik menjadi Pudu Sentral, iaitu terminal bas antara bandar yang serba moden

Membina Terminal Transit Bersepadu di Bandar Tasik Selatan (Terminal Bersepadu Selatan), yang berperanan sebagai hab utama untuk semua kaedah pengangkutan awam

Sejak tahun 2013, usaha untuk mempertingkatkan rangkaian bas henti-henti GKL/KV tertumpu pada penambahbaikan rangkaian bas pengantara dan pengenalan bas dalam bandar untuk melegakan masalah kesesakan.



Pada tahun 2014, NKRA UPT meneruskan usaha dengan inisiatif yang berikut:

- Penambahbaikan rangkaian bas henti-henti GKL/KV:
 - Perkhidmatan bas bandar GoKL dalam kawasan pusat bandar (CBD)
 - Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti dan penambahbaikan rangkaian bas pengantara
- Bas Aliran Deras (BRT)
- Paparan Maklumat Penumpang di perhentian bas
- Mengatasi masalah kekurangan pemandu bas

MEMPERTINGKATKAN RANGKAIAN BAS HENTI-HENTI DI GKL/KV

Satu masalah utama dalam rangkaian bas sedia ada ialah kekurangan penyelarasan yang sewajarnya dalam pembahagian laluan bas. Pengusaha bas yang bersaing sesama sendiri cenderung untuk bertumpu ke laluan yang lebih menguntungkan dan memfokuskan perkhidmatan mereka di situ, sekali gus membiarkan laluan yang tidak menguntungkan kekurangan liputan perkhidmatan. Akibatnya, terdapat liputan bas yang tidak seragam di kawasan ini yang memberikan kesan kepada ketercapaian dan kesalinghubungan perkhidmatan bas.

NKRA UPT telah bekerjasama dengan pengusaha bas untuk memperkemas rangkaian bas bagi fasa pertama melalui rombakan keseluruhan rangkaian bas secara lebih komprehensif. Satu perjanjian telah dibuat dengan semua pengusaha bas pada tahun lalu, dan mereka menyatakan komitmen untuk memberikan perkhidmatan kepada laluan yang ditetapkan pada tahun 2015.

Untuk memastikan pengusaha bas mematuhi pelan laluan yang diberikan kepada mereka, bas akan dipasang unit Sistem Kedudukan Global (*Global Positioning System, GPS*) yang membolehkan pemantauan lokasi mereka secara masa nyata oleh Pusat Pemantauan dan Kawalan (*Command and Control, C&C*) di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Pembinaan Pusat C&C telah pun siap dan pada masa ini usaha sedang dilakukan untuk memulakan operasinya. NKRA UPT akan meneroka pilihan yang ada untuk menentukan pendekatan terbaik bagi pengendalian Pusat C&C. Sebaik sahaja beroperasi, Pusat C&C akan memantau prestasi kesemua 1,500 buah bas henti-henti di Lembah Klang dan menyediakan maklumat berkaitan dengan penumpang melalui 24 panel Paparan Maklumat Penumpang (PID) yang telah dipasang di terminal bas terpilih di kawasan ini.

MENGATASI MASALAH KEKURANGAN PEMANDU BAS

Antara faktor yang menyumbang kepada liputan bas yang kurang memuaskan ialah bilangan pemandu bas yang semakin berkurang. Dianggarkan terdapat kekurangan sebanyak 500 orang pemandu* dalam sistem. Kekurangan pemandu bermakna kurangnya bas di jalan raya, justeru liputan bas tidak mencukupi.

* Sumber: Prasarana

PANDANGAN DARIPADA SPAD

Mohd Nur Ismal bin Mohamed Kamal

Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

USAHA MENINGKATKAN BILANGAN PENUMPANG SANGAT MENCABAR SEHINGGALAH PROJEK BESAR DISEMPURNAKAN



Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Nur Ismal bin Mohamed Kamal, berkata bahawa bilangan penumpang pengangkutan awam tidak mungkin meningkat dengan ketara sehinggalah kesesuaian dan kemudahan penggunaan pengangkutan awam benar-benar memuaskan untuk menjadikannya alternatif yang menarik kepada penggunaan kenderaan persendirian. Walaupun “faktor dorongan” seperti caj kesesakan dan pengawalan tempat letak kereta di CBD mungkin dapat membantu, beliau berkata bahawa usaha ini hanya boleh dilaksanakan apabila rangkaian pengangkutan awam telah dibangunkan sepenuhnya.

“Kita tidak akan melihat peningkatan yang ketara dalam nisbah mod pengangkutan awam sehinggalah kedua-dua inisiatif tarikan dan dorongan berjaya dilaksanakan secara menyeluruh untuk diambil kira dalam perbandingan kesesuaian dan kemudahan menggunakan pengangkutan awam dengan kos sebenar menggunakan kenderaan persendirian,” ujar Mohd Nur Ismal.

Ketika kita terus untuk meningkatkan keupayaan dan ketercapaian rangkaian pengangkutan awam, kita akan menarik lebih ramai penumpang dari kawasan-kawasan baru. Namun begitu, ramai yang akan memilih untuk menggunakan kenderaan persendirian jika mereka perlu menukar mod pengangkutan awam lebih daripada dua kali atau berjalan kaki lebih daripada 400 meter untuk menggunakan pengangkutan awam. Kenyataannya, penggunaan pengangkutan awam tidak akan memberikan kesesuaian dan kemudahan seperti memandu kereta sendiri. Selagi kos pemelesaian tidak diselarasakan untuk menggambarkan kos sebenar kepada masyarakat dari segi kesan kepada alam sekitar, kehilangan produktiviti, kemalangan jalan raya dan penggunaan dana awam dalam membina dan mengekalkan rangkaian jalan raya, kebanyakan orang akan terus membuat pilihan mod pengangkutan yang salah. Langkah penolakan diperlukan untuk melaksanakan peralihan penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam sepenuhnya seperti yang dialami di London dan Singapura.

“Walau bagaimanapun, langkah ini berkemungkinan tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat memandangkan kita masih lagi mengusahakan faktor tarikan seperti perkhidmatan pengangkutan utama (*trunk services*) dan penambahbaikan landasan. Nilai pengangkutan awam itu sendiri harus meningkat sehingga mencapai tahap yang menjadikannya alternatif yang berdaya maju.”

Tambahan lagi, 2015 akan menjadi tahun yang mencabar bagi NKRA UPT memandangkan inisiatif yang mempunyai kesan serta-merta telah pun dilaksanakan dalam tempoh lima tahun pertama GTP, tambah beliau.

“Beberapa inisiatif seterusnya yang bakal meningkatkan bilangan penumpang seperti peluasan LRT dan pembinaan MRT hanya akan siap sepenuhnya pada tahun 2016-2017,” kata Mohd Nur Ismal. “Pada pendapat kami, kita tidak akan menyaksikan peningkatan yang ketara dalam penawaran kapasiti pada tahun 2015.”

Fokus SPAD pada tahun 2015 akan hanya tertumpu pada penambahbaikan perkhidmatan sedia ada. Antara contohnya ialah pengenalan set tren empat gerabak baharu bagi perkhidmatan KL Monorail. Walaupun gerabak baharu itu akan menambah kapasiti, menurut Mohd Nur Ismal, apa yang lebih penting ialah gerabak baharu itu akan menyelesaikan masalah kesesakan penumpang dengan meningkatkan tahap kesesuaian perkhidmatan itu.

Dari segi penambahbaikan perkhidmatan, dengan beroperasinya Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) pada tahun 2015, kualiti perkhidmatan teksi akan meningkat dengan ketara, tambah beliau, kerana ia akan memastikan pengagihan dan ketersediaan teksi yang lebih seimbang dalam kawasan GKL/KV. Pemandu teksi pada dasarnya mengendalikan teksi secara individu memandangkan tiada rangkaian menyeluruh untuk memberikan maklumat yang tepat kepada mereka. Tanpa CTSS, pengawal selia tidak dapat mengetahui bilangan teksi yang boleh didapati pada setiap waktu, bekalan dan corak permintaan, serta penggunaan meter oleh pemandu teksi.

“Salah satu isu utama yang dikenal pasti daripada tinjauan perkhidmatan teksi yang dijalankan pada tahun lepas ialah, walaupun bilangan teksi kelihatan mencukupi dari segi angka, contohnya bilangan teksi untuk setiap seribu penduduk, ia berada di merata-rata tempat disebabkan saiz kawasan Lembah Klang yang begitu luas dan ketiadaan rangkaian komunikasi yang menjadi tunjang perkhidmatan ini,” kata Mohd Nur Ismal.

“Akibatnya, pemadanan permintaan dan penawaran tidak begitu memberangsangkan. Kita mempunyai penawaran teksi yang tinggi di satu kawasan manakala di kawasan lain pula permintaan teksi tidak dapat dipenuhi. Teksi-teksi ini pada dasarnya tidak dihubungkan kepada mana-mana rangkaian, justeru pemandu teksi tidak tahu lokasi sebenar yang ada permintaan. Oleh itu, amatlah penting untuk kita menghubungkan mereka melalui CTSS.

Sementara itu, SPAD juga sedang mengkaji cara untuk menjadikan sistem pengangkutan awam berdaya maju pada waktu bukan puncak. Jumlah pengguna di luar waktu puncak pagi adalah terhad dan tidak menyumbang kepada kemampunan kewangan syarikat pengendali. Aspek ini akan diteliti dengan lebih mendalam pada tahun 2015, kata beliau.

Pada tahun 2013, usaha untuk menyelesaikan isu ini kurang berjaya membuahkan hasil yang ketara justeru mendorong kepada perancangan penyelesaian yang lebih menyeluruh pada tahun 2014. Sepanjang dua tahun yang lalu, NKRA UPT telah berusaha mengambil pemandu bas daripada kelompok calon alternatif, termasuk bekas tentera dan pemandu wanita, namun sambutannya agak hambar. Kempen pengambilan pemandu bas yang diterajui Prasarana juga tidak banyak mencapai kejayaan, yang menunjukkan bahawa punca masalah ini adalah berkaitan dengan isu struktur dalam pekerjaan itu sendiri.

Rancangan penyelesaian isu struktur ini yang merangkumi imbuhan dan insentif lain, telah dirangka sepenuhnya namun memerlukan pengesahan akhir sebelum ia dapat dilaksanakan pada tahun 2015. Memandangkan ia bukannya penyelesaian jangka pendek, kesan inisiatif ini tidak akan dirasai dalam waktu yang singkat. Sementara itu, NKRA UPT akan mempertimbangkan pendekatan lain untuk memperbanyak bilangan calon yang sedia ada.

MENAMBAHBAIK KESALINGHUBUNGAN PERKHIDMATAN BAS DALAM PUSAT BANDAR DENGAN GoKL

Perkhidmatan bas Go-KL telah diperkenalkan pada tahun 2012, selaras dengan hasrat keseluruhan NKRA UPT untuk memperbaiki pengangkutan

awam di kawasan GKL/KV. Go-KL ialah perkhidmatan bas percuma yang direka untuk berfungsi sebagai bas pengantara yang menawarkan kesalinghubungan akhir perjalanan, bersepadu dengan mod pengangkutan awam yang lain. Apabila dilancarkan, Go-KL merangkumi dua laluan iaitu dari KLCC ke Bukit Bintang dan dari Pasar Seni ke Bukit Bintang.

Pada tahun 2014, dua laluan baharu, iaitu laluan Biru dan laluan Merah, telah diperkenalkan untuk meliputi perkhidmatan dari Medan Mara ke Bukit Bintang dan dari KL Sentral ke Jalan Tuanku Abdul Rahman. Buat masa ini, tiada perancangan untuk memperluas perkhidmatan, namun tumpuan akan diberikan untuk memastikan kualiti perkhidmatan berada pada tahap yang memuaskan.

GoKL—membantu penumpang bergerak di sekitar bandar

Pengenalan kepada perkhidmatan bas percuma Go-KL ini memberikan alternatif yang berdaya maju dan lebih jimat kepada para penumpang. Bermula dengan dua laluan, perkhidmatan ini terus berkembang dengan tambahan dua laluan lagi pada tahun lepas, iaitu laluan Biru dan Merah, untuk melengkapkan laluan Hijau dan Ungu yang sedia ada.

Laluan baharu tersebut telah memperluas jangkauan perkhidmatan ini dengan ketara, terutamanya yang melibatkan kesalinghubungan, dari awal hingga akhir perjalanan, memandangkan bas ini memberikan khidmat kepada 65 perhentian di sepanjang laluan. Ia juga merangkumi banyak stesen tren LRT, KTM dan Komuter di dalam bandar yang membentuk sistem pengangkutan awam yang lebih bersepadu. Dianggarkan 35,000 penumpang menggunakan perkhidmatan ini setiap hari.

“Jika mereka boleh mengurusnya, saya ingin melihat perkhidmatan Go-KL di serata tempat,” kata pesara Tang Wek Eng. “Apabila saya ke Kuala Lumpur, saya menggunakannya untuk bergerak ke mana-mana dan apabila tiba masanya untuk

pulang ke rumah, saya menggunakannya semula. Saya tidak perlu membayar satu sen pun untuk perkhidmatan ini.”

Bagi Tang yang bergantung pada pendapatan yang tetap, perkhidmatan Go-KL telah meningkatkan mobilitinya dan membolehkan beliau melawat tempat-tempat yang digemarinya di bandar. Beliau menambah bahawa, beliau kini menggunakan Go-KL bagi menggantikan teksi yang akan menelan belanja antara RM5 hingga RM6.

Bagi Mohd Hanafiah, 30, perkhidmatan bas percuma Go-KL merupakan satu rahmat dari segi beban kewangan. Beliau bekerja di Bukit Bintang di sekitar pusat bandar dan berulang-alik dari rumah setiap hari.

“Saya ke Bukit Bintang setiap hari, dan sekiranya saya memilih untuk menggunakan pengangkutan awam yang biasa, ia melibatkan kos melebihi RM200 sebulan,” ujar beliau. “Sekiranya saya menggunakan kereta sendiri, ia menelan belanja antara RM300 hingga RM350 sebulan. Namun dengan perkhidmatan bas Go-KL, saya mampu berjimat sehingga 80% daripada kos pengangkutan bulanan saya.”

Sementara itu, seorang pemandu bas Go-KL yang telah lama berkecimpung dalam industri ini dengan pengalaman memandu bas selama sembilan tahun, Mohd Aidhuzairi Zawawi menyatakan pengalaman bekerja dengan perkhidmatan Go-KL sangat menyeronokkan.

“Saya mempunyai banyak pengalaman berbeza,” kata Mohd Aidhuzairi. “Saya berpeluang bertemu dengan pelancong asing dan tempatan, tua dan muda. Go-KL sememangnya pilihan pengangkutan awam yang terbaik di bandar untuk semua. Saya mempunyai banyak penumpang tetap yang bekerja di pejabat dan mereka ini sentiasa berterima kasih dan melemparkan senyuman. Sesungguhnya ini memberi kami kepuasan yang tidak terhitung.”

Perkhidmatan Go-KL juga memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada pemandu seperti Mohd Aidhuzairi kerana mereka dilatih untuk berinteraksi dalam bahasa Inggeris dan berinteraksi dengan penumpang dengan lebih baik.



MEMPERCEPAT PERJALANAN DENGAN BAS ALIRAN DERAS (BRT)

Untuk meningkatkan lagi kesalinghubungan perkhidmatan bas, satu inisiatif baharu, iaitu Bas Aliran Deras (*Bus Rapid Transit, BRT*) dicadangkan di kawasan GKL/KV pada tahun 2012. BRT ialah satu bentuk sistem pengangkutan bas khusus yang direka untuk memenuhi permintaan penumpang dengan menggabungkan aspek transit berkapasiti tinggi. Ia memaparkan laluan berasingan di jalan raya yang khusus untuk bas dan dilengkapi dengan stesen-stesen yang terpilih atau berperingkat.

Beberapa laluan BRT telah dikenal pasti untuk sistem bas di kawasan ini dan pasukan NKRA UPT bertanggungjawab

untuk mengurus dan memantau perkembangan perancangan laluan BRT KL-Klang. Laluan sepanjang 34 km ini akan melalui tiga jalan raya utama, iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Syed Putra dan Jalan Tun Sambanthan, dan dijangka menyediakan perkhidmatan kepada 1.58 juta rakyat yang tinggal di laluan utama di sepanjang koridornya. Pada permulaan operasinya, BRT KL-Klang ini dijangka berupaya menampung sehingga 400,000 penumpang setiap hari.

Meskipun pembinaan sepatutnya telah bermula pada suku keempat tahun 2014, jadual pelaksanaan telah ditangguhkan kerana perbincangan mengenai pelan pembiayaan dan model perniagaan masih lagi berjalan.

“Laluan sepanjang 34 km ini akan melalui tiga jalan raya utama, iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Syed Putra dan Jalan Tun Sambanthan, dan dijangka menyediakan perkhidmatan kepada 1.58 juta rakyat yang tinggal di laluan utama di sepanjang koridornya. Pada permulaan operasinya, BRT KL-Klang ini dijangka berupaya menampung sehingga 400,000 penumpang setiap hari.



Projek BRT KL-Klang akan datang



Meningkatkan tahap perkhidmatan teksi di Malaysia

Teksi memainkan peranan penting yang memudahkan pengangkutan awam dalam pelbagai cara kerana ia menyediakan perkhidmatan kepada semua peringkat perjalanan, sama ada peringkat awal, pertengahan ataupun akhir destinasi. Walau bagaimanapun, perkhidmatan teksi di Malaysia telah menunjukkan beberapa kelemahan, bermula daripada kekurangan dari segi model perniagaan teksi sedia ada hinggalah pengawasan yang tidak mencukupi terhadap pengusaha teksi. Untuk menangani masalah ini, NKRA UPT telah melaksanakan beberapa inisiatif yang dirangka untuk membawa perkhidmatan teksi di Malaysia ke satu tahap prestasi yang baharu. Inisiatif tersebut ialah:

- Memperkenalkan model perniagaan teksi baharu
- Melaksanakan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (*Centralised Taxi Service System, CTSS*).

MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN TEKSI MELALUI MODEL PERNIAGAAN BAHARU

Model perniagaan teksi baharu dirangka untuk membantu pemandu teksi mengurangkan kos operasi dan menambahkan pendapatan mereka. Untuk mencapai matlamat itu, NKRA UPT telah memperkenalkan satu standard

dan model perniagaan baharu untuk pengusaha teksi dan akan melaksanakan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat untuk memperkemas industri ini secara keseluruhan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan industri yang lebih cekap dan berkesan, yang mematuhi standard yang ditetapkan sambil meningkatkan tahap prestasi perkhidmatan.

Penanda aras inisiatif tersebut ialah bilangan teksi bajet di Kuala Lumpur yang menjadi setara dengan standard terbaik teksi di ASEAN. Kualiti prestasi teksi akan ditanda aras berbanding dengan prestasi teksi di Singapura, Jakarta dan Bangkok dari segi kepuasan pelanggan, penguatkuasaan, latihan untuk pemandu, standard kenderaan, serta pengawalseliaan tambang.

Pada tahun 2014 sahaja, sebanyak 3,788 teksi telah mencapai standard tersebut, yang menjadikan jumlah teksi sebanyak 6,960 buah sehingga kini. Matlamat jangka panjang adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya satu perempat daripada semua teksi bajet Kuala Lumpur mencapai standard tersebut. Untuk mencapai matlamat ini, masalah dengan persekitaran operasi semasa dan kekurangan penguatkuasaan perlu diselesaikan.

Untuk menyokong pelaksanaan model perniagaan baharu, satu kelas baharu teksi yang beroperasi di bawah jenama Teksi 1Malaysia (TEKS1M) telah dilancarkan. TEKS1M yang mula diperkenalkan oleh Perdana Menteri

Penambahbaikan perkhidmatan teksi satu keutamaan untuk merancakkan pengangkutan awam

Debra Low mendapati bahawa menggunakan pengangkutan awam ke bandar dari rumahnya di Petaling Jaya adalah lebih mudah daripada menaiki teksi untuk sampai ke destinasi dalam kawasan Petaling Jaya itu sendiri. Walaupun pelbagai usaha dijalankan oleh pihak berkuasa untuk membendung amalan buruk seperti memilih penumpang dan menetapkan harga tambang, beliau berkata bahawa beliau masih berhadapan dengan pengusaha yang meneruskan amalan menyalahi undang-undang ini.

“Terutama sekali ketika hujan ataupun jarak perjalanan saya tidak terlalu jauh,” adu beliau. “Malah ada seorang pemandu memberitahu saya bahawa tidak berbaloi untuk dia membawa saya ke sana kerana jaraknya hanya sejauh dua kilometer, melainkan jika saya membayarnya tiga kali ganda berbanding dengan kos yang saya tahu dicaj mengikut meter.”

Debra enggan tunduk kepada tuntutan ini dan kadang kala terpaksa menunggu berjam-jam lamanya untuk mendapatkan teksi yang pemandunya jujur. “Saya tidak mempunyai pilihan selain mengambil teksi kerana saya tidak mampu memiliki kereta dan sangat sedikit bas yang berhenti berhampiran rumah saya,” ujar beliau. “Jadi saya terpaksa menunggu dan berharap.”



Datuk Seri Najib Razak pada tahun 2013 di bawah Program Pelancaran Perdana telah mengeluarkan 1,000 lesen individu bagi kelas perkhidmatan TEKS1M. Pada tahun 2014, SPAD membuat keputusan untuk melakukan perubahan terhadap perkhidmatan teksi di bawah pelan Migrasi Industri Teksi (*Taxi Industry Migration*) dengan menggunakan TEKS1M sebagai wadah untuk menyeragamkan kelas perkhidmatan dalam industri ini.

Di bawah program TEKS1M ini, pengusaha teksi perlu mematuhi standard tertentu termasuk jenis kereta, iaitu Proton Exora, di samping standard operasi. TEKS1M merupakan sebahagian daripada perancangan besar Pelan Transformasi Teksi oleh SPAD, yang akan meneliti keseluruhan rangka kerja secara holistik termasuk mengkaji semula kadar tambang, struktur pengawalseliaan dan pengurangan kos.

Sehingga kini, terdapat 875 unit TEKS1M di jalan raya yang dilesenkan di bawah Program Pelancaran Perdana. Baki 125 TEKS1M di bawah program ini akan ditempatkan ke dalam perkhidmatan pada akhir suku pertama tahun 2015.

Pada masa yang sama, SPAD juga telah mula mengeluarkan lesen pengusaha

TEKS1M pada tahun 2014 di bawah Pelan Migrasi Industri Teksi. Di bawah pelan ini, SPAD mendekati pengusaha teksi individu dan juga syarikat teksi untuk menaik taraf perkhidmatan mereka agar memenuhi standard TEKS1M dan beroperasi di bawah jenama TEKS1M.

SISTEM PERKHIDMATAN TEKSI BERPUSAT UNTUK MEMPERTINGKATKAN PENGAWASAN

Sama seperti Pusat C&C bagi pengusaha bas, SPAD akan mewujudkan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) untuk memantau prestasi dan lokasi pengusaha teksi. Apabila CTSS mula beroperasi, ia berupaya memantau kesalahan seperti tidak menggunakan meter, memandu secara cuai dan mengendalikan teksi tanpa lesen yang sah. Ia juga akan berfungsi sebagai pusat penempahan dan penghantaran untuk menyelaraskan pemandu dalam rangkaian, seterusnya meningkatkan kadar kejayaan memenuhi tempahan penumpang.

Pelaksanaan CTSS telah ditangguhkan ke tahun 2016 kerana terdapat perubahan pada model perniagaan. Sistem berkenaan akan siap dibina pada tahun 2015. Sebanyak 1,500 buah teksi akan dilengkapi *on-board unit* SPAD dalam fasa pertama pemasangan.

SPAD juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pemandu teksi yang masih ingkar dari segi penggunaan meter atau memilih-milih penumpang. Selain menyediakan khidmat pengangkutan yang penting kepada penumpang bandar, pemandu teksi juga memainkan peranan yang penting sebagai duta Malaysia kepada pelancong. Walau bagaimanapun, pemandu teksi Malaysia tersenarai antara pemandu teksi paling kurang memuaskan di dunia menurut laman sesawang kembara agensi berita CNN, yang memaparkan prestasi perkhidmatan yang kurang memuaskan ini dalam rencananya, "*Malaysia Travel: 10 things to know before you go*"².

NKRA UPT sedang berusaha gigih untuk mengatasi masalah ini melalui pengenalan CTSS dan pelaksanaan standard TEKS1M. Inisiatif-inisiatif ini, yang akan membantu menambah baik penguatkuasaan dan meningkatkan tahap perkhidmatan pengusaha teksi, akan menangani sebahagian daripada kebimbangan yang dinyatakan pada masa hadapan.

² Diperoleh pada 4 Mac daripada: <http://travel.cnn.com/malaysia-travel-10-things-know-you-go-281306>

TEKS1M semakin mendapat perhatian pemandu

Bagi pemandu Teksi 1Malaysia (TEKS1M) Nasrul Normatis, memandu perkhidmatan teksi kelas baharu ini merupakan satu pengalaman yang positif setakat ini. Pelanggan kini menikmati perjalanan dengan ruang yang lebih luas dan selesa, dan hasilnya ia telah diterjemahkan kepada hubungan yang lebih baik antara pemandu dengan penumpang.

"Kelebihannya ialah kereta TEKS1M ini lebih besar jadi ia lebih selesa," ujar Nasrul. "Walaupun teksi lain juga boleh memuatkan empat penumpang sama seperti teksi saya, namun penumpang

perlu berhimpit-himpit, sedangkan teksi saya boleh memuatkan empat orang dengan selesa."

Nasrul merupakan pemandu TEKS1M yang memiliki lesen individu dan telah memandu kelas perkhidmatan baharu ini selama sembilan bulan. Walaupun terdapat beberapa rintangan pada peringkat permulaan berikutan pelanggan tidak menyedari kewujudan teksi baharu ini atau mereka risau tentang kemungkinan TEKS1M ialah teksi kelas 'premium' yang lebih mahal, namun keadaan telah berubah memandangkan wujudnya kesedaran yang lebih tinggi.

Aguman Aliya, seorang pemandu TEKS1M sejak tujuh bulan lalu, melaporkan hal yang sama walaupun beliau menyatakan keadaan telah banyak berubah. Aguman menambah bahawa bantuan kerajaan untuk membayar wang pendahuluan bagi kereta baharu ini amat dialu-alukan, dan beliau akan mengesyorkan program TEKS1M ini kepada pemandu lain.

"Pendapatan saya sekarang ini mencukupi tetapi pada permulaannya keadaan agak sukar kerana orang tidak mengenali warna kereta TEKS1M kami," ujar Aguman.

MENGURUS PERMINTAAN PENGANGKUTAN AWAM

Meskipun kebanyakan inisiatif NKRA UPT memberikan tumpuan pada bahagian penawaran dalam pengangkutan awam, NKRA UPT juga telah mula melaksanakan inisiatif yang dirangka bagi mengurus permintaan pengguna. Matlamatnya adalah untuk menarik minat pengguna agar melakukan perjalanan menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan menggunakan kenderaan sendiri. Dua inisiatif sedang dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut:

Pengurusan dan pengawalan tempat letak kereta

Inisiatif ini akan mengkaji semula kadar bayaran tempat letak kereta di kawasan pusat bandar (CBD) agar lebih sejajar dengan keadaan pasaran

Aplikasi Perancang Perjalanan

Pelaksanaan aplikasi ini menjadikan perjalanan dengan pengangkutan awam lebih mudah dengan membantu penumpang merancang keseluruhan perjalanan mereka

Mengubah kawalan tempat letak kereta di kawasan pusat bandar

Melalui kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kadar bayaran tempat letak kereta di kawasan pusat bandar (CBD) sedang dikaji semula untuk memastikannya lebih sejajar dengan permintaan pasaran. Pada masa ini, kadar tempat letak kereta di CBD dianggap terlalu rendah memandangkan jumlah tempat letak kereta tidak mencukupi pada kebanyakan hari.



Penumpang di Stesen Monorail Hang Tuah



Ini menyebabkan masalah kereta diletak di tempat yang tidak sepatutnya dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dalam bandar. Kesalahan seperti letak kereta bertindih (*double-parking*), menunggu di kawasan yang tidak dibenarkan atau yang dikhaskan untuk kecemasan menyumbang kepada kesesakan memandangkan kenderaan terpaksa bergerak dengan hati-hati untuk mengelakkan halangan tersebut.

Inisiatif NKRA UPT untuk mengurus tempat letak kereta dengan lebih baik mengandungi dua inisiatif kecil, iaitu mengkaji semula kadar bayaran supaya

pengguna terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk meletak kenderaan di CBD dan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan tempat letak kereta. Kajian semula kadar letak kereta dijangka menjadi faktor “dorongan” yang menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih tinggi dan DBKL telah ditugaskan untuk melaksanakan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, pengenalan faktor dorongan akan ditangguhkan sehingga keseluruhan struktur pengangkutan awam siap dan beroperasi untuk menyediakan alternatif yang berdaya maju kepada penggunaan kenderaan persendirian.

Menjadikan perancangan perjalanan lebih mudah bagi pengguna

Pelaksanaan aplikasi Perancang Perjalanan dijangka membantu pengguna merancang perjalanan mereka dengan lebih baik menggunakan pengangkutan awam. Matlamatnya adalah untuk menjadikan perjalanan pengguna dengan pengangkutan awam satu proses yang lebih mudah dan boleh diramalkan, sekali gus menggalakkan mereka melakukan perubahan.

SPAD akan memberikan tumpuan pada pembinaan sistem “backend” yang akan menyediakan data masa nyata kepada pembangun aplikasi. Pembangun aplikasi kemudiannya boleh menggunakan data ini untuk menghasilkan penyelesaian perancangan perjalanan kepada pengguna. SPAD sedang bekerjasama erat dengan beberapa syarikat untuk membina aplikasi transit yang akan menyediakan maklumat kepada penumpang pengangkutan awam mengenai cara yang paling efisien untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Perancang Perjalanan ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2015.

“Pelaksanaan aplikasi Perancang Perjalanan dijangka membantu pengguna merancang perjalanan mereka dengan lebih baik menggunakan pengangkutan awam.”



Penumpang di stesen KL Sentral



Gambaran stesen BRT

MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM SATU PENGALAMAN YANG BERSEPADU DAN LANCAR

Salah satu ciri istimewa sistem pengangkutan awam yang cekap ialah kesemua mod pengangkutannya saling berhubung dan bersepadu, justeru memastikan pengguna mempunyai pengalaman perjalanan yang lancar. Secara idealnya, ini bermakna pengguna akan dapat membuat keseluruhan perjalanan, dari awal hingga akhir, dengan menggunakan pengangkutan awam.

- **Peringkat awal:** Peringkat pertama perjalanan dari titik permulaan pengguna ke tempat kemudahan pengangkutan awam
- **Peringkat pertengahan:** Akses dan integrasi kemudahan pengangkutan awam dengan mod pengangkutan awam yang lain
- **Peringkat akhir:** Peringkat terakhir perjalanan dari kemudahan pengangkutan awam ke destinasi akhir penumpang.



Salah satu cabaran yang menjejaskan pengangkutan awam ialah kurangnya kesalinghubungan destinasi awal dan akhir, yang menyebabkan “hubungan terputus” antara rumah penumpang dengan stesen, serta antara stesen dengan destinasi terakhir. Disebabkan pengaturan pengangkutan bagi peringkat perjalanan ini tidak selalunya mudah untuk didapati, pengangkutan awam menjadi pilihan yang kurang menarik.

Inisiatif integrasi NKRA UPT telah dirangka untuk menangani ketiga-tiga peringkat perjalanan. Inisiatif tersebut ialah:



Park 'n' Ride baharu di Stesen LRT Ampang untuk meningkatkan kesalinghubungan awal

Inisiatif Integrasi NKRA UPT

Membina kemudahan *Park 'n' Ride* di stesen pengangkutan awam

1

Park 'n' Ride ialah kemudahan yang direka untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas dengan menyediakan tempat letak kenderaan yang selamat. Pengguna boleh memandu ke stesen dari rumah mereka dan meninggalkan kenderaan mereka di sana dengan selamat sementara mereka meneruskan perjalanan ke bandar menggunakan pengangkutan awam.

Membina stesen bersepadu di lokasi terpilih

2

Stesen ini dibina di lokasi strategik untuk menyepadukan perkhidmatan bas dan rel agar pengguna mempunyai akses ke mana-mana lokasi yang dihubungkan melalui jalan raya atau rel.

Mewujudkan sistem tiket bersepadu

3

Inisiatif ini bertujuan memperkemas sistem tiket supaya penumpang dapat membuat peralihan yang lancar antara pelbagai mod pengangkutan atau laluan berlainan.

Membina laluan pejalan kaki

4

Laluan pejalan kaki memudahkan kesalinghubungan awal dan akhir perjalanan kerana pengguna dapat berjalan kaki dengan selamat ke destinasi mereka.

Perkhidmatan bas pengantara telah dirancang untuk stesen KTM Komuter terpilih berikutan kejayaan program rintis di stesen KTM Serdang dan Kajang. Walaupun begitu, kekurangan pemandu bas dan kekurangan infrastruktur yang sewajarnya di stesen yang dikenal pasti telah melambatkan pelaksanaan perkhidmatan ini. Perkhidmatan bas pengantara akan dimulakan sebaik sahaja masalah kekurangan pemandu diselesaikan.

Perkhidmatan ini akan diperkenalkan di stesen yang telah dikenal pasti seperti Padang Jawa, Shah Alam, Klang, Sungai Buloh, UKM Bangi dan Rawang.

Meningkatkan kesalinghubungan awal perjalanan dengan kemudahan *Park 'n' Ride*

Park 'n' Ride ialah kemudahan letak kereta untuk pengguna pengangkutan awam meletakkan kenderaan mereka dengan selamat sementara mereka meneruskan perjalanan ke bandar dengan menaiki pengangkutan awam. Inisiatif ini akan mengurangkan jumlah kenderaan yang memasuki CBD, seterusnya mengurangkan kesesakan.

Pada tahun 2014, *Park 'n' Ride* telah dibina di stesen LRT Ampang (1,140 ruang letak kereta), stesen KTM Shah Alam (558 ruang letak kereta) dan stesen LRT Asia Jaya (607 ruang letak kereta).



Park 'n' Ride membuatkan perjalanan LRT selesa bagi penduduk Ampang

Dengan lebih 1,000 tempat letak kereta dan dilengkapi ciri-ciri keselamatan termasuk kamera CCTV dan kawalan 24 jam oleh pengawal keselamatan, kemudahan *Park 'n' Ride* di stesen LRT Ampang mendapat pujian daripada pengguna. Salah satu kebimbangan utama pengguna LRT ialah keselamatan kenderaan yang diletakkan di stesen. Hal ini ditangani dengan berkesan dengan adanya ciri-ciri keselamatan yang disediakan di kemudahan tersebut.

“Saya rasa selamat dengan *Park 'n' Ride*,” kata Norahana Othman, seorang suri rumah yang sering berulang-alik ke bandar. “Rekaan bertingkat yang baharu berserta ciri-ciri keselamatan dan tempat letak kereta khas bagi pengguna wanita dan pengguna kurang upaya adalah sangat berlainan daripada kemudahan yang disediakan sebelum ini. Sama ada siang atau malam, saya tidak takut untuk meletakkan kenderaan di sini.”

Aisyah Fauzi, seorang eksekutif berumur 28 tahun di Etiqa Takaful Bhd, bersetuju bahawa *Park 'n' Ride* ialah inisiatif yang dinanti-nantikan pengguna wanita selama ini. Beliau juga memuji

penggunaan kad MyRapid yang boleh digunakan untuk bayaran LRT dan juga tempat letak kereta. Namun bagi Aisyah, salah satu faedah utama ialah penjimatan perbelanjaan yang dinikmati untuk perjalanan harian.

“Harga tempat letak kereta sebanyak RM4 murah dan berbaloi bagi pengguna tetap seperti saya,” katanya. “Kos dari sini ke Kuala Lumpur ialah RM9 sehari, yang memberikan penjimatan yang banyak untuk saya. Jika saya memandu terus ke tempat kerja di Kuala Lumpur, kos petrol sahaja sudah mencapai antara RM10 hingga RM15. Saya dapat menjimatkan 50% daripada kos keseluruhan perjalanan ulang-alik dengan menggunakan LRT.”

Kemudahan *Park 'n' Ride* LRT Ampang telah dilancarkan pada bulan Julai tahun lepas dan dikendalikan oleh Syarikat Prasarana Negara Bhd sebagai salah satu inisiatif NKRA UPT untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Selain komponen keselamatan, kemudahan *Park 'n' Ride* ini juga mempunyai ciri lain seperti Sistem Panduan Letak Kereta (*Parking Guidance System*) untuk memaparkan maklumat mengenai bilangan penggunaan



tempat letak kereta serta membantu pengguna menuju ke petak kosong.

“Selain itu, kemudahan ini dilengkapi lif, tangga kecemasan, butang panik dan akses untuk orang kurang upaya” kata Mohd Rahimi Ahmad, Ketua Operasi Rapid Rail bagi LRT aliran Ampang. “Kami berharap kemudahan ini dapat menggalakkan lebih banyak penduduk bandar, terutamanya yang tinggal di sekitar Ampang, menyokong penggunaan LRT untuk melakukan perjalanan mereka.”

PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Datuk Ruhaizah Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),
Kementerian Pengangkutan



MERAIH KEYAKINAN ORANG RAMAI MERUPAKAN KUNCI KEJAYAAN NKRA UPT

Datuk Ruhaizah Mohamed Rashid, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) bagi Kementerian Pengangkutan berkata, walaupun NKRA UPT tidak mencapai sasaran dari segi angka mutlak, fakta yang menunjukkan terdapat trend peningkatan dalam jumlah pengguna pengangkutan awam merupakan petanda baik bahawa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan berada di landasan yang betul. Cabaran utama, ujar beliau, masih lagi pada usaha mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap kualiti dan keandalan rangkaian pengangkutan awam.

“Cabaran asas adalah untuk meraih kepercayaan orang ramai dengan membuktikan pengangkutan awam kini lebih baik berbanding dengan dahulu,” kata Datuk Ruhaizah. “Kita hanya dapat menghasilkan peralihan kaedah pengangkutan apabila kita mencapai matlamat tersebut; selagi kita tidak berjaya memenangi hati orang ramai, pengangkutan awam tidak akan dapat berkembang jauh. Tapi sudah tentu, kita juga harus terus meningkatkan tahap perkhidmatan.”

Meskipun NKRA UPT berkemungkinan tidak mencapai semua sasarannya pada tahun 2015, Datuk Ruhaizah tetap optimistik mengenai masa hadapan pengangkutan awam pada tahun-tahun yang berikutnya.

“Ini bukanlah penamat,” ujar Datuk Ruhaizah. “Perjalanan kita masih jauh lagi. Jika anda melihatnya dalam konteks yang lebih luas, lima tahun bukanlah jangka waktu yang terlalu lama bagi pembangunan infrastruktur. Pengangkutan awam melibatkan banyak perubahan infrastruktur, bukan hanya dari segi penambahan bas dan tren, tetapi juga membangunkan perkhidmatan sokongan.”

Pencapaian utama GTP, tambah Datuk Ruhaizah, ialah penambahbaikan kesalinghubungan awal perjalanan melalui pembinaan kemudahan *Park 'n' Ride* di stesen-stesen terpilih dan juga pengurangan selang waktu perjalanan pada waktu puncak pagi. Melangkah ke hadapan, beliau percaya bahawa perkhidmatan tren akan terus dipertingkatkan apabila inisiatif untuk menambah baik landasan dan perkhidmatan teras KTM Komuter bermula pada tahun 2015.

“Masih banyak lagi yang perlu dilakukan, contohnya, pembinaan lebih banyak *Park 'n' Ride*, pelaksanaan operasi Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (*Centralised Taxi Service System, CTSS*), pembinaan Hentian Akhir Bandar (HAB) sebagai tempat rehat bas henti-henti sebelum meneruskan perjalanan, dan beberapa lagi projek lain yang sedang berjalan,” kata beliau. “Harapan kami adalah supaya sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) bagi KTM Komuter akan mula dilaksanakan pada tahun 2015. Kami meletakkan sasaran untuk memulakannya pada bulan April atau Mei supaya semuanya akan siap menjelang pertengahan tahun 2016. Sebaik sahaja ia selesai dilaksanakan, orang ramai akan menikmati keselesaan yang lebih baik dari segi perjalanan menggunakan pelbagai mod pengangkutan awam.”

Menurut Datuk Ruhaizah, perkara yang sama juga benar bagi masalah kekurangan pemandu bas. NKRA UPT, bersama-sama pengusaha bas, kini sedang mencari jalan penyelesaian jangka panjang terhadap isu ini dan sedang mempertimbangkan peningkatan pengambilan pemandu wanita untuk mengisi sebahagian daripada kekosongan jawatan. Memandangkan pemandu bas ialah faktor pendorong utama bagi inisiatif lain, keupayaan NKRA UPT untuk mengatur pelaksanaan inisiatifnya terbatas akibat masalah tersebut.

Namun, memandangkan inisiatif pengangkutan awam lazimnya melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan pelbagai bidang kuasa, Datuk Ruhaizah berkata bahawa penting untuk mewujudkan model tadbir urus yang kukuh yang dapat meraih kepercayaan dan kerjasama kesemua pihak yang terlibat. Sebagai contoh, kekurangan kerjasama daripada pihak berkepentingan telah mengakibatkan kelewatan pembinaan ITT Gombak. Walaupun para pelaksana yakin bahawa persetujuan akan dicapai pada tahun 2015, halangan ini telah pun memberikan kesan terhadap ramalan unjuran jumlah penumpang pengangkutan awam.

“Kami tidak akan berhenti malah akan bekerja dengan lebih gigih untuk memastikan projek dapat dilaksanakan, selain menggesa semua pihak yang berkepentingan untuk menyempurnakan projek mengikut tempoh yang ditetapkan,” kata Datuk Ruhaizah.

MEMBINA STESEN BERSEPADU

DI LOKASI STRATEGIK

Kemudahan bersepadu, seperti Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan (ITT BTS) yang dilancarkan pada tahun 2011, memainkan peranan yang penting dalam menjadikan perjalanan menggunakan pengangkutan awam satu pengalaman yang lebih selesa dan berkesan bagi pengguna. ITT BTS yang terdiri daripada 55 platform bas, 150 ruang letak teksi, 1,000 ruang letak kereta dan 1,800 tempat duduk untuk orang ramai, memastikan pengalaman perjalanan yang lancar menggunakan pengangkutan awam dengan menghimpunkan semua mod pengangkutan awam yang pelbagai di bawah satu bumbung.

NKRA UPT terus memperluas kesalinghubungan rangkaian pengangkutan awam dengan membina lebih banyak Hentian Akhir Bandar (HAB), yang secara umumnya boleh diterjemahkan sebagai “terminal akhir” aliran di seluruh GKL/KV. HAB direka untuk disepadukan dengan bentuk pengangkutan awam yang lain seperti perkhidmatan bas, teksi, LRT dan KTM Komuter.

Kini terdapat empat HAB di kawasan ini:

- HAB Pasar Seni – 23 Laluan
- HAB Munshi Abdullah – 7 Laluan
- HAB Jalan Silang – 19 Laluan
- HAB Wira Damai (siap pada November 2014) – 4 Laluan



HAB Bas Bandar di Pasar Seni bagi perkhidmatan ke 23 laluan

Dua lagi HAB, masing-masing di Shah Alam dan Petaling Jaya, sedang dalam pembinaan. HAB ini dengan ketaranya akan memperluas kesalinghubungan rangkaian bas dengan menyediakan kesalinghubungan dengan laluan bas yang lain dan mod pengangkutan awam yang lain di sesetengah stesen.

Membina laluan pejalan kaki untuk penumpang

Kesalinghubungan awal hingga akhir perjalanan ditingkatkan dengan pembinaan laluan pejalan kaki yang menghubungkan stesen dengan destinasi utama. Laluan ini menyediakan koridor yang bukan sahaja selamat untuk pejalan kaki, malah memudahkan penumpang berulang alik ke stesen-stesen utama. Pada tahun 2014, dua laluan pejalan kaki—satu di stesen LRT Wangsa Maju dan satu lagi di stesen LRT Sri Rampai—telah siap dibina. Kedua-dua laluan tersebut telah meningkatkan akses ke stesen pengangkutan awam dengan ketara.

“Kesalinghubungan awal hingga akhir perjalanan ditingkatkan dengan pembinaan laluan pejalan kaki yang menghubungkan stesen dengan destinasi utama. Laluan ini menyediakan koridor yang bukan sahaja selamat untuk pejalan kaki, malah memudahkan penumpang berulang alik ke stesen-stesen utama.”





Halangan yang dihadapi pada tahun 2014 telah mewajarkan NKRA UPT untuk menyusun semula keutamaan inisiatifnya pada tahun 2015. Salah satu cabaran utama yang akan diberikan lebih penekanan ialah masalah kekurangan pemandu bas. Kekurangan pemandu (yang merupakan faktor pendorong utama) merencatkan pelaksanaan inisiatif lain seperti perkhidmatan bas pengantara dan liputan laluan perkhidmatan bas yang lebih luas.

Walaupun beberapa penyelesaian telah dimulakan pada tahun 2014, namun hasilnya tidak terbukti kukuh untuk pelaksanaan jangka panjang. Semua pihak yang berkepentingan kini sedang berbincang untuk menangani sebahagian daripada isu struktur dan imbuhan yang dihadapi oleh profesion berkenaan, dan sedang berusaha mencapai penyelesaian muktamad pada tahun 2015 yang mungkin merangkumi skim pembayaran insentif.

NKRA UPT turut memberikan keutamaan yang sama kepada isu kelulusan ITT Gombak yang mengendalikan bas

ekspres yang memberikan khidmat di koridor Timur, dan berasa optimis bahawa satu persetujuan dapat dicapai dengan Kerajaan Negeri Selangor. Kelewatan ini disebabkan oleh kesukaran untuk mencapai persetujuan bersama dalam perjanjian pertukaran tanah untuk tapak pembinaan terminal tersebut.

Peningkatan kepuasan pelanggan perkhidmatan rel memberikan petanda yang kukuh bahawa terdapat keinginan dalam kalangan rakyat Malaysia untuk berubah memilih pengangkutan awam jika ia berdaya maju. Faktor yang sering menghalang penggunaannya secara lebih meluas ialah isu-isu yang kini sedang ditangani seperti kesalinghubungan yang terputus sepanjang perjalanan, liputan yang tidak mencukupi dan perkhidmatan yang kurang memuaskan.

Selain inisiatif yang sedang dilaksanakan di bawah NKRA UPT untuk mengatasi hubungan yang terputus ini, projek-projek transit lain sedang diusahakan pada masa ini melalui pihak berkepentingan yang lain. Sebagai contoh, laluan LRT yang

ketiga (LRT3) telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2015, yang bakal menghubungkan Shah Alam, Bandar Utama dan Klang seiring dengan rangkaian utama LRT. Pada masa ini, projek ini sedang dalam fasa memuktamadkan rancangan dari segi kos projek, penjajaran laluan, struktur pengurusan projek, dan sebagainya.

BRT Sunway, yang julung-julung kali diadakan di Malaysia dan dibangunkan oleh Prasarana, bakal dilancarkan pada bulan Jun 2015. BRT tersebut akan menghubungkan stesen KTMB di Setia Jaya ke Aliran LRT Kelana Jaya (setelah program peluasan alirannya disiapkan) di Bandar Sunway. Apabila siap, BRT ini akan memberikan perkhidmatan kepada penduduk Bandar Sunway dan Subang Jaya yang berjumlah lebih setengah juta orang. Tujuh buah stesen telah ditempatkan di sepanjang laluan BRT, dan kesalinghubungan awal perjalanan dipertingkatkan dengan kemudahan *Park 'n' Ride*. BRT ini akan disokong oleh 15 unit bas elektrik, yang mempunyai kapasiti untuk membawa penumpang sebanyak 60 orang.

GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	470,000	455,728	97	●
2	Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	71%	72%	101	●
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	75%	86%	115	●
4	Faktor muatan KTM Komuter	75% - 80%	92%	87	●
5	Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi	95%	97.5% (Purata Jan – Dis)	103	●
6	Faktor muatan bas henti-henti pada waktu puncak pagi	80%	69%	81	●
7	Penambahan bilangan tempat letak kereta di Rangkaian Rel di Lembah Klang	2,100	2,407	115	●
8	Bilangan Teksi Bajet KL – setanding dengan standard ASEAN	4,100	3,788	92	●
JUMLAH				99%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi (GKL/KV)	550,000
2	Tahap kepuasan pelanggan pengangkutan awam bandar	75%
3	Bilangan Teksi Bajet KL – setanding dengan standard ASEAN	4,100
4	Projek peluasan KL Monorail: Bilangan set tren empat gerabak dihantar dan digunakan	12
5	Projek Aliran Rapid Deras (BRT) Koridor 1: LOA dikeluarkan	100%
6	Peratus penyempurnaan penyelarasan rangkaian bas henti-henti di Lembah Klang mengikut koridor	100%
7	Peratus penyempurnaan reka bentuk Sistem Tiket KTMB (AFC)	100%
8	Projek ITT Gombak: Pemuktamadan Perjanjian Tambahan	100%

Laluan BRT terpanjang

di Lembah Klang yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Klang sedang dalam fasa perancangan dan telah dicadangkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk pada kelulusan Kerajaan mengenai struktur pendanaannya



Park n Ride


yang disediakan pada tahun 2014: Shah Alam (558 ruang letak kereta), Padang Jawa (102 ruang letak kereta), Ampang (1140 ruang letak kereta) dan Asia Jaya (607 ruang letak kereta), menjadikan jumlah keseluruhan

2,407 ruang letak kereta



Dengan pengenalan dua laluan tambahan (**laluan Biru dan Merah**) bermula pada Mei 2014, bilangan penumpang bas bandar Go-KL telah meningkat kepada

35,000 penumpang



Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi



meningkat kepada **455,728** (sasaran tahun 2014: 470,000). Terdapat penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam seperti terminal yang lebih bersepadu, peningkatan kapasiti perkhidmatan rel dan pengurangan selang waktu perjalanan (*headway*) dalam perkhidmatan pengangkutan awam

Pelaksanaan

Paparan Maklumat Penumpang (PID)

di 58 perhentian bas utama di Lembah Klang untuk memberikan anggaran masa ketibaan bas yang menyediakan perkhidmatan di laluan tertentu – inisiatif ini

disempurnakan
pada tahun 2013



Terminal bas bandar Pasar Seni dan Munshi Abdullah yang baharu



membantu mengurangkan kesesakan kawasan pusat bandar Kuala Lumpur dengan mengawal selia perjalanan bas masuk ke bandar dan melencongkan laluan bas ke terminal tersebut untuk memastikan aliran trafik yang lebih cekap

Perkhidmatan KTM Komuter ditambah baik:



Masa menunggu dikurangkan sebanyak 15 minit **dari 30 minit kepada 15 minit**



Menurut tinjauan trafik 2014, faktor muatan penumpang bagi KTM Komuter meningkat kepada

92%



Prestasi ketepatan masa semasa waktu puncak pagi bagi KTM Komuter meningkat kepada

97.5%



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH





Taraf Kehidupan dan Pendapatan



Matlamat kami dalam pelaksanaan inisiatif **NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH)** adalah jelas dan mudah. Sejak bertahun-tahun lamanya, negara kita telah menyaksikan perubahan yang ketara dalam pembangunan ekonomi dan kewangan, serta komposisi kumpulan berpendapatan rendah. Namun begitu, masih terdapat lagi sebahagian daripada rakyat yang terus kekal berpendapatan rendah meskipun pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh hal yang demikian, NKRA LIH diperkenalkan untuk menjangkau kelompok masyarakat ini.

NKRA LIH menyokong kumpulan berpendapatan rendah menerusi pemberian bantuan terus dan latihan literasi kewangan. Memandangkan aspek kelestarian merupakan prioriti utama, kami memberikan lebih keutamaan terhadap latihan kemahiran dan literasi kewangan. Walau bagaimanapun, kami juga telah mengenal pasti kumpulan mudah terjejas yang memerlukan bantuan segera dan bersasaran. Bagi kumpulan mudah terjejas ini, kami telah melaksanakan program bantuan makanan dan penjagaan kesihatan untuk memperkukuh keperluan asas kumpulan ini sebelum latihan kemahiran kemudiannya diberikan kepada mereka.

Bantuan kami sebahagian besarnya disampaikan menerusi program utama kami, iaitu **1AZAM (Akhir Zaman Miskin)**, yang memberikan sokongan dan latihan dalam empat aliran kerja utama selain golongan miskin bandar. Kami sedar bahawa kumpulan berpendapatan rendah di Malaysia datang daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai keperluan tersendiri yang tidak dapat dipenuhi oleh suatu rangka kerja penyampaian tunggal. Meskipun kami mengekalkan falsafah yang universal dan umum dalam NKRA LIH, kami tetap bergantung pada kepakaran dan sokongan rakan kongsi kami untuk mengenal pasti cara terbaik untuk menyampaikan bantuan kepada kumpulan sasaran.

Melangkah ke hadapan, kami akan melaksanakan lebih banyak usaha lagi untuk peserta program kami menerusi pengenalan Program *Beyond 1AZAM*. Kami memulakan projek rintis pada September 2014 dengan matlamat untuk membantu peserta 1AZAM yang berjaya untuk membangunkan lagi kapasiti untuk mempertingkatkan pendapatan mereka. Program *Beyond 1AZAM* berhasrat untuk memerkasakan peserta kami dengan kemahiran keusahawanan dan pembangunan perniagaan termasuk pemasaran, promosi dan pengagihan untuk membantu mereka mempertingkatkan potensi pendapatan masing-masing.

Kami berasa teruja dengan sebahagian prospek yang telah berjaya menerusi program asas 1AZAM, dan saya percaya mereka mempunyai ramuan yang mencukupi untuk menjadi penyumbang yang lebih besar kepada kekayaan negara. Harapan kami ialah program *Beyond 1AZAM* akan mencipta satu generasi usahawan dan penyedia perkhidmatan berjaya yang terdiri daripada peserta yang dahulunya dianggap sebagai “berpendapatan rendah”.

“Harapan kami ialah program *Beyond 1AZAM* akan mencipta satu generasi usahawan dan penyedia perkhidmatan berjaya yang terdiri daripada peserta yang dahulunya dianggap sebagai “berpendapatan rendah”.

Dato' Sri Rohani Abdul Karim

Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

MENYEDIKAN PELUANG UNTUK KELUAR DARIPADA PARAS GARIS KEMISKINAN

Komitmen Malaysia terhadap pembasmian kemiskinan mempunyai kaitan dengan sejarah masa silam. Pada peringkat awal negara kita menjadi sebuah negara yang merdeka, ia muncul sebagai sebuah negara yang sebahagian besarnya masih bergantung pada hasil pertanian oleh masyarakat luar bandarnya. Pada tahun 1970, hampir separuh daripada keseluruhan rakyat Malaysia dianggap hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini bertambah baik dalam tempoh selepas itu menerusi program intervensi pembangunan kerajaan, dan pada tahun 2012, kurang 1.8% daripada rakyat Malaysia yang masih hidup dalam kemiskinan.¹

Walau bagaimanapun, komitmen kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi memerlukan lebih banyak usaha dilakukan terhadap golongan masyarakat yang masih hidup di bawah ambang kemiskinan, dan inilah asas yang menjadi rasional kepada NKRA LIH.

NKRA LIH komited dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf kehidupan dan pendapatan rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah selaras dengan falsafah pembangunan negara yang bersifat inklusif. Sekalipun program ETP dan GTP terus memacu Malaysia bergerak lebih tinggi pada rantaian nilai, NKRA LIH terus komited terhadap pengagihan kekayaan dan kemakmuran yang adil dan saksama untuk memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati hasil kemajuan negara.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh NKRA LIH menggalakkan kesamarataan antara pelbagai kelas ekonomi melalui penyediaan bantuan kepada kumpulan berpendapatan rendah. Usaha ini terbahagi kepada dua kategori. Pertama, pemberian bantuan terus kepada kumpulan paling mudah terjejas dan kedua, pengupayaan kumpulan ini untuk memperoleh pendapatan yang mampan dan bermakna. Senarai peserta diperoleh daripada pangkalan data nasional eKasih dan mereka menerima latihan di bawah program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin).

Sejak GTP mula diperkenalkan, lebih 50% daripada isi rumah, atau 188,000 orang rakyat negara ini telah berjaya dikeluarkan daripada kategori kemiskinan tersebut hasil daripada

usaha kerajaan termasuk program-program yang dilaksanakan di bawah NKRA LIH. Melalui inisiatif tersebut, bantuan terus seperti bakul makanan, perubatan, KEDAP (Kelas Dewasa untuk Orang Asli dan Penan), penjagaan orang tua, kemudahan perumahan dan latihan kerja telah diberikan kepada kumpulan berpendapatan rendah.

¹ Pada tahun 2009, sebelum GTP diperkenalkan, suatu tinjauan pendapatan isi rumah menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia adalah 3.8%

NKRA LIH terus mencatat beberapa pencapaian pada tahun 2014 termasuk:

Memastikan 24,646 peserta 1AZAM (sasaran: 28,900 peserta) meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM300 selama tiga bulan

1

Untuk mengukur keberkesanan program 1AZAM, NKRA LIH melaksanakan pemantauan terhadap peserta selepas program dijalankan untuk memastikan peserta menggunakan kemahiran yang telah dipelajari. Perubahan pada tahap pendapatan mereka diukur dan peserta dianggap berjaya sekiranya dia meningkatkan pendapatan bulanan yang dibawa pulang ke rumah sekurang-kurangnya sebanyak RM300 bagi mana-mana tiga bulan.

Meningkatkan kerjasama dengan NGO dan rakan kongsi sektor korporat


2

Kerajaan akur bahawa perjuangan membasmi kemiskinan tidak mungkin dijuarai menerusi usaha secara bersendirian justeru kerajaan telah mendapatkan bantuan rakan kongsi termasuk NGO dan syarikat korporat untuk membiayai dan menyokong program. Pada tahun 2014, 46 program (sasaran: 36 projek) telah dilaksanakan dengan kerjasama rakan kongsi ini.

Isi rumah berpendapatan rendah pada akhir tahun 2014



Dalam tempoh 4 tahun yang lalu, sejumlah 275,644 orang telah dinaik taraf ke status "Terkeluar" daripada senarai terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam tahap pendapatan



Jumlah kumulatif meningkat dalam pendapatan sebanyak RM200 pada 2012 dan RM300 pada 2013 & 2014. Program bermula pada 2012

Pencapaian ini dan juga pencapaian yang lain merupakan hasil inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2014 yang direka khusus untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penyampaian program kepada kumpulan sasaran.

Pada masa yang sama, NKRA LIH kini juga sedang mengambil langkah yang signifikan untuk terus berkembang pada tahun 2015 dan tahun-tahun berikutnya. Sepanjang lima tahun yang lalu, fokus bagi inisiatif yang

dilaksanakan bertujuan menyediakan kemahiran asas yang penting untuk membantu peserta membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan, akan tetapi tahun-tahun yang akan datang bakal menyaksikan pelaksanaan inisiatif digerakkan untuk membantu mereka menjadi individu yang meraih kejayaan dalam kewangan.

Inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- Menambah baik pemantauan dan penilaian peserta 1AZAM**
Pasukan NKRA LIH terus berusaha menambah baik pemantauan peserta 1AZAM selepas program dijalankan untuk memastikan kemahiran dan bantuan yang diperoleh berjaya melonjakkan tahap pendapatan mereka. Penanda aras kejayaan ialah keupayaan peserta meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan pada tahun tersebut. Pemantauan dan penilaian dilaksanakan pada peringkat akar umbi, dan hal ini boleh menjadi inisiatif yang memerlukan usaha. Untuk membantu usaha ini, NKRA LIH telah mendapatkan bantuan daripada agensi persekutuan dan negeri yang lain seperti agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).
- Menyediakan pemangkin ekonomi kepada kumpulan mudah terjejas**
NKRA LIH telah menjadikan penyediaan pemangkin ekonomi kepada kumpulan yang memerlukan bantuan seperti masyarakat Penan di Sabah dan Sarawak dan masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia sebagai fokus utama sepanjang dua tahun yang lepas. Daripada peningkatan kesihatan dan nutrisi hinggalah penyediaan khidmat bantuan di rumah (*home help programme*), pemangkin ekonomi kini mengubah kehidupan kumpulan mudah terjejas ini dan membantu mereka menjadi individu yang boleh berdikari sendiri dari segi ekonomi dan sosial.

Digelar sebagai Program *Beyond 1AZAM*, NKRA LIH akan menyesuaikan inisiatif peningkatan kemahiran yang disasarkan kepada peserta 1AZAM yang berjaya dalam usaha untuk membantu mereka mempertingkatkan perniagaan masing-masing menerusi kursus lanjutan seperti pemasaran dalam talian dan kepelbagaian pasaran, selain pembiayaan mikro kredit. Sebahagian daripada 2,000 peserta 1AZAM yang berjaya telah dipilih bagi program rintis yang bermula pada September 2014, dengan keputusan program bakal disiarkan pada tahun 2015.

1AZAM: MEMBANTU KUMPULAN BERPENDAPATAN RENDAH MEMBANTU DIRI SENDIRI

1 AZAM merupakan program yang menyeluruh merentas pelbagai kementerian dan agensi dari segi pelaksanaan. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah, pelaksanaan 1AZAM merupakan hasil kerjasama antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa daerah dan perbandaran selain agensi lain seperti Kolej Yayasan Sabah.

Program 1AZAM terbahagi kepada tiga fasa yang berbeza. Dalam fasa yang pertama, program 1AZAM memfokuskan peningkatan penyertaan dengan menggalakkan individu berpendapatan rendah mendaftarkan diri mereka dengan pangkalan eKasih. Dalam fasa yang kedua, 1AZAM memfokuskan penyampaian inisiatif peningkatan pendapatan kepada peserta berdasarkan KPI peningkatan


sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan dalam setahun. Matlamatnya adalah untuk membantu peserta meningkatkan pendapatan mereka, dan lebih penting lagi, mengekalkan peningkatan pendapatan tersebut.

Dalam fasa ketiga, yang akan bermula pada tahun 2015, NKRA LIH akan melaksanakan Program *Beyond 1AZAM*, yang direka khusus untuk merangsang lagi tahap pendapatan peserta 1AZAM yang berjaya. *Beyond 1AZAM* adalah bersifat selektif dan hanya akan mengambil peserta yang telah berjaya meningkatkan tahap pendapatan dan memperlihatkan harapan yang cerah bagi pembangunan yang seterusnya. Penanda aras kejayaan *Beyond 1AZAM* bagi peserta ialah meningkatkan lagi pendapatan peserta sebanyak 50%.

“1AZAM merupakan program yang menyeluruh merentas pelbagai kementerian dan agensi dari segi pelaksanaan.”



Struktur pelaksanaan program 1AZAM



Pada tahun 2014, NKRA LIH terus memfokuskan inisiatifnya terhadap fasa kedua, iaitu meningkatkan tahap pendapatan dan memantau peserta untuk memastikan mereka mengekalkan peningkatan pendapatan tersebut. Peningkatan pendapatan dikendalikan menerusi program teras 1AZAM, yang terbahagi kepada lima aliran, iaitu:

AZAM Kerja

AZAM Niaga

AZAM Khidmat

AZAM Tani

AZAM Bandar

Pada tahun 2014, sejumlah 24,646 peserta berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing sebanyak RM300 bagi mana-mana tiga bulan, mewakili 85% KPI NKRA LIH bagi tahun 2014. Keperluan bagi peserta mengekalkan pertumbuhan pendapatan yang mampan untuk suatu tempoh masa adalah penting kerana matlamat program ialah mewujudkan perubahan jangka panjang yang mampan dan bukan hanya manfaat yang diperoleh secara sekali gus (*one-off*). Pertumbuhan pendapatan yang mampan untuk suatu tempoh masa ialah bukti yang menunjukkan bahawa penerima telah berubah secukupnya untuk hidup berdikari.

Peserta program dipilih daripada pangkalan data eKasih yang mengesan dan memantau impak penyampaian khidmat kami terhadap peserta program. Pangkalan data eKasih menyediakan data yang dapat digunakan oleh analisis kami untuk menentukan cara memberikan khidmat yang lebih baik kepada kumpulan berpendapatan rendah. Kementerian komited untuk memilih peserta 1AZAM daripada pangkalan data eKasih dan akan terus bekerjasama merentas pelbagai agensi untuk memberikan keutamaan kepada mereka yang telah mendaftar dengan eKasih.

Pada tahun 2013, masalah timbul apabila terdapat peserta yang tidak dibawa ke saluran AZAM yang betul atau



disalurkan ke aliran yang tidak realistik. Sejak itu vendor telah diarahkan untuk menjalankan analisis keperluan yang lebih menyeluruh dalam menapis bakal peserta untuk menghasilkan pemilihan yang lebih ketat bagi peserta yang berminat untuk menyertai program 1AZAM. Langkah ini telah menghasilkan penambahbaikan pada tahun 2014.

Walau bagaimanapun, pemantauan kemajuan dan perkembangan peserta program pada peringkat akar umbi terus menjadi cabaran atas beberapa sebab:

- bilangan peserta yang terlalu ramai;
- peserta berada di lokasi yang tidak berpusat; dan
- usaha yang banyak diperlukan untuk melaksanakan pemantauan kemajuan peserta secara berkala dan tepat pada masanya.

NKRA LIH terus bekerjasama dengan NGO dan rakan kongsi pelaksana program untuk mengenal pasti rangka kerja yang lebih baik untuk melaksanakan aspek pemantauan dan penilaian program.

Maklum balas daripada rakan kongsi pelaksana dan juga daripada pemerhatian empirikal menyatakan bahawa sebahagian daripada penerima bantuan 1AZAM cenderung enggan

menerima perubahan jangka panjang. Hal yang demikian menghalang usaha untuk membantu mereka membina perubahan jangka panjang dalam amalan kewangan mereka. Usaha mitigasi seperti bengkel motivasi sentiasa dianjurkan untuk membantu mereka mengubah cara pemikiran, dan rangka kerja pemantauan dan penilaian (M&E) secara berkala untuk memberikan gambaran yang lebih tepat tentang realiti yang sebenarnya berlaku. Kerjasama antara NKRA LIH dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan M&E telah menunjukkan hasil dan terdapat rancangan untuk terus memanfaatkan hubungan ini pada masa hadapan.

Akhir sekali, perhatian khusus telah diberikan terhadap kes-kes percanggahan oleh vendor NKRA LIH yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Tindakan yang tegas akan diambil terhadap rakan kongsi yang menunjukkan prestasi yang buruk, seperti pengeluaran surat tunjuk sebab dan amaran. Prestasi buruk yang berterusan akan membawa kepada pembatalan kontrak dan langkah selanjutnya yang bersesuaian.

Bahagian yang berikut memperincikan latihan dan sokongan yang unik dan tersendiri oleh setiap aliran kerja AZAM dan kelompok sasaran masing-masing.

AZAM Kerja

AZAM Kerja menetapkan sasaran untuk menempatkan pekerja berpendapatan rendah dalam pekerjaan yang dapat membantu mereka meningkatkan pendapatan menerusi pekerjaan yang lebih stabil dan bermakna dalam sektor perkhidmatan. Program ini memfokuskan pelbagai kerjaya yang bersesuaian dengan individu yang hanya mempunyai kelayakan yang rendah atau tidak mempunyai sebarang kelayakan. Program ini juga membantu dalam menyediakan latihan dan panduan untuk membantu mereka memenuhi keperluan pekerjaan.

Untuk memperluas lagi tawarannya, pada tahun 2014, Program AZAM Kerja telah merintis projek Baucar Kerja di lima buah negeri: Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Johor. Setiap negeri tersebut memberikan 20 tempat kepada peserta melakukan kerja sambil seperti di kedai runcit dan stesen minyak yang terletak berhampiran dengan tempat

tinggal masing-masing. Pekerja menerima bayaran harian dalam bentuk baucar kerja bagi kerja yang dilakukan mereka untuk hari itu.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan program ini ialah kurangnya penyertaan daripada golongan sasaran. Sebagai contoh, di Johor, Negeri Sembilan dan Selangor, hanya 12 daripada 20 tempat yang ada diisi oleh pekerja. Pasukan pelaksana juga menghadapi kesukaran dari segi mendapatkan syarikat yang sanggup memberikan kerjasama bagi penempatan pekerjaan melalui Program Baucar Kerja ini.

Melangkah ke hadapan, kami akan memperbaiki Prosedur Operasi Standard (SOP) program ini untuk meningkatkan lagi kadar penyertaan. Kami juga bekerjasama dengan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk memperkemas proses dan prosedur bagi Program Baucar Kerja supaya ia menjadi lebih menarik kepada golongan sasaran kami.



Peserta AZAM Kerja diberi penempatan pekerjaan sebagai pakar kecantikan di La'Joise

Menggalakkan prospek pekerjaan melalui AZAM Kerja

AZAM Kerja membantu mempertemukan majikan dan pekerja di Malaysia sebagai sebahagian daripada matlamat keseluruhannya untuk meningkatkan tahap pendapatan dengan menyediakan pekerjaan bergaji lumayan kepada penerima sasaran.

Di bawah inisiatif penempatan pekerjaan, AZAM Kerja memadankan pekerja yang berkelayakan dengan majikan yang mengambil bahagian dalam program ini, seperti salon kecantikan La'Joise yang telah menggaji dua orang peserta AZAM Kerja.

“Kami berhasrat untuk membantu mewujudkan generasi muda yang berkemahiran dengan masa depan kerjaya yang baik untuk meningkatkan kedudukan kewangan individu tersebut, keluarga mereka dan negara,” kata Wan Adilah Syahirah Wan Jaafar, Pengurus Besar La'Joise.

Namun begitu, beliau menambah bahawa bukan semua peserta program AZAM Kerja diambil bekerja secara automatik kerana La'Joise perlu memilih calon terbaik yang memenuhi kriterianya. Wan Adilah berkata bahawa La'Joise telah menyertai AZAM Kerja sejak tahun 2013, dan telah melatih 26 peserta.

Di bawah program AZAM Kerja, peserta diberi tempat penginapan dan latihan dalam profesion pilihan mereka untuk memberi mereka kemahiran yang diperlukan agar dapat mencari pekerjaan yang menjana pendapatan dan seterusnya berdikari dari segi kewangan.

Nurul Hazra Roslang, 18, ialah peserta AZAM Kerja yang kini bekerja di La'Joise cawangan Klang, Selangor. Beliau yang baru tamat persekolahan menengah berkata, memperoleh pekerjaan sebaik sahaja habis pengajian dirasakan sebagai “impian menjadi kenyataan”.

Di samping itu, Nurul Hazra berkata, beliau menerima latihan kemahiran yang secukupnya semasa berada di La'Joise, yang diharapkan dapat membantunya mencapai matlamat untuk membuka salon kecantikannya sendiri suatu hari nanti.

Membina keupayaan untuk mencapai matlamat



Melalui program AZAM Kerja, Clarisa Balicao kini memiliki salon rambut sendiri. Kini beliau boleh memperoleh pendapatan sehingga RM8,000 dalam sebulan

Clarisa Balicao, seorang penduduk di Kota Marudu, Sabah, merupakan salah seorang penerima manfaat program AZAM Kerja. Balicao sebelumnya ialah pekerja di salon Magical tetapi kini dia telah mengambil alih salon tersebut dengan membelinya daripada pemilik asal secara ansuran. Sebagai peserta AZAM Kerja, Balicao menerima latihan dalam bidang yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya, iaitu rawatan wajah, dandanan rambut dan terapi kecantikan. Kini, Balicao memperoleh pendapatan antara RM6,000 hingga RM8,000 sebulan.

Walaupun tidak semua peserta AZAM Kerja berakhir dengan memiliki perniagaan sendiri seperti Clarisa Balicao, setiap peserta bakal memperoleh peluang untuk membangunkan kemahiran kerja yang sangat berharga dalam pelbagai sektor. Melalui penempatan pekerjaan, program AZAM Kerja mendedahkan peserta kepada latihan semasa bekerja dan pengalaman berniaga.

“Saya gembira. Kursus yang saya sertai yang dianjurkan oleh program Latihan dan Penempatan AZAM Kerja amat membantu. Sekarang saya melihat hampir seratus orang pelanggan setiap bulan datang untuk memotong rambut, mendandan rambut dan mendapatkan rawatan. Namun, saya masih ingin mengembangkan lagi perniagaan ini sekiranya berkemampuan.

Clarisa Balicao

Pemilik Salon Kecantikan, Kota Marudu, Sabah



AZAM Niaga

AZAM Niaga ialah program yang menetapkan sasaran untuk mendampingi para usahawan yang memiliki kemahiran yang diperlukan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan atau perniagaan runcit mereka sendiri. Program AZAM Niaga menyediakan bantuan dalam bentuk latihan dan pembiayaan mikro-kredit kepada individu ini untuk membantu mereka membiayai kos memulakan perniagaan. Peserta AZAM Niaga perlu mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan berskala kecil untuk melayakkan mereka menyertai program ini.

“Perubahan paling ketara ialah saya sentiasa mempunyai wang di dalam saku saya. Saya tidak perlu lagi risau tentang wang pada hujung bulan. Kami berani menukar barangan yang kami mahu dan mengembangkan perniagaan. Saya bermula dengan modal yang kecil dan kini saya mempunyai seorang pekerja sepenuh masa dan dua orang pembantu. Tidak pernah saya terfikir yang saya akan memiliki semua perkara ini.

Saidah Samadi

Pemilik Bakeri, Ipoh, Perak



Saidah Samadi membuka kelas masakannya sendiri dengan bantuan AZAM Niaga

Pembiayaan awal untuk membantu menyerlahkan potensi yang ada

Saidah Samadi, 48, sememangnya memiliki bakat semula jadi menjalankan perniagaan. Atas dorongan anak perempuannya, Saidah mengambil inisiatif untuk belajar memasak dan membuat kuih. Apabila rakan-rakan mula meminta resipi dan meminta Saidah mengajar mereka cara memasak, Saidah mengambil keputusan untuk membuka kelas masakan dan mula menjual produk masakannya melalui ejen dan secara dalam talian melalui Facebook.

Penduduk Ipoh, Perak tersebut ialah seorang penerima manfaat daripada program AZAM Niaga. Program AZAM Niaga telah membantu Saidah membina kelas masakannya dan juga tawaran produk masakannya. Menurut Saidah, kehidupannya telah berubah dengan ketara sejak mengikuti program tersebut.

Impian Saidah kini adalah untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 yang melayakkan beliau mengajar di kolej komuniti. Saidah juga bercadang untuk membuka sebuah kedai untuk mengembangkan sayap perniagaannya.



AZAM Tani

AZAM Tani menyokong pertumbuhan pendapatan peserta dengan memfokuskan perniagaan berasaskan pertanian seperti ladang ayam dan itik, tanaman kontan dan ladang akuakultur. Peserta diberi projek berasaskan kebolehan, kemahiran dan keperluan masing-masing. AZAM Tani menyokong pembangunan peserta melalui bantuan kewangan, latihan keupayaan, penyediaan kemahiran teknikal dan kemudahan lain.



Menjana pendapatan dengan menyokong perniagaan berasaskan pertanian

Hassim Mohammad Hussain, 50, berkata bahawa seseorang itu tidak boleh melayan perasaan putus asa jika dia seorang petani. Hassim sebelum ini ialah seorang buruh kasar yang menanam jagung pada waktu lapang untuk menjana pendapatan tambahan. Pada hari ini, Hassim ialah penanam betik sepenuh masa hasil daripada bantuan dan latihan yang diterimanya daripada program AZAM Tani.

“Pada mulanya saya berhadapan dengan cabaran dalam memasarkan buah-buahan saya tetapi selepas setahun mengikuti program AZAM Tani, peluang mulai datang dan permintaan terhadap betik saya meningkat,” jelas Hassim.

Bapa kepada lapan orang anak ini kini merupakan pengeluar betik terbesar di Alor Setar, Kedah. Hassim menerima peralatan bernilai hampir RM8,850 daripada AZAM Tani pada tahun 2011 melalui pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di bawah program AZAM Tani pada peringkat permulaan. Hari ini Hassim menjual hampir satu tan betik setiap hari kepada lima orang pembeli.

“Permintaan masih bertambah dan ada juga yang berminat untuk mengeksport betik saya ke Thailand,” tambah beliau. Pendapatannya bertambah lebih lima kali antara RM800 hingga RM1,000 sebulan kepada antara RM5,000 hingga RM6,000 sebulan.

Kisah Hassim menjadi satu pentunjuk tentang cara program ini berjaya dengan memfokuskan usaha terhadap peserta yang memiliki etika kerja yang tinggi dan pengalaman dalam bidang pertanian. Harapan kita ialah agar penyediaan kemudahan ini dapat membantu peserta menjayakan perniagaan dan membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.



Gambar sumber daripada Sinar Harian

Daripada pekerja kilang kepada pembekal puyuh serantau

Asbdullah Ali, dari Nibong Tebal, Pulau Pinang, telah menyaksikan gaji bulanannya sebanyak RM900 sebagai pekerja kilang meningkat dengan pesat sejak terpilih sebagai peserta program AZAM Tani. Kini, Asbdullah merupakan pembekal daging puyuh beku yang berjaya, dengan menyediakan daging puyuh yang diperap menggunakan resipi istimewa buatan sendiri.

“Dahulu saya membawa makanan hasil puyuh dan anak-anak saya ke sekolah pada masa yang sama, semuanya bersempit- sempit dan bersesak-sesak,” kata penternak tersebut ketika mengenangkan zaman dahulunya yang pernah menggunakan Perodua Kancil. “Kadang-kadang, saya susah hati memikirkan nasib anak-anak saya. Sekarang, saya mempunyai lori untuk membawa mereka ke sekolah dengan lebih selesa dan selamat. Saya rasa gembira. Saya benar-benar bersyukur.”

Sebagai peserta program AZAM Tani, Asbdullah menerima bantuan sebanyak RM9,000 daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk

mengembangkan perniagaan burung puyuhnya, iaitu perniagaan sampingan yang dijalankan bersama-sama dengan isterinya semasa beliau masih bekerja sebagai pekerja kilang.

Menurut Asbdullah, pada masa itu jumlah puyuh yang dijual tidak mencukupi untuk menjana sebarang keuntungan bersih. Geran yang diterima daripada FAMA memberi mereka modal untuk membeli 4,000 ekor anak puyuh untuk pembiakan, selain peralatan yang diperlukan. Pada tahun 2009, pasangan tersebut memiliki kira-kira 200 ekor puyuh.

Hari ini, Asbdullah merupakan salah seorang pembekal utama telur dan daging puyuh di Seberang Prai Selatan, Kedah dan Perak serta menternak antara 15,000 hingga 20,000 burung puyuh.

Gambar sumber daripada
New Straits Times



AZAM Tani mengubah kehidupan seorang penjual sate

Azemi Majid menghabiskan sebahagian besar hidupnya dengan membanting tulang sebagai pekerja kilang, dan memperoleh pendapatan yang sekadar mencukupi sahaja untuk menyara keluarganya. Pada usia 46 tahun, beliau membuat keputusan untuk meletakkan jawatan dan membuka gerai satenya sendiri di Shah Alam, Selangor, menggunakan duit ganjaran sebanyak RM5,000.

“Saya membayar hutang saya sepenuhnya. Kemudian, saya menyewa tapak di sini, membeli penyejuk beku, pengisar, pemanggang dan daging. Saya terpaksa bekerja setiap hari selama enam bulan pertama,” kata beliau.

Pendapatan antara RM700 hingga RM800 yang dibawa pulang bukanlah peningkatan yang banyak berbanding dengan kerjanya sebelum ini sebagai pekerja kilang. Namun, semuanya berubah setelah beliau terpilih sebagai peserta Program AZAM Tani oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB).

Azemi menerima peralatan berjumlah RM9,000 untuk menaik taraf gerainya dan diberi latihan kemahiran perniagaan untuk meningkatkan keupayaannya. Keupayaan beliau meningkat dengan ketara, dan kini beliau membawa pulang pendapatan sebanyak RM3,500 hingga RM4,000 sebulan.

“Saya masih bekerja setiap hari untuk memastikan perniagaan saya berjalan dengan lancar, tetapi saya tidak risau lagi tentang sumber periuk nasi saya,” ujar beliau. “Yang lebih penting lagi, saya melakukan sesuatu yang amat saya minati.”

Jurulatih AZAM Tani beliau, Ahmad Miqdad Mohsin, berkata bahawa Azemi merupakan salah seorang daripada 18,000 individu miskin yang mendaftar dalam program ini, yang telah mencipta banyak kisah kejayaan. Tambah Ahmad Miqdad, pencapaian Azemi amat baik kerana beliau mempraktikkan kemahiran yang dipelajarinya semasa latihan.



Gambar sumber daripada
New Straits Times

AZAM Khidmat

Program AZAM Khidmat menyasarkan individu berpendapatan rendah yang berminat untuk bekerja dalam industri perkhidmatan, sama ada sebagai usahawan atau sebagai pekerja. Sama seperti program AZAM Niaga, AZAM Khidmat menyediakan bantuan dalam bentuk latihan dan pembiayaan kewangan bagi peserta yang ingin memulakan usaha menjadi pembekal perkhidmatan secara kecil-kecilan.



Menyediakan latihan yang berkaitan untuk membantu meluaskan perniagaan

Sharifah Junaidi Sayed Idrus memiliki dan mengendalikan salon dan spa sendiri di Perak. Sebagai peserta program AZAM Khidmat yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Perak, Sharifah telah menjana pendapatan yang stabil daripada perniagaannya. Sharifah telah mendapat latihan dan juga peralatan bagi salonnya.

“Sebelum ini, pendapatan saya tidak stabil berbanding dengan sekarang. Pendapatan bulanan saya sekarang, walaupun dengan jumlah pelanggan yang sedikit, boleh mencecah RM3,000. Pada hari yang tertentu, saya memperoleh lebih RM400 sehari.”



Sharifah Junaidi merupakan seorang penyedia perkhidmatan dan memiliki Usahawan Salun & Spa. Beliau telah mengusahakan dan mengembangkan perniagaannya menerusi latihan di bawah program AZAM Khidmat

AZAM Bandar

AZAM Bandar disasarkan untuk membantu golongan miskin bandar meningkatkan tahap pendapatan melalui penyediaan latihan, modal dan peralatan yang bersesuaian untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri. AZAM Bandar juga membantu peserta mengenal pasti cara yang membolehkan mereka mengembangkan perniagaan untuk meningkatkan pendapatan dan mempelbagaikan aliran pendapatan.



AZAM Bandar meningkatkan pendapatan di bandar-bandar di seluruh negara

Inisiatif NKRA AZAM Bandar dilaksanakan di bandar-bandar di seluruh negara dan bukan sahaja di Lembah Klang. Dilaksanakan bersama-sama dengan NGO tempatan, aliran kerja AZAM Bandar membantu mentransformasikan potensi pendapatan golongan miskin bandar untuk menjadikan mereka penyumbang positif kepada ekonomi.

Di Kelantan, Persatuan Wanita Dalam Bisnes Malaysia (*Women in Business Association, WIBA*) giat menjalankan kursus latihan vokasional sejak tahun 2013. Menurut pengerusi WIBA, Nor Faizah Mohd Noor, hampir 92% daripada peserta yang diambil daripada pangkalan data eKasih telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan pada tahun 2014.

“Kami menjalankan bengkel kemahiran praktikal seperti menjahit dan bengkel jualan,” jelas Nor Faizah. “Pada masa tertentu, kami juga membantu mereka mewujudkan pusat pengagihan pemasaran dalam talian dan mendirikan kiosk untuk mereka di pasar tani.”

WIBA menjalankan program bulanan untuk membantu pesertanya memasarkan produk dengan menganjurkan perjalanan bulanan ke pasar tani dan juga lokasi jualan yang lain. Menurut Nor Faizah, formula ini sangat berjaya dan beliau merancang untuk meneruskan program seumpamanya pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, seperti pelaksana program yang lain, Nor Faizah menjelaskan bahawa cabaran terbesar yang dihadapi WIBA ialah mengubah cara berfikir dan sikap para peserta.

“Pada awalnya apabila mereka menamatkan program, mereka sangat bersemangat tetapi keadaan itu tidak bertahan lama,” kata Nor Faizah. “Apabila kami menjalankan sesi pemantauan susulan, kami mendapati segelintir daripada mereka tidak mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam pekerjaan. Kami perlu senantiasanya berhubung dengan mereka dan melawat mereka di rumah untuk menggalakkan mereka agar terus berusaha.”

Nor Faizah menambah bahawa meskipun kadar pencapaian 92% yang diraih adalah membanggakan, beliau percaya bahawa beliau boleh meraih baki 8% yang belum terlibat. Nor Faizah

menjelaskan bahawa sesi susulan pascaprogram adalah penting kerana program hanya berlangsung selama lapan hari dan peserta kemudiannya menghadiri bengkel motivasi selama dua hari. 10 hari, jelas Norfaizah, tidak mencukupi untuk mengubah pemikiran dan juga sikap peserta.



KUMPULAN MUDAH TERJEJAS:

MEMBANTU MEREKA AGAR LEBIH BERDIKARI

KEBUN NENAS MEMBERIKAN PELUANG KEDUA KEPADA BEKAS PENAGIH DADAH

Di bawah program AZAM Tani, Kementerian Pertanian (MoA) telah bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB) dan Pusat Rawatan & Pemulihan (CCRC) untuk menyediakan pekerjaan yang menguntungkan kepada bekas penagih yang sedang menjalani pemulihan di sebuah ladang di Jelebu, Negeri Sembilan. Program ini merupakan satu inisiatif yang memfokuskan kumpulan mudah terjejas termasuk Orang Asli, ibu tunggal dan orang kurang upaya.

Ladang di Jelebu ini memulakan operasi pada tahun 2013 di atas tanah seluas 40 ekar. Pada fasa pertama projek, ladang tersebut mengusahakan tanaman dua jenis nenas di tanah seluas 20 ekar, iaitu N36 dan Yankees. Buah ini menyaksikan permintaan yang ketara daripada penduduk sekitar dan juga pemborong buah-buahan.

Pada masa yang sama, program ini memberi bekas penagih yang sedang menjalani pemulihan pengertian tentang

tujuan kehidupan dan pendapatan untuk menghalang mereka daripada terjebak semula dalam penyalahgunaan dadah. Contoh yang ditampilkan oleh ladang Jelebu merupakan bukti kukuh kejayaan program LIH dalam membantu rakyat berpendapatan rendah yang mudah terjejas dan pada masa yang sama meningkatkan profil ekonomi setempat.



MEMBANTU WANITA POSITIF HIV BERDIKARI

Wanita yang didiagnosis dengan HIV merupakan sebahagian daripada kumpulan mudah terjejas di Malaysia. Lazimnya menerima jangkitan daripada suami masing-masing, golongan wanita ini mempunyai anak kecil untuk dijaga justeru mereka mendapati peluang pekerjaan dan pendapatan sangat terhad.

Untuk membantu golongan wanita ini meningkatkan pendapatan demi menyara diri sendiri dan keluarga dengan lebih baik, NKRA LIH bersama-sama dengan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dan sebuah NGO berkaitan dengan AIDS, Pertubuhan Masyarakat Prihatin, melancarkan projek menjahit komuniti di Bachok, Kelantan.

Di bawah projek ini, peserta diberi peralatan menjahit dan juga latihan untuk menghasilkan barangan tekstil untuk dijual kepada komuniti. Sebuah kawasan permainan juga diwujudkan untuk anak-anak golongan wanita ini agar mereka tidak perlu senantiasanya memerhatikan anak masing-masing.

Sepuluh orang wanita positif HIV telah mengambil bahagian dalam projek ini, yang menyasarkan penciptaan pendapatannya mencukupi bagi mereka untuk membeli barangan keperluan asas seperti susu tepung dan lampin kanak-kanak. Secara purata, peserta berupaya memperoleh pendapatan sebanyak RM500 sebulan. Meskipun peserta projek mengalami masalah awal untuk menembusi pasaran, namun usaha oleh pasukan pelaksanaan telah berjaya mengatasi masalah tersebut dengan mendapatkan tempahan daripada sekolah berhampiran.

Projek ini telah menjadikan golongan wanita ini mampu berdikari dan memberi mereka peluang untuk menjaga anak masing-masing dengan lebih baik melalui penyediaan pekerjaan dalam bidang yang bersesuaian dengan situasi mereka. Tujuannya adalah untuk memperluas projek sebegini ke seluruh negara supaya mana-mana rakyat yang mudah terjejas dapat menerima peluang untuk menambah baik mata pencarian masing-masing.



MEMBANGUNKAN PEMANGKIN EKONOMI

UNTUK KUMPULAN BERPENDAPATAN RENDAH

Fokus NKRA LIH telah diperluas untuk merangkumi penyediaan pemangkin ekonomi kerana situasi jelas menunjukkan bahawa pembinaan kemahiran dan penyediaan peluang sahaja tidak memadai untuk membantu individu berpendapatan rendah sekiranya keupayaan mereka untuk bekerja terjejas akibat halangan yang berpunca daripada keadaan sebenar dalam kehidupan mereka. Terdapat kes apabila pendapatan kekal tidak berganjak bukan disebabkan kekurangan peluang atau keinginan, tetapi semata-mata kerana individu tersebut tidak mampu bekerja.

Untuk menangani isu ini, NKRA LIH mula menyediakan pemangkin ekonomi dalam masyarakat sasaran untuk melengkapi usaha pengupayaan melalui 1AZAM. Pada masa yang sama, kami juga telah menyediakan pemangkin yang disesuaikan dengan keperluan khusus kumpulan mudah terjejas seperti masyarakat Orang Asli dan Penan.

NKRA LIH telah mendapatkan bantuan dan kepakaran daripada rakan pelaksana luar termasuk NGO dan rakan korporat untuk membantu melaksanakan dan menyokong penyediaan pemangkin. Tambahan pula, memandangkan NGO mempunyai hubungan yang telah lama terjalin dengan sesetengah masyarakat ini, mereka berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengenal pasti keperluan masyarakat.

Meskipun begitu, NKRA LIH percaya bahawa kerjasama yang dijalinan dengan rakan pelaksana luar masih boleh ditambah baik. Sebagai contoh, satu masalah yang telah timbul ialah visi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang tidak sejajar dengan matlamat pembasmian kemiskinan NKRA LIH. Isu ini perlu ditangani dengan memperluas rangkaian rakan pelaksana dan mengeratkan hubungan kerjasama

dengan rakan pelaksana kami supaya penyampaian inisiatif dapat ditingkatkan ke tahap yang seterusnya.

Bahagian berikutnya memperincikan pemangkin ekonomi yang membentuk tumpuan terhadap penyampaian inisiatif NKRA LIH pada tahun 2014. Pemangkin ini dipilih hasil daripada analisis keperluan dan impak yang diterima oleh masyarakat yang disasarkan.



Menyediakan bakul makanan untuk golongan miskin bandar

Salah satu Program Bakul Makanan utama yang dilaksanakan pada tahun 2014 ialah Program Titipan Kasih, yang dikendalikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama dengan NGO MyKasih. Program ini disasarkan kepada isi rumah miskin tegar yang dikenal pasti melalui pangkalan data eKasih yang memenuhi kriteria tambahan yang berikut:

- Ketua isi rumah berumur kurang 60 tahun
- Isi rumah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang
- Pendapatan per kapita isi rumah adalah kurang RM120 sebulan.

Di bawah program ini, isi rumah menerima RM80 sebulan yang dikreditkan terus ke dalam MyKad mereka. Ketua isi rumah juga dikehendaki menggunakan dana tersebut di kedai terpilih seperti Mydin, Giant, Econsave dan lain-lain. Dana tersebut hanya boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan termasuk beras, tepung, minyak masak, gula, garam, susu pekat dan telur.

Pada tahun 2013, sebanyak 3,200 isi rumah di seluruh Malaysia menyertai program tersebut.

Pengagihan bantuan makanan melalui Titipan Kasih dibuat berdasarkan proses yang ketat, bermula dengan pendaftaran isi rumah di pangkalan data eKasih. Senarai penerima yang terpilih dikemukakan kepada MyKasih, yang menjalankan pemeriksaan pada peringkat akar umbi untuk mengesahkan kelayakan penerima. Pemeriksaan pusingan kedua dijalankan oleh KPKT sebelum dana diberikan kepada MyKasih yang seterusnya mengagihkan dana tersebut kepada penerima.



Meskipun program bakul makanan akan diteruskan pada masa hadapan, kemampanan jangka panjang program ini bergantung pada pengenalpastian lebih banyak penaja untuk membantu mengimbangi kos program ini.



Memberikan khidmat bantuan di rumah untuk golongan warga emas dan rumah yang mempunyai anak kurang upaya

Individu berpendapatan rendah kadangkala menghadapi kekangan disebabkan oleh kewajipan terhadap ibu bapa yang uzur atau anak kurang upaya yang menyebabkan mereka gagal untuk bekerja secara tetap. Untuk membebaskan mereka daripada sebahagian kewajipan ini, NKRA LIH telah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memperluas Program Khidmat Bantu di Rumah (*home help programme*).

Program Khidmat Bantu di Rumah kelolaan JKM dilaksanakan bersama-sama dengan NGO untuk menyediakan bantuan kepada warga emas. Menerusi usaha sama, kumpulan mudah terjejas telah dikenal pasti dan NGO diberi dana untuk menyampaikan bantuan yang diperlukan. Pada tahun 2014, program ini dijalankan di 222 buah lokasi Parlimen dengan kerjasama 124 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan inisiatif ini ialah sesetengah NGO tidak cukup terlatih untuk memberikan khidmat bantu yang diperlukan. Latihan pemulihan sedang dilaksanakan kepada sukarelawan untuk membantu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka.



Memperbaiki sistem perhubungan untuk orang asli

Jalan raya yang andal dan kaedah pengangkutan awam yang lain merupakan pemangkin ekonomi penting yang membolehkan masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman pergi ke pasar atau ke kawasan yang menyediakan pekerjaan.

Menurut Hj Abdul Wahid, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Perak, bagi masyarakat Orang Asli di Temenggor, perjalanan ke bandar besar yang terdekat, iaitu Gerik yang dahulunya mengambil masa empat hingga lima jam melalui jalan darat telah dipendekkan kepada 40 minit.

“Masyarakat Orang Asli menggunakan feri untuk membeli bekalan dari bandar. Pelancong juga menggunakan perkhidmatan feri untuk melawat masyarakat di sana,” ujar Abdul Wahid. “Feri sememangnya memberikan impak yang besar terhadap kehidupan masyarakat ini, namun kami berazam untuk terus menambah baik perkhidmatan ini pada masa hadapan.”

Satu kebimbangan yang mungkin merencatkan penggunaan feri secara lebih meluas adalah, pada masa ini ia hanya membuat satu perjalanan pergi dan balik setiap hari, serta bayaran tambang yang dikenakan. Perjalanan pergi balik dikenakan tambang RM30 seorang, iaitu lebih murah daripada tambang pengangkutan komersial. Namun, menurut Abdul Wahid, jumlah tersebut mungkin masih besar bagi penduduk kampung.

“Terdapat lebih 3,000 penduduk di kampung ini. Walaupun feri beroperasi pada tahap kapasitinya semasa membuat perjalanan pergi dan balik, perjalanan ini hanya melibatkan 20 orang,” tambah beliau. “Kami akan meneliti sama ada kos operasi feri



ini boleh dikurangkan lagi, dengan itu mungkin tambang yang dikenakan pun boleh dikurangkan.”

Kewujudan perkhidmatan feri Temenggor-Gerik, membolehkan Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman kawasan hulu mendapat akses yang lebih baik kepada pendidikan, kesihatan dan ekonomi, sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun, pengutamaan masyarakat, penyenggaraan jalan raya dan kualiti jalan raya yang dibina merupakan isu yang perlu ditangani demi memastikan penyediaan infrastruktur yang lebih baik. Untuk menambah baik proses penyampaian inisiatif ini pada masa hadapan, NKRA LIH akan melaksanakan sistem pemantauan dan akauntabiliti pascapelaksanaan yang lebih kukuh bersama-sama dengan rakan pelaksana.

“Jalan raya yang andal dan kaedah pengangkutan awam yang lain merupakan pemangkin ekonomi penting yang membolehkan masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman pergi ke pasar atau ke kawasan yang menyediakan pekerjaan.”

MEMBEKALKAN AIR BERSIH

DI ULU MUJOK, SIBU



NKRA LIH terus menambah bilangan masyarakat yang disasarkan oleh aktiviti NKRA LIH dan pada tahun 2014, NKRA LIH telah meluaskan skop penyampaian pembekalan air bersih dan sanitasi kepada masyarakat Iban di Ulu Mujok. Air bersih merupakan pemangkin utama bagi kesihatan dan pembangunan ekonomi, dan harus dijadikan keutamaan di kawasan pedalaman.

Projek yang bernilai RM1 juta ini bermatlamat menyediakan air bersih dan terawat serta sanitasi yang sewajarnya

untuk penduduk setempat. Apabila siap, projek ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 254 isi rumah yang terdiri daripada 1,692 orang penduduk. Projek ini merangkumi pembinaan empangan serta sistem perpaipan untuk menyalurkan air dari sumber rawatan terus ke rumah penduduk yang terletak berjauhan antara satu sama lain di kawasan Ulu Mujok ini.

Pembekalan air bersih dijangka dapat meningkatkan kualiti kesihatan, sekaligus memberikan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada penduduk.

MENG GALAKKAN SEKTOR KORPORAT

UNTUK BERSAMA MEMAINKAN PERANAN PENTING

NGO dan rakan korporat memainkan peranan yang amat penting dalam penyampaian program NKRA LIH kerana sumbangan mereka membantu mengekalkan dan mempertingkatkan usaha pembasmian kemiskinan. Untuk memudahkan penyertaan yang lebih banyak oleh NGO dan rakan korporat, NKRA LIH melaksanakan inisiatif yang berikut:

- Mempercepat pengecualian cukai bagi NGO yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan: NGO yang menumpukan usaha membanteras kemiskinan dan menyediakan khidmat sokongan seperti penjagaan kesihatan, tempat perlindungan dan pendidikan bakal menyaksikan permohonan pengecualian cukai mereka dipercepat di bawah NKRA LIH.

- Memadankan NGO dengan rakan korporat atau individu: Untuk memastikan NGO menerima sokongan yang mencukupi dari segi penderma korporat dan/atau sukarelawan dan kakitangan, NKRA LIH akan membantu NGO menghebahkan organisasi mereka kepada bakal rakan kongsi, sekali gus mempercepat proses pemadanan.

Pada masa ini, NKRA LIH menggunakan saluran media arus perdana untuk menghebahkan senarai NGO yang memerlukan sokongan. Namun, dalam tempoh jangka panjang, pasukan NKRA LIH akan menyediakan laman sesawang mikro yang tetap untuk mempromosikan NGO dan projek masing-masing.



Menggalakkan rakan kongsi NGO menyumbangkan usaha

Siti Nur Mokhtar, iaitu pengerusi PPMM, telah melihat perubahan yang ketara dalam pelaksanaan program untuk kumpulan berpendapatan rendah sejak NKRA LIH mula diperkenalkan. Manfaat yang terbesar dalam NKRA ialah tahap kesedaran bahawa NKRA LIH menjana pendapatan terutama bagi penerima-penerima program yang berpotensi.

“Secara khususnya, bagi NKRA LIH, iaitu dalam program yang kami banyak terlibat, kami mendapati bahawa rakyat secara umumnya lebih berminat untuk menyertai inisiatif yang mempunyai potensi untuk mengubah kehidupan dan gaya hidup mereka,” ujar beliau.

Pada masa yang sama, pelibatan PPMM dalam aktiviti NKRA LIH juga telah meningkatkan keupayaan pelaksanaan dan kesedaran NGO terhadap kerumitan yang perlu ditempuh dalam usaha membasmi kemiskinan.

“Pelibatan kami melalui pelbagai kementerian tentang hal pembasmian kemiskinan kini menjadi semakin rumit dan tidak menentu memandangkan kami terbabit secara mendalam dalam proses pelaksanaan program.”

PPMM telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan memfokuskan pembangunan modal insan selaras dengan pelan pembangunan modal insan negara yang digariskan dalam Wawasan 2020. Matlamat PPMM adalah untuk melibatkan akar umbi dalam usaha membina keupayaan golongan sasaran untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang disesuaikan sejajar dengan cadangan awal projek.

Siti Nur menyatakan bahawa penyertaan PPMM dalam aktiviti NKRA LIH telah

membolehkan suara persatuannya lebih diberikan perhatian dalam lingkungan dialog yang lebih besar tentang pembasmian kemiskinan, dan juga dalam urusan mereka dengan pelbagai kementerian apabila membincangkan dasar intervensi.

“Kami berbesar hati menyatakan di sini bahawa program yang dipantau oleh NKRA LIH adalah lebih cekap dan bermakna, memandangkan intervensi yang relevan diperkenalkan berdasarkan maklum balas daripada akar umbi,” kata Siti Nur.



Kumpulan EMKAY Group membantu kehidupan komuniti Orang Asli pedalaman di Gerik



“Tidak terdapat sekolah dan tidak terdapat kemudahan yang menawarkan sebarang pendidikan awal bagi kanak-kanak tersebut. Untuk membantu kanak-kanak ini, kami mula mewujudkan ‘perpustakaan permainan’ yang dipenuhi dengan permainan bercorak pendidikan.”

Zainon Kasim
Pengurus Besar, Yayasan EMKAY

Kumpulan EMKAY telah menjadikan usaha membantu menyediakan kompleks komuniti Orang Asli di hutan hujan Belum di tasik Temenggor sebagai bahagian penting usaha CSR (tanggungjawab sosial korporat) mereka sejak tahun 2008. Terletak di Gerik, Perak, hutan Belum di tasik Temenggor merupakan tempat tinggal kepada kira-kira 3,800 Orang Asli dari suku Jahai dan Temiar, jelas Pengurus Besar Yayasan EMKAY, Zainon Kasim.

Salah satu aktiviti utama Yayasan dalam aspek ini ialah penyampaian pendidikan asas kepada kanak-kanak yang mungkin tidak berpeluang menikmatinya tanpa usaha yang dilakukan oleh Yayasan.

“Tidak terdapat sekolah dan tidak terdapat kemudahan yang menawarkan sebarang pendidikan awal bagi kanak-kanak tersebut,” kata Zainon. “Untuk membantu kanak-kanak ini, kami mula mewujudkan ‘perpustakaan permainan’ yang dipenuhi dengan permainan bercorak pendidikan.”

“Kami menggalakkan kanak-kanak untuk datang ke perpustakaan untuk bermain, dan sambil bermain mereka juga sebenarnya belajar. Hal ini pada asasnya memberi mereka pengalaman awal tentang pendidikan. Kami kini sudah pun mewujudkan lima buah perpustakaan.”

Dengan penyertaan dan sokongan NKRA LIH, Kumpulan EMKAY telah berjaya memperluas perkhidmatan yang ditawarkan kepada kaum ibu komuniti di sini.

“Semasa saya bercakap dengan Kementerian Sumber Manusia, yang ingin saya lihat ialah satu badan yang

menyediakan latihan kemahiran kepada ibu-ibu yang tidak mempunyai apa-apa kerja untuk dilakukan,” kata Zainon. “Dengan NKRA LIH, Jabatan Tenaga Kerja Perak kini menyediakan mesin jahit dan mereka kini membawa masuk majikan dan guru yang mengajar mereka tentang cara untuk menjahit.”

Sejak program tersebut diperkenalkan, ibu kepada kanak-kanak komuniti Orang Asli ini telah pun terlibat dalam pelbagai seni dan kraf jahitan serta sulaman manik, dan mereka juga digalakkan untuk menghasilkan produk bercirikan budaya tradisional, tambah Zainon. Hasil kraf tangan ini kemudiannya dijual dan perolehannya dikembalikan kepada kaum ibu tersebut.

“Program ini mencetuskan impak yang besar. Kaum ibu yang pada asalnya tidak mempunyai apa-apa pendapatan, kini mereka menjana pendapatan sebanyak RM500-RM600 sebulan, iaitu satu jumlah wang yang besar bagi mereka yang tinggal di dalam hutan,” ujar Zainon. Zainon berkata lagi bahawa mereka turut mengajar kaum ibu tersebut cara mengira agar mereka dapat mengurus wang yang diperolehi dengan lebih baik.

Projek-projek ini kini dianjurkan di kampung-kampung dengan penumpuan antara 100-150 penduduk kampung. Zainon menyatakan bahawa usaha dan inisiatif yang dilaksanakan di kawasan Belum- Temenggor sesungguhnya amat bermakna dan beliau berharap rakan kongsi korporat yang lain akan meneladani model kerja yang sedang dilaksanakan di situ.



PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Mohammad Faizal Abdul Rahim

Ketua DMO, NKRA LIH,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

MENGUBAH CARA BERFIKIR MASIH LAGI MERUPAKAN TUGAS PALING SUKAR

Keperluan yang mungkin boleh dikatakan paling penting untuk membebaskan diri daripada cengkaman kemiskinan ialah sikap dan cara berfikir yang betul, kata Mohammad Faizal Abdul Rahim. Malangnya, tambah Faizal, mengubah cara berfikir juga merupakan bahagian pelaksanaan program yang paling sukar dan mencabar.

“Sukar untuk mengubah cara berfikir mereka pada masa ini untuk memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan melalui bantuan yang diberikan oleh Kerajaan,” kata Faizal. “Apabila kami menjalankan pemeriksaan susulan dengan beberapa penerima program, kami mendapati dalam sesetengah kes yang jarang berlaku, mereka tidak melakukan apa-apa yang bermanfaat dengan bantuan yang telah diberikan.”

Perubahan asas yang diperkenalkan oleh program GTP ialah penekanan yang lebih besar ditumpukan pada usaha mendidik peserta untuk berdikari dalam menyara kehidupan, dan bukannya mengharapkan penerimaan bantuan sahaja, tambah Faizal. Namun, hal ini memerlukan kerja dan usaha oleh peserta, dan sesetengahnya lebih suka terus berada pada takuk lama dengan bergantung harap pada rejim lama yang berbentuk bantuan terus.

Walau bagaimanapun, kes sedemikian amat sedikit dan terpicil kerana inisiatif NKRA LIH terus berjaya mengatasi sasaran KPI yang ditetapkan. Namun, tambah Faizal, pencapaian ini dipertimbangkan dengan teliti kerana musibah banjir yang berlaku pada hujung tahun mungkin telah menjejaskan pelaksanaan program atau usaha peserta untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh pasukan penyampaian ialah bilangan peserta yang begitu banyak yang perlu dipantau dengan kerap, kata beliau: “Pelaksanaan GTP telah dijalankan selama hampir lima tahun, oleh itu dua tahun yang terakhir ini amat penting

bagi kami dari segi pemantauan. Jumlah kakitangan Kementerian (KPWKM) sahaja tidak mencukupi, kami tidak mempunyai sumber untuk memantau semua 36,000 peserta. Itulah sebabnya kami melantik agensi dan rakan pelaksana kami di setiap negeri untuk membantu kami menjalankan tugas ini.”

Meskipun NKRA LIH telah mencapai hampir semua KPI-nya bagi tahun 2014, Faizal percaya bahawa lebih banyak perkara boleh dilakukan. “Masih ada ruang untuk penambahbaikan,” ujar Faizal. “Kami tidak mahu negara dikenali sebagai negara kebajikan, oleh itu kami akan melaksanakan lebih banyak usaha untuk peserta kami pada tahun hadapan. Bagi peserta yang telah membuktikan mereka mampu mengekalkan peningkatan pendapatan mereka setelah mengikuti program 1AZAM, kami akan mendaftarkan mereka dalam Program *Beyond 1AZAM*.”

Program *Beyond 1AZAM* dirancang khusus untuk mempertingkatkan kemahiran peserta yang berjaya untuk membolehkan mereka meraih kejayaan kewangan yang lebih besar dalam bidang pilihan mereka. Walau bagaimanapun, bagi kumpulan peserta 1AZAM lain yang belum berjaya mengekalkan peningkatan pendapatan mereka, NKRA LIH akan terus bekerjasama dengan peserta-peserta ini untuk mengenal pasti cara mereka boleh dibantu selanjutnya, kata beliau.

Melangkah ke hadapan, salah satu penambahbaikan yang ingin dilihat oleh Faizal ialah usaha memperkemas proses pengenalan calon. Meskipun beliau bersetuju bahawa pangkalan data eKasih merupakan instrumen yang penting untuk pemilihan calon, beliau percaya bahawa Kementerian juga, melalui usahanya yang lain dalam bidang ini, dapat mengenal pasti calon yang bersedia untuk mengikuti program 1AZAM. Beliau berkata bahawa perkara ini akan dibincangkan pada masa hadapan dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), yang mengendalikan pangkalan data eKasih.



BERTERUSAN DALAM MENGGERAKKAN LEBIH BANYAK KELUARGA MELEPASI PARAS GARIS KEMISKINAN (PLI)

NKRA LIH akan terus memperbaiki program penyampaiannya kepada penerima, terutamanya dalam aspek pemantauan dan penilaian peserta 1AZAM. Walaupun sesetengah peserta menunjukkan kemajuan yang besar dalam meningkatkan pendapatan mereka, sekali gus mengubah kehidupan dan mata pencarian mereka, masih banyak lagi yang gagal membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Pada masa yang sama, penyediaan pemangkin ekonomi akan terus menjadi keutamaan, malah pasukan NKRA LIH bersama-sama dengan rakan NGO sedang meneliti kaedah yang lebih berkesan untuk memenuhi keperluan kumpulan mudah terjejas. Peluasan misi Penan untuk merangkumi kesihatan pergigian pada tahun 2015 merupakan gambaran yang baik mengenai cara untuk mengubah kehidupan ke tahap yang lebih baik, dan NKRA LIH komited untuk melakukan lebih banyak usaha yang serupa terhadap kumpulan sasaran yang lain.

GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Bilangan peserta 1AZAM baharu yang dipantau dalam tempoh minimum 6 bulan selepas pelaksanaan	32,300	33,368	103	●
2	Bilangan peserta 1AZAM yang sedia ada, yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	28,900	24,646	85	●
3	Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Literasi Kewangan	32,300	28,518	88	●
4	Bilangan projek 1AZAM yang bekerjasama dengan NGO dan sektor korporat	36	46	128	●
5	Bilangan Komuniti 1AZAM/ Program Berasaskan Kumpulan	77	77	100	●
6	Memastikan semua (100%) peserta 1AZAM dikemas kini dalam sistem eKasih	100%	100%	100	●
7	Bilangan peserta yang lulus program 1AZAM yang berjaya memperoleh pinjaman Mikrokredit	500	555	111	●
JUMLAH				102%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Bilangan peserta baharu dalam program 1AZAM	23,200
2	Bilangan peserta 1AZAM baharu dan sedia ada yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	24,669
3	Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Literasi Kewangan	23,200
4	Bilangan projek 1AZAM yang bekerjasama dengan NGO dan sektor korporat	36
5	Bilangan komuniti 1AZAM/ Program Berasaskan Kumpulan	60
6	Peserta <i>Beyond</i> 1AZAM yang memperoleh peningkatan minimum 50% dalam pendapatan daripada projek AZAM sedia ada untuk 3 bulan berturut-turut	2,100
7	Peratusan rekod yang telah dikemas kini dalam eKasih	100%

168,483 individu mengambil bahagian

dalam program 1AZAM sejak tahun 2011



33,368 orang peserta baharu

dalam program 1AZAM.

Program ini direka khusus untuk memerkasakan isi rumah berpendapatan rendah dengan kemahiran yang diperlukan dan menyokong mereka supaya boleh berdikari daripada segi kewangan



5,300 orang usahawan wanita

dibangunkan untuk mencapai pengupayaan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan



64,689 individu mengambil bahagian

dalam program literasi kewangan sejak pelaksanaannya pada tahun 2013



Dalam 4 tahun yang lalu, sejumlah

275,644 orang

telah dinaik taraf kepada status "Terkeluar" atau keluar daripada status kemiskinan yang 90% disebabkan oleh peningkatan dalam tahap pendapatan



Mempertingkatkan peranan

NGO dan rakan kongsi korporat



dalam pembasmian kemiskinan melalui penyampaian, pemantauan, penyelarasan dan mempercepatkan bantuan kepada kumpulan sasaran golongan berpendapatan rendah.

Contohnya Love Cheras, KSKA Penyayang, Malaysian Care, Muslim Aid, Persatuan Orang Pekak Malaysia, Yayasan EMKAY, Yayasan MyKasih, CIDB, ASTRO, GE, Media Prima, Air Asia, Breakthrough dan lain-lain

Mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah di **Sarawak** di bawah pemangkin ekonomi



Program Bakul Makanan oleh Komuniti



Pemakanan untuk kanak-kanak
kekurangan zat makanan dilaksanakan
untuk Masyarakat Penan

Pembinaan pusat kemasyarakatan
yang ditaja oleh CIDB di Long Keluan



Menyalurkan
**bekalan air
dan program
sanitasi**
untuk



Pembinaan **Klinik Desa** di Teluk Melano



Mempertingkatkan taraf
kehidupan isi rumah
berpendapatan rendah di
Sabah



di bawah pemangkin
ekonomi

Kehidupan berdikari kepada
128 keluarga
di Pitas oleh Yayasan
Sejahtera



Menaik taraf pusat refleksologi
sedia ada, dengan kerjasama
**Persatuan Orang
Buta Sabah (OKU)**



Peningkatan kualiti
kehidupan dan akses
kepada
pendidikan
bagi pelajar di
Ranau oleh ASTRO



**Persatuan Ibu
Tunggal Kota Kinabalu**
menyediakan kemudahan dan
peralatan untuk ibu tunggal untuk
meningkatkan kemahiran mereka
dan penjaan pendapatan





MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI



Menyemarakkan dan Memenuhi Cita-cita Generasi Muda Kita

“**M**enjadi angkasawan” ialah cita-cita Muhammad Izzawanie Zaidie Hirul Nizam, pelajar berumur 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Tasik Chini di Pekan, Pahang. Jika cita-cita itu menjadi realiti, Izzawanie bukan sahaja akan menjadi warga Malaysia kedua yang meneroka angkasa, tetapi berkemungkinan besar menjadi Orang Asli pertama yang berjaya berbuat demikian.

Kata-kata tersebut mungkin dahulunya hanyalah impiannya yang penuh harapan, namun hari ini ia merupakan cita-cita yang realistik dan mampu dicapai memandangkan Izzawanie ialah sebahagian daripada faktor yang menyumbang kepada pencapaian SK Tasik Chini, yang kini merupakan salah sebuah sekolah berprestasi terbaik di negara ini. Malah, pencapaian yang memberangsangkan itu telah membawa kepada pengiktirafan bagi guru besar SK Tasik Chini yang merupakan satu-satunya pemimpin sekolah Orang Asli di negara ini yang dianugerahi Tawaran Baharu disebabkan usahanya dalam mempertingkatkan keberhasilan pelajar.

Inisiatif Kerajaan Malaysia untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan melalui pembangunan prestasi sekolah, guru, pengetua dan penambahbaikan rangka kerja pendidikan berpokok pada satu perkara sahaja, iaitu meningkatkan kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar kita agar masa depan mereka lebih terjamin. Dengan melaksanakan usaha ini, kita turut menjamin masa depan negara kerana kita, sama seperti kebanyakan negara di seluruh dunia, memerlukan tenaga kerja terpelajar dan mahir dalam perjalanan kita untuk menjadi negara membangun yang berpendapatan tinggi.



Bidang Keberhasilan Utama Negara Memastikan Pendidikan Berkualiti (NKRA Pendidikan) di bawah GTP memainkan peranan yang penting dalam mencapai cita-cita ini. Dilengkapi dengan inisiatif menyeluruh yang menangani hampir semua aspek pendidikan kanak-kanak daripada prasekolah hinggalah sekolah menengah, NKRA Pendidikan telah melaksanakan transformasi besar-besaran dalam elemen asas sistem pendidikan kita.

Sebagai contoh, terdapat peningkatan dalam bilangan sekolah berprestasi tinggi dan pengurangan dalam bilangan sekolah berprestasi rendah sejak GTP diperkenalkan. Pada masa yang sama, fokus kami pada usaha menggalakkan perkhidmatan **Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE)** yang lebih baik turut menyaksikan hasil yang signifikan dengan bilangan kanak-kanak yang mendaftar di prasekolah meningkat setiap tahun. Dalam kes pemimpin sekolah dan guru, kami telah membuat pembaharuan pada profesion keguruan untuk menjadikannya sistem berasaskan merit, agar individu yang berdiri di hadapan bilik darjah anak-anak kita ialah yang paling layak untuk mengajar mereka.

Kami telah meraih kejayaan yang besar dalam bidang **Pendidikan Khas (SEN)** serta **Latihan dan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET)** pada tahun 2014 setelah merapatkan jurang yang dikenal pasti dalam sesi makmal khas. Inisiatif yang kami laksanakan telah pun membuahkan hasil dengan laporan mengenai peserta Program Peralihan Pelajar Berkeperluan Khas yang telah mendapat tempat dalam pekerjaan mahir setelah tamat pengajian.

Namun begitu, kejayaan yang dinikmati ini tidak mungkin tercapai tanpa usaha gigih dan refleksi sendiri oleh agensi pelaksana dan perancang inisiatif kami. Inisiatif kami berhasil kerana kami membuat penilaian yang jujur tentang kelemahan inisiatif sebelumnya dan kerana kami memiliki keberanian untuk melakukan perubahan yang diperlukan. Perubahan positif yang kita lihat hari ini, seperti kisah SK Tasik Chini yang begitu mengagumkan, merupakan hasil yang tercetus daripada inisiatif-inisiatif ini sepanjang lima tahun lepas. Usaha akan diteruskan dan saya yakin kita akan menyaksikan lebih banyak kisah kejayaan yang serupa pada tahun-tahun yang akan datang.

Malah, saya sememangnya menjangkakan untuk menyaksikan peningkatan prestasi pelajar yang ketara apabila kohort pertama pelajar yang memulakan persekolahan rasmi bertepatan dengan masa kita melancarkan inisiatif NKRA ini bersedia untuk menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2015. Usaha ini, seiring dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025), bertujuan untuk memastikan bahawa potensi setiap kanak-kanak boleh dimanfaatkan sepenuhnya dan seterusnya mempersiapkan Malaysia untuk menjadi sebuah negara terkemuka yang merangkumi ekonomi, sosial, teknologi, kebudayaan dan etika.

“Inisiatif kami berhasil kerana kami membuat penilaian yang jujur tentang kelemahan inisiatif sebelumnya dan kerana kami memiliki keberanian untuk melakukan perubahan yang diperlukan.”

Tan Sri Muhyiddin Yassin

Timbalan Perdana Menteri Malaysia
merangkap Menteri Pendidikan



Meningkatkan Kualiti Guru untuk Masa Depan yang Lebih Cerah

Guru-guru memainkan peranan penting dalam apa jua persekitaran sekolah, justeru kami telah menjadikan sokongan terhadap pembangunan profesion keguruan sebagai elemen penting dalam NKRA Pendidikan. Sejak awal lagi kami menyedari bahawa profesion keguruan di Malaysia perlu diberi nafas baharu untuk menambah baik keberhasilan pendidikan dan menjadikan profesion ini kerjaya pilihan bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah negara yang berprestasi tinggi. Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa prakarsa yang dilaksanakan di bawah GTP sehingga hari ini telah menyumbang kepada pencapaian matlamat ini sejajar dengan wawasan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Pada tahun 2014, NKRA Pendidikan meneruskan inisiatif-inisiatif yang direka khusus untuk menghasilkan impak yang positif terhadap guru secara keseluruhan. Inisiatif-inisiatif ini jika dilihat secara berasingan berusaha untuk menambah baik elemen-elemen tertentu dalam profesion keguruan. Namun, apabila inisiatif tersebut dilihat secara keseluruhan, terbukti bahawa semuanya direka khas untuk melengkapi inisiatif-inisiatif lain yang ditumpukan terhadap pelajar dan sekolah untuk menjayakan transformasi yang menyeluruh dalam sektor pendidikan.

Inisiatif-inisiatif ini diperjelas di bawah Piagam Baharu Guru yang diperkenalkan oleh GTP, dan telah menyaksikan pengenalan **Instrumen Penilaian Bersepadu (UI)** yang komprehensif untuk menilai prestasi guru-guru kita di seluruh negara dengan lebih berkesan. Sebuah pelan baharu bagi pembangunan profesional berterusan (CPD) telah dilancarkan di samping laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi yang baharu.

Sistem laluan kerjaya yang baharu ini juga akan mempercepat kemajuan guru berprestasi terbaik negara untuk memastikan mereka ditempatkan pada kedudukan yang mempunyai autoriti, yang membolehkan mereka mempengaruhi dan memberikan inspirasi kepada perubahan yang lebih baik di sekolah kita. Pada masa yang sama, pengenalan pelan CPD yang baharu akan memastikan bahawa guru kita sentiasa mengikuti perkembangan terbaharu tentang amalan pengajaran yang terbaik di peringkat antarabangsa selain menyokong mereka untuk mencapai aspirasi kerjaya masing-masing.

Untuk menyokong pencapaian matlamat ini, kami kini melancarkan UI baharu yang menaksir dan menilai prestasi guru secara objektif dan holistik. Pelaksanaan UI adalah penting kerana ia akan mewujudkan garis asas yang boleh diukur bagi kita untuk mengenal pasti guru yang mantap dan juga yang lemah, dengan itu membolehkan kita mengambil tindakan yang bersesuaian. UI telahpun diperkenalkan di seluruh sekolah untuk membantu guru dan pengetua membiasakan diri mereka dengan garis panduan pelaksanaannya. Kita akan mula menggunakan UI sebagai alat penilaian pada tahun 2015.

Melalui inisiatif ini, kita berharap untuk mewujudkan sebuah kohort guru-guru berprestasi tinggi yang direkrut daripada bakat-bakat terbaik di negara kita. Piagam Guru mencakupi bidang-bidang teras keguruan dan disesuaikan untuk membawa perubahan jangka panjang yang mampan. Walau bagaimanapun, kita juga sedang berdepan dengan isu jangka pendek yang mendesak. Salah satu daripada isu utama yang ditekankan dalam Laporan Tahunan yang lepas ialah jumlah yang besar dalam kalangan guru bahasa Inggeris di negara kita yang memerlukan latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka.



“Keperluan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris menjadi lebih penting memandangkan subjek tersebut bakal menjadi subjek wajib lulus SPM pada tahun 2016.”

Dato' Seri Idris Jusoh
Menteri Pendidikan II

Sejak itu kami telah memperkenalkan program Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris (ProELT), yang akan membantu untuk meningkatkan kemahiran kumpulan guru bahasa Inggeris sedia ada. Sejumlah 5,010 guru bahasa Inggeris telah menjalani kursus ini pada tahun 2013 dan keberhasilannya cukup memberangsangkan iaitu 76.4% guru telah meningkat sekurang-kurangnya satu tahap profisiensi dan sekitar 10% telah meningkat dua tahap profisiensi. Sejumlah 9,000 guru telah mengambil kursus ini pada tahun 2014, dan keputusan penilaian pascakursus akan diumumkan pada tahun 2015.

Keperluan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris menjadi lebih penting memandangkan subjek tersebut bakal menjadi subjek wajib lulus SPM pada tahun 2016. Kami peka bahawa terdapat sesetengah sekolah yang menunjukkan secara berterusan pencapaian yang lemah dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, kami menempatkan pakar penambahbaikan sekolah kami untuk membantu sekolah ini membuat persediaan yang lebih baik untuk peperiksaan.

Ini hanyalah sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh NKRA Pendidikan untuk menyokong guru-guru kita ke arah mencapai matlamat yang digariskan dalam PPPM. Saya yakin bahawa kita sedang mengambil semua langkah yang perlu untuk memperkukuh penawaran dan kapasiti guru kita, dan ini pastinya membawa kebaikan kepada pendidikan secara keseluruhan.

Saya berasa yakin bahawa kita akan terus melaksanakan inisiatif untuk memperkukuh kohort pengajaran kita apabila kita memulakan fasa ketiga GTP. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengundang semua pihak berkepentingan termasuk guru, ibu bapa dan pelajar untuk berinteraksi dengan kami dan memaklumi kami cara yang sesuai agar kami dapat menambah baik persekitaran pengajaran di negara kita.

PENDIDIKANLAH KUNCINYA

Keperluan Malaysia terhadap tenaga kerja terpelajar dan berkemahiran tinggi akan meningkat apabila negara semakin menghampiri matlamatnya untuk menjadi negara membangun dan berpendapatan tinggi. Justeru, Malaysia perlu memastikan pelajarannya bersedia untuk memikul tanggungjawab apabila hari tersebut tiba.

Malaysia telah mengorak kemajuan yang besar dalam bidang pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan lebih 57 tahun lalu. Pencapaian Malaysia dalam bidang pendidikan dibuktikan melalui kadar celik huruf golongan dewasa sebanyak 93.1%, permintaan yang tinggi terhadap tenaga mahir Malaysia, enrolmen sekolah rendah yang mencapai tahap hampir sejagat dan kadar enrolmen sekolah menengah yang pantas berkembang. Ini merupakan pencapaian yang signifikan walau apa pun jua ukurannya dan menjadi bukti bahawa sistem pendidikan Malaysia sedang mencatat kemajuan menurut landasan yang tepat.

Pada masa yang sama, wujud kebimbangan bahawa sistem pendidikan negara perlu ditambah baik. Ujian penanda aras antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* yang dijalankan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA)* dan *Programme for International Student Assessment (PISA)* yang dijalankan oleh *Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)* menunjukkan bahawa pelajar

Malaysia sering kali mencatat prestasi yang rendah berbanding dengan rakan mereka di negara yang setara.

Untuk mengekang kemerosotan prestasi pelajar ini, **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melancarkan pelan transformasi yang bercita-cita tinggi, yang terangkum dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)**, untuk menempatkan sistem pendidikan kembali pada landasan yang tepat. NKRA Pendidikan yang merupakan subset PPPM menyumbang kepada matlamat keseluruhan PPPM dengan memfokuskan usaha meningkatkan pencapaian pelajar dan memastikan pendidikan yang berkualiti bagi pelajar Malaysia.

Menyuntik perubahan bermakna dalam persekitaran pembelajaran

Apabila keputusan UPSR tahun 2013 disiarkan, SK Tasik Chini melaporkan 100% kadar lulus pelajarannya bagi tiga tahun berturut-turut. Walaupun keputusan ini dianggap cemerlang untuk mana-mana sekolah, pencapaian SK Tasik Chini ini lebih mengagumkan lagi apabila mengambil kira betapa besarnya kemajuan yang telah diraih oleh sekolah ini sejak lima tahun yang lepas.

Sekolah yang terdiri daripada 111 pelajar Orang Asli daripada suku kaum Jakun ini berada pada kedudukan ke-6910 daripada 7,617 sekolah di seluruh negara, menjadikannya antara sekolah berprestasi terendah di negara kita. Pelajar-pelajar SK Tasik Chini, yang menamatkan persekolahan tanpa latihan yang mencukupi, berhadapan dengan masa depan yang samar.

Antara pencapaian NKRA Pendidikan pada tahun 2014 termasuklah:

- | | |
|---|--|
| 1 | Mengenal pasti 13 sekolah lagi yang memenuhi syarat untuk menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan memberikan ganjaran kepada sekolah-sekolah ini dengan sewajarnya. SBT diiktiraf berdasarkan keberhasilan pelajar dan digalakkan untuk mengekalkan prestasi mereka melalui pemberian insentif seperti autonomi tambahan dan sokongan kewangan. |
| 2 | Peningkatan yang ketara dalam pencapaian pembelajaran di sekolah Orang Asli (lihat contoh SK Tasik Chini di atas). |
| 3 | Meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris sekurang-kurangnya sebanyak satu tahap pada tahun 2013 bagi 76.4% daripada semua guru Bahasa Inggeris yang menjalani program Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris (Pro-ELT) . Program peningkatan kemahiran guru Bahasa Inggeris diperkenalkan untuk memastikan hanya guru-guru yang berkelayakan ditempatkan di semua bilik darjah. |
| 4 | Menempatkan dalam bidang pekerjaan untuk 8% daripada sekumpulan pelajar berkeperluan khas yang menyertai Program Peralihan rintis yang diadakan pada tahun lepas. Aliran kerja Pendidikan Khas ini menyasarkan peningkatan kualiti program Pendidikan Khas dengan menjadikannya lebih relevan kepada prospek masa hadapan pelajar. |



“Semasa saya mula-mula mengajar di sini, guru-guru perlu membantu memandikan pelajar dan memotong kuku mereka,” kata guru penolong kanan SK Tasik Chini, Kamarudin Harun. “Sebelum 2009, jika murid tak lulus, tak hadir sekolah dianggap biasa, namun selepas pelaksanaan NKRA ada anjakan baharu, guru-guru mula tekankan kepentingan akademik, kemandirian dan sahsiah murid.”

Dikenal pasti sebagai calon sekolah yang menjalani penambahbaikan di bawah Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) NKRA Pendidikan pada tahun 2010—kini dikenali sebagai Program Transformasi Daerah—SK Tasik Chini telah banyak menerima bantuan dalam mentransformasikan persekitaran pembelajarannya secara keseluruhan. Di bawah inisiatif

NKRA Pendidikan, Jurulatih Pakar Pembangunan Prestasi Sekolah (SISC) dan Rakan Pembimbing Pembangunan Prestasi Sekolah (SIPartners) dihantar ke sekolah itu untuk menjadi pembimbing dan mentor kepada guru-guru dan pentadbir sekolah.

SISC dan SIPartners merupakan pakar yang dilatih khusus untuk mengenal pasti dan mencadangkan penyelesaian terhadap rintangan yang menghalang pembelajaran. Melalui kerjasama erat dengan komuniti sekolah, perubahan telah dilaksanakan di sekolah tersebut yang membawa kepada pencapaian yang mengagumkan—100% kadar lulus dalam peperiksaan UPSR pada tahun 2011, 2012 dan 2013.

Untuk melihat pencapaian tersebut dari perspektif yang jelas, menjelang akhir tahun 2013, kedudukan SK Tasik Chini

telah meningkat sebanyak 6,669 anak tangga ke kedudukan ke-241 daripada 7695 sekolah, dan tergolong antara sekolah berprestasi terbaik di Malaysia. Pelajar menunjukkan sikap yang lebih baik terhadap sekolah, guru-guru bersemangat untuk berusaha lebih gigih bersama pelajar, dan ibu bapa melibatkan diri dengan lebih giat dalam aktiviti sekolah.

Hasil daripada budaya kecemerlangan baharu yang tersemai di SK Tasik Chini, pelajar-pelajar kini memasang impian untuk meraih kejayaan yang lebih besar dalam pendidikan.

NKRA Pendidikan mengambil pendekatan yang holistik terhadap peningkatan kualiti pendidikan, dan ini dapat dilihat melalui inisiatif-inisiatif yang menggalakkan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah kepada inisiatif-inisiatif yang disasarkan pada transformasi struktur asas sistem pendidikan. Aliran kerja teras dalam NKRA Pendidikan ialah:

“Pencapaian Malaysia dalam bidang pendidikan dibuktikan melalui kadar celik huruf golongan dewasa sebanyak 93.1%, permintaan yang tinggi terhadap tenaga mahir Malaysia, enrolmen sekolah rendah yang mencapai tahap hampir sejagat dan kadar enrolmen sekolah menengah yang pantas berkembang.

Aliran kerja teras dalam NKRA Pendidikan


- 1 Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-kanak
- 2 LINUS 2.0
- 3 Sekolah Berprestasi Tinggi
- 4 Program Transformasi Daerah dan Sekolah
- 5 Piagam Baharu Pemimpin Sekolah
- 6 Piagam Baharu Guru
- 7 Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris

Di samping itu, NKRA Pendidikan turut menangani isu yang dihadapi oleh pelajar berkeperluan khas dan diberi mandat untuk meningkatkan standard TVET dalam sistem persekolahan.

Bahagian berikutnya menghuraikan gambaran keseluruhan secara terperinci mengenai inisiatif yang dilaksanakan dan keberhasilannya pada tahun 2014.


MEMBINA KEMAHIRAN PEMBELAJARAN DARI USIA MUDA UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN

Kadar Enrolmen Penjagaan Kanak-kanak



Angka enrolmen di pusat penjagaan kanak-kanak dari tahun 2010-2014

Kadar Enrolmen Prasekolah



Angka enrolmen prasekolah dari tahun 2010-2014

Pendidikan awal kanak-kanak serta kemahiran literasi dan numerasi asas merupakan komponen utama NKRA Pendidikan sejak permulaan GTP. Aktiviti NKRA Pendidikan direka bentuk untuk memastikan pelajar meraih manfaat daripada kurikulum yang berstruktur pada usia muda, sekali gus mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk pencapaian akademik yang lebih baik pada masa hadapan.

NKRA Pendidikan melaksanakan dua inisiatif untuk mencapai matlamat ini:

Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-kanak

Inisiatif-inisiatif LINUS 2.0

Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-kanak memfokuskan usaha untuk melonjakkan enrolmen di prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak, di samping memastikan standard ECCE memenuhi standard kualiti. Program LINUS 2.0 pula menyaring pelajar

untuk memastikan mereka memiliki kemahiran literasi dan numerasi asas setelah tiga tahun persekolahan di peringkat sekolah rendah.

Menjadikan ECCE satu keutamaan

Usaha KPM untuk melonjakkan enrolmen prasekolah dan penjagaan awal kanak-kanak telah menampilkan hasil yang mantap sejak pelaksanaannya pada tahun 2010 (lihat rajah di atas sebelah kanan). Inisiatif tersebut memberikan fokus pada dua objektif umum:

Meningkatkan penyertaan dalam penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE)

Memastikan pengajaran yang berkualiti dalam institusi ECCE

Meskipun usaha enrolmen pada awalnya ditumpukan pada prasekolah, ia telah diperluas untuk merangkumi enrolmen pusat penjagaan kanak-kanak.

Untuk menggalakkan enrolmen ECCE, bantuan yuran telah diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah untuk membantu menampung kos prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak swasta. Isi rumah dengan anak yang memerlukan pendidikan khas (SEN) diberi pembiayaan tambahan untuk membantu mengimbangi kos lebih tinggi yang dikenakan oleh pusat pendidikan khas.

Menjelang akhir tahun 2014, bilangan kanak-kanak berumur 4+ hingga 5+ tahun yang didaftarkan di prasekolah meningkat kepada 84.26%, manakala bilangan kanak-kanak berumur 0-4 tahun di pusat penjagaan kanak-kanak meningkat kepada 9.71% (rajah di atas sebelah kiri). Seperti yang dilihat, enrolmen kanak-kanak berumur 5+ di prasekolah telah meningkat secara berterusan kepada 92% pada tahun 2014, iaitu satu petanda yang cukup baik. Dengan pencapaian 77% pada tahun 2014, kadar enrolmen kanak-kanak berusia 4+ telah menunjukkan peningkatan yang besar sejak tahun 2010, walaupun masih lagi rendah.

Menjalin hubungan yang lebih erat dengan industri ECCE

Untuk menjalin hubungan yang lebih erat dengan operasi ECCE yang dikendalikan oleh pihak swasta, Majlis ECCE ditubuhkan pada tahun 2012 untuk berfungsi sebagai titik penghubung. Selain berperanan sebagai pengantara antara kerajaan dengan industri, Majlis ECCE turut meneliti usaha memprofesionalkan industri, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan ECCE dan memberikan jaminan kualiti bagi kemudahan yang berdaftar.

Pengerusi Majlis ECCE, iaitu Datuk Dr Chiam Keng Heng, berkata bahawa setiap peranan tersebut adalah penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan sektor ECCE secara keseluruhan. Hal ini amat mustahak kerana sikap ibu bapa terhadap ECCE telah berubah sehinggalah permintaan terhadap ECCE yang berkualiti adalah lebih tinggi berbanding dengan sebelum ini.

“Banyak institusi yang muncul dan menawarkan pelbagai program. Beza antara kualiti juga agak besar disebabkan oleh keupayaan setiap pengajar yang berbeza-beza di setiap institusi,” terang Dr Chiam.

“Apa-apa kemahiran yang diperoleh oleh pelatih sebahagian besarnya adalah daripada latihan semasa kerja atau daripada persatuan profesional. Kita tidak boleh menanggung risiko dengan mengambil pengajar yang kurang berpengetahuan atau tidak kompeten kerana tahun-tahun terawal ini amat penting untuk perkembangan minda.”

Untuk meningkatkan kelayakan guru-guru ECCE, Majlis telah merangka Standard Program untuk mengenal pasti komponen kurikulum latihan bagi memastikan kompetensi guru-guru ECCE. Standard Program tersebut dikemukakan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), yang memberikan akreditasi untuk program akademik, pada Mei 2014.

Keutamaan seterusnya, menurut Chiam, ialah mengajak institusi-institusi tidak berdaftar agar

mendaftarkan operasi mereka dengan kerajaan, kerana jika tidak, tiada cara untuk memantau tahap prestasi mereka. Namun demikian, pengusaha ECCE keberatan untuk mendaftar atas pelbagai sebab, antaranya ialah kos pendaftaran dan masa yang diperlukan untuk mencapai standard.

“Aktiviti sokongan kita amat penting dalam hal ini,” ujar beliau. “Ibu bapa harus sedar bahawa ECCE yang berkualiti amat mustahak dan mereka perlu maklum akan perbezaan antara pengusaha berdaftar dan tidak berdaftar.”

Pengusaha berdaftar cenderung mengenakan yuran yang lebih tinggi berbanding dengan pengusaha tidak berdaftar, kerana kos yang berkaitan untuk memenuhi syarat telah dimasukkan ke dalam yuran pengajaran. Jika ibu bapa bersikap lebih memilih dan hanya mendaftarkan anak mereka di pusat yang berdaftar, hal ini akan mendorong pengusaha tidak berdaftar agar mendaftar, menurut beliau.

“Jika ibu bapa tidak sedar akan pentingnya ECCE yang berkualiti, mereka akan menghantar anak mereka ke mana-mana institusi sahaja,” kata Chiam. “Tetapi ECCE bukanlah sekadar mempelajari ‘ABC’ dan mengira ‘123’.”

Walau bagaimanapun, Chiam tidak mengetepikan kemungkinan tindakan yang lebih tegas perlu diambil terhadap pengusaha tidak berdaftar pada masa hadapan. Namun, tambah beliau, kerajaan harus memperkemas proses pendaftaran agar ia kurang merumitkan.

“Kebanyakan pengusaha yang ingin menjadikan operasinya sah di sisi undang-undang mengadu bahawa proses pendaftaran benar-benar rumit dan disebabkan kesukaran ini, sesetengahnya memilih untuk tidak mendaftar,” kata beliau. “Kita mungkin terpaksa menggunakan penguatkuasaan untuk mendorong pengusaha agar mendaftar, namun kita perlu memberi mereka tempoh masa yang sewajarnya.”



Prof Datuk Dr. Chiam (berdiri tiga dari kanan) bersama sebahagian daripada pemenang-pemenang acara ECCE Walkcum-Hunt 2014

Pada tahun 2015, usaha akan disasarkan untuk meningkatkan enrolmen prasekolah bagi kumpulan umur 4+.

Pada tahun 2014, bantuan yuran berjumlah RM36.8 juta diberikan kepada 41,109 pelajar prasekolah, sementara bantuan yuran sebanyak RM3.1 juta disediakan kepada 1,103 kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak swasta.

Inisiatif turut tertumpu pada penawaran perkhidmatan prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti di seluruh negara. Untuk menggalakkan penyertaan yang lebih giat oleh pengusaha swasta, beberapa insentif kewangan diwujudkan seperti pengecualian cukai, geran permulaan dan elaun bangunan untuk pengusaha yang mematuhi keperluan KPM dan/atau **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**. Pada tahun 2014, 251 pengusaha prasekolah menerima geran permulaan berjumlah RM4.23 juta.

Sementara itu, bilangan prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak swasta bertambah pada tahun 2014, masing-masing sebanyak 411 dan 610 buah. Selain itu, KPM bersama-sama dengan KPWKM telah meluluskan pelesenan pusat ECCE yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan juga prasekolah dalam premis yang sama. Pusat-pusat tersebut harus mematuhi keperluan pihak berkuasa lain termasuk majlis perbandaran tempatan, jabatan bomba dan Kementerian Kesihatan.

Perhatian turut ditumpukan pada usaha meningkatkan standard pendidikan prasekolah secara keseluruhan. Instrumen penilaian **Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)** dilancarkan pada tahun 2013 untuk menentukan kualiti keseluruhan pendidikan prasekolah di Malaysia.

Namun begitu, penilaian yang dilakukan pada tahun 2014 mendapati SKPK boleh terus ditambah baik lagi dengan memberikan tumpuan yang lebih pada perkara-perkara yang penting dan dengan menyeimbangkan sistem pemarkahan untuk prasekolah awam dan swasta. SKPK seterusnya diubah suai pada tahun 2014 untuk memberikan penilaian kualiti prasekolah negara secara lebih adil dan tepat.

Sasaran jangka panjang pelaksanaan SKPK adalah untuk mengenal pasti prasekolah yang lemah atau berprestasi rendah supaya bantuan dan pemulihan dapat diatur untuk membantu prasekolah ini memperbaiki operasi mereka sejajar dengan agenda kualiti. Matlamatnya adalah agar setiap prasekolah di negara ini menerima guna penilaian sendiri yang dipertingkatkan ini pada tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya.

Antara cabaran utama yang menjadi penghalang kepada kualiti kemudahan ECCE yang lebih baik ialah keengganan pengusaha ECCE untuk mendaftarkan operasi mereka dengan Kementerian yang berkaitan. Ini bermakna, pusat-pusat tersebut beroperasi secara haram tanpa dipantau oleh pihak berkuasa yang berkenaan, dan tentunya tidak mematuhi kurikulum yang diluluskan.

Untuk menangani masalah pengusaha yang tidak berdaftar, **Jabatan Kebajikan**

Masyarakat (JKM) melaksanakan satu program pada tahun 2014 untuk mendaftarkan pengusaha-pengusaha ini dan memastikannya mematuhi kriteria yang ditetapkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Sebanyak 515 pusat penjagaan kanak-kanak lagi telah didaftarkan dengan JKJ hasil daripada usaha ini, menjadikan jumlah keseluruhan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar atau dibina pada tahun 2014 sebanyak 610.

Kejayaan operasi ini mendorong NKRA Pendidikan untuk menjalankan lebih banyak operasi yang sama pada tahun 2015, di samping turut meneliti cara untuk meningkatkan pendaftaran prasekolah. Kempen kesedaran Program Jom Daftar sedang dijalankan di kawasan-kawasan tertentu untuk menggalakkan pendaftaran prasekolah dan mempertemukan pelbagai agensi yang bertanggungjawab untuk menjawab pertanyaan daripada pengusaha prasekolah.

Pada tahun 2015, kempen kesedaran tersebut akan mengambil pendekatan serampang dua mata: yang pertama untuk menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak mereka yang berumur 4 tahun ke atas di prasekolah berdaftar, dan yang kedua untuk terus menggalakkan dan membantu pengusaha yang belum berdaftar agar mendaftarkan pusat operasi mereka dengan kerajaan.



Menjadikan Kualiti Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Satu Keutamaan



En. Abd Halim (tengah) semasa kempen kesedaran Program Jom Daftar

Bagi Abdul Halim Ismail, Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta di KPM, usaha membangunkan ECCE di negara ini mengambil teladan daripada amalan terbaik yang ditetapkan oleh negara-negara membangun yang menikmati kejayaan yang lebih besar dalam pencapaian pembelajaran apabila dibandingkan dengan Malaysia.

“Sebahagian motivasi program tersebut termasuklah hakikat bahawa negara paling membangun menunjukkan peratus enrolmen kanak-kanak prasekolah yang tinggi,” kata beliau.

“Di Malaysia, pada tahun 2010, peratus kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun yang mengikuti pembelajaran di prasekolah hanyalah 67%. Sekarang, angka ini hampir mencapai 84%. Meskipun langkah kerajaan yang menyediakan bantuan yuran dan geran permulaan telah membantu merencanakan industri ECCE di Malaysia,

inisiatif tersebut turut membantu mengurangkan beban kerajaan untuk mendirikan prasekolah baharu.”

Walau bagaimanapun, menurut beliau, masih terdapat beberapa cabaran yang perlu di atasi. Antara contoh yang diberikan oleh beliau termasuklah kekurangan pengusaha prasekolah swasta di kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak, serta dilema yang membelenggu kanak-kanak daripada golongan pendapatan sederhana.

“Masih ada kes pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana yang tidak dapat belajar di prasekolah kerajaan disebabkan tempat yang terhad, namun tidak mampu menghadiri prasekolah swasta yang mahal di kawasan bandar,” ujar beliau.

“Pada masa yang sama, wujud sedikit rasa tidak puas hati dalam kalangan pengusaha prasekolah sedia ada yang mengadu bahawa mereka tidak diberi sebarang insentif, berbeza dengan peserta baharu.”

Walaupun KPM akan terus berusaha menyelesaikan isu ini pada masa hadapan, Abdul Halim berkata bahawa KPM mungkin juga akan mula mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha prasekolah yang tidak berdaftar pada masa terdekat ini. Beliau berkata bahawa tindakan ini penting kerana usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan ECCE merupakan fokus utama Kementerian pada masa hadapan.

“KPM berhasrat untuk bukan sahaja dapat meningkatkan penawaran malah turut meneliti aspek kualiti pusat prasekolah dan juga para guru,” kata beliau. “Sebagai contoh, kami berharap lebih banyak guru prasekolah memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam pendidikan prasekolah atau ECCE.”



Gambar sumber daripada
Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM

Membina kemahiran literasi dan numerasi pada peringkat asas

Untuk terus memastikan kanak-kanak di Malaysia menerima segala bantuan pembelajaran yang diperlukan semasa tahun-tahun formatif mereka, NKRA Pendidikan telah menjadikan program LINUS 2.0 sebagai tunjang utama inisiatifnya. Kemahiran literasi dan numerasi perlu dibina pada tahun-tahun terawal pendidikan kanak-kanak kerana kemahiran ini membentuk asas untuk keseluruhan pembelajaran pada masa akan datang.

Program yang pada asalnya memfokuskan literasi Bahasa Malaysia (BM) dan numerasi di bawah LINUS 1.0 telah diperluas untuk mengukur tahap literasi Bahasa Inggeris dalam LINUS 2.0 bagi pelajar sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 3. LINUS 2.0 turut menambah baik program LINUS sedia ada bagi BM dan numerasi dengan

menangani jurang dan isu yang dikenal pasti sepanjang pelaksanaannya.

Meskipun pencapaian literasi dan numerasi adalah tinggi iaitu 98.7% dan 98.9%, keputusan saringan LINUS 2.0 pada tahun 2014 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan (rujuk rajah di bawah). Latihan tambahan dan berterusan untuk guru diperlukan untuk meningkatkan kualiti kelas pemulihan, selain penilaian program LINUS 2.0 secara berterusan untuk mengenal pasti serta menangani jurang dan isu yang ada.

Literasi asas bahasa Inggeris masih menjadi cabaran terbesar buat pelajar kerana kebanyakan pelajar tidak bertutur dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama atau kedua mereka.


Kekurangan guru bahasa Inggeris berkecukupan telah menyebabkan guru bahasa Inggeris sedia ada dikehendaki memainkan dua peranan serentak, iaitu untuk mengajar mata

pelajaran Bahasa Inggeris kelas biasa dan Bahasa Inggeris kelas pemulihan dalam bilik darjah yang sama pada masa yang sama. Hal ini menyebabkan tekanan yang besar terhadap guru kerana mereka dicabar untuk memiliki dua tahap pengajaran yang tersendiri merentas dua segmen literasi pelajar yang berbeza dalam satu bilik darjah.

Namun, isu ini sedang ditangani oleh KPM dan PADU yang telah mengambil langkah-langkah segera dan berterusan untuk mempertingkatkan kemahiran guru bahasa Inggeris sedia ada dan menangani kekurangan guru bahasa Inggeris yang berkecukupan.

Pada tahun 2015, pelajar Tahun 3 bakal menjalani saringan LINUS 2.0 untuk penguasaan literasi bahasa Inggeris buat kali pertama (Kohort 1) sejak memulakan persekolahan pada Tahun 1 apabila inisiatif ini diperkenalkan. KPM telah menetapkan sasaran yang tinggi iaitu 100% kemahiran literasi bahasa Inggeris untuk kohort ini. Pada tahun 2014, sebanyak 78.3% skor bagi kadar literasi telah dicapai oleh pelajar Tahun 2 bagi literasi dalam bahasa Inggeris. KPM akan terus mempertingkatkan inisiatif sedia ada ini dari semasa ke semasa untuk memastikan guru-guru dan sekolah dipersiapkan dengan kemahiran pedagogi yang baik untuk memastikan bahawa sasaran 100% penguasaan dicapai pada Tahun 3.

Sebagai persediaan untuk saringan yang julung-julung kali diadakan ini, KPM telah mengadakan taklimat dan persediaan untuk 327 guru pemulihan bahasa Inggeris dan 7,740 guru bahasa Inggeris Tahun 3 di seluruh negara untuk mempertingkatkan kadar literasi pelajar. 1,387 orang guru bahasa Inggeris Tahun 3 juga telah dilatih bagi kelas-kelas pemulihan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah hotspot.



MENINGKATKAN TAHAP SEKOLAH

UNTUK MEMPERTINGKATKAN PRESTASI PELAJAR

Sebagai institusi utama tempat pelajar menghabiskan sebahagian besar masa, NKRA Pendidikan menyedari bahawa kualiti sekolah sentiasa memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi pelajar. Untuk meningkatkan kualiti sekolah, NKRA Pendidikan telah melaksanakan inisiatif berikut:

Program Transformasi Daerah (DTP)

Program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Dua inisiatif tersebut berfungsi bersama-sama untuk menambah baik keadaan sekolah agar akhirnya menjadi persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif bagi pelajar-pelajarnya—inisiatif pertama mengupayakan pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti sekolah yang lemah dan mengatur bantuan untuk sekolah tersebut, manakala inisiatif kedua mewujudkan insentif kepada sekolah untuk berusaha menyemai budaya berprestasi tinggi.

Mengupayakan PPD untuk memastikan keperluan sekolah dipenuhi

DTP merupakan inisiatif utama NKRA Pendidikan yang menyokong penambahbaikan sekolah secara langsung. DTP membangunkan keupayaan **Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)** secara aktif, yang membolehkannya memberikan intervensi kepada sekolah berprestasi rendah dalam daerah masing-masing. Di bawah inisiatif ini, PPD diberi kuasa dengan autonomi yang lebih banyak untuk membuat keputusan dan berurusan terus dengan KPM untuk mengagihkan sumber untuk membantu perkembangan sekolah dalam bidang kuasa masing-masing.

PPD berada pada kedudukan terbaik dari segi lokaliti untuk mengenal pasti masalah setiap sekolah dan juga berada pada kedudukan terbaik dari segi pentadbiran untuk berbincang dengan Kementerian kerana ia mewakili beberapa sekolah sekali gus. DTP sebenarnya merupakan penambahbaikan kepada **Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)** yang dilaksanakan pada tahun-tahun terawal NKRA Pendidikan. Perbezaannya cuma kini peranan Pejabat Pendidikan Daerah telah diperbaharui untuk memberikan lebih banyak sokongan kepada sekolah, walaupun pelajar masih lagi menjadi fokus utama.


Di bawah DTP, dialog prestasi diadakan dengan pejabat-pejabat pendidikan pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Dialog daerah diadakan setiap bulan, manakala dialog negeri dan kebangsaan diadakan tiga bulan sekali. Dialog ini membantu mengenal

pasti kelemahan sekolah pada ketiga-tiga peringkat dan menentukan penyelesaian yang sesuai untuk sekolah tersebut.

Dari segi sumber, pembimbing yang dilatih secara khusus ditempatkan di PPD untuk digerakkan ke setiap sekolah untuk meningkatkan prestasi. **Jurulatih Pakar Pembangunan Prestasi Sekolah (SISC+)** dan **Rakan Pembimbing Pembangunan Prestasi Sekolah (SIPartners+)** ialah jurulatih pakar yang ditugasi PPD ke sekolah berprestasi rendah untuk membantu menambah baik suasana pembelajaran. Sementara SISC+ memberikan tumpuan khusus pada usaha melatih dan membimbing guru, SIPartners+ pula memfokuskan usaha menyokong aspek kepimpinan sekolah untuk mengubahnya menjadi persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan. Pada tahun 2014, 1,032 SISC+ dan 312 SIPartners+ dilantik di seluruh negara.



Gambar sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM



Perubahan band sekolah pada tahun 2014

...inisiatif pertama mengupayakan pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti sekolah yang lemah dan mengatur bantuan untuk sekolah tersebut, manakala inisiatif kedua mewujudkan insentif kepada sekolah untuk berusaha menyemai budaya berprestasi tinggi.

Ukuran kejayaan DTP ditentukan oleh bilangan sekolah yang mencapai kemajuan sehingga memperoleh status Band berprestasi tinggi serta bilangan sekolah yang keluar daripada Band yang lebih rendah. Pada tahun 2014, bilangan sekolah dalam Band 1 dan 2 meningkat sebanyak 7% dengan 3,105 (31.03%) sekolah berbanding dengan 2,891 (28.99%) sekolah pada tahun sebelumnya. Bagi sekolah dalam Band 6 dan 7 pula, terdapat pengurangan sebanyak 19% daripada tahun 2013 kepada 139 (1.39%) sekolah berbanding dengan 172 (1.73%) sekolah setahun lepas (rujuk rajah di atas).

Pada tahun 2015, PPD akan dinilai untuk menentukan jurang yang perlu diperbaiki berdasarkan kriteria yang dibentuk daripada pelbagai dialog prestasi yang diadakan. Hasil penilaian diharapkan dapat menggalakkan PPD untuk meningkatkan prestasi sekolah dan pencapaian pelajar secara langsung.

Mengiktiraf sekolah berprestasi tinggi

Inisiatif **Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)** dijalankan berlandaskan premis bahawa sekolah yang menghasilkan prestasi pelajar yang memberangsangkan berada pada landasan yang tepat dan patut diiktiraf atas pencapaiannya.

SBT diberi ganjaran insentif kewangan dan juga bukan kewangan untuk membantunya mengekalkan standard prestasi. Seterusnya, SBT dikehendaki mengekalkan dan mempertingkatkan prestasinya sambil menyokong sekolah-sekolah lain yang lebih lemah di kawasan kejirannya. Pada tahun 2014, 13 sekolah lagi dikenal pasti sebagai SBT, menjadikan jumlah SBT sebanyak 128 buah.

Hasil penilaian **Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)** di bawah KPM serta keputusan akademik menunjukkan sesetengah SBT menghadapi kesukaran untuk mengekalkan standardnya meskipun menerima intervensi sejak beberapa tahun lepas. KPM akan terus memantau sekolah tersebut tetapi ia akan dikeluarkan daripada senarai SBT jika prestasinya terus merosot.

SK Taman Megah menunjukkan langkah kemajuan ke arah mencapai status SBT



Sekolah Kebangsaan Taman Megah (SKTM) dikenal pasti sebagai sekolah berprestasi tinggi pada tahun 2013. Dengan populasi kira-kira 971 pelajar dan dilengkapi 52 guru, SKTM merupakan sekolah awam bandar biasa bersaiz sederhana yang tidak menerima sebarang intervensi istimewa untuk meningkatkan pencapaian pelajarannya.

Namun demikian, SKTM telah mempamerkan kejayaan yang agak besar dalam aspek pencapaian akademik, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum dan dalam memupuk pelajar yang yakin dan positif, dengan penyertaan yang giat daripada ibu bapa. Antara pencapaian utama sekolah itu termasuklah:

- Sebahagian besar pelajar mendapat markah sekurang-kurangnya gred "C" dalam peperiksaan UPSR—pada 90% dan angka ini semakin meningkat
- Bilangan pelajar yang mendapat 5A dalam UPSR adalah jelas lebih tinggi berbanding dengan purata negara
- Kadar lulus yang hampir 100% setiap tahun dalam peperiksaan Bahasa Inggeris
- Penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah termasuk sukan dan olahraga, aktiviti pembangunan kognitif dan intelek, pembangunan seni dan budaya, serta pembangunan komuniti
- Kadar penyertaan yang aktif oleh ibu bapa dalam aktiviti sekolah iaitu 30%.

Sesungguhnya, sekolah ini merupakan contoh yang baik mengenai tahap interaktiviti yang tinggi antara empat penggerak utama sekolah, iaitu pemimpin sekolah, guru-guru, pelajar dan ibu bapa.

"Kami hadir dalam setiap aktiviti yang disertai oleh anak-anak," kata Dr Kalaivani, pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). "Kamilah pemandu, guru ganti, juruwang, jurulatih, tukang masak, tukang cuci, jurusolek. Kami buat apa sahaja yang perlu dilakukan."

NKRA Pendidikan menjalankan analisis bagi sekolah itu pada tahun 2014 dan membuat kesimpulan bahawa faktor yang mendorong prestasi tinggi di sekolah itu ialah:

- Guru Besar yang yakin dan berfikir terbuka, yang berjaya menukar ibu bapa daripada bersikap menentang kepada menyokong
- Program Pelibatan Ibu bapa (Sarana Ibu bapa) yang cemerlang dan berterusan
- Guru yang berdedikasi, yang antara lainnya berjaya menggunakan alat ICT (papan pintar) dan media sosial secara bermakna untuk melibatkan pelajar dan ibu bapa
- Penyerapan (*immersion*) dalam aktiviti pertukaran budaya Malaysia dan antarabangsa serta dalam bahasa Inggeris
- Kumpulan pelajar yang petah berkata-kata dan mahir dalam Bahasa Inggeris serta Bahasa Malaysia

Meskipun SKTM mempunyai rangka kerja yang terbukti mampu mengekalkan hasil pembelajaran yang positif, ia terus berhadapan dengan cabaran yang perlu ditanganinya. Sebagai contoh, SKTM masih mengalami kesukaran dalam mendapatkan sokongan pentadbiran terhadap isu seperti penggantian guru dan penyelenggaraan kemudahan, serta dalam mengurus beban pentadbiran yang semakin bertambah untuk memenuhi kriteria SBT.

Walaupun bagaimanapun, iktibar yang jelas daripada SKTM ialah keempat-empat penggerak sekolah perlu terlibat secara aktif untuk mewujudkan sekolah berprestasi tinggi memandangkan SKTM pada asalnya dilengkapi kemudahan yang sama seperti mana-mana sekolah lain di negara ini.



Meningkatkan prestasi dan kehidupan pelajar



Dua Puteri Marian berjalan menyusuri koridor sekolah

SK Marian Convent Ipoh, yang tersenarai sebagai SBT pada tahun 2013, ialah salah sebuah sekolah yang mengubah kehidupan pelajarnya dan ibu bapa mereka kepada keadaan yang jauh lebih baik. Di SK Marian, pelibatan dan minat pelajar dikekalkan, dan mereka diberi pelbagai peluang untuk menceburi aktiviti berkaitan dengan kokurikulum. Mereka menyertai pertandingan robotik Scrabble dan mengembara ke luar negara sehingga Australia untuk bertanding dalam acara bicara berirama (*choral speaking*).

Puan Hajah Saidatul Akma, yang anaknya Nor Izzati Sabrina merupakan pelajar di SK Marian, berkata bahawa beliau menyaksikan perubahan yang cukup besar dalam diri anaknya sejak menyertai sekolah yang digelar SBT.

“Sebelum dia belajar di sekolah ini, Izzati seorang yang sangat pemalu. Saya nampak peningkatan yang ketara pada dirinya sejak dia mengikuti pengajian di sini. Dia sudah sangat berani,” kata Puan Hajah Saidatul Akma. “Malah, baru-baru ini dia mewakili sekolah dalam pertandingan bicara berirama. Sebelum ini, mahu bertanya soalan pun dia takut. Sekolah ini benar-benar telah membantunya dalam menjalinkan hubungan dan dalam aspek lain.”

Dengan cara menghebahkan senarai SBT, NKRA Pendidikan menyasarkan inisiatif SBT untuk menanam semangat dan rasa bangga di sekolah tersebut, yang akan memotivasikan lagi guru, pelajar dan ibu bapa untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pendidikan anak-anak. Puan Hajah Saidatul Akma, misalnya, memberitahu bahawa sekarang ini beliau mengambil cuti semata-mata untuk menghadiri majlis di sekolah dan bertemu dengan guru-guru yang mengajar anaknya.

“Dari segi komitmen guru kepada pelajar, saya pernah nampak guru-guru memberikan usaha gigih di luar kebiasaan mereka,” kata Puan Hajah. “Mudah untuk saya berbincang dengan guru tentang masalah anak saya, dan saya rasa inilah yang membezakan SK Marian daripada sekolah-sekolah lain.”

SBT diberi ganjaran insentif kewangan dan juga bukan kewangan untuk membantunya mengekalkan standard prestasi. Seterusnya, SBT dikehendaki mengekalkan dan mempertingkatkan prestasinya sambil menyokong sekolah-sekolah lain yang lebih lemah di kawasan kejirannya.

MENEMPATKAN PEMIMPIN YANG BERKESAN

SEBAGAI KETUA SEKOLAH

Pendidikan menyeluruh untuk memperbaiki rangka kerja pendidikan di bawah PPPM turut memerlukan penambahbaikan prestasi pengetua dan guru besar. Kejayaan inisiatif Tawaran Baharu, yang memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar yang menyumbang kepada prestasi sekolah masing-masing melalui kemahiran kepimpinan dan rekod prestasi mereka yang cemerlang, telah mendorong inisiatif ini diperluas ke dalam

aliran kerja Pemimpin Sekolah bagi NKRA Pendidikan. Inisiatif di bawah aliran kerja Pemimpin Sekolah merangkumi:

Piagam Baharu Pemimpin Sekolah

Program residensi dan immersion untuk pengetua baharu

Tawaran Baharu untuk pengetua dan guru besar yang mencapai standard kualiti



Puan Hj. Rogayah (kiri), Guru Besar SK Marian Convent menerajui dan memberi motivasi kepada guru-guru lain

Pemimpin sekolah yang bagus menghasilkan sekolah yang bagus



Puan Khoo Swee Poh, guru besar Sekolah Kebangsaan Taman Megah (SKTM) dinobatkan oleh sekolahnya sebagai pemimpin pencetus inspirasi yang bertanggungjawab terhadap pengekalan prestasi tinggi SKTM. Beliau memainkan peranan penting dalam memacu faktor yang akhirnya membawa SKTM kepada status SBT. Antara faktor tersebut termasuklah prestasi akademik, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan penyertaan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum.

Dalam analisis NKRA Pendidikan terhadap SKTM, pasukan mendapati bahawa Khoo, sebagai pemimpin sekolah, mempunyai visi yang jelas mengenai perkara yang perlu dilakukan oleh sekolah dan cara mencapainya, dan visi tersebut disampaikan dengan jelas kepada semua pihak berkepentingan sekolah termasuk guru-guru, pelajar dan keluarga mereka. Khoo berjaya meraih kerjasama pihak berkepentingan untuk mengubah mereka menjadi rakan kongsi yang sama-sama berganding bahu ke arah penambahbaikan sekolah secara keseluruhan.

Sementara guru besar di sekolah lain mungkin berasa tergugat dengan pelibatan aktif ibu bapa yang mungkin bersikap terlalu kritis, Khoo pula menganggap mereka sebagai peluang dan rakan kongsi untuk membantunya menangani ketidaksempurnaan sekolah. Pelibatan ibu

bapa yang aktif, tambah beliau, merupakan faktor dorongan untuk diri beliau sendiri dan guru-guru sekolahnya untuk kekal terlibat dan berusaha dengan giat untuk mencari penyelesaian.

“Saya melihat ibu bapa sebagai rakan kongsi,” kata Khoo. “Saya melihat para guru sebagai rakan kongsi. Saya menghargai sikap terus terang dan kejujuran daripada semua. Dengan ibu bapa yang terlibat secara aktif, saya tidak boleh sama sekali bersikap cepat berpuas hati.”

Satu lagi kunci kejayaan Khoo sebagai guru besar ialah kebolehannya untuk mencari keseimbangan antara menjadi guru yang tegas dan mengekalkan sikap mudah didekati kepada anak-anak muridnya. Keseimbangan ini amat penting dalam menerajui sekolah rendah yang berprestasi tinggi dan sangat dihormati kerana ia turut menjadi contoh yang boleh diteladani oleh guru-gurunya.

“Saya seorang yang sederhana, saya cuba mengelakkan perhatian ramai, dan saya juga seorang yang mementingkan disiplin,” ujar beliau. “Saya mungkin tegas, namun pelajar Tahun 1 sendiri pun tidak takut kepada saya.”

Khoo ialah gambaran yang baik mengenai ciri-ciri pemimpin sekolah yang diharapkan oleh NKRA Pendidikan, iaitu seorang pemimpin yang didorong oleh prestasi dengan visi yang jelas mengenai perkara yang perlu dilakukan dan mempunyai kebolehan untuk melaksanakannya berdasarkan visi tersebut. Di bawah NKRA Pendidikan, proses mengenal pasti calon guru besar dan pengetua telah dipertingkatkan untuk mengenal pasti lebih banyak individu seperti Khoo.

PIAGAM BAHARU PEMIMPIN SEKOLAH

Syarat-syarat semasa:

Syarat-syarat Umum:

1. Mengisytiharkan aset
2. Lulus saringan integriti
3. Bukan seseorang yang gagal membayar hutang atau meminjam secara berlebihan
4. Kelulusan daripada Ketua Jabatan
5. Skor LNPT yang cemerlang selama 3 tahun berturut-turut
6. Tiada sebarang tindakan disiplin

Syarat-syarat Khusus:

1. Layak untuk kenaikan pangkat (iaitu dalam zon)

Syarat-syarat Baharu

Syarat-syarat Umum:

1. Skor LNPT yang cemerlang (85%) sepanjang 3 tahun lepas secara berturut-turut*
2. Tiada sebarang tindakan disiplin
3. Mengisytiharkan aset
4. Lulus saringan integriti SPRM
5. Bukan seseorang yang gagal membayar hutang atau meminjam secara berlebihan
6. Kelulusan daripada Ketua Jabatan

Syarat-syarat Khusus:

1. Pengetua - Sekarang berada pada gred DG48
Guru Besar - sekurang-kurangnya 5 tahun berada pada gred DGA29 atau DGA32 atau DGA34 untuk PPPLD***
2. Telah mengikuti dan lulus kursus NPQEL or NPQH**
3. Berpengalaman dalam bidang pengurusan pendidikan - guru kanan mata pelajaran, penolong guru kanan, jawatan pentadbiran di PPD/JPN/MoE
4. Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun lagi tempoh perkhidmatan sebelum bersara
5. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan berdaftar dengan tahap kesihatan yang memuaskan

* LNPT (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan) akan digunakan sehingga tahun 2014 dan bakal digantikan dengan Instrumen Bersepadu menjelang tahun 2015

** NPQEL - Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan

NPQH - Kelayakan Profesional Kependidikan Kebangsaan

*** PPPLD - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma

Januari 2014, dan telah mempercepat kenaikan calon-calon yang berkecuali ke jawatan kepimpinan.

Untuk menyokong inisiatif ini, KPM meneruskan dasar yang dimulakan pada tahun 2013 untuk menawarkan lebih banyak tempat dalam kursus **Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)**, kerana pengiktirafan NPQEL merupakan syarat baharu pelantikan pengetua. Kesan dasar ini dalam kebanyakan kes adalah untuk mewujudkan kelompok calon pengetua berkualiti yang lebih besar, walaupun terdapat cabaran dalam mengenal pasti guru besar untuk sekolah rendah.

Kesukaran tersebut berpunca terutamanya daripada isu-isu pentadbiran. Di bawah rejim sebelum ini, jawatan guru besar sekolah rendah hanya dibuka kepada guru-guru dalam kelompok pemegang diploma berdasarkan sistem penggredan jawatan **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**. Walau bagaimanapun, majoriti calon yang mempunyai kelayakan NPQEL merupakan pemegang ijazah.

Oleh yang demikian, kelompok calon yang layak adalah terhad kepada pemegang diploma yang mempunyai kelayakan NPQEL, dan ini mengurangkan bilangan bakal pemimpin sekolah. Akibatnya, terdapat 431 kekosongan jawatan guru besar sekolah rendah yang perlu diisi antara bulan Julai hingga Disember 2013.

Untuk menyelesaikan isu ini, JPA memperkenalkan sistem penggredan fleksibel bagi jawatan guru besar sekolah rendah untuk memperluas kepelbagaian calon yang layak untuk merangkumi pemegang ijazah. Memandangkan sistem baharu ini hanya dimulakan pada bulan September 2014,

Terdapat tiga bahagian dalam Piagam Baharu Pemimpin Sekolah:

Pemilihan pemimpin sekolah yang berpotensi

Penempatan pemimpin-pemimpin sekolah tersebut

Pembangunan profesional pemimpin sekolah

Tahun 2014 merupakan tahun pertama pelaksanaan inisiatif Piagam Baharu Pemimpin Sekolah memandangkan tahun 2013 ditumpukan pada kerja pembinaan asas untuk inisiatif tersebut, termasuk menetapkan syarat baharu

(lihat rajah di atas) bagi pelantikan guru besar dan pengetua, dan meminda modul **pembangunan profesional berterusan (CPD)** yang disediakan oleh KPM.

Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas, perubahan paling ketara yang diperkenalkan oleh Piagam Baharu Pemimpin Sekolah adalah untuk memperkasakan syarat-syarat khusus dalam proses pelantikan, dan bukan lagi berdasarkan tempoh perkhidmatan semata-mata seperti dalam rejim sebelumnya. Pada asasnya, dasar baharu ini melantik pengetua berdasarkan merit dan kelayakan. Dasar baharu ini dikuatkuasakan pada bulan



...dasar baharu ini melantik pengetua berdasarkan merit dan kelayakan.

jabatan pendidikan negeri hanya dapat mengisi 305 daripada 431 kekosongan jawatan guru besar sekolah rendah.

Sebuah sistem pemantauan baharu secara masa nyata turut dilaksanakan pada tahun 2014 untuk menyokong proses pelantikan yang baharu ini. Sistem baharu ini menggantikan pangkalan data pemimpin sekolah yang sedia ada untuk mengenal pasti sekolah yang guru besar atau pengetuanya bakal bersara dan calon yang paling sesuai untuk menggantikannya. Pada tahun 2014, calon pengganti bagi 85.38% guru besar dan pengetua yang akan bersara telah dikenal pasti enam bulan lebih awal sebelum persaraan untuk memastikan kekosongan jawatan ini diisi dengan lancar.



Program induksi dan immersion untuk pemimpin sekolah baharu

Guru yang mengambil alih tugas baharu sebagai pemimpin sekolah mendapati skop tanggungjawab mereka bertambah dengan ketara. Untuk membantu peralihan pemimpin sekolah baharu dengan lebih baik dalam peranan baharu mereka, NKRA Pendidikan melancarkan **Program Residensi dan Immersion (PRIme)** pada 2 September 2014.

PRIme ialah program residensi yang perlu dijalankan oleh pemimpin sekolah lantikan baharu selama sebulan sebelum mereka mula bertugas. PRIme berfungsi sebagai tempoh induksi untuk pengetua baharu yang akan dibimbing dan dilatih oleh penyandang jawatan yang bakal bersara. Pemimpin sekolah baharu akan didedahkan kepada situasi setempat dan khusus dalam sekolah seperti isu sedia ada, program dan kakitangan yang ada. Melalui program ini, pemimpin sekolah baharu tidak akan mengalami banyak kejutan apabila menjejakkan kaki ke dalam persekitaran baharu.

Pemimpin sekolah tersebut juga perlu menjalani program immersion bersama-sama dengan pembimbing pemimpin sekolah selama tujuh hari dalam tempoh enam bulan pertama setelah memegang jawatan baharu untuk memastikan peralihan yang lancar ke dalam peranan baharu mereka. Di bawah program immersion, guru besar dan pengetua berpengalaman akan menjadi mentor dan memantau prestasi guru besar dan pengetua baharu untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan baik di sekolah baharu.

Pada tahun 2014, 163 pemimpin sekolah baharu mengikuti program PRIme.

Mengganjari pemimpin yang berkesan dengan Tawaran Baharu

Kepemimpinan sekolah kekal menjadi salah satu penentu utama pencapaian pelajar di sekolah, justeru NKRA Pendidikan telah meneruskan pemberian insentif kepada pemimpin yang menunjukkan prestasi yang berkualiti melalui inisiatif **Tawaran Baharu**. Tawaran Baharu merupakan pakej insentif kewangan dan kerjaya yang direka untuk menggalakkan peningkatan prestasi. Antara faktor yang digunakan untuk menilai kelayakan pemimpin sekolah termasuklah:

Skor komposit sekolah pengetua

Laporan penilaian tahunan pengetua

Audit kewangan tanpa teguran daripada jabatan pendidikan negeri

Tiada sejarah tindakan disiplin

Pencapaian sasaran literasi dan numerasi sekolah (untuk sekolah rendah)

Tawaran Baharu dianugerahkan kepada guru besar dan pengetua yang memenuhi syarat kelayakan. 7.3% guru besar sekolah rendah dan 8.1% pengetua sekolah menengah menerima Tawaran Baharu pada tahun 2014, iaitu peratusan yang lebih tinggi daripada sasaran 5% untuk kedua-dua kategori. Sasaran pada masa hadapan adalah untuk menjadikan kriteria Tawaran Baharu lebih ketat dengan rancangan untuk memberikan ganjaran kepada kelompok 5% teratas sahaja pada tahun 2015.

MEMBANGUNKAN GURU YANG BERKUALITI;

MEMASTIKAN PEMBELAJARAN YANG BERKUALITI

Guru merupakan barisan hadapan bagi proses pengajaran dan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pembelajaran yang berkualiti. Sepertimana aliran kerja Pemimpin Sekolah, aliran kerja Guru di bawah NKRA Pendidikan menyediakan rangka kerja yang akan memastikan pelajar menerima pengajaran daripada guru yang terbaik. Antara inisiatif yang direka bentuk untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran ialah:

Piagam Baharu Guru

Mewujudkan kelompok calon pendidik yang mempunyai kelayakan yang lebih baik

Meningkatkan kemahiran guru-guru bahasa Inggeris

Piagam Baharu Guru

Pengenalan Piagam Baharu Guru yang baharu akan mewujudkan laluan kerjaya yang jelas untuk semua 410,000 guru di negara ini dan menyediakan sistem pembangunan profesional berterusan (CPD) untuk membantu mereka mencapai matlamat kerjaya mereka.

Sistem baharu ini akan memfokuskan kompetensi dan merit, yang bermakna guru berprestasi tinggi akan menikmati kemajuan kerjaya yang lebih pantas.

Visi untuk mewujudkan laluan kerjaya yang jelas dan telus adalah sejajar dengan matlamat PPPM untuk menghasilkan kohort guru berprestasi tinggi dalam rangka kerja pendidikan. Kertas konsep untuk laluan kerjaya dan kenaikan pangkat telah diluluskan oleh pihak pengurusan atasan KPM pada tahun 2014.

Usaha pada tahun 2014 difokuskan terutamanya pada penilaian semua guru dan pengetua menggunakan Instrumen Penilaian Bersepadu (*Unified Instrument, UI*) yang baharu untuk menentukan kompetensi asas mereka, sebagai sebahagian daripada fasa prapelaksanaan sebelum pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2015. Pada tahun 2015, UI juga akan mula digunakan dan menjalani fasa prapelaksanaan kepada kakitangan pengurusan sekolah dan pakar bidang sebagai persediaan untuk pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2016.

Sebagai sebahagian daripada agenda untuk membangunkan rangka kerja CPD yang komprehensif untuk guru, Pelan Induk CPD telah dirangka dan diedarkan kepada semua guru pada tahun 2014 sebagai panduan untuk menggalakkan guru dan pegawai pendidik agar mengikuti kursus CPD. Pada tahun 2014, 24,467 guru telah menghadiri kursus Pembangunan Kompetensi untuk Gred 41. Matlamat kursus ini adalah untuk meningkatkan standard pengajaran mereka serta keupayaan pengurusan kelas untuk menambah baik pembelajaran di bilik darjah.

Latihan profesional untuk 73 orang guru berprestasi rendah turut dijalankan pada tahun 2014. Pada tahun 2015, kursus Pembangunan Kompetensi akan diperluas untuk merangkumi semua gred, dan kursus khas akan diadakan untuk guru berprestasi tinggi. Walau bagaimanapun, fokus akan tetap diberikan terhadap usaha melatih guru berprestasi rendah dan memantau kemajuan mereka.

Antara cabaran yang dihadapi pada tahun 2014 ialah kehadiran yang kurang memberangsangkan oleh guru yang dipanggil ke sesi latihan—hanya 73 orang daripada 116 guru berprestasi rendah (63%) menyertai kelas tersebut. Memandangkan tahun 2014 ialah tahun pertama KPM mengendalikan kursus latihan khusus bagi guru berprestasi rendah dan UI belum lagi dilaksanakan sepenuhnya, sokongan dan penerimaan daripada guru kekal menjadi cabaran.

Kehadiran dijangka bertambah baik setelah UI dilaksanakan sepenuhnya dan apabila guru-guru membiasakan diri dengan syarat kelayakan profesional daripada Pelan Induk CPD yang dilancarkan pada Disember 2014.



Gambar sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM

PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Rosnarizah Abdul Halim

Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Guru,
Kementerian Pendidikan, dan Pengurus Program
Piagam Baharu Guru



PIAGAM BAHARU GURU UNTUK MEMPERTINGKATKAN HASIL PENGAJARAN

Inisiatif Piagam Baharu Guru telah direka khusus untuk mempertingkatkan standard profesion keguruan dan menambah baik sistem sokongan sedia ada, sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan yang lebih menarik, jelas Rosnarizah Abdul Halim, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kualiti guru ialah faktor penting yang mempunyai impak secara langsung terhadap hasil pembelajaran dan perlu diberikan sokongan untuk menambah baik pengajaran dalam bilik darjah, jelas Puan Rosnarizah. Di bawah inisiatif Piagam Baharu Guru, penambahbaikan sedang dilakukan terhadap cara guru dinilai dan dilatih, dan laluan kerjaya guru-guru.

Salah satu daripada komponen penting dalam program ini ialah pembangunan Instrumen Penilaian Bersepadu (UI), yang telah direka khusus untuk menilai prestasi guru di bilik darjah dengan lebih berkesan dan akan menjadi asas kepada penilaian kerjaya seorang guru.

“Aktiviti Piagam Guru yang paling kukuh ialah UI,” ujar Rosnarizah. “Menerusi UI, prestasi tahunan guru akan dinilai berdasarkan tugas harian masing-masing di tempat kerja. Dengan kata lain, prestasi mereka akan berdasarkan pengajaran yang dilakukan di bilik darjah dan cara usaha mereka menambah baik pembelajaran pelajar. Kompetensi teras dalam UI juga

membantu Bahagian Pendidikan Guru, KPM untuk mengatur strategi pembangunan professional berterusan bagi guru-guru di Malaysia.”

Ini disokong oleh pelaksanaan Pelan Pembangunan Profesional Berterusan (PPPB), yang merupakan rangka kerja yang memperincikan peranan dan tanggungjawab guru dari aspek latihan professional.

“Inisiatif ini dipacu oleh tiga bahagian, iaitu Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) serta Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM),” jelas Rosnarizah.

“Pada tahun 2014, KPM telah berjaya menyempurnakan penilaian prestasi pra pelaksanaan di seluruh negara menggunakan UI bagi semua guru dan guru besar. Kami memperkenalkan PPPB pada 16 Disember 2014 di Melaka, dan semua guru besar di Malaysia telah diberi taklimat mengenainya.”

Komunikasi mengenai matlamat program serta pelaksanaannya masih menjadi cabaran memandangkan inisiatif Piagam Guru ini melibatkan perubahan profesion perguruan yang menyeluruh. Sesi sindikasi yang lebih kerap dan juga mesyuarat-mesyuarat bagi menyelesaikan masalah telah membantu untuk mengurangkan cabaran pelaksanaan program ini kerana guru lebih memahami peranan dan tanggungjawab baharu yang dijangkakan daripada mereka dan peranan mereka sebagai guru.

“Guru merupakan barisan hadapan dalam proses pengajaran dan memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti pembelajaran.”

Mempertingkatkan Proses Pengambilan Guru Pelatih

NKRA Pendidikan telah melaksanakan inisiatif untuk memastikan pengambilan guru pelatih untuk menyertai profesion keguruan mempunyai taraf kualiti yang tinggi. Pada tahun 2014, arahan yang diberikan mengenai pengambilan guru pelatih baharu ialah mereka mesti dipilih dalam kalangan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 30% terbaik.

Pada tahun 2014, kerajaan menerima 53,337 permohonan untuk latihan perguruan di **Institut Pendidikan Guru (IPG)**. Berdasarkan syarat penerimaan yang lebih ketat, IPG meluluskan 2,259 permohonan, atau lebih 4% sahaja daripada timbunan jumlah permohonan itu.

Memandangkan guru baharu turut dilatih oleh **Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**, dasar untuk mengambil guru baharu hanya daripada kelompok pelajar 30% terbaik akan diperluas kepada IPTA. Pada tahun 2014, KPM membangunkan pelan hala tuju yang memperincikan strategi untuk mencapai matlamat pengambilan semua guru pelatih dalam kalangan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi 30% terbaik menjelang tahun 2017.

Syarat pengambilan guru pelatih baharu opsyen Bahasa Inggeris turut diperketat pada tahun 2014 dengan pengenalan

syarat tambahan bahawa hanya calon yang mendapat A atau A+ dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM sahaja akan diterima sebagai guru pelatih. Pada tahun 2014, semua 380 guru pelatih opsyen Bahasa Inggeris baharu memenuhi kriteria baharu ini. Selain itu, guru pelatih mesti mencapai kecekapan Band C1 berdasarkan standard **Common European Framework for Reference (CEFR)** sebelum mereka boleh disahkan sebagai guru Bahasa Inggeris sebaik sahaja tamat latihan perguruan.

Satu kebimbangan yang diutarakan oleh KPM pada tahun 2014 ialah penjajaran proses ini dengan visi yang dilakarkan dalam PPPM. Untuk memastikan proses tersebut dijangka, peranan bahagian yang berkaitan dalam KPM dikaji semula dan diberi penjelasan, terutama sekali yang berkenaan dengan **Bahagian Pendidikan Guru (BPG)** dan peranan IPG.

Keputusan telah dibuat bahawa BPG akan memberikan tumpuan pada penetapan standard, dasar dan kriteria penilaian program, manakala IPG akan memfokuskan pelaksanaan, termasuk penyelidikan dan inovasi dalam pengajaran. Pelbagai rancangan juga sedang dirangka bagi membangunkan pelan tindakan yang menyeluruh untuk menaik taraf IPG kepada standard bertaraf dunia, yang menyaksikan semua penggerak perubahan dalam PPPM diuruskan. Penggerak tersebut ialah:


Memperkuh barisan guru lantikan baharu
Menambah baik kurikulum
Mempertingkatkan kualiti kepimpinan
Meningkatkan kualiti pensyarah
Menaik taraf infrastruktur
Menambah aktiviti penyelidikan dan inovasi
Meningkatkan profil IPG

Langkah pertama yang akan diambil ialah menilai semua IPG dalam konteks penggerak tersebut untuk membentuk penilaian asas mengenai keupayaan IPG sedia ada.



MENINGKATKAN KEMAHIRAN GURU BAHASA INGGERIS

AGAR MENCAIPI STANDARD GLOBAL



1,191 lokasi sekolah menengah yang mempunyai kadar kegagalan Bahasa Inggeris SPM melebihi 23%

Penilaian tahap kemahiran guru Bahasa Inggeris negara pada tahun 2012 mendapati bahawa hampir 65% guru opsyen Bahasa Inggeris gagal mencapai standard minimum Band C1 berdasarkan penanda aras CEFR. Sejak itu, NKRA Pendidikan telah memulakan pelan untuk mempertingkatkan kemahiran guru yang tidak mencapai standard di bawah program **Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris (ProELT)**.

Menerusi ProELT, guru-guru akan menjalani program latihan yang menggunakan modul pembelajaran secara bersemuka dan juga secara dalam talian. Bahan pengajaran yang digunakan adalah selaras dengan tahap kecekapan guru. Pada tahun 2014, program tersebut diperluas untuk mencakupi kohort kedua guru opsyen Bahasa Inggeris sebanyak 9,000 orang setelah program tersebut berjaya dilaksanakan untuk 5,010 guru dalam kohort pertama pada tahun 2013.

Guru-guru dinilai semula setelah tamat latihan ProELT, dan keputusannya dijangka diumumkan pada bulan April 2015. Sasaran NKRA Pendidikan untuk latihan yang julung-julung kali diadakan ini adalah agar 85% guru yang menjalani penilaian semula meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris mereka sebanyak sekurang-kurangnya satu tahap. Kohort ketiga sebanyak 10,000 guru akan menjalani ProELT pada tahun 2015.

ProELT direka bentuk sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mempertingkatkan kemahiran kelompok guru Bahasa Inggeris sedia ada kepada kemahiran bertaraf antarabangsa dengan cepat. Untuk memastikan semua guru Bahasa Inggeris memiliki kemahiran yang tepat dalam jangka panjang, satu dasar hendaklah dirangka untuk memastikan hanya mereka yang mempunyai kemahiran minimum tahap C1 dapat menyertai khidmat keguruan.

Pada tahun 2014, 72.55% atau 148 daripada 204 guru pelatih tahun akhir mencapai tahap minimum Band C1. Mereka yang belum mencapai tahap kemahiran minimum akan dinilai semula pada bulan Februari 2015.

Memandangkan Bahasa Inggeris telah dijadikan mata pelajaran wajib lulus untuk SPM pada tahun 2016, satu Makmal Bahasa Inggeris khas yang diketuai oleh **Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan KPM (PADU)** dan PEMANDU, yang diadakan pada tahun 2013, telah membuat kesimpulan bahawa lebih banyak usaha mesti dilakukan untuk membantu pelajar sekolah menengah agar lulus peperiksaan. Sejak makmal tersebut diadakan, 238 SISC+ telah dilatih dengan kemahiran pengajaran dan pemulihan yang khusus bagi membantu memajukan guru-guru Bahasa Inggeris di 1,191 sekolah hotspot.

Sekolah hotspot dikenal pasti berdasarkan kadar lulus SPM tahun sebelumnya untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sekolah yang kurang 77% daripada pelajarnya lulus Bahasa Inggeris dalam SPM ditentukan sebagai hotspot. Rajah di sebelah memberikan gambaran keseluruhan lokasi 1,191 sekolah hotspot yang dikenal pasti menurut kriteria ini.

Selain sokongan daripada SISC+, sekolah hotspot turut dilengkapi Sarana Guru (*Teacher's Toolkits*) yang direka untuk membantu guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang dibezakan.

Mewujudkan peluang perkembangan Bahasa Inggeris dengan rakan sektor swasta

Kem drama Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC) anjuran KPM, dengan kerjasama *Enfiniti Academy of Musical Theatre and Performing Arts*, telah dilaksanakan di 23 buah sekolah-sekolah hotspot yang disertai oleh 23 orang guru dan 115 orang pelajar.

“Melalui program ini, pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti seperti pembinaan jalan cerita untuk persembahan pentas, penulisan skrip, pergerakan di atas pentas, teknik pernafasan dan persembahan drama,” kata Dr Ranjit Singh Gill, pengarah ELTC.

“Tujuan kem ini ialah membantu pelajar menambah baik dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi mereka dalam Bahasa Inggeris. Saya berharap pengalaman peserta dalam kem ini akan dikongsi dengan rakan sekolah mereka, dan akan membawa kepada penganjuran lebih banyak kem seperti ini pada masa hadapan.”

Antara sebab utama pelajar Malaysia sering menunjukkan prestasi yang lemah dalam ujian Bahasa Inggeris ialah kekurangan peluang untuk menggunakan bahasa tersebut. Bagi kebanyakan pelajar, Bahasa Inggeris bukanlah bahasa pertuturan pertama atau kedua di rumah. Memandangkan perkembangan bahasa bergantung pada penggunaan yang kerap dan berterusan, kem drama tersebut mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk mempraktikkan penggunaan bahasa itu melalui teater, permainan drama, persembahan dan kreativiti untuk berinteraksi secara aktif bersama pelajar, dengan keseronokan persekitaran untuk perkembangan bahasa yang kondusif.

Menerusi kem drama bahasa Inggeris ini, guru-guru diberi pendedahan untuk berkongsi pengalaman mereka serta mempertingkatkan kemahiran baharu dalam pelaksanaan aktiviti drama di luar kelas bahasa Inggeris. Salah satu aspirasi untuk 23 buah sekolah yang mengambil bahagian ini adalah mewujudkan kelab drama bahasa Inggeris di sekolah sebagai satu kaedah untuk mengasah pelajar berbahasa Inggeris.

Nurul Nadia Norizham, 15, berkata bahawa penyertaannya dalam kem tersebut memberinya peluang untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran penting yang lain.

“Selain berpeluang mengamalkan bahasa Inggeris, program tersebut melatih saya untuk bekerja bersama-sama dalam satu kumpulan untuk menyiapkan tugas yang diberikan,” kata Nurul. “Saya harap lebih banyak program seperti ini diadakan pada masa hadapan dan dibuka kepada lebih banyak sekolah dan pelajar untuk menyertainya.”

Menyedari kepentingan kerjasama sektor swasta dengan KPM, sebuah rangka kerja sedang dibangunkan oleh KPM untuk membolehkan sektor swasta terlibat secara langsung dalam membangunkan dan melaksanakan inisiatif-inisiatif bersama-sama KPM bagi sekolah-sekolah di seluruh negara demi mempelbagaikan pengalaman pembelajaran. Rangka kerja ini dijangkakan akan disiapkan menjelang suku pertama tahun 2015.

Sekolah hotspot juga didaftarkan dalam Program Pembangunan Bahasa Inggeris, yang merupakan kerjasama antara KPM dengan New Straits Times Press (NSTP). Matlamat program tersebut adalah untuk menggalakkan guru Bahasa Inggeris menjalankan aktiviti di luar bilik darjah dan pengukuhan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa tersebut.

KPM turut mempertingkatkan program luar bilik darjahnya melalui kerjasama dengan sektor swasta. Sebagai contoh, Kementerian telah bekerjasama dengan Kedutaan Amerika Syarikat untuk mengadakan Kem Keusahawanan, serta bekerjasama dengan *Enfiniti Academy of Musical Theatre and Performing Arts* untuk menganjurkan Kem Drama (lihat kisah rencana di sebelah kiri).

MEMBINA SISTEM PENDIDIKAN YANG MENYELURUH



Perbincangan mengenai pendidikan di Malaysia cenderung difokuskan pada sekolah aliran tipikal dan sering terlepas pandang keperluan pendidikan dua segmen masyarakat yang penting, iaitu pelajar berkeperluan khas dan pelajar yang lebih sesuai menjalani latihan vokasional. Komitmen untuk mewujudkan rangkaian pendidikan berprestasi tinggi turut mencakupi pelajar-pelajar ini, dan itulah sebabnya Pendidikan Khas dan TVET telah dijadikan komponen utama rangka kerja NKRA Pendidikan.



Gambar sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM

Salah satu cabaran teras yang dihadapi oleh wahana penyampaian program Pendidikan Khas ialah keperluan untuk mencetuskan kesedaran dan empati yang lebih tinggi. Inisiatif Pendidikan Khas sering kali dilihat sebagai mahal dan disasarkan kepada sekelompok kecil individu sahaja. Usaha mengenal pasti rakan korporat yang sesuai dan merangkumkan rakan korporat dalam sesetengah program, seperti Program Peralihan, masih kekal sebagai satu cabaran.

Pelajar Pendidikan Khas dan TVET mempunyai potensi yang sama seperti pelajar tipikal sebagai penyumbang utama kepada pembinaan negara, dan NKRA Pendidikan sememangnya berhasrat untuk memberikan segala sokongan yang diperlukan untuk memenuhi matlamat pendidikan mereka. Untuk menyokong keterlibatan, portal i-Sayang akan dilancarkan sebagai pusat maklumat sehati dalam talian untuk semua pihak berkepentingan termasuk pelajar, ibu bapa, guru dan pembekal perkhidmatan. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan komuniti Pendidikan Khas yang lebih bersepadu dengan membentuk jaringan antara pelbagai kumpulan pemegang kepentingan. Beberapa masalah teknikal dalam laman sesawang tersebut telah menghalang pelancaran portal i-Sayang yang tepat pada masanya dalam tahun 2014 dan telah ditunda ke tahun 2015.

Memperoleh tempat untuk pelajar Pendidikan Khas di institusi pengajian tinggi

NKRA Pendidikan mula memperoleh tempat untuk pelajar Pendidikan Khas di institusi teknikal dan vokasional swasta pada tahun 2013 untuk membantu meningkatkan peluang pelajar Pendidikan Khas untuk mendapat pekerjaan. Matlamat pemerolehan tempat belajar permulaan di bawah NKRA adalah sebagai pemangkin untuk menggalakkan pihak lain turut serta dalam memajukan inisiatif ini dan menggalakkan pembekal latihan untuk menawarkan program Pendidikan Khas kepada pelajar yang membayar yuran pengajian. Bagi tujuan itu, KPM telah mula mendapatkan tempat belajar di bawah inisiatifnya sendiri melalui **Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)** yang mengkhusus pada Pendidikan Khas.

Program pemerolehan tempat belajar oleh BPKhas telah berkembang sejak dua tahun lepas: program pemerolehan memperoleh 211 tempat pada tahun 2013 dan 400 pada tahun 2014. Pada tahun hadapan, program ini menyasarkan pemerolehan tempat untuk 700 pelajar SEN di pelbagai institusi yang dipilih khusus untuk pendidikan vokasional keperluan khas. Apatah lagi, akibat pendedahan yang dicetuskan oleh program tersebut,

Sunway International Business and Management School, iaitu institusi yang tempat belajarnya diperoleh pada tahun 2013, telah mula menawarkan kursus SEN berbayar.

Pada tahun 2014 juga, program pemerolehan tempat belajar telah diperluas ke Pulau Pinang dan Sabah. Di Pulau Pinang, 18 pelajar SEN diberi peluang untuk mendapat Diploma dalam jurusan Pastris dengan Berjaya University College of Hospitality, manakala 43 tempat tambahan diperoleh daripada Berjaya UCH di KL, yang menawarkan Diploma dalam Patisserie serta Sijil dalam Bidang Makanan dan Minuman (Pengkhususan Barista). Sementara itu di Sabah, sejumlah 42 tempat belajar diperoleh daripada Asian Tourism International College, dengan kerjasama Sabah Cheshire Home.

Program Peralihan Pekerja

Untuk melengkapi program pemerolehan tempat belajar ini, NKRA Pendidikan melancarkan **Program Peralihan Pekerja**. Program ini direka khas untuk mempertingkatkan kemahiran pelajar Pendidikan Khas yang akan tamat sekolah menengah dan mempersiapkan mereka untuk kerjaya akan datang. Pada tahun 2014, satu program rintis dijalankan di empat negeri dengan kerjasama BPKhas dan beberapa organisasi masyarakat awam dan organisasi antara kerajaan, seperti Malaysian CARE, United Voice dan Japan International Cooperation Agency yang membentuk sebuah konsortium. BTC Sdn Bhd, sebuah konglomerat yang berpusat di Sabah, telah mendaftar sebagai rakan korporat yang komited terhadap program tersebut.

13 buah sekolah dengan 29 orang guru menyertai projek rintis itu pada tahun lepas. 48 pelajar telah menjalani program tersebut, dan 45 pelajar berjaya ditempatkan dalam jawatan latihan praktikal dengan rakan industri.

Daripada kelompok pelajar tersebut, empat orang pelajar (8%) telah berjaya mendapat pekerjaan di tempat mereka menjalani latihan praktikal. Beberapa orang lagi diambil bekerja oleh syarikat lain. Memandangkan bukan semua 45 pelajar akan menamatkan persekolahan menengah pada tahun 2014, sebahagian daripada mereka akan terus mengikuti program tersebut pada tahun 2015.

Program ini akan dipertingkatkan pada tahun 2015 dengan menggabungkan modul pengajaran ke dalam kurikulum teras Pendidikan Khas dan memperluas

program ini kepada semua aliran Pendidikan Khas dalam pendidikan awam. Pemilikan Program Peralihan ini akan diserahkan kepada BPKhas yang akan mengurus dan menjalankan program itu mulai tahun 2015.



Gambar adalah sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM

Membantu peralihan pelajar Pendidikan Khas ke dalam bidang pekerjaan

“Jika bercakap tentang peralihan pelajar Pendidikan Khas, ia sebenarnya berlaku dari awal hingga akhir pengalaman persekolahan mereka,” menurut Paizah Zakaria, Ketua Sektor Latihan dan Sumber BPKhas. “Namun bagi program di bawah kelolaan NKRA Pendidikan, kami menumpukan pembangunan kerjaya, yang dilakukan semasa zaman persekolahan mereka hampir berakhir.”

Salah satu komponen Program Peralihan melibatkan penempatan pelajar Pendidikan Khas sebagai pelatih dengan rakan korporat. Sebagai contoh, BTC yang memiliki pelbagai jenis perniagaan seperti restoran, tekstil dan bakeri, menyediakan peluang kepada pelajar Pendidikan Khas untuk menerima latihan dan merasai pengalaman dunia pekerjaan. Lagipun, jika

syarikat merasakan seseorang pelajar itu layak, BTC akan mengambil mereka bekerja setelah tamat persekolahan.

Paizah berkata program tersebut pada masa ini memfokuskan kemahiran insaniah berbanding dengan penempatan kerja secara terus, contohnya dari segi membina keyakinan dan kemahiran komunikasi bagi meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan. Program ini melengkapi latihan vokasional dan teknikal yang telah pun tercakup dalam kurikulum Pendidikan Khas.

Pada masa yang sama, Program Peralihan turut memfokuskan peningkatan kesedaran dalam kalangan guru dan ibu bapa untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk pelajar Pendidikan Khas. Kelas latihan dan bengkel diadakan untuk guru bagi menilai pelajar dengan lebih baik dan membimbing pelajar Pendidikan Khas ke arah kerjaya masa hadapan.

“Ibu bapa memberikan respons yang baik terhadap program ini kerana mereka prihatin tentang hala tuju anak-anak mereka,” kata Paizah. “Program ini penting kerana jika kita membuat pelaburan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi, mereka akan menjadi lebih berdikari dan dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam masyarakat.”





Elson Maijol Bakansing berkongsi pengalaman beliau

Menyerlahkan potensi dalam diri setiap pelajar



Pelajar Pendidikan Khas mempelajari kemahiran bakeri yang disediakan oleh ATI College di Sabah Cheshire Home

Sebagai seorang yang kurang upaya, Elson Maijol Bakansing mempunyai peluang kerjaya yang samar dan tidak terjamin tanpa latihan atau sokongan kemahiran yang bagus. Walau bagaimanapun, itu semua cerita lama. Kini, dia mempunyai cita-cita untuk bekerja di bakeri suatu hari nanti. Dia juga berhasrat untuk memainkan peranan yang besar dalam membantu rakan sekolahnya di Sabah Cheshire Home (SCH) dalam kursus pastri yang disediakan oleh ATI College dengan kerja sekolah mereka dan menjadi jurubahasa mereka.

“Seingat saya, saya tidak pernah ada rancangan masa depan sejak zaman persekolahan lagi,” kata Elson.

“Kemudian, seorang guru [di Sabah Cheshire Home (SCH)] berjaya membuatkan saya tertarik untuk menyertai kelas bakeri, dan saya dapati sebenarnya saya suka membuat pastri. Saya seronok tinggal di sini, SCH membantu saya menimba pengalaman baharu. Saya juga ada ramai kawan di sini.”

Di SCH, Elson memperoleh segala kemahiran yang diperlukannya agar lebih berdikari dengan mengaut kemahiran yang membolehkannya mendapat pekerjaan dan pendapatan. Tempatnya dalam Kos Pastri di ATI College yang dijalankan di SCH dibiayai oleh NKRA Pendidikan di bawah inisiatif pemerolehan tempat belajar Pendidikan Khas yang memastikan pelajar

mendapat pendidikan dan latihan yang diperlukan untuk menjadi anggota masyarakat yang produktif.

Namun, bukan pelajar sahaja yang meraih manfaat daripada inisiatif ini. Ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas turut meluahkan rasa lega kerana anak mereka akan mampu berdiri atas kaki sendiri pada masa hadapan.

“Keutamaan kami sebagai ibu bapa [kanak-kanak berkeperluan khas] ialah memastikan wujudnya program untuk membantu mereka berkembang dalam profesion yang dapat diceburi oleh mereka,” ucap Marjon Kuntau, bapa kepada seorang pelajar pekak di SCH. “Saya dapat lihat perubahan yang besar pada anak saya. Saya nampak keyakinan yang lebih tinggi dalam dirinya kerana sebelum belajar di SCH, dia tiada kemahiran. Tetapi sekarang, dia bukan sahaja ada kemahiran, malah keyakinan.”

Pelajar Pendidikan Khas lazimnya berhadapan dengan prospek pekerjaan yang tidak menentu sekiranya mereka tidak ditempatkan dalam persekitaran yang memupuk dan menggalakkan mereka membina kemahiran dan latihan. Sepanjang dua tahun lepas, beberapa inisiatif telah dilaksanakan di bawah NKRA Pendidikan untuk membantu menyepadukan pelajar Pendidikan Khas ke dalam tenaga kerja dan dengan kumpulan pelajar biasa.

Kelab Buddy menyasarkan penjalinan hubungan persahabatan istimewa dalam kalangan pelajar

Sementara itu, untuk memupuk interaksi yang lebih baik antara pelajar Pendidikan Khas dengan pelajar biasa pada tahun 2014, NKRA Pendidikan terus melaksanakan inisiatif **Kelab Buddy**, iaitu program bola sepak yang diwujudkan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman antara satu sama lain dalam kedua-dua kumpulan tersebut. Inisiatif ini turut bertujuan

memupuk integrasi yang lebih erat antara kedua-dua kumpulan pelajar dan telah diperluas kepada 10 sekolah pada tahun 2014.

Semua peringkat sekolah—rendah, menengah dan kolej—mengambil bahagian dalam program ini, yang menyaksikan penyertaan daripada 11 sekolah dan 5 kolej. 32 orang guru dilatih melalui kerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Selangor pada tahun 2014 untuk mengendalikan program ini, manakala 370 pelajar pendidikan khas dan 170 pelajar arus perdana telah mengambil bahagian. Kelab Buddy turut menggaji tiga orang jurulatih

bola sepak berdaftar untuk menyelia latihan. Dua kejohanan diadakan pada tahun itu untuk menggalakkan semangat setia kawan dan persaingan dalam kalangan peserta.

Melangkah ke hadapan, program ini akan meninjau lebih banyak pilihan pembiayaan, dan pemerolehan tajaan korporat melalui Kementerian sedang dipertimbangkan untuk memperluas program tersebut kepada lebih banyak sekolah. Program tersebut juga dirancang untuk diperluaskan tawarannya untuk memasukkan aktiviti berbasikal dan kecergasan umum.

MENGGIATKAN PENDIDIKAN VOKASIONAL

UNTUK MEMBINA TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN PADA MASA HADAPAN

Dengan mengambil iktibar perkembangan daripada negara-negara membangun seperti Jerman dan Korea Selatan, umum mengakui bahawa latihan akademik sahaja tidak memadai sekiranya Malaysia ingin menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Aspirasi tersebut memerlukan Malaysia membangunkan kumpulan tenaga kerjanya yang kebanyakannya berkemahiran rendah kepada tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi dan terlatih.

Oleh yang demikian, program TVET yang mantap merupakan keperluan penting untuk pembangunan sumber manusia, dan telah dikenal pasti sebagai KPI di bawah **Inisiatif Pembaharuan Strategik Pembangunan Modal Insan (SRI-HDC)**, yang mencakupi kira-kira sembilan Kementerian. Cabaran utama yang ditempuh pada tahun 2014 ialah memastikan pelaburan yang besar dalam TVET membuahkan hasil yang diinginkan, iaitu graduan yang memenuhi keperluan industri dan mampu menyumbang secara berkesan dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, usaha yang besar diperlukan untuk memperkemas jentera penyampaian untuk graduan TVET.

Sejak dahulu, KPM merupakan pengeluar terbesar graduan TVET di negara ini berbanding dengan institut latihan yang dibiayai sama ada oleh pihak swasta atau oleh Kementerian lain. Namun, TVET umumnya dianggap sebagai aliran "simpanan" untuk pelajar yang kurang berkebolehan dari segi akademik. Dengan mengambil kira tujuan yang lebih penting, iaitu meningkatkan profil TVET agar menjadi daya penggerak utama untuk menaik taraf tenaga mahir negara terdapat keperluan yang mendesak untuk menjajarkan dan menyepadukan semua penyedia khidmat pendidikan dalam KPM dengan menambah baik kurikulum dan standard akreditasi,

memastikan penggunaan sumber yang cekap, memastikan ketersediaan guru berkualiti yang mencukupi dan kerjasama yang berkesan dengan industri.

Bersama-sama dengan PADU, PEMANDU membuat keputusan untuk mengendalikan makmal pada bulan Julai 2014 untuk menangani sebahagian daripada masalah ini sebagai langkah permulaan yang penting untuk menerajui transformasi TVET di seluruh negara. Empat langkah objektif utama telah dikenal pasti:

- Kejelasan kepada pelajar dan industri mengenai laluan pendidikan dan kelayakan
- Program berkualiti untuk memenuhi permintaan industri dan membolehkan pewujudan peluang pekerjaan
- Pengoptimuman sumber
- Kerjasama dan perkongsian yang utuh dengan industri.

Kejayaan pantas telah dikenal pasti, termasuk projek yang melibatkan kerjasama awam dan swasta, iaitu syarikat berganding bahu dengan institusi untuk menghasilkan graduan TVET yang dapat ditempatkan dalam sektor

berpermintaan tinggi dengan segera.

Antara cadangan daripada makmal tersebut ialah pembentukan pasukan petugas bersepadu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM untuk menggerakkan perancangan strategi tergabung bagi menyampaikan keberhasilan pendidikan dari segi standard akreditasi, kecekapan dan ketersediaan guru berkualiti serta infrastruktur untuk program TVET.

Dengan jentera penyampaian yang diperkukuh, fokus pada tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya adalah untuk menginstitusikan pendekatan berasaskan permintaan bagi memulakan usaha meningkatkan profil TVET. Ini akan dilakukan melalui pelan tindakan bersasaran dan sistematik untuk meningkatkan penyertaan industri dalam mekanisme penyampaian TVET seperti pembangunan kurikulum dan program, perkongsian peralatan dan sumber pengajaran, latihan berstruktur, serta penyelidikan dan pembangunan secara bersama. Usaha tersebut akan dijalankan secara kerjasama dengan Kementerian dan agensi lain untuk memastikan pendekatan yang bersepadu terhadap TVET.



Pelajar Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional mempelajari kemahiran asas seperti servis penghawa dingin

Gambar adalah sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM



Gambar adalah sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM



MERINTIS JALAN UNTUK PELAJAR KITA

NKRA Pendidikan komited untuk membangunkan rangka kerja pendidikan terbaik untuk semua pelajar Malaysia agar mereka mampu mencapai potensi sebenar dalam pendidikan dan aspirasi kerjaya pada masa hadapan. Usaha ini juga sejajar dengan cita-cita negara untuk membangunkan tenaga kerja terlatih dan berkemahiran tinggi untuk mengisi peranan yang diperlukan dalam ekonomi berpendapatan tinggi.

Fokus NKRA Pendidikan akan tetap diberikan pada aliran kerja teras, dan akan ditumpukan pada cabaran yang dikenal pasti bagi setiap inisiatif.

NKRA Pendidikan sentiasa menangani isu pendidikan dari peringkat asas, dengan memberikan keutamaan pada modul pembelajaran awal seperti ECCE serta kemahiran literasi dan numerasi asas. Usaha selanjutnya diperlukan sebelum pelajar dapat mencapai standard antarabangsa, namun peningkatan yang diraih sejak beberapa tahun ini amat memberangsangkan. Pada masa yang sama, inisiatif untuk memperkukuh rangka kerja asas sekolah juga akan menyumbang kepada kejayaan masa hadapan.

Fokus baharu terhadap keinsklusifan dalam tempoh beberapa tahun lepas

juga merupakan bukti yang kukuh tentang cara pendekatan untuk menangani isu pendidikan pada masa hadapan. Pelajar Pendidikan Khas dan TVET berpotensi sebagai penyumbang penting dalam memenuhi cita-cita pembangunan negara, justeru mereka perlu menerima tahap sokongan yang sama seperti pelajar biasa. Kerja asas telah pun disediakan untuk mewujudkan rangka kerja pendidikan yang lebih kukuh dan inklusif seperti yang diharapkan oleh PPPM, dan NKRA Pendidikan sememangnya meletakkan sasaran untuk memainkan peranannya dalam mencapai matlamat tersebut.


GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Enrolmen prasekolah	90%	84.2%	94	●
2	Enrolmen penjagaan kanak-kanak (0-4 tahun)	10%	9.71%	97	●
3	Peratus sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	1.4%	1.39%	101	●
4	Peratus sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	31%	31.03%	100	●
5	Kadar literasi Bahasa Inggeris untuk Tahun 2	83%	78.30%	94	●
6	Peratus pengambilan guru di IPGM daripada lepasan sekolah menengah kelompok 30% teratas	100%	98.9%	99	●
7	Untuk membangunkan pelan hala tuju bagi mencapai 100% pengambilan guru di institusi pengajian tinggi daripada lepasan STPM/Matrikulasi/ setara kelompok 30% teratas seperti dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan	100%	100%	100	●
8	Peratus guru yang dilatih yang telah meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris sekurang-kurangnya satu band (CPT atau setara dengan CPT)	85%	0	0	●
9	Peratus calon pengetua yang dikenal pasti menggunakan syarat baharu, sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum persaraan pengetua sebelumnya bagi mengisi kekosongan jawatan pengetua	100%	85.38%	85	●
10	Mengekalkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang sedia ada	115	115	100	●
11	Sekolah Berprestasi Tinggi yang baharu	10	13	130	●
12	Kadar literasi BM untuk Tahun 3	100%	98.65%	99	●
13	Kadar numerasi untuk Tahun 3	100%	98.92%	99	●
14	Peratus guru besar yang menerima Tawaran Baharu (i) Sekolah rendah (ii) Sekolah menengah	100% (i) 5% (ii) 5%	153.8% (i) 7.3% (ii) 8.08%	154	●
15	Mengenal pasti garis asas guru yang mencapai kompetensi minimum	100%	95%	95	●
16	Guru Bahasa Inggeris baharu yang mencapai C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	100%	72.5	73	●
17	Guru pelatih Bahasa Inggeris baharu yang mencapai minimum A atau A+ dalam subjek Bahasa Inggeris SPM sebelum memasuki institut latihan perguruan (IPG & IPT)	100%	100%	100	●
18	Pelaksanaan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran yang Dibezakan kepada Tingkatan 3 di semua sekolah hotspot	100%	100%	100	●
19	Peratus 138 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang mempunyai kedudukan/penarafan yang mencapai garis asas	100%	70%	70	●
JUMLAH				94%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Enrolmen prasekolah seluruh negara, termasuk NGO (4+ dan 5+ tahun sahaja)	88%
2	Literasi bahasa Inggeris di kalangan pelajar Tahun 3	100%
3	Peratusan sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	35%
4	Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	1.2%
5	Peratusan guru yang telah meningkatkan sekurang-kurangnya pada tahap kompetensi minimum menerusi CPD	25%
6	Peratusan guru yang telah meningkatkan sekurang-kurangnya pada tahap kompetensi minimum menerusi CPD	25%
7	Bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi	130
8	Kadar numerasi	100%
9	Kadar literasi bahasa Melayu	100%
10	Peratusan guru besar sekolah rendah yang menerima Tawaran Baharu	5%
11	Peratusan pengetua sekolah menengah yang menerima Tawaran Baharu	5%
12	Guru pelatih bahasa Inggeris baharu yang mencapai minimum A atau A+ dalam bahasa Inggeris SPM sebelum memasuki IPG	100%
13	Peratusan 138 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan penarafan garis asas	100%
14	Pelan Strategik IPG diwujudkan pada Disember 2015	100%
15	Peratusan guru yang dilatih menerusi program ProELT yang telah mencapai sekurang-kurangnya satu band dalam CEFR	85%
16	Peratusan kemajuan pembangunan pangkalan data enrolmen pelajar 13 - 17 tahun dalam Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) merentasi semua agensi	100%
17	Guru bahasa Inggeris baharu daripada IPG, IPTA dan IPTS yang mencapai C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	100%
18	Kadar enrolmen kanak-kanak (0-4) kebangsaan	12.50%

PRASEKOLAH DAN PENJAGAAN AWAL KANAK-KANAK



Enrolmen prasekolah di seluruh negara
dari 67% kadar enrolmen pada tahun 2009

129,171

pelajar prasekolah swasta daripada isi rumah berpendapatan rendah telah menerima bantuan yuran daripada kerajaan sejak pelaksanaan GTP 1.0 pada tahun 2010, menjadikan jumlah **RM100.13 juta**, di samping **RM7.47 juta** bantuan yuran telah disediakan kepada **3,012 kanak-kanak** yang menghadiri pusat penjagaan kanak-kanak swasta sejak tahun 2013

1,709

pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak menerima geran berjumlah **RM20.46 juta** untuk memulakan operasi daripada 2010 hingga 2014

JANGKAUAN DIPERLUAS KEPADA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

400

tempat disediakan untuk pelajar SEN di institusi teknikal dan vokasional swasta pada tahun 2014 oleh KPM.

Ia bertujuan untuk menggalakkan penyertaan daripada agensi lain dan pengendali latihan menawarkan program SEN dengan membayar yuran untuk pelajar



Kompetensi asas

untuk semua guru dan pemimpin sekolah dibentuk menerusi **Instrumen Penilaian Bersepadu (UI)**

sebagai sebahagian daripada fasa pra pelaksanaan yang telah lengkap pada tahun 2014 dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015

128

SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH



dianugerahi dengan status **Sekolah Berprestasi Tinggi (SPT)** sejak tahun 2010. 13 buah SBT baharu telah dikenal pasti pada tahun 2014

PROGRAM RESIDENSI DAN IMMERSION (PRIME)

Diperkenalkan untuk
pengetua baharu yang
dilantik pada tahun 2014
untuk membantu mereka
dalam proses peralihan
ke dalam peranan dan
persekitaran baru



8%

Pelajar Program Peralihan Pekerjaan SEN

telah berjaya mendapat pekerjaan
di lokasi latihan praktikal

LINUS 2.0

dipertingkatkan untuk merangkumi
saringan kemahiran Bahasa Inggeris
sebagai tambahan kepada kemahiran
dalam bahasa Malaysia dan numerasi

98.7%

kohort Tahun 3 menguasai asas
Bahasa Malaysia pada tahun 2014

98.9%

kohort Tahun 3 menguasai kemahiran
numerasi asas pada tahun 2014

78.3%

kohort Tahun 2 menguasai asas
Bahasa Inggeris pada tahun 2014

Program Pembangunan Prestasi Sekolah, memberi motivasi dan sokongan kepada semua sekolah



75%

peningkatan bilangan
sekolah Band 1 dan 2
daripada tahun 2009

3,105 (31.03%)

sekolah Band 1 dan 2
pada tahun 2014



78%

pengurangan bilangan
sekolah Band 6 dan 7
daripada tahun 2009

139 (1.39%)

sekolah Band 6 dan 7
pada tahun 2014



MENGURANGKAN JENAYAH



Memastikan Rakyat Malaysia Berasa Selamat

NKRA Mengurangkan Jenayah sentiasa menekankan keperluan untuk menangani isu dari perspektif holistik. Meskipun kita akur bahawa pengurangan statistik jenayah ialah matlamat kita yang utama, hal ini tidak memadai kerana jenayah merupakan simptom kepada isu sistemik dan struktural lain dalam masyarakat Malaysia. Selain itu, jenayah membawa kesan yang menjangkau mangsa jenayah itu sendiri; jenayah menimbulkan rasa takut dan menimbulkan rasa sangsi dalam kalangan rakyat, sekali gus giat membantutkan usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional.

Dari perspektif ini, jelas bahawa usaha memerangi jenayah mesti menjangkau statistik untuk menangani isu lain seperti memperbaiki hubungan dengan kumpulan penduduk dan komuniti, menangani isu kecelaruan sosial yang menimbulkan dan mendorong perlakuan jenayah dan bekerjasama dengan bekas pesalah untuk mengurangkan peluang ulang laku jenayah. Walau bagaimanapun, impak inisiatif ini terhadap pencegahan jenayah sukar untuk diukur kerana kita cuba mengukur perkara yang tidak berlaku, misalnya berapa ramai bekas penagih dadah yang telah berjaya kita halang daripada melakukan pencurian kecil kerana kita telah membantu mereka mendapatkan pekerjaan selepas mereka dibebaskan daripada hukuman penjara dan proses pemulihan?

Meskipun sukar untuk diukur, kami percaya bahawa aktiviti ini tetap bermanfaat kerana usaha ini menyumbang kepada program keselamatan yang lebih holistik, sekali gus menjana rasa selamat yang positif. Hal ini membawa saya kepada perkara seterusnya yang menimbulkan sedikit kontroversi sejak beberapa tahun lalu di negara ini.



Hakikatnya, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di negara-negara lain di dunia, persepsi orang ramai terhadap keselamatan tiada hubung kait dengan kejadian jenayah di sesebuah negara. Pakar kaji jenayah akan terus mengkaji punca yang tiada kaitan ini, namun jelas sekali bahawa rasa takut terhadap jenayah perlu ditangani dan diurus seiring dengan aktiviti oleh pihak berkuasa untuk mengendalikan jenayah itu sendiri. Biar saya jelaskan: kami tidak bermaksud mengatakan bahawa rasa takut orang ramai terhadap jenayah tidak berasas atau bahawa jenayah hanyalah masalah yang dibayangkan oleh rakyat semata-mata.

Rasa takut akan jenayah memang perasaan yang benar-benar wujud, sepertimana kejadian jenayah itu sendiri wujud. Yang kami maksudkan ialah langkah mengurangkan angka jenayah semata-mata tidak memadai untuk mengembalikan kepercayaan orang ramai dan keyakinan terhadap keselamatan. Dari perspektif ini jugalah, aktiviti yang kita laksanakan seperti program pelibatan komuniti dan pembersihan komuniti, iaitu Inisiatif *Blackspot*, memainkan peranan penting. Aktiviti ini membawa mesej jelas bahawa kita mengambil langkah proaktif tentang pencegahan jenayah dan akan mempertingkatkan usaha untuk membanteras jenayah daripada berlaku dalam komuniti kita.

Saya berasa bangga bahawa Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) di ibu pejabat Bukit Aman telah menjangkau tahun pertama operasi pada 2014. Dalam tahun pertama ini, JPJKK telah mengambil alih penyelarasan rondaan kawasan kediaman menerusi Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan bekerjasama dengan Kementerian berkaitan untuk menangani kecelaruan sosial di kawasan *Blackspot*. Saya yakin bahawa JPJKK mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keselamatan jangka pendek dan jangka panjang di negara kita, dan saya menyeru orang ramai agar memberikan kerjasama dan sokongan kepada jabatan untuk melaksanakan aktiviti mereka.

Akhir sekali, saya ingin menekankan bahawa inisiatif kita benar-benar memberikan impak pada angka jenayah sebenar. Penurunan Jenayah Indeks secara berterusan amat memberangsangkan bagi semua orang, dan kejayaan kita pada tahun 2014 dalam mengurangkan bilangan kes curi kereta, iaitu masalah yang masih berleluasa, menunjukkan keberkesanan program yang kita laksanakan. Tanpa mengira apa jua persepsi orang ramai tentang ketepatan Jenayah Indeks sebagai ukuran aktiviti jenayah di negara ini, hakikatnya kes jenayah telah berkurangan.

Penurunan Jenayah Indeks sebanyak 12.6% pada 2014 sesungguhnya merupakan suatu peningkatan yang ketara, namun kita akur bahawa usaha membanteras jenayah perlu diteruskan. Kita mengakui, misalnya, bahawa kes ragut telah meningkat di negeri Pulau Pinang dan Selangor pada tahun 2014 dan kita akan memfokuskan aktiviti pada tahun 2015 terhadap isu ini.

Perlu juga dinyatakan bahawa jenayah di Malaysia bukanlah satu masalah yang statik, diambil oleh penguat kuasa undang-undang. Oleh itu, penekanan dalam aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah akan menyokong dan mempercepat aktiviti pencegahan jenayah oleh pegawai penguat kuasa undang-undang.

Rasa takut akan jenayah memang perasaan yang benar-benar wujud, sepertimana kejadian jenayah itu sendiri wujud. Yang kami maksudkan ialah langkah mengurangkan angka jenayah semata-mata tidak memadai untuk mengembalikan kepercayaan orang ramai dan keyakinan terhadap keselamatan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Dalam Negeri

PERJUANGAN JANGKA PANJANG

Banyak institusi yang terlibat dalam proses ini

Mangsa

1. Kumpulan Undang-undang & peraturan (NGO)
2. Pergerakan wanita (NGO)
3. Pergerakan sosial lain (NGO)
4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Menerajui jenayah & peluasan jenayah = Takut terhadap Jenayah

Kepercayaan

Masyarakat

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3. Kementerian Belia dan Sukan

Ini lebih merupakan 'isyarat jenayah'

Apa yang anda lihat

Persekitaran

1. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Pihak Berkuasa Tempatan
3. Pemaju Hartanah

Pencegahan Jenayah

1. Polis DiRaja Malaysia
2. Persatuan Penduduk
3. Orang Awam
4. NGO

Kepercayaan terhadap Polis DiRaja Malaysia

Apa yang anda rasa

Sistem Keadilan Jenayah

1. Polis DiRaja Malaysia
2. Jabatan Peguam Negara
3. Agensi Anti Dadah Kebangsaan
4. Jabatan Penjara Malaysia

Keberkesanan

Apa yang anda rasa

Pelbagai agensi dan organisasi yang terlibat dalam inisiatif membanteras jenayah

Pembasmian jenayah di Malaysia bukan hanya tentang jumlah tangkapan dan pengurangan bilangan kes jenayah di negara ini. Meskipun angka merupakan ukuran kejayaan yang penting, inisiatif pencegahan jenayah turut memfokuskan objektif lain misalnya mewujudkan hubungan yang erat antara pihak penguat kuasa undang-undang dengan masyarakat, mendidik orang ramai tentang keselamatan diri dan menangani kecelaruan sosial yang mengakibatkan jenayah.

Dari perspektif ini, NKRA Mengurangkan Jenayah menangani masalah ini dengan menggunakan pendekatan holistik untuk mewujudkan rangka kerja pencegahan jenayah yang mampan

untuk memastikan keselamatan pada hari ini dan masa akan datang. Pada masa yang sama, NKRA Mengurangkan Jenayah akan menumpukan inisiatif penguatkuasaan utama yang giat untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Statistik menunjukkan bahawa kadar jenayah di Malaysia telah berkurangan sejak pengenalan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah pada permulaan pelaksanaan GTP. Kerajaan bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan pelbagai agensi lain untuk melaksanakan inisiatif penguatkuasaan dan pencegahan jenayah di samping membina hubungan yang kukuh dengan orang ramai.

Kesan inisiatif yang dilaksanakan secara bersama boleh dilihat dengan jelas pada tahun 2014 menerusi pencapaian yang berikut:

- **Mengurangkan kes curi kereta sebanyak 20%:** Jumlah kes curi kereta berkurangan buat kali pertama dalam tempoh lima tahun berikutan pelaksanaan inisiatif yang memfokuskan pencegahan curi kereta. NKRA Mengurangkan Jenayah menggunakan strategi yang berkesan untuk mencegah kes curi kereta dengan Operasi antara agensi dan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain seperti pengendali tempat letak kereta untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan.



Meskipun angka merupakan ukuran kejayaan yang penting, inisiatif pencegahan jenayah turut memfokuskan objektif lain misalnya mewujudkan hubungan yang erat antara pihak penguat kuasa undang-undang dengan masyarakat, mendidik orang ramai tentang keselamatan diri dan menangani kecelaruan sosial yang mengakibatkan jenayah.

Aliran Kerja	Bidang Tumpuan	Inisiatif
Mengurangkan Jenayah Indeks	Pencegahan Kecurian Kenderaan	- Memperkasakan kawasan sasaran (<i>target hardening</i>) di tempat letak kereta awam - Kerjasama pelbagai agensi bersama penguatkuasaan terhadap bengkel haram - Menguatkan Kawalan Sempadan dan Semua Pintu Masuk
	Pemulihan dan Peningkatan Kemahiran Banduan	- Program Penjara Industri - Pembangunan program pascapembebasan - Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara
	Pemulihan Penagih dan Pengguna Dadah	- Konsep terbuka rawatan dan pemulihan dadah - Memberikan khidmat penyumberluaran (<i>outsourcing</i>) pemulihan dadah kepada NGO - Membuka peluang pekerjaan kepada bekas penagih - Mengembangkan Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substan (<i>Integrated Substance Control Management System, SPIKES</i>)
Mencegah Kejadian Pecah Rumah	Pencegahan Kejadian Pecah Rumah	- Rondaan polis di kawasan kediaman (di bawah <i>Omnipresence</i>) - Pasukan Khas Cegah Kejadian Pecah Rumah - Menyelaraskan sukarelawan melalui kepolisan komuniti - Pencegahan Jenayah Menerusi Reka Bentuk Persekitaran (<i>Crime Prevention Through Environmental Design, CPTED</i>) untuk meningkatkan keselamatan kediaman
Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan	Meningkatkan kehadiran PDRM	- Program <i>Omnipresence</i> (Kepolisan Berprofil Tinggi, <i>Stop and Talk</i> (Berhenti dan Berbual), <i>Feet on Street</i>) - Sukarelawan Simpanan Polis (PVR) - Perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) Rakan Cop - Inisiatif Pemulihan <i>Blackspot</i>
	Komunikasi Kerap Bersama Rakyat	- Perkongsian pintar antara PDRM, komuniti perniagaan dan Persatuan Penduduk - Mempertingkatkan Unit Komunikasi Korporat PDRM - Kempen Kesedaran Wanita - Hari Kesedaran Jenayah - Tinjauan Persepsi Keselamatan - Unit Kerjasama Antarabangsa (ILU)
Meningkatkan Kertas Siasatan Bagi Kes Yang Dibawa ke Muka Pengadilan	Meningkatkan Kertas Siasatan Bagi Kes Yang Dibawa ke Muka Pengadilan	- Mengurangkan nisbah Pegawai Penyiasat kepada Kertas Siasatan kepada 1:5 setiap bulan - Meningkatkan kecekapan Pegawai Penyiasat menerusi pelaburan dalam peralatan - Meningkatkan kerjasama antara PDRM, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan jabatan berkaitan yang lain
Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis	Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis	- Sistem Semakan Dalam Talian (Sistem Pengesan Laporan PDRM) - Meningkatkan Masa Bertindak Balas - Tinjauan Bebas tentang Kepuasan Orang Ramai - Memasang Cermin Gelap (<i>one way mirror</i>) di IPD (Ibu Pejabat Daerah) - Penambahan Kaunseling Triage di Balai Polis - Jadual Liga Balai antara Balai Polis

- **Bekerjasama dengan pemilik pusat beli-belah swasta untuk membanteras jenayah:** Ops Pembersihan Bukit Bintang KLCC (BBKLCC) merupakan operasi bersepadu dengan jabatan/ agensi yang diwujudkan untuk pembersihan kawasan Segi Tiga Emas pada tahun 2014. Dua operasi telah diadakan, iaitu pada bulan Mac dan Oktober 2014 yang menghasilkan penurunan kadar jenayah jalanan sebanyak 5% dalam tempoh dua minggu selepas setiap operasi.
- **Memperhebat keupayaan Unit Perhubungan Antarabangsa (International Liaison Unit, ILU):** ILU diperkenalkan untuk bekerjasama dan mengurus isu jenayah yang dibangkitkan oleh pelancong dan komuniti ekspatriat. Pada tahun 2014, kakitangan baharu telah direkrut menyertai unit ini dan ibu pejabat baharu dibuka di Kuala Lumpur. ILU mengadakan kerjasama aktif dengan kedutaan dan pesuruhjaya tinggi untuk menangani kebimbangan mereka terhadap jenayah dengan lebih berkesan.
- **Tahun pertama bagi Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK):** JPJKK yang baru diwujudkan di Bukit Aman direka khusus untuk menyelaraskan sesi jangkauan dan interaksi dengan komuniti untuk menjalin hubungan yang lebih erat untuk membantu memerangi jenayah. Pengarah dan pegawai utama yang baharu telah dilantik ke Jabatan pada tahun 2014. JPJKK yang kini dianggotai oleh warga kerja baharu dijangka memainkan peranan penting dalam inisiatif pencegahan jenayah menerusi interaksi dengan komuniti pada masa akan datang.

Gambaran keseluruhan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah

MENGURANGKAN JENAYAH INDEKS

MEMBENTUK NEGARA MALAYSIA YANG LEBIH SELAMAT UNTUK SEMUA

Keberkesanan usaha pengurangan jenayah diukur oleh perubahan dalam Jenayah Indeks. Sasaran NKRA Mengurangkan Jenayah adalah untuk mengurangkan Jenayah Indeks sebanyak 5% setiap tahun, yang telah berjaya dilepasi dengan ketara pada tahun 2014 selepas Jenayah Indeks menurun sebanyak 12.6% hasil usaha pencegahan jenayah kumulatif yang telah dilaksanakan sejak NKRA Mengurangkan Jenayah dilancarkan.

Terdapat tiga bidang tumpuan dalam aliran kerja ini untuk mengurangkan Jenayah Indeks:

Pencegahan kecurian kenderaan

Pemulihan dan peningkatan kemahiran banduan

Pemulihan penagih dan pengguna dadah

Untuk memaksimumkan impak inisiatif ini, NKRA Mengurangkan Jenayah menganalisis trend jenayah setiap tahun dan membuat keputusan tentang penggunaan sumber yang terbaik. Misalnya, pada tahun 2014, inisiatif difokuskan terhadap kejadian kecurian kereta yang kekal tinggi meskipun terdapat pengurangan secara keseluruhan dalam kategori jenayah yang lain.


Meskipun kes kecurian kereta berjaya dikurangkan dan kadar jenayah secara keseluruhan berkurangan, perubahan corak jenayah menyebabkan kejadian jenayah tertentu yang lain meningkat. Misalnya, jenayah jalanan, sebagai satu komponen Jenayah Indeks, terus menurun pada tahun 2014 tetapi kejadian ragut meningkat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Sebagai respons kepada perubahan ini, pada tahun 2015 NKRA Mengurangkan Jenayah akan menumpukan usaha untuk menangani peningkatan kejadian ragut dan menjalankan kajian untuk menentukan puncanya.

Mengurangkan kejadian kecurian kereta

Strategi pencegahan NKRA Mengurangkan Jenayah dilaksanakan untuk mengekalkan keselamatan secara keseluruhan di negara ini, namun memfokuskan kes jenayah tertentu yang berlaku secara kerap dan tetap. Pada tahun 2014, usaha tertumpu kepada pencegahan kejadian curi kereta yang menyumbang kepada kecurian harta benda, iaitu satu komponen Jenayah Indeks.

Kecurian kenderaan berjaya dikurangkan sebanyak 20% pada tahun 2014



Membanteras kecurian kereta

Menurut Mohd Yusof Idris, penyelaras bagi Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan (*Vehicle Theft Reduction Council*, VTREC), organisasi bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan oleh industri insurans, usaha ini berjaya disebabkan kerjasama pihak berkepentingan yang lebih erat secara keseluruhan untuk mengenal pasti dan menangani isu yang berlaku dalam perdagangan motor.

“Pada tahun ini, dengan kerjasama PEMANDU, kita menyaksikan peningkatan dan usaha yang lebih teratur diambil oleh semua pihak berkepentingan (termasuk PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam dan industri insurans) dalam pendekatan kami untuk menangani kecurian kenderaan,” ujar Mohd Yusof.

“Pada bulan Mac hingga Jun tahun ini, VTREC dan PEMANDU menganjurkan tiga bengkel untuk mengenal pasti kelemahan pentadbiran dalam ekosistem perdagangan motor yang mungkin mempengaruhi kecurian kereta. Setelah mengenal pasti kelemahan ini, kami menyarankan inisiatif 24 perkara untuk jangka panjang dan jangka pendek yang pada pendapat kami akan mengurangkan dengan ketara peluang berlakunya kecurian kereta.”

Meskipun kejayaan yang dicatat pada tahun 2014 memberangsangkan, Mohd Yusof menambah bahawa lebih banyak usaha akan dijalankan pada tahun 2015 dan seterusnya. Bengkel yang diadakan pada tahun lalu mengenal pasti dua perkara penting yang memerlukan perhatian tambahan, iaitu peleraian (*cannibalisation*) bahagian kenderaan dan penyeludupan kenderaan curi melalui pelabuhan dan sempadan.

“Berhubung dengan peleraian bahagian kenderaan, kami akan bekerjasama rapat dengan industri insurans dalam menggalakkan sistem



yang mengukuhkan kebolehejekan alat ganti,” ujarnya. “Kami akan mula menyediakan portal untuk perdagangan alat ganti terpakai atau luar pasaran. Portal ini akan membantu mengenal pasti bahagian yang dilaikan daripada kenderaan curi.”

Tambah Mohd Yusof lagi, rancangan sedang diatur untuk melaksanakan sistem bersepadu untuk menjejak pergerakan kenderaan merentas sempadan di utara tanah air. Jabatan Kastam turut merancang untuk memperbaiki proses pemeriksaan kontena kerana kontena sering digunakan oleh pencuri kereta untuk mengangkut kereta ke luar negara.

Salah satu punca utama yang menyumbang kepada kejadian kecurian kereta yang tinggi di negara ini ialah sikap orang ramai yang tidak mengambil berat tentang pencegahan kecurian kereta. Memandangkan premium insurans dikaitkan dengan sistem tarif, pemilik kereta membayar premium standard yang sama tidak kira sama ada kenderaan mereka mudah dicuri ataupun tidak.

“Akan tetapi, pada tahun 2016 apabila liberalisasi industri insurans dilaksanakan, premium tambahan mungkin dikenakan pada kenderaan yang mudah dicuri dan saya berpendapat, pada masa itu, sikap orang ramai terhadap kecurian kereta akan berubah.”

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jenayah harta benda secara keseluruhan telah berkurangan tetapi bilangan kecurian kereta masih kekal tinggi. Pada tahun 2013, kecurian kereta mencakupi 12% Jenayah Indeks. Kadar ini berubah pada tahun 2014 apabila bilangan kecurian kereta berkurangan 20%, iaitu mencakupi 10% Jenayah Indeks.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang dijalankan untuk membanteras kecurian kereta, 4,669 bengkel kenderaan telah diperiksa sementara pasukan yang khusus telah ditubuhkan untuk menangani kes curi kereta. Sejumlah 1,696 operasi polis turut dijalankan dalam usaha untuk membanteras kecurian kenderaan dan lebih 80 tempat letak kereta diperiksa di bawah program Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta untuk memastikan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya dilaksanakan.

Aktiviti ini dijalankan sebagai sebahagian daripada inisiatif berikut di bawah bidang tumpuan ini:

- Peningkatan keselamatan tempat letak kereta awam
- Kerjasama pelbagai agensi bersama penguatkuasaan terhadap bengkel haram
- Mengukuhkan Kawalan Sempadan dan Semua Pintu Masuk.

Mengurangkan ulang laku jenayah menerusi pemulihan dan peningkatan kemahiran banduan

Inisiatif di bawah bidang tumpuan ini turut memfokuskan penyediaan kemahiran dan sokongan pekerjaan yang diperlukan oleh banduan untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan dan Khidmat Insan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa kejadian ulang laku jenayah berkurangan secara ketara

jika bekas banduan dapat memperoleh pekerjaan dalam tempoh setahun setelah dibebaskan.

Perbandingan terkini menunjukkan bahawa kadar ulang laku jenayah bekas banduan di Malaysia adalah 8.6% lebih rendah berbanding dengan negara lain di rantau ini. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah bidang tumpuan ini termasuklah:

- Program Penjara Industri
- Pembangunan program pascapembebasan
- Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara.

Bagi persediaan yang lebih baik untuk banduan selepas dibebaskan, Program Penjara Industri (Bakeri) telah diperkenalkan untuk mendidik dan melengkapi banduan dengan kemahiran vokasional semasa dalam penjara. Peserta (banduan) program ini akan menerima sijil selepas tamat pengajian tersebut, dan pendapatan bagi kerja yang telah dilakukan. Roti yang dihasilkan akan dibekalkan kepada lima penjara keseksaan di zon tengah: Penjara Kajang, Penjara Seremban dan Penjara Jelebu. Inisiatif ini telah diperluas ke Penjara Tapah pada tahun 2014 untuk membekalkan roti ke lima (5) penjara di zon utara: Penjara Tapah, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Pusat Koreksional Kamunting, Penjara Taiping dan Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang.

Jabatan Penjara juga turut membantu banduan selepas selesai hukuman penjara dengan melaksanakan program selepas pembebasan dalam bentuk Rumah Perantaraan (RP). Rumah Perantaraan ini telah dibina di setiap negeri, bagi banduan yang tidak mempunyai tempat tinggal sebaik sahaja dibebaskan. Rumah-rumah perantaraan ini menyediakan khidmat kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada penghuni sehingga tempoh tiga bulan selepas kemasukan mereka ke rumah tersebut. Sehingga 31 Disember 2014, 1,233 penghuni telah menggunakan kemudahan ini dan 90% daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan yang terjamin.

Akhir sekali, Program Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) merupakan satu program yang pesalah-pesalah tidak dihukum pemenjaraan sebaliknya menjalankan tugas-tugas dalam komuniti. Tujuan program ini adalah untuk mengurangkan kesesakan dalam penjara selain dapat mengurangkan kos kerajaan dalam menanggung pesalah-pesalah kesalahan kecil sekiranya ditempatkan dalam penjara. Sementara itu, pesalah-pesalah juga dapat meneruskan pekerjaan asal dan

menanggung keluarga mereka. Inisiatif ini membolehkan pesalah diberi peluang kedua untuk menjalani kehidupan tanpa stigma hukuman penjara. Sejak diwujudkan pada tahun 2010, seramai 2067 pesalah telah menjalani perintah ini dan program ini telah memberikan penjimatan kepada kerajaan sebanyak kira-kira RM6.5 juta.

Penahanan kebiasaannya mempunyai kesan negatif jangka panjang terhadap banduan, yang menghalang mereka

daripada kembali kepada masyarakat, sekali gus membuatkan mereka lebih berisiko mengambil jalan keluar dengan tingkah laku jenayah. Pada masa yang sama, memastikan pesalah kecil keluar daripada penjara juga mengurangkan risiko mereka terpengaruh dengan kelakuan negatif penjenayah lain di dalam penjara.

Memberi pesalah peluang kedua dalam kehidupan

Masalah lazim yang dihadapi kebanyakan negara ialah persoalan mengembalikan bekas pesalah ke pangkuan masyarakat setelah mereka dibebaskan dari penjara. Bekas banduan, sering mendapati sukar untuk kembali ke pangkuan masyarakat setelah dibebaskan kerana mereka terpaksa berdepan dengan stigma bekas banduan atau mereka tidak mempunyai pekerjaan, oleh itu mereka memilih untuk melakukan jenayah. Dalam kes yang kedua, kekurangan kemahiran sering kali menjadi penyebab utama mereka terjerumus ke dalam kancang jenayah.

Di Malaysia, Jabatan Penjara melaksanakan program pemulihan komprehensif yang menangani kesejahteraan fizikal dan mental banduan. Sejak tahun 2003, Jabatan Penjara telah mula menekankan peningkatan kemahiran pesalah—daripada membantu mereka mempelajari kemahiran membaca asas sehinggalah membantu mereka memperoleh ijazah Sarjana semasa mereka menjalani hukuman penjara.

“Pada masa lalu, program latihan kami tidak menyediakan sijil kepada peserta, justeru selepas banduan dibebaskan, peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan amat tipis lantas mereka terpaksa kembali kepada jenayah,” ujar Dato’ Mohd Sakeri Haji Dollah, Timbalan Pengarah Pengurusan Banduan (Vokasional dan Industri). “Bertitik tolak daripada perspektif inilah kami mencetuskan idea untuk mengadakan Program Penjara Industri.”

Penjara Industri ialah inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah yang direka khusus untuk memberi banduan latihan yang berguna dan pada masa yang sama menjimatkan wang yang dibelanjakan untuk membeli roti.

“Kami membantu mereka belajar menjadi pengendali bakeri, memberikan kemahiran kepada mereka yang mempunyai ciri keusahawanan untuk memulakan perniagaan sendiri pada masa yang sama,” kata Sakeri. “Pada masa ini, kami melatih mereka untuk membuat roti, tetapi kami ingin mengembangkan latihan agar merangkumi kemahiran membuat kek, piza dan masakan lain.”

Menurutnya lagi, kajian Jabatan Penjara menunjukkan bahawa hanya terdapat 0.5% kebarangkalian ulang laku jenayah oleh bekas banduan yang berjaya mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan. Ini diperoleh daripada pemantauan dan penilaian terhadap pesalah yang dibebaskan.

Selain Penjara Industri, Sakeri berkata bahawa sistem penjara Malaysia menawarkan pelbagai bengkel yang mahu dilihat perlu dimasukkan sebagai sebahagian daripada GTP. Salah satunya ialah program latihan pemandu yang melatih banduan menjadi pemandu profesional, pemandu kenderaan berat dan pemandu syarikat pengangkutan.

“Oleh sebab di penjara ini kami memfokuskan usaha memupuk disiplin dan membangunkan kemahiran, banduan kami lazimnya menerima lebih banyak masa latihan berbanding pemandu perantis

di luar,” ujarnya. “Secara purata, pemandu kami menjalani kira-kira 600 jam latihan, yakni jauh lebih tinggi berbanding dengan purata industri.”

Walau bagaimanapun, persepsi tetap kekal sebagai cabaran, tambahnya. Meskipun memiliki sijil, bekas pesalah terpaksa berdepan dengan stigma banduan. Walaupun pendidikan dan kesedaran boleh menyelesaikan masalah tersebut, masih terdapat isu dalam menyelaraskan latihan yang disediakan oleh penjara dengan jangkaan industri.

“Dengan kemajuan teknologi yang berterusan, kami tidak mampu sentiasa menaik taraf peralatan latihan kami, jadi ada kalanya peserta kami menghadapi kekurangan kerana mereka tidak arif dengan peralatan standard industri apabila mereka dibebaskan dari penjara,” ujarnya.

Menurut Sakeri, dengan sumber yang terhad, program GTP telah berjaya membantu menetapkan fokus.



Membantu bekas penagih dadah kembali ke pangkuan masyarakat

Kegagalan penagih dadah untuk kembali ke pangkuan masyarakat selepas menamatkan tempoh pemulihan memaksa kebanyakan mereka kembali ke kancuh jenayah. Sebagai sebahagian daripada inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) giat berusaha meningkatkan keberkesanan program pemulihan serta memastikan bekas penagih dadah dapat kembali kepada kehidupan yang bebas jenayah selepas tamat tempoh pemulihan masing-masing.

AADK turut melaksanakan inisiatif yang direka khusus untuk menangani pertambahan jenis dadah dan bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk membantu menyalurkan bantuan kepada penagih dadah dengan lebih berkesan. Inisiatif yang terkandung di bawah bidang tumpuan ini termasuk:

- Rawatan dan pemulihan dadah terbuka
- NGO dijadikan penyumberan luar untuk pemulihan dadah
- Membuka peluang pekerjaan kepada penagih yang sedang memulihkan diri

- Mengembangkan Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substan (*Integrated Substance Control Management System, SPIKES*)

AADK telah memfokuskan sebahagian inisiatif terasnya, iaitu penyediaan pusat pemulihan yang berkesan. Pada masa ini, AADK menjalankan 663 program dalam pencegahan, Pulih dan Rawat serta penguatkuasaan.

Pada tahun 2014, AADK telah menaik taraf 22 Pusat Khidmat Pulih dan Rawat (CCSC) di kawasan *Blackspot*. CCSC ialah pusat pemulihan untuk pengguna dan penagih dadah mendaftarkan diri tanpa rasa takut kerana klinik ini memfokuskan rawatan dan penjagaan penagih dadah, bukannya membuat tangkapan.

AADK juga telah mula melaksanakan program latihan vokasional dan pameran kerjaya di Pusat Vokasional Pulih dan Rawat (*Cure and Care Vocational Centres, CCVC*) untuk membantu pesakit yang sedang menjalani pemulihan mendapatkan pekerjaan yang bermakna sebaik sahaja mereka menamatkan program pemulihan. Sejumlah 214 klien AADK telah menjalani kursus pendek di CCVC, sementara 111 klien pula menyertai kursus panjang. Pameran kerjaya diadakan dua kali setahun di setiap negeri.

“CCSC ialah pusat pemulihan untuk pengguna dan penagih dadah mendaftarkan diri tanpa rasa takut kerana klinik ini memfokuskan rawatan dan penjagaan penagih dadah, bukannya membuat tangkapan.”



Peserta menjalani Program Industri Bakeri yang menyediakan latihan



MEMBANTERAS KEJADIAN PECAH RUMAH

NKRA Mengurangkan Jenayah terus berusaha untuk mengurangkan bilangan kejadian pecah rumah, yang merupakan aktiviti jenayah yang membimbangkan kerana penjenayah menyasarkan tempat yang rakyat seharusnya berasa paling selamat. Hasil aktiviti NKRA Mengurangkan Jenayah, bilangan kejadian pecah rumah berkurangan sebanyak 11.7% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, polis masih berdepan cabaran dalam mendapatkan kerjasama penuh masyarakat untuk membantu membanteras kejadian pecah rumah.

Inisiatif di bawah bidang tumpuan ini mengambil pendekatan holistik untuk memerangi masalah ini, termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan ciri-ciri keselamatan di kawasan-kawasan perumahan. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah aliran kerja ini ialah:

Rondaan kediaman
(di bawah *Omnipresence*)

Pasukan kawalan pecah rumah
yang khusus bersama PDRM

Menyelaraskan sukarelawan
melalui kepimpinan komuniti

Pencegahan Jenayah Menerusi Reka
Bentuk Persekitaran (*Crime Prevention
Through Environmental Design, CPTED*)
untuk meningkatkan keselamatan kawasan

Perkhidmatan SMS Rakan Cop

Salah satu cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan inisiatif ini ialah perubahan lokasi jenayah (*dislocation of crime*) dan kesukaran mendapatkan pelibatan penduduk untuk bekerjasama dengan pihak polis. NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa usaha memerangi jenayah memerlukan

kerjasama orang ramai dan kenyataan ini adalah tepat khususnya dalam mencegah kejadian pecah rumah kerana jenayah ini biasanya berlaku di kejiranan yang mempunyai ramai penduduk.

Jabatan Pencegahan Jenayah Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang baru ditubuhkan akan mengambil alih tanggungjawab dalam melaksanakan program jangkauan orang ramai, yang menyasarkan komitmen yang lebih padu daripada rakyat dari segi bekerjasama dan membantu pegawai penguat kuasa undang-undang.

Sejak pelaksanaan GTP, beberapa program sokongan telah dibentuk untuk meningkatkan keselamatan dan mengurangkan peluang bagi kejadian pecah masuk rumah, termasuk Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SCMS) yang telah memenangi anugerah.

SCMS menggabungkan data jenayah dengan platform sistem maklumat geografi (GIS) untuk mewujudkan satu gambaran yang menyeluruh aktiviti jenayah. Ia turut membantu memudahkan kerjasama pelbagai agensi untuk meningkatkan keselamatan masyarakat. Analisis data yang diberikan menerusi SCMS membolehkan NKRA Mengurangkan Jenayah untuk mengenal pasti hotspot yang berpotensi dan menempatkan sumber-sumber yang ada sebagai

tindak balas. SCMS ditubuhkan di 121 pihak berkuasa tempatan dan 549 buah balai polis pada akhir tahun 2014.

SCMS yang menjadi alat pencarian data dan analisis tidak akan memberikan kesan terhadap jumlah jenayah tetapi memainkan peranan sokongan yang penting dalam membantu polis dan pihak berkuasa lain supaya memahami corak dan punca jenayah dengan lebih baik.

Untuk mempertingkatkan keselamatan di taman perumahan, Program Bandar Selamat yang berlandaskan prinsip CPTED telah melaksanakan ciri-ciri keselamatan berikut di 151 kawasan perbandaran:

- 18,102 unit lampu dipasang
- 34,813 tempat letak motosikal berkunci dipasang
- 1,165 papan kenyataan dengan nombor talian PDRM
- 280.7km selusur dan cermin
- 2,460 unit cermin keselamatan

Ciri-ciri ini direka untuk menghalang penjenayah selain memberikan alat kelengkapan yang diperlukan oleh penduduk untuk melindungi diri mereka. Program Bandar Selamat merupakan kerjasama antara pihak polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi Kerajaan lain untuk mempertingkatkan keselamatan dan kawalan di kawasan sasaran.



MEMBANTU RAKYAT BERASA LEBIH SELAMAT

MENINGKATKAN INDEKS PERSEPSI KESELAMATAN



Polis berinteraksi dengan pejalan kaki dan pelancong di tengah-tengah Kuala Lumpur

NKRA Mengurangkan Jenayah berusaha menjalin hubungan dengan komuniti kerana usaha sedemikian menjadikan inisiatif pencegahan jenayah lebih berkesan, serta turut membantu mengekang rasa takut terhadap jenayah, yang masih menebal dalam minda masyarakat meskipun bilangan jenayah berjaya dikurangkan.

NKRA Mengurangkan Jenayah berpegang pada prinsip bahawa rasa takut terhadap jenayah dalam kalangan orang ramai harus dianggap isu yang berasingan daripada kejadian jenayah sebenar kerana kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan secara langsung antara realiti statistik jenayah dengan rasa takut orang ramai. Walau bagaimanapun, hal

ini tidak bermakna bahawa kebimbangan orang ramai tidak berasas. Sebaliknya, perasaan takut ini benar-benar wujud dan harus ditangani.

Untuk membina semula kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan pegawai penguatkuasaan undang-undang, NKRA Mengurangkan Jenayah komited untuk:

- Menyediakan perkhidmatan yang baik dalam setiap hubungan antara polis dan rakyat
- Menangani tanda-tanda jenayah
- Mengadakan komunikasi yang kerap dan strategik
- Memupuk hubungan melalui program bersama komuniti

Terdapat dua bidang tumpuan dalam aliran kerja ini:

Meningkatkan kehadiran PDRM

Komunikasi kerap dengan Rakyat

Meningkatkan kehadiran polis dalam komuniti kita

Untuk mempertingkatkan keselamatan komuniti, NKRA Mengurangkan Jenayah telah meningkatkan kehadiran dan profil pasukan polis di lokasi-lokasi penting. Kehadiran polis mengembalikan keyakinan orang ramai dan pada masa yang sama, menghalang penjenayah yang ingin melakukan jenayah.

Empat inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kehadiran polis:

- Program *Omnipresence* (Kepolisian Berprofil Tinggi, *Stop and Talk* (Berhenti dan Berbual), *Feet on Street*)
- Sukarelawan Simpanan Polis (PVR)
- Perkhidmatan SMS Rakan Cop
- Inisiatif Pembersihan *Blackspot*


Program *Omnipresence*, yang diterajui oleh PDRM, menggalakkan jalinan hubungan yang lebih erat antara polis dengan komuniti dengan menjadikan

kehadiran dan ketersediaan pasukan polis lebih menyerlah dalam komuniti, sekali gus mengekang penjenayah menerusi kehadiran polis yang lebih ramai. Sejumlah 5,200 kakitangan polis dan 17,272 daripada Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis (PVR), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) mengambil bahagian dalam program *Omnipresence*.

Penubuhan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) yang ditugaskan ke kawasan kediaman tertentu turut membantu

meningkatkan kehadiran polis di kawasan kediaman dan mempertingkatkan keselamatan di kawasan kejiranan ini. Pada masa ini, sebanyak 1,800 URB dikerahkan di seluruh negara dan unit ini memainkan peranan penting dalam membantu mengurangkan angka jenayah di kawasan kediaman, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Laporan Tugas URB (19/12/2012 hingga 31/12/2014)



Tugas URB sehingga 31 Disember 2014

Langkah ini telah menyokong pelaksanaan inisiatif seperti Inisiatif *Blackspot* yang memaksimumkan impak aktiviti pencegahan jenayah dengan memfokuskan pengawalan di kawasan jenayah tinggi, yang turut dikenali sebagai *Blackspot*. Inisiatif *Blackspot* diwujudkan berdasarkan 'Broken Windows Theory' yang menyatakan bahawa bukti jenayah kecil seperti vandalisme menunjukkan 'isyarat' kecelaruan sosial, yang seterusnya diterjemahkan kepada rasa takut dalam minda orang ramai.

Menurut teori, isyarat ini turut mendorong perlakuan jenayah yang lebih serius sekali gus menyebabkan peningkatan kadar jenayah. Inisiatif pembersihan *Blackspot* bertujuan menyelesaikan masalah ini dengan menangani isu seperti:

- **Persekitaran:**

Persekitaran yang tidak berjaga, unit atau bangunan kosong, kurang penyenggaraan, dan lain-lain menyumbang kepada rasa takut secara keseluruhan. Menangani isu persekitaran menghapuskan sedikit rasa takut yang dikaitkan dengan sesuatu tempat.

- **Isu sosial:**

Kehadiran ramai orang yang tidak diingini seperti penagih dadah, Mat Rempit, pendatang tanpa izin dan gengster kumpulan kongsi gelap turut menyumbang kepada rasa takut.

- **Isu keselamatan:**


Kekurangan kepolisan dan kejadian jenayah yang tinggi secara lazimnya menyumbang kepada peningkatan rasa takut. Usaha untuk membersihkan *Blackspot* mestilah dengan mengembalikan undang-undang dan peraturan ke lokasi.

Pembersihan Jalan Bukit Bintang KLCC (BBKLCC)

NKRA Mengurangkan Jenayah telah menyelaraskan operasi khas di pusat bandar yang memfokuskan usaha mencegah jenayah jalanan sejajar dengan dasar Inisiatif *Blackspot*. Agensi-agensi penguatkuasaan yang diketuai oleh PDRM, telah bekerjasama dengan pemilik pusat beli-belah untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di Segi Tiga Emas Kuala Lumpur, kerana pemilik perniagaan dan pusat beli-belah di kawasan sekitar telah menyatakan kebimbangan tentang aktiviti haram dan kecurian kecil yang berleluasa di kawasan tersebut selain pemandu teksi yang berkelakuan tidak wajar melakukan tawar-menawar harga secara haram dan menghalang jalan raya. Dua operasi pasukan polis, satu operasi pada bulan Mac dan satu lagi Oktober, memberikan impak yang ketara terhadap jenayah jalanan, yang menyusut kira-kira 5% dalam tempoh dua minggu selepas setiap operasi.

Operasi tersebut, yang dinamakan Pembersihan Jalan Bukit Bintang KLCC (BBKLCC) mendapatkan kerjasama pemilik pusat beli-belah di kawasan tersebut untuk menyelaraskan dan mengenal pasti masalah. Beberapa sesi sindikasi diatur antara agensi penguatkuasaan dengan pemilik pusat beli-belah untuk menentukan penyelesaian yang paling sesuai dalam menangani masalah ini.

Jenayah Indeks berkurang selepas OPS BBKLCC pada tahun 2014



Pegawai daripada 13 agensi termasuk PDRM, Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Agensi Antidadah Kebangsaan mengambil tindakan tegas terhadap barangan seludup, pemandu teksi yang bersalah, kenderaan yang tidak diletakkan dengan betul, perompak yang disyaki, pendatang tanpa izin dan premis berkaitan dengan geng. Dalam satu kes, polis menemui cas senjata yang disembunyikan di kelab malam

di Jalan Changkat, Bukit Bintang yang dipercayai milik kumpulan kongsi gelap dan gengster.

Kejayaan Pembersihan Jalan BBKLCC telah mendorong NKRA Mengurangkan Jenayah untuk menganjurkan lebih banyak operasi seumpamanya dengan lebih kerap dan pada skala yang lebih besar pada tahun 2015. Tanggapan positif daripada orang ramai dan pemilik pusat beli-belah turut menjadi faktor pendorong untuk memperluas operasi ini ke daerah perniagaan pusat bandar yang lain.

Mengadakan komunikasi kerap dengan rakyat

Satu strategi penting yang terbukti berkesan di negara-negara lain ialah hubungan kerja yang akrab antara pasukan polis dengan komuniti. Untuk mewujudkan hubungan kerjasama ini, harus ada sikap saling mempercayai. Untuk membina kepercayaan ini, NKRA Mengurangkan Jenayah berusaha mendampingi orang ramai menerusi pelbagai saluran untuk meningkatkan tahap interaksi.

Setakat ini, secara amnya, orang ramai memberikan respons yang memberangsangkan terhadap seruan Kerajaan untuk memberikan kerjasama yang lebih erat dalam membanteras jenayah. Misalnya, sejak pelancarannya pada tahun 2013, kempen Bersama Membanteras Jenayah (*United Against Crime, UAC*), NKRA Mengurangkan Jenayah mencatat lebih 1.1 juta orang yang telah memberikan ikrar (*pledge*) awam untuk memberikan komitmen bersama-sama dengan kerajaan dalam membanteras jenayah.

Untuk memastikan aktiviti interaksi bersama komuniti dan pencegahan jenayah lebih teratur, PDRM telah menubuhkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), yang direka khusus untuk menjadi penyelar utama program jangkauan dan interaksi bersama komuniti untuk membantu komuniti mencegah jenayah. Jabatan ini telah memulakan operasinya pada tahun 2014.

Antara inisiatif yang diurus oleh JPJKK termasuklah URB yang mengadakan rondaan secara berkala di kawasan kediaman. URB memainkan peranan penting dalam membina hubungan dengan masyarakat dan berfungsi sebagai “duta” PDRM. Melalui peningkatan komunikasi dengan penduduk, polis telah mewujudkan rasa selamat dengan situasi semasa dan boleh membantu aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah dengan lebih baik bersesuaian dengan setiap situasi.

JPJKK bersama dengan agensi-agensi turut menangani isu kecelaruan sosial di kawasan *Blackspot* sebagai sebahagian daripada inisiatif pencegahan jenayah. Mereka mengadakan lawatan ke kawasan *Blackspot* untuk mendidik penduduk dan bekerjasama dengan mereka secara proaktif bagi membanteras aktiviti-aktiviti jenayah.

Misalnya, pada tahun 2015 PDRM berhasrat untuk bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk membantu ibu-ibu tunggal. Matlamat inisiatif ini adalah untuk memastikan anak mereka mendapat sokongan yang diperlukan untuk membesar dengan nilai-nilai murni yang bebas daripada pengaruh negatif.

Memupuk nilai kekeluargaan yang sewajarnya untuk menghalang situasi sosial yang tidak teratur merupakan bahagian penting aktiviti NKRA ini untuk mengurangkan jenayah. Asas kepada rasional ini adalah untuk melaksanakan inisiatif bagi kanak-kanak yang mudah terjejas yang masih berada pada usia pembentukan memandangkan inisiatif

tersebut berkesan dilaksanakan pada peringkat usia ini.

Sementara itu, Unit Kerjasama Antarabangsa (ILU) PDRM yang baru ditubuhkan terus memainkan peranannya dalam menyediakan khidmat kepada komuniti ekspatriat dan diperkukuh dengan kakitangan baharu serta ibu pejabat yang baharu di Kuala Lumpur pada tahun 2014. ILU mengadakan kerjasama aktif dengan kedutaan dan suruhanjaya tinggi secara berkala.

Untuk mengukur keberkesanan inisiatif ini dan persepsi orang ramai terhadap jenayah, NKRA ini akan menggantikan Indeks Persepsi Keselamatan sedia ada dengan Indeks Persepsi Jenayah. Perbezaan antara keduanya ialah, tinjauan ini akan memfokuskan penilaian tentang rasa takut terhadap jenayah yang dirasakan oleh rakyat dan bukannya rasa selamat yang dirasakan rakyat. Ukuran baharu ini akan diperkenalkan pada tahun 2015. NKRA Mengurangkan Jenayah mengakui bahawa masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk membuatkan rakyat berasa selamat.



Kempen Bersama Membanteras Jenayah memerlukan komitmen awam untuk bersama-sama dengan Kerajaan dalam membanteras jenayah

Memerangi jenayah tanggungjawab semua

Joyce Yap ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pavilion Mall yang mengambil bahagian dalam Pembersihan Jalan BBKLCC. Yap percaya bahawa sektor swasta perlu memainkan peranan yang proaktif dalam memerangi jenayah kerana mereka lazimnya mempunyai akses kepada maklumat situasi sebenar yang tidak diketahui oleh polis.

“Saya tentu sekali bersetuju dan yakin bahawa sektor awam dan swasta masing-masingnya perlu memainkan peranan untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan dalam inisiatif seperti memberikan maklum balas dan maklumat selain membantu untuk memudahkan perancangan dan pelaksanaan operasi,” jelas Yap.

“Namun untuk memastikan usaha adalah berjaya dan berkekalan, ia perlu dilakukan secara berkala dan konsisten. Semua pihak yang terlibat hendaklah mempunyai matlamat dan hasrat yang sama untuk memfokuskan isu-isu yang timbul.”

Hasrat untuk mewujudkan wawasan keselamatan dan keamanan bersama inilah yang telah mendorong para pemilik pusat beli-belah dan PDRM untuk berganding bahu menentukan cara terbaik untuk mencegah jenayah di kawasan ini. Hasil kerjasama semua pihak, inisiatif Ops berjaya menyasarkan beberapa elemen yang tidak diingini yang memberikan impak yang negatif kepada perniagaan dan juga orang ramai secara umum.

“Susulan Ops, kami menyaksikan penambahbaikan dari segi penurunan jenayah kecil, meminta sedekah, menjual tiket haram, menjual barangan palsu dan sebagainya,” kata Yap. “Meskipun aktiviti yang tidak sihat ini tidak boleh dihapuskan sepenuhnya, imej keseluruhan dan suasana beli-belah di kawasan Bukit Bintang dan KLCC telah bertambah baik sepanjang 12 bulan yang lalu sejak Operasi ini dilancarkan.”

Tambahan pula, jelas Yap lagi, suasana yang lebih baik itu telah mendapat sokongan padu para pelanggan dan ini diterjemahkan melalui jumlah kenderaan yang lebih besar di kawasan itu. Yap menyatakan bahawa jalinan komunikasi yang terbuka antara pelbagai pihak berkepentingan dengan polis merupakan elemen penting yang membolehkan pelaksanaan Ops yang licin dan berkesan. Walau bagaimanapun, Yap menyatakan bahawa, setiap pihak



perlu terus bekerjasama untuk memastikan perubahan jangka panjang dan memastikan bahawa kita terus sentiasa berjaga-jaga dalam melangkah ke hadapan.

“Meskipun kita telah melihat penambahbaikan berikutan Ops BBKLCC, pada hakikatnya situasi masih belum sempurna seperti yang dihasratkan memandangkan penjaja dan peminta sedekah akan datang kembali ke sini apabila rondaan penguatkuasaan tidak kelihatan,” menurut Yap. “Melangkah ke hadapan pada tahun 2015, pemeriksaan berkala perlu dilakukan, kaunter atau pejabat penguatkuasaan yang kekal perlu ditambah, dan kerjasama dengan polis bantuan pusat beli-belah masing-masing untuk mempertingkatkan keselamatan di Bukit Bintang secara keseluruhan.”



MENINGKATKAN BILANGAN KERTAS SIASATAN YANG DIBAWA KE PENGADILAN

Keyakinan orang ramai terhadap keupayaan penguat kuasa undang-undang untuk memelihara ketenteraman memerlukan sistem keadilan jenayah yang efektif bukan hanya dalam membuat tangkapan sahaja, ia termasuk mendakwa penjenayah. Tangkapan yang dibuat tidak mencukupi jika tiada kes yang boleh dibawa ke Jabatan Peguam Negara untuk didakwa.

Keputusan pihak pendakwaan untuk tidak mendakwa memberikan potensi penjenayah yang dibebaskan kembali ke dalam masyarakat, seterusnya meningkatkan rasa takut orang

ramai terhadap jenayah selain menghakis keyakinan terhadap sistem keadilan jenayah.

NKRA Mengurangkan Jenayah mengekalkan sasaran untuk membawa sekurang-kurangnya 35% daripada semua kertas siasatan (IP) ke muka pengadilan di samping memastikan pegawai penyiasat terus menerima latihan untuk meningkatkan kemahiran dan mendidik orang ramai tentang peranan mereka dalam membantu penyiasatan polis sebagai saksi, orang yang berada di tempat kejadian atau mangsa.

“Tangkapan yang dibuat tidak mencukupi jika tiada kes yang boleh dibawa ke Jabatan Peguam Negara untuk didakwa.”

JPJKK menerajui usaha pelibatan komuniti

“PDRM sentiasa memfokuskan pelibatan komuniti dan aktiviti kami di bawah GTP yang merupakan sebahagian daripada program tersebut,” ujar Ketua Penolong Pengarah Kepolisian Komuniti, SAC Hajjah Fatimah Abdul Hamid. “Kami menumpukan pelibatan program kami pada sektor komuniti yang berbeza-beza, daripada pakar kaji jenayah hingga suri rumah untuk mewujudkan kesedaran yang lebih meluas tentang peranan yang perlu kita mainkan dalam memerangi jenayah.”

Tambahnya lagi, PDRM sentiasa berpegang pada prinsip bahawa memerangi jenayah bukanlah tanggungjawab pihak polis semata-mata kerana masalah ini berlaku dalam masyarakat dan menjejaskan semua lapisan masyarakat. Fatimah menambah bahawa meskipun kadar jenayah sudah berkurangan sejak NKRA diperkenalkan, orang ramai masih berasa takut akan keselamatan mereka. Justeru, JPJKK ditubuhkan untuk membolehkan orang ramai menyuarakan kebimbangan mereka dengan lebih berkesan.

Menurut Fatimah lagi, tahap kerjasama yang diberikan oleh orang ramai meningkat dengan ketara sejak GTP dilancarkan. Beliau berpendapat hubungan yang lebih erat ini merupakan hasil inisiatif yang dilaksanakan menerusi NKRA Mengurangkan Jenayah yang menunjukkan bahawa pihak berkuasa benar-benar mengambil berat tentang kebajikan orang ramai.

“Berdasarkan pengalaman saya, saya dapati orang ramai daripada semua lapisan masyarakat memberikan kerjasama yang bagus,” ujar beliau. “Walaupun bagaimanapun, kami tahu masih terdapat sedikit tentangan dalam beberapa segmen komuniti untuk bekerjasama dengan kami, namun secara umumnya, orang ramai amat bersemangat bekerjasama dengan pihak polis untuk mencegah jenayah.”



Menyediakan khidmat kepada komuniti antarabangsa di Malaysia

“Memandangkan Malaysia sedang berusaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, dan kekerapan pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokasi pilihan perniagaan, urusan niaga komersial, kediaman dan persaraan oleh warga asing, lebih banyak penekanan perlu diberi untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti ekspatriat”, kata Penguasa Polis Lily Choo, Ketua ILU.

Selain menjadi ketua pegawai bagi warga asing di Malaysia, Choo berkata ILU turut bertanggungjawab terhadap pencegahan jenayah yang berkaitan dengan pelancong, ekspatriat dan warga komuniti diplomatik. Justeru, ILU memfokuskan aktivitinya di tempat yang mempunyai ramai ekspatriat, termasuk menganjurkan kempen kesedaran keselamatan dan pencegahan jenayah.

Penting untuk kita menyedari kebimbangan khusus komuniti ekspatriat terhadap jenayah, yang mungkin berbeza daripada kebanyakan rakyat Malaysia, agar pejabat ILU dapat membantu menangani kebimbangan ini menerusi peningkatan rondaan polis, susulan kes yang belum diselesaikan / masih aktif dan memberikan nasihat keselamatan jika perlu”, ujarnya.

“Apa yang kami mahukan adalah supaya komuniti sendiri mengambil langkah keselamatan dan langkah berjaga-jaga asas untuk membantu diri sendiri, dan agar orang ramai cuba mengenali pasukan polis setempat mereka, dan mengetahui lokasi balai polis yang berdekatan dengan lokasi kediaman atau syarikat sekiranya berlaku kecemasan, serta sentiasa berwaspada.”



Untuk mencapai matlamat ini, NKRA Mengurangkan Jenayah telah melaksanakan beberapa inisiatif yang direka khusus untuk meningkatkan keupayaan pegawai penyiasat selain memperbaiki kerjasama antara pelbagai agensi pendakwaan. Inisiatif ini ialah:

- Mengurangkan nisbah Pegawai Penyiasat kepada Kertas Siasatan kepada 1:5 setiap bulan
- Meningkatkan keberkesanan pegawai penyiasat menerusi pelaburan dalam peralatan

- Memperhebat kerjasama antara PDRM, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan jabatan lain yang berkaitan.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi ialah bilangan pihak berkepentingan yang menyumbang dalam inisiatif ini serta memastikan tenaga kerja dan sumber yang mencukupi untuk menjalankan siasatan jenayah.



MENINGKATKAN KEPUASAN ORANG RAMAI TERHADAP PERKHIDMATAN POLIS

Kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan polis merupakan faktor penting untuk membina kepercayaan antara pegawai penguat kuasa undang-undang dengan orang ramai, yang diperlukan untuk mewujudkan rangka kerja holistik yang berkesan dan melibatkan semua pihak berkepentingan. Untuk meningkatkan kepuasan orang ramai, NKRA Mengurangkan Jenayah telah melaksanakan inisiatif yang berikut:

- Memasang cermin gelap (*one way mirror*) di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)
- Penambahan kaunseling triaj di balai polis
- Jadual Liga Balai di balai polis
- Sistem Semakan Laporan Polis Dalam Talian
- Meningkatkan masa respons kecemasan
- Tinjauan bebas kepuasan orang ramai.


Secara amnya, inisiatif ini memfokuskan pengukuhan keupayaan PDRM sejajar dengan matlamat untuk mencapai standard Kepolisan Bertaraf Dunia

(*World Class Policing, WCP*) menjelang tahun 2020. Matlamat utamanya adalah untuk memodenkan pasukan polis agar setanding dengan pasukan polis lain di dunia dan mewujudkan pasukan polis yang lebih efektif di Malaysia.

Inisiatif turut dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan keupayaan penyiasatan PDRM. Dengan mengurangkan bilangan kertas siasatan yang diurus oleh setiap Pegawai Penyiasat dan meneruskan siasatan sokongan dengan pasukan forensik yang cekap, NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa penyiasatan aktiviti jenayah boleh diselesaikan dengan lebih cepat dan lebih teliti. Justeru, PDRM akan merekrut pegawai polis tambahan untuk memperkukuh pasukan penyiasat.

Sementara itu, PDRM telah meneruskan inisiatif Jadual Liga Balai, iaitu alat motivasi untuk balai polis bersaing dengan balai polis lain di seluruh negara. Pertandingan ini membolehkan anggota polis meningkatkan prestasi mereka dan memberikan penghargaan kepada balai polis yang mempamerkan prestasi terbaik dengan anugerah dan pengiktirafan.

“...inisiatif ini memfokuskan pengukuhan keupayaan PDRM sejajar dengan matlamat untuk mencapai standard Kepolisan Bertaraf Dunia (*World Class Policing, WCP*) menjelang tahun 2020. Matlamat utamanya adalah untuk memodenkan pasukan polis agar setanding dengan pasukan polis lain di dunia dan mewujudkan pasukan polis yang lebih efektif di Malaysia.



Tinjauan kepuasan orang ramai terhadap barisan hadapan PDRM. Sumber: Analisis Frost & Sullivan



MEMBUKA SALURAN KOMUNIKASI DENGAN RAKYAT

Untuk memperoleh kualiti hidup yang lebih baik secara keseluruhan, rakyat Malaysia perlu berasa selamat dalam persekitaran mereka dan kepercayaan terhadap PDRM perlu dipupuk. NKRA Mengurangkan Jenayah akan terus menganalisis trend jenayah dan mengatur gerak sumber untuk mewujudkan impak paling berkesan dalam membanteras kejadian jenayah secara langsung. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang ditunjukkan dalam bab ini, memerangi jenayah tidak boleh dilihat sebagai angka semata-mata kerana terdapat beberapa faktor lain yang perlu diambil kira dalam mewujudkan negara yang lebih selamat untuk semua rakyat Malaysia.

Secara amnya, salah satu cabaran yang dihadapi oleh NKRA Mengurangkan Jenayah ialah menyelaraskan usaha semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam usaha memerangi jenayah. Dengan lebih 35 pihak berkepentingan, yang terdiri daripada PDRM, Jabatan

Penjara, AGC serta agensi-agensi di luar Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, koordinasi dan penyelarasan wawasan merupakan pemangkin penting.

Persatuan Penduduk, kumpulan Penyokong Keselamatan serta perniagaan swasta juga memainkan peranan penting dalam usaha membanteras jenayah, dan jangkauan komuniti di bawah JPJJK tentunya menjadi keutamaan penting.

Di samping usaha NKRA Mengurangkan Jenayah untuk memperluas pelibatangannya dengan rakyat, lebih banyak penekanan akan diberi untuk menangani isu kecelaruan sosial dalam usaha mencegah bibit jenayah daripada disemai. Hal ini benar terutamanya bagi bekas banduan dan penagih dadah yang perlu diberi peluang yang luas untuk pulang ke pangkuan masyarakat agar mereka tidak kembali kepada jenayah masa lampau mereka.

PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Che Murad Sayang Ramjan

Ketua DMO NKRA Mengurangkan Jenayah,
Kementerian Dalam Negeri



BUKAN SEKADAR NOMBOR SEMATA-MATA

Bagi Che Murad Sayang Ramjan, salah satu elemen paling mencabar dalam pelaksanaan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah ialah menyampaikan pencapaian NKRA untuk mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap usaha membanteras jenayah dan mendapatkan kerjasama mereka dalam usaha yang bakal dilaksanakan pada masa akan datang.

“Fokus kami pada tahun 2015 ialah pelan komunikasi yang akan membantu mengurangkan rasa takut terhadap jenayah,” ujar Che Murad. “Kami perlu memberitahu orang ramai tentang usaha yang telah kami lakukan setakat ini untuk mengembalikan keyakinan orang ramai kerana jika anda lihat tindakan penguatkuasaan yang telah kami laksanakan di bawah NKRA ini, saya berpendapat semuanya begitu teratur.

“Berdasarkan pencapaian kami pada tahun 2014, kami berada pada landasan yang tepat—Jenayah Indeks berkurangan sebanyak 12.6%. Kami mendapat kerjasama yang lebih erat daripada pelbagai pihak termasuk kementerian dan agensi lain, dan juga daripada RELA, justeru kami melihat jenayah di bawah GTP sebagai satu item dalam agenda nasional.”

Meskipun usaha perlu dilakukan untuk terus mengukuhkan dan mengekalkan momentum yang telah dicapai menerusi inisiatif penguatkuasaan ini—misalnya, keperluan untuk meningkatkan keupayaan pasukan polis di seluruh negara, dan bukan hanya di kawasan bandar—Che Murad percaya bahawa sesuatu yang terus menjadi cabaran utama ialah mengurangkan rasa takut orang ramai terhadap jenayah.

Rasa takut orang ramai terhadap jenayah tidak berganjak meskipun aktiviti jenayah berkurangan dan menurut Che Murad, perkara ini hanya boleh ditangani dengan memfokuskan punca

yang menimbulkan rasa takut itu. Ini termasuklah menangani faktor yang mempengaruhi sistem kepercayaan dan meningkatkan lagi perkhidmatan polis, misalnya masa respons polis kepada panggilan kecemasan.

Dalam hal ini, beliau percaya orang ramai perlu lebih sedar tentang aktiviti yang sudah dilaksanakan oleh NKRA Mengurangkan Jenayah. “Kebanyakan orang tidak menyedari bahawa banyak ciri keselamatan baharu yang dilihat oleh mereka di tempat-tempat awam, misalnya butang cemas di pusat beli-belah, merupakan hasil inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah. Jika kita dapat menjelaskan kepada orang ramai bahawa Kerajaan telah melaksanakan lebih 30 inisiatif untuk mengurangkan kadar jenayah, saya percaya rakyat akan berasa lebih selamat dan lebih yakin.”

Dari segi inisiatif pencegahan jenayah, menurut Che Murad, pada tahun 2015 tumpuan akan diberikan terhadap pemulihan bekas banduan dan penagih dadah.

“Sebahagian daripada mereka, bukan penjenayah biasa yang boleh kita kembalikan ke pangkuan masyarakat,” ujarnya. “Kita harus mengubah persepsi orang ramai bahawa usaha menyelamatkan mereka pasti gagal kerana untuk mengurangkan peluang bagi mereka terjebak dalam ulang laku jenayah, kita perlu memberi mereka peluang kedua dan membantu mereka memanfaatkan peluang tersebut.

Kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk memulihkan penjenayah dengan harapan sebaik sahaja mereka dibebaskan, mereka akan memberikan sumbangan semula kepada negara. Saya berharap kita akan meneliti program pemulihan dalam fasa NKRA yang seterusnya dan mengkaji tindakan lanjut yang boleh kita lakukan untuk mereka.”

GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Mengurangkan Keseluruhan Indeks Jenayah yang dilaporkan	5%	12.6%	252	●
2	Mengurangkan Kejadian Pecah Rumah yang Dilaporkan	5%	11.7	234	●
3	Indeks Persepsi Keselamatan	52% (Garis Dasar: 42.7%)	38.6	74	●
4	Meningkatkan bilangan kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan	35%	43.3	124	●
5	Kepuasan orang awam terhadap prestasi polis	80%	92.5	116	●
JUMLAH				160%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Peratusan penurunan dalam Jenayah Indeks yang dilaporkan	5%
2	Peratusan penurunan dalam Kejadian Pecah Rumah yang dilaporkan	10%
3	Peratusan penurunan dalam Jenayah Jalanan yang dilaporkan	15%
4	Peratusan pembangunan Penunjuk Persepsi Jenayah	100%
5	Bilangan Kereta Peronda PDRM lama yang digantikan	50%
6	Peratusan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menghadiri program rawatan dalam komuniti untuk mengekalkan pemulihan selama setahun	20%
7	Peningkatan kemahiran banduan: i) Bilangan banduan yang sedang menjalani kemahiran yang diperakui ii) Peratusan tamat menjalani latihan kemudahan untuk banduan mempelajari kemahiran baru	100% i) 1,500 ii) 100%

Pindaan terhadap

Akta Pencegahan Jenayah (PoCA) 1959

diluluskan untuk memberi Polis kuasa yang lebih meluas dalam menangani jenayah terancang dan penjenayah tegar dan ganas



PENGURANGAN JENAYAH CURI KERETA SEBANYAK 20%

pada tahun 2014, sekali gus menyumbang kepada penurunan ketara Jenayah Indeks sebanyak 12.6% (penurunan kedua tertinggi dalam Jenayah Indeks sepanjang 5 tahun yang lepas)



147,171

kes jenayah

dibawa ke muka pengadilan pada tahun 2014 (kadar pendakwaan meningkat sebanyak 19.9% berbanding dengan tahun 2011)

Unit Kerjasama Antarabangsa (ILU)



ditubuhkan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur untuk menangani kebimbangan tentang keselamatan ekspatriat dan komuniti perniagaan antarabangsa


Tinjauan mengenai kepuasan orang ramai terhadap

Khidmat Barisan Hadapan Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

meningkat sebanyak **27.2%** pada tahun 2014 (garis dasar 2011)



Lebih **1.1 juta ikrar** dalam kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) dalam usaha menentang jenayah



Di bawah **Program Bandar Selamat**
berasaskan prinsip CPTED, ciri keselamatan yang berikut
di **151 kawasan perbandaran** telah dilaksanakan:



1,165 papan kenyataan

dengan nombor talian PDRM




34,813

tempat letak motosikal berkunci dipasang



18,102 unit

lampu dipasang



280.7km

selusur dan cermin



2,460 unit

cermin keselamatan


Jenayah Indeks

berkurangan sebanyak purata 6.6% setahun (2009-2014)



14 Rumah Perantaraan Jabatan Penjara

beroperasi di seluruh Malaysia untuk bekas pesalah terpilih, yang mendapati diri mereka tidak mempunyai tempat tinggal, selepas memenuhi hukuman penjara masing-masing





MEMBANTERAS RASUAH

Membanteras Rasuah Bermula dengan Pemberi dan Penerima



Setiap kerajaan mempunyai agenda tersendiri untuk membanteras rasuah. Sejak tahun 2009, kita telah mengambil tindakan terhadap usaha ini dengan melaksanakan beberapa inisiatif di bawah **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah**.

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, rakyat sudah semakin peka terhadap maksud sebenar rasuah. Hari ini, semakin banyak individu tampil untuk melaporkan kegiatan rasuah di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat swasta juga mula memainkan peranan mereka dalam merealisasikan matlamat nasional ini dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat. Untuk sektor awam pula, penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) di semua 24 Kementerian membuktikan komitmen kerajaan dalam menghapuskan salah laku pada setiap peringkat.

Oleh itu, jelas bahawa kita kini sudah melangkah ke hadapan dengan memainkan peranan dalam mewujudkan masyarakat yang tiada toleransi terhadap rasuah.

Sehingga kini, terdapat peningkatan yang jelas dari segi kecekapan kes-kes rasuah ditangani. Dunia kini sedang memerhatikan Malaysia dan mengiktiraf usaha kita dalam memerangi Rasuah.



Penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di seluruh Malaysia telah mencetuskan perubahan besar kerana berjaya menyelesaikan kes-kes tertunggak. Perbicaraan kini diselesaikan kurang daripada setahun (bagi kes-kes rasuah yang tidak sulit dan berprofil tinggi) dan kadar penyabitkan terhadap pesalah-pesalah semakin meningkat. Kita berjaya mendapatkan sokongan dan persetujuan terhadap langkah-langkah untuk memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan undang-undang Antirasuah yang sedia ada.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen sebanyak tiga kali setahun telah membolehkan tindakan diambil serta-merta. Sesi taklimat 'town hall' khas buat media yang diaturkan oleh Ketua Setiausaha Negara selepas pembentangan setiap Laporan Ketua Audit Negara merupakan langkah yang penting untuk membina kepercayaan rakyat.

Pada halaman yang berikutnya, kami mengalu-alukan rakyat untuk melihat segala pencapaian secara terperinci, dan juga halangan yang ditempuh. Melangkah ke hadapan, kita akan memberi fokus kepada tiga perkara berikut:

- Memperkukuh persekitaran Pemberi Maklumat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menggalakkan pemfailan laporan;
- Melengkapi agensi-agensi penguatkuasaan dengan mekanisme dan sumber yang diperlukan;
- Memberikan kuasa kepada Pegawai Integriti di sektor swasta.

Kita berasa yakin dengan usaha-usaha yang dilaksanakan setakat ini, terutamanya di sektor awam. Walau bagaimanapun, amat penting untuk kita terus fokus dalam menjayakan matlamat dan objektif jangka panjang berkaitan dengan integriti. Kita perlu melihat usaha yang digembleng bersama diteruskan dan diterjemahkan menjadi perubahan keinstitusian.

Yang penting ialah segala perubahan yang dilaksanakan diinstitusikan dan memberikan kesan terhadap setiap peringkat kerajaan - daripada peringkat atas hinggalah bawah. Kita akan sentiasa mendapatkan pelbagai pendapat berkaitan dengan strategi dan pelaksanaan. Kita mengalu-alukan maklum balas yang membina daripada semua pihak dan sentiasa mengadakan dialog dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Mainkan peranan anda, wujudkan toleransi sifar terhadap rasuah serta sikap berani untuk melaporkan insiden rasuah dan bukan sekadar mengambil keputusan untuk hanya berdiam diri.

Setiap individu memainkan peranan penting. Perubahan akan berjaya apabila semua peringkat mempertingkatkan usaha dan bertanggungjawab. Kita menghargai sokongan dari semua pihak berkepentingan dan berharap untuk terus memperkasakan model transformasi ini yang merangkumi semua pihak berkepentingan.

Oleh itu, jelas bahawa kita kini sudah melangkah ke hadapan dengan memainkan peranan dalam mewujudkan masyarakat yang tiada toleransi terhadap rasuah.

Datuk Paul Low Seng Kuan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MEMBINA RANGKA KERJA PENCEGAHAN RASUAH

Matlamat utama NKRA Membanteras Rasuah adalah untuk mewujudkan rangka kerja pencegahan rasuah yang teguh untuk mengenal pasti, mencegah dan mendakwa salah laku rasuah dengan lebih berkesan. Rangka kerja NKRA Membanteras Rasuah adalah menyeluruh; ia bukan sahaja mendakwa kesalahan rasuah, tetapi juga menangani faktor-faktor yang menjadikan rasuah alternatif yang menarik berbanding dengan amalan yang beretika.

Sejak pelaksanaan GTP, NKRA Membanteras Rasuah telah mengukuhkan pelbagai mekanisme untuk memerangi rasuah dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan agensi-agensi lain. Meskipun fokus awal NKRA Membanteras Rasuah tertumpu pada penguatkuasaan, khususnya berkaitan dengan amalan perolehan kontrak Kerajaan, skop inisiatif ini telah diperluas untuk merangkumi langkah pencegahan melalui pendidikan dan aktiviti-aktiviti memupuk kesedaran.

Pada tahun 2014, NKRA Membanteras Rasuah berjaya memperoleh pencapaian berikut:

	Menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus, JITU di setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan:
1	JITU ialah mekanisme sektor awam yang bertujuan merancang dan melaksanakan langkah pencegahan dan penyelesaian untuk menangani kelemahan dalam aspek tadbir urus dan integriti. Inisiatif ini melibatkan pembentukan Unit Integriti di semua kementerian, kerajaan negeri dan agensi. Jawatankuasa Kebangsaan yang dianggotai wakil dari seluruh negara, bermesyuarat dua kali pada tahun 2014.
2	Sesi komunikasi media Ketua Setiausaha berhubung Laporan Ketua Audit Negara: Laporan Ketua Audit Negara kini dibentangkan pada setiap sesi Parlimen. Pada tahun 2014, proses pembentangan ini dipertingkatkan lagi menerusi sesi komunikasi media Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-ketua Setiausaha yang bertujuan memberikan penjelasan terhadap kebimbangan orang ramai mengenai kandungan laporan ini. Sesi komunikasi ini membantu memberikan pemahaman yang lebih objektif dan telus mengenai penemuan Ketua Audit Negara.
3	Menubuhkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS): JIPS ditubuhkan pada tahun 2014 untuk meningkatkan tahap integriti dan etika pegawai polis. Tujuan penubuhan jabatan baharu ini adalah untuk memastikan pegawai polis mematuhi tatakelakuan yang ketat dan tidak mengabaikan tanggungjawab mereka. Sejak penubuhan, JIPS telah mula mengadakan serbuan tersasar dan juga secara rawak ke atas pegawai polis.

Semua pencapaian ini merupakan hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif NKRA Membanteras Rasuah yang merangkumi empat aliran kerja yang berbeza. 21 inisiatif dan aliran kerja ini ditunjukkan dalam jadual di bawah:



Agensi Penguatkuasaan	Rasuah Besar	Perolehan Kerajaan	Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai
1. Jawatankuasa Khas mengenai rasuah untuk menjawab soalan berkaitan dengan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen 2. Jawatankuasa Semakan Eksekutif dalam SPRM 3. Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan 4. Memantau aktiviti unit pematuhan * 5. Memantau senarai "name and shame"* 6. Sistem Integriti Korporat Malaysia (<i>Corporate Integrity System, CISM</i>)* 7. Memperkemas jawatankuasa pengawasan	8. Interaksi bersama para hakim 9. Memyempurnakan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh 1 tahun * 10. Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik * 11. Memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM	12. Akses yang pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera 13. Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara 14. Papan pemuka dalam talian Ketua Audit Negara 15. Inkuisisi Putrajaya 16. Pelaksanaan pakatan integriti yang menyeluruh bagi projek PPP * 17. Menaik taraf MyProcurement dan integrasi dengan portal perolehan yang berkaitan * 18. Garis panduan untuk orang pengantara/pelobi	19. Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan 20. Latihan untuk Ahli Parlimen (<i>Member of Parliament, MP</i>) 21. Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah Malaysia

* GTP 1.0

Daripada 21 inisiatif diatas, 16 daripadanya sudah dilaksanakan ataupun sudah dalam proses pelaksanaan. Sebagai contoh, Kerajaan sedang membuat persiapan untuk meminda rang undang-undang untuk memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM pada tahun 2015.

Inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 diperincikan dalam bahagian yang berikut.

MEMASTIKAN PEROLEHAN KONTRAK AWAM LEBIH TELUS



“Ternyata, tindakan proaktif yang diambil kerajaan membuahkan hasil yang positif dengan tindakan serta-merta diambil dalam melaksanakan penyiasatan.

Tan Sri Dr Ali Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

Ketika kerajaan menubuhkan NKRA Membanteras Rasuah, kerajaan bertegas bahawa salah satu objektif utama ialah mengurangkan rasuah dalam kerajaan atas dasar prinsip dan juga untuk menjadi teladan kepada seluruh negara. Bagi tujuan itu, kerajaan perlu

memperketat mekanisme semakan dan imbalan (*check and balance*) untuk mengesan insiden rasuah dengan lebih berkesan.

Untuk mencapai matlamat ini, NKRA Membanteras Rasuah melaksanakan inisiatif berikut:

	Mentransformasikan proses pelaporan Ketua Audit Negara:
1	- Mempercepat proses pembentangan laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen - Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan untuk mengendalikan laporan Ketua Audit Negara - Mewujudkan papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian - Mengemukakan siasatan berhubung percanggahan dalam laporan Ketua Audit Negara kepada Inkuisiti Putrajaya
2	Pelaksanaan perjanjian integriti yang menyeluruh untuk peserta Kerjasama Awam-Swasta (<i>Private Public Partnership, PPP</i>)
3	Menggabungkan portal MyProcurement dengan portal perolehan Kerajaan yang lain
4	Mewujudkan garis panduan untuk orang tengah dan pelobi

Daripada empat inisiatif yang dikenal pasti, inisiatif untuk mewujudkan garis panduan untuk orang tengah dan pelobi masih dalam proses pelaksanaan oleh

pihak berkepentingan untuk mencari cara terbaik untuk melaksanakan dan menggerakkan inisiatif tersebut.

Transformasi proses laporan Ketua Audit Negara

Mulai tahun 2013, kerajaan telah mengubah kaedah pelaporan dengan membahagikan laporan Ketua Audit Negara kepada tiga laporan yang lebih ringkas, menjadikan siasatan lebih berkesan dan tepat pada waktunya, sekali gus memudahkan tindakan yang lebih cepat diambil terhadap kes-kes rasuah yang dikenal pasti. Hasil proses pelaporan baharu, tindakan punitif seperti teguran terhadap kakitangan kerajaan boleh dipercepat dan kes-kes dapat dikemukakan kepada kementerian yang berkenaan untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

Sebelum ini, laporan Ketua Audit Negara hanya dibentangkan setahun sekali, oleh itu pihak berkuasa tidak mempunyai banyak masa untuk membuat analisis yang terperinci terhadap laporan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap percanggahan yang dibangkitkan dalam laporan.

Akibatnya, wujud kecenderungan oleh pesalah untuk berpendapat bahawa mereka boleh terlepas daripada pandangan pihak berkuasa disebabkan ketidakcekapan proses pelaporan. Tambahan pula, pihak berkuasa juga mendapati bahawa kebolehan mereka untuk menyiasat kes-kes tertentu terjejas disebabkan bukti ataupun saksi yang terhad kepada sesuatu tempoh masa (*time sensitive*) dan mempunyai tarikh luput. Dengan pengenalan proses pelaporan interim, keadaan ini sudah berubah.


Transformasi laporan Ketua Audit Negara turut direka khusus untuk menghalang bakal penjenayah daripada melanggar kod etika disebabkan risiko untuk ditangkap yang lebih tinggi.

Sebagai contoh, daripada siri ketiga Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang telah dibentangkan pada November lepas, dua kes telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) untuk penelitian lanjut, 46 kakitangan kerajaan yang terlibat dalam lima kes telah dikenal pasti untuk tindakan disiplin dan 13 kes telah dikenal pasti untuk siasatan lanjut.

Papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian (<http://arts.audit.gov.my>) dan Inkuisiti Putrajaya kekal menjadi ciri asas dalam inisiatif yang direka untuk mewujudkan ketelusan dalam kemajuan penyiasatan kes. Papan pemuka memantau status dan jenis tindakan yang diambil terhadap percanggahan yang dikenal pasti dalam laporan Ketua Audit Negara manakala kes-kes yang tertunggak dikemukakan untuk perhatian Perdana Menteri melalui Inkuisiti.

“Mulai tahun 2013, kerajaan telah mengubah kaedah pelaporan dengan membahagikan laporan Ketua Audit Negara kepada tiga laporan yang lebih ringkas, menjadikan siasatan lebih berkesan dan tepat pada waktunya

SEBELUMNYA LKAN TAHUN 2013 SETERUJNYA				
STATUS		BILANGAN PENEMUAN		
		Siri 1	Siri 2	Siri 3
TIADA TINDAKAN		8	4	11
DALAM TINDAKAN		31	195	182
SELESAI		262	256	209



Sesi komunikasi media bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian (Jun 2014)

Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara turut mempercepat tempoh tindakan Kerajaan dalam menangani percanggahan yang dikenal pasti. Jawatankuasa ini terdiri daripada juruaudit yang terlibat dalam siasatan selain pegawai SPRM dan agensi penguatkuasaan berkaitan untuk memudahkan lagi proses penyiasatan. Jawatankuasa Tindakan telah bermesyuarat secara kerap pada tahun 2014 bagi menangani isu-isu tertentu yang diketengahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Proses pelaporan dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 melalui sesi taklimat “town hall” bersama-sama dengan media yang diatur oleh Ketua Setiausaha Negara, yang direka untuk membantu menjelaskan konteks penemuan dalam laporan Ketua Audit Negara untuk memberikan tafsiran laporan yang lebih adil dan seimbang mengenai laporan tersebut.

Sesi taklimat tersebut diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2014 dan dijangka akan diteruskan pada masa akan datang. Pejabat Ketua Audit Negara sedang mempertimbangkan langkah untuk mengemaskini Papan pemuka Ketua Audit negara secara dalam talian Negara dan laman sesawangnya untuk meningkatkan capaian laporan kepada orang ramai.

Menjadikan keputusan perolehan awam lebih terbuka

Penerbitan keputusan tender terbuka dan hasil kontrak rundingan terus secara dalam talian di portal MyProcurement telah membantu menjadikan proses perolehan projek Kerajaan lebih telus dan terbuka. Semua kontrak kerajaan, kecuali yang berkaitan dengan keselamatan dan strategi negara, boleh didapati di laman sesawang tersebut.

Memandangkan keputusan tender boleh diteliti oleh orang ramai, pemenang tender atau pembekal kontrak kerajaan berisiko tinggi untuk dikesan dan seterusnya dibawa kepada pendakwa. Kerajaan berharap ini bukan sahaja memudahkan pengenalpastian kontrak yang diperolehi melalui cara yang tidak beretika, tetapi juga menghalang kontrak sebegini diluluskan sama sekali.

Cabaran utama yang dihadapi dalam inisiatif MyProcurement ialah kadar penggunaan yang rendah oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan. Melangkah ke hadapan, NKRA Membanteras Rasuah akan mengadakan lebih banyak sesi bersama dengan pelbagai jabatan untuk menangani dan menggalakkan mereka untuk melaksanakan perubahan.

Melaksanakan ikrar integriti menyeluruh bagi peserta PPP

Meskipun syarikat korporat sektor swasta tidak diwajibkan untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledges, CIP*), syarikat-syarikat yang melaksanakan projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP) wajib menandatangani Ikrar Integriti dengan Kerajaan.

Pada Januari 2014, Ketua Pengarah Unit PPP (Unit Kerjasama Awam Swasta atau UKAS) telah mengeluarkan satu memorandum kepada semua kakitangan bagi memastikan semua peserta projek PPP menandatangani Ikrar Integriti.

NKRA Membanteras Rasuah kini mendorong untuk pelaksanaan Pakatan Integriti Komprehensif yang akan membolehkan pemantauan yang lebih telus dan menyeluruh terhadap projek PPP. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini memerlukan sokongan daripada semua pihak berkepentingan.

Pakatan Integriti komprehensif mewajibkan pihak yang menandatangani untuk mengambil tindakan yang telah ditetapkan dalam pemantauan operasi sekiranya berlaku pelanggaran integriti dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang berkaitan apabila perlu. Pakatan Integriti juga memerlukan pembida untuk membuat akuan bahawa mereka akan mengelakkan diri daripada terlibat dengan amalan rasuah dan untuk membuat pendedahan penuh semua pembayaran yang diterima dan dibuat.



Sesi komunikasi media bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian (November 2014)

MEMERANGI RASUAH BESAR

Inisiatif NKRA Membanteras Rasuah untuk memerangi rasuah besar ditangani dari dua arah: menjadikan pendakwaan kes-kes rasuah lebih cekap dan berkesan, dan melaksanakan undang-undang pencegahan untuk menghalang bakal pelaku jenayah. Inisiatif yang terkandung dalam aliran kerja ini ialah:

Interaksi dengan badan kehakiman

Pendakwaan penuh bagi kes-kes rasuah dalam tempoh setahun

Penambahbaikan rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik

Memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat ke dalam Akta SPRM



Mempertingkatkan proses pendakwaan kes rasuah

Individu yang dijatuhkan tuduhan rasuah tidak lagi boleh mengharap kelewatan mendapatkan tarikh perbicaraan dapat membantu kes mereka memandangkan NKRA Membanteras Rasuah memastikan perbicaraan kes-kes rasuah kini dipercepat. Penubuhan beberapa Mahkamah Sesyen rasuah yang baharu dan penyelarasan sistem perancangan membantu badan kehakiman menyelesaikan kes-kes rasuah dalam masa satu tahun. Hasilnya, sehingga Disember 2014, tiada lagi kes-kes rasuah tertangguh yang belum dibicarakan.

Kini, terdapat satu mahkamah khas rasuah di setiap negeri, yang menjadikan jumlah keseluruhan mahkamah khas rasuah kepada 14. Pada masa yang sama, hakim kanan dan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) telah ditugaskan untuk mengendalikan kes-kes rasuah untuk setiap bidang kuasa.

Pasukan pendakwa berjaya menyabitkan 81% daripada kesemua kes rasuah yang dibicarakan, namun gagal memperoleh sasaran NKRA, iaitu 85% kadar sabitan. Melangkah ke hadapan, penjadualan kes-kes rasuah dan strategi pendakwaan akan diperkemas lagi untuk memastikan tidak berlaku sebarang kelewatan kes di samping untuk mencapai kadar sabitan yang disasarkan.

Di sebalik kejayaan yang dicapai pada tahun 2014, masih ada ruang untuk dipertingkatkan kerana masih terdapat ketidakseragaman dalam pelaksanaan hukuman terhadap kes-kes yang disabitkan. Pada masa yang sama, sistem kehakiman dan pendakwaan sedia ada perlu diperbaiki supaya perbicaraan kes-kes rasuah dapat dikendalikan dengan lebih cekap dan berkesan.

Untuk mempermudah inisiatif ini, NKRA Membanteras Rasuah akan terus mengadakan sesi interaksi yang berterusan dengan ahli-ahli badan kehakiman dalam forum yang diadakan sepanjang tahun. Peserta-peserta forum tersebut termasuk hakim-

hakim kanan dan DPP yang berkongsi idea dan pandangan mengenai isu-isu pendakwaan rasuah.

Namun begitu, inisiatif untuk mempercepat perbicaraan rasuah telah diiktiraf oleh TI sebagai salah satu perkembangan positif di negara ini dan akan terus memperkukuh imej Malaysia sebagai sebuah negara yang tegas terhadap rasuah.

SPRM dan pelbagai pihak lain telah bekerjasama erat untuk meningkatkan tahap pendedahan dalam sistem kehakiman supaya perbicaraan kes-kes rasuah dapat dipercepat dan hukuman yang setimpal dijatuhkan.

Di samping itu, sesi interaksi yang berterusan ini telah diadakan antara hakim-hakim dengan DPP kanan daripada SPRM. Objektif sesi interaksi ini adalah untuk menyediakan satu platform perkongsian ilmu untuk mencapai pemahaman yang lebih baik dan melengkapkan semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam memerangi rasuah di negara ini dengan lebih baik.

Memperbaiki rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik

NKRA Membanteras Rasuah terus berkerjasama dengan parti-parti politik daripada kedua-dua belah pihak untuk mendapatkan sokongan sebulat suara bagi rangka kerja ini. Walaupun masih terdapat cabaran bagi NKRA secara keseluruhan, NKRA Membanteras Rasuah akan terus berinteraksi dengan pihak parti politik dan masyarakat sivil, untuk melaksanakan rangka kerja ini di samping menangani kebimbangan ramai terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pembiayaan politik dan perolehan awam. Usaha-usaha lain untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan memberikan sebahagian impak terhadap aspek ini akan tetapi NKRA Membanteras Rasuah perlu meneruskan perjuangan inisiatif ini.

Memasukkan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM

Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM akan memberikan Kerajaan 'kuasa' yang lebih besar untuk menggalakkan syarikat korporat memperkasakan rangka kerja integriti korporat syarikat. Jabatan Peguam Negara (AGC) sedang membuat pengemasan terakhir terhadap draf peruntukan dalam Akta SPRM yang akan memberikan kuasa kepada SPRM untuk mendakwa syarikat korporat atas sebab rasuah.

Di bawah undang-undang sedia ada, SPRM hanya boleh membuat dakwaan rasuah terhadap individu, tanpa mengira sama ada mereka bertindak sendiri ataupun bagi pihak syarikat mereka. Atas cadangan Konvensyen Menentang Rasuah (*Convention Against Corruption*)



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Cooperation and Development, OECD*), usaha memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM akan menjadikan syarikat bertanggungjawab atas perbuatan menggalakkan kakitangan mereka melakukan amalan rasuah, secara langsung atau tidak langsung.

Kerajaan percaya bahawa ini akan mendorong syarikat untuk mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah dalam syarikat mereka. Peruntukan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2015.

“Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM akan memberikan Kerajaan 'kuasa' yang lebih besar untuk menggalakkan syarikat korporat memperkasakan rangka kerja integriti korporat syarikat.

MEMPERKASAKAN AGENSI PENGUATKUASAAN ANTIRASUAH

Penguatkuasaan antirasuah bukan bidang kuasa tunggal SPRM, tetapi memerlukan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan termasuk dari sektor swasta. Sejak pelaksanaan GTP, NKRA Membanteras Rasuah telah melaksanakan inisiatif yang direka khusus untuk memperkasakan agensi-agensi penguatkuasaan antirasuah dalam sektor awam dan swasta. Inisiatif yang terdapat di bawah aliran kerja ini ialah:

Pelaksanaan jawatankuasa khas menangani rasuah untuk menjawab soalan berkenaan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen

Transformasi SPRM:

- Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Eksekutif di SPRM
- Mewujudkan Pejabat Pengurusan Projek Pencegahan di SPRM

Memantau aktiviti unit pematuhan integriti

Memantau pangkalan data "Name and Shame"

Mengembangkan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)

Menyelaraskan jawatankuasa pengawasan

Beberapa inisiatif ini, misalnya, pangkalan data "Name and Shame" telah dilaksanakan sejak permulaan GTP dan sedang dipantau oleh pasukan NKRA. Bahagian berikutnya memberikan gambaran keseluruhan aktiviti yang dijalankan pada tahun 2014.

Memberikan lebih kuasa kepada SPRM

Program Transformasi SPRM, yang dilaksanakan sejak tahun 2011, memfokuskan tiga aspek, iaitu operasi, modal insan dan langkah pencegahan terhadap rasuah.

Di bawah Program Transformasi ini, SPRM telah memperkenalkan lebih daripada 30 inisiatif yang merangkumi keupayaan operasi dan modal insan, dan kini telah memasuki tahap ketiga yang memfokuskan kepada pelaksanaan langkah-langkah pencegahan.

Antara inisiatif yang telah diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi SPRM termasuklah kaedah Siasatan Berasaskan Pasukan SPRM, penggunaan kaedah temu bual PEACE SPRM, penyediaan Bilik Temu Bual Video (VIR) serta pewujudan Sistem Pengurusan Aduan (CMS).

Dalam program pembangunan modal insan, SPRM memfokuskan usaha untuk menaik taraf kemahiran, pengetahuan, integriti, kecekapan dan kepakaran teknikal para pegawainya.

Program Transformasi SPRM dilaksanakan melalui enam garis perkhidmatan yang terdiri daripada Pemeriksaan, Pencegahan Rasuah Sektor Swasta, Pembangunan Kandungan, Pelibatan Politik, Pelibatan Masyarakat Awam dan Media/Komunikasi. Pada tahun ini, interaksi dengan parti politik, masyarakat sivil serta media telah diadakan sebagai platform untuk dialog yang lebih membina antara semua pihak berkepentingan.



Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM (CCPP)

Mendapatkan kerjasama badan korporat untuk memainkan peranan dalam membanteras rasuah

Badan-badan korporat sebagai jentera utama perniagaan dan perdagangan memainkan peranan yang penting sebagai pembeli, pembekal dan pihak perantara. Oleh itu, merekalah 'pemberi' dan 'penerima' utama dalam rasuah sekali gus menyumbang secara langsung kepada masalah dalam negara ini.

Ikrar Integriti Korporat (CIP) NKRA Membanteras Rasuah telah diperkenalkan pada permulaan GTP dalam usaha untuk mengubah perspektif korporat

terhadap isu ini. CIP bertindak dalam dua fasa: dalam fasa pertama, syarikat korporat berikrar untuk mendukung amalan perniagaan beretika. Dalam fasa kedua pula, mereka mengambil langkah untuk memperbaiki rangka kerja integriti korporat syarikat secara giat sejajar dengan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM).

Mengukuhkan pematuhan dalam agensi-agensi penguatkuasaan

NKRA Membanteras Rasuah telah menjalankan kerjasama erat dengan agensi-agensi tertentu untuk mengukuhkan pematuhan mereka

terhadap Prosedur Operasi Standard dan mengurangkan rasuah di kalangan pegawai-pegawai penguatkuasaan. Antara agensi Kerajaan yang melaksanakan langkah ini ialah JIPS di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Dalam melaksanakan inisiatif ini, JIPS telah melaksanakan ujian integriti dalam proses pengambilan anggota polis baharu mulai tahun 2014. Ujian ini direka khusus untuk memastikan pengambilan memenuhi etika standard dan integriti sebagai sebahagian daripada penilaian keseluruhan terhadap kesesuaian mereka untuk kerja tersebut.

Telekom Malaysia menjadikan integriti sebagai asas operasi

Telekom Malaysia Bhd (TM) ialah penandatanganan Ikrar Integriti Korporat NKRA Membanteras Rasuah dan mencapai kemajuan besar dalam mempromosikan integriti korporat dalam syarikat tersebut. TM menjadi contoh terbaik tentang tindakan yang sepatutnya dilaksanakan dalam organisasi yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dengan kerajaan.

Penubuhan Unit Etika Syarikat dan Integriti (*Enterprise Ethics and Integrity Unit, EEIU*) di TM pada Febuari 2013 merupakan bukti terhadap komitmen TM dalam meningkatkan dan memperkukuh tadbir urus dan etika perniagaan korporat, di samping memupuk tingkah laku beretika di kalangan pekerja serta wakil-wakil syarikat.

TM mempunyai dua kaedah dalam mengkaji etika dan integriti. EEIU memberi tumpuan kepada peningkatan dalam pendidikan dan meningkatkan kesedaran semua pihak berkepentingan. Kakitangan dibahagikan mengikut segmen dan diberikan latihan mengikut keperluan. Sebagai contoh, kakitangan yang bekerjasama erat dengan pihak kerajaan dan pihak berkuasa akan menerima latihan yang berbeza, meskipun secara prinsipnya adalah sama dengan kakitangan lain. Kaedah lain adalah kewujudan Unit Hal Ehwal Khas

(*Special Affairs Unit, SAU*) yang memberikan fokus kepada siasatan terhadap sebarang dakwaan penyelewengan dan rasuah yang diketuai oleh pegawai kanan yang dipinjamkan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

TM kini semakin proaktif dalam berinteraksi dengan rakan kongsi perniagaan dan menjadikan mereka sedar tentang kod etika perniagaan yang ketat. Bagi organisasi, hal ini bermaksud menyatakan 'tidak' kepada percubaan yang ketara dalam pemberian rasuah, iaitu bayaran '*facilitation*', namun ini juga bermakna mengatakan 'tidak' kepada hadiah yang kurang ketara seperti hamper semasa musim perayaan.

Sejajar dengan objektifnya untuk mempunyai penyebaran maklumat dan memberi pemahaman yang tetap dan berkesan mengenai perkara-perkara ini, TM telah memulakan program eksklusif dikenali sebagai '*TM Integrity Fellow*'. *TM Integrity Fellow* terdiri daripada kira-kira dua ratus (200) kakitangan dari pelbagai bahagian dalam TM termasuk Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Kanan, Ketua Syarikat (Naib Presiden Negeri dan Pengurus Besar Negeri) dan juga kakitangan lain. Felo Integriti akan menjadi sumber rujukan tentang segala perkara yang berkaitan dengan etika dan integriti. Mereka juga akan menjalankan program-

program kesedaran dan pelbagai aktiviti di bahagian masing-masing.

Integriti merupakan sebuah perjalanan bagi TM. Sepanjang perjalanan tersebut, diharapkan agar semua kakitangan TM menanamkan integriti dalam hati mereka dan seterusnya membina budaya yang mengamalkan integriti sebagai elemen yang penting dalam kehidupan mereka.

TM melihat Integriti, Ketelusan dan Kebertanggungjawaban sebagai tiga tonggak utama yang menyokong standard perilaku kakitangan dan cara pengendalian TM. Tahap tertinggi dalam ketelusan dan etika dikekalkan melalui kesedaran, pemahaman dan usaha penguatkuasaan yang ketat. TM komited untuk memperkukuh tahap integriti, tadbir urus dan ketelusan yang tinggi dalam operasi perniagaannya dengan mengambil langkah ke hadapan dengan mengendalikannya satu tinjauan kakitangan berpanduan tinjauan Barometer Rasuah Global (*Global Corruption Barometer, GCB*), Transparency International, TI untuk menilai persepsi kakitangan terhadap integriti, dan akan menggunakan hasil tinjauan tersebut sebagai asas untuk menilai keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan oleh TM.

MENINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Usaha memerangi rasuah memerlukan kerjasama semua pihak berkepentingan, justeru NKRA Membanteras Rasuah telah melaksanakan inisiatif yang direka untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan pencegahan rasuah. Inisiatif ini menyasarkan kumpulan demografi penting yang terdiri daripada para pelajar yang merupakan masa depan negara dan merekalah yang akan memerangi rasuah nanti. Inisiatif yang terdapat di bawah aliran kerja ini ialah:

Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Insititut Pendidikan Guru (IPG)

Memasukkan sukatan pelajaran antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah

Latihan integriti bagi Ahli Parlimen (MP)

Sekretariat Pencegahan Rasuah di IPG

Kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di kesemua 27 buah Institut Pendidikan Guru di seluruh Negara untuk membantu menyediakan guru untuk mengendalikan pendidikan antirasuah bagi para pelajar mereka. Keputusan untuk memfokuskan inisiatif pendidikan terhadap kanak-kanak sekolah timbul ekoran kebimbangan bahawa amalan rasuah semakin menjadi sebahagian daripada amalan kehidupan harian mereka. Sebuah projek rintis yang sama melibatkan universiti awam menunjukkan bahawa kesedaran mengenai rasuah boleh ditingkatkan dengan ketara menerusi sekretariat ini. IPG memfokuskan pengendalian forum dan program antirasuah untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai amalan beretika di kalangan para guru pelatih.

Sukatan pelajaran antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah

Pemupukan integriti hendaklah bermula sejak usia muda lagi sekiranya tabiat yang beretika ingin dijadikan asas kepada perilaku yang lain pada masa hadapan. Kanak-kanak sekolah sangat mudah terpengaruh, dan ini ada baik dan buruknya dalam usaha memerangi rasuah. Pada usia sedemikian, pendedahan kepada mesej positif dan perilaku beretika akan membentuk tingkah laku yang serupa dalam diri mereka. Begitu juga apabila mereka didedahkan dengan mesej negatif dan perilaku yang tidak beretika, tingkah laku mereka akan menjadi sebaliknya. Di bawah inisiatif ini, sukatan pelajaran antirasuah akan menjadi sebahagian pembelajaran Moral dan Pendidikan Islam para pelajar, dan diajar oleh guru-guru yang telah diberikan latihan yang khusus di IPG.

Latihan Integriti Ahli Parlimen

Sebanyak 67 ahli parlimen lagi menerima latihan integriti pada tahun 2014, menjadikan jumlah ahli parlimen yang sudah mengikuti latihan kepada 140 orang. Walau bagaimanapun, NKRA Membanteras Rasuah percaya bahawa sumber yang digunakan untuk inisiatif ini boleh digunakan dengan lebih berkesan untuk menambah baik inisiatif-inisiatif lain. Contohnya, pada tahun 2015, pasukan NKRA Membanteras Rasuah akan menjadikan penyelesaian isu yang dikenal pasti dalam laporan Ketua Audit Negara sebagai KPI, demikian juga dengan penguatkuasaan CIP. Memandangkan inisiatif ini dijangka mempunyai impak yang lebih ketara terhadap perjuangan membanteras rasuah, inisiatif untuk memberikan latihan integriti kepada ahli parlimen tidak lagi dipantau kerana sumber akan difokuskan pada pemantauan KPI baharu bagi tahun 2015.



Memastikan anak-anak kita mengikut landasan yang betul

Satu tinjauan yang dijalankan pada tahun 2012 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memperoleh satu penemuan yang membimbangkan. Sebanyak 30.5% atau hampir satu pertiga daripada semua pelajar yang ditinjau mengatakan bahawa mereka akan menerima rasuah atau memberikan rasuah jika berpeluang.

Keputusan ini amat mendukacitakan kerana para pelajar merupakan masa depan kita dalam usaha memerangi rasuah, tambahan pula tiada apa yang mewajarkan mereka melakukan amalan tidak beretika. Menyedari betapa kritikalnya situasi ini, NKRA Membanteras Rasuah dan SPRM mengambil keputusan melakukan sesuatu untuk membetulkan masalah ini.

“Semua agensi penguatkuasaan seluruh dunia bersetuju bahawa usaha menentang rasuah haruslah dimulakan pada usia muda dan itulah sebabnya kami akan memasukkan pendidikan antirasuah dalam buku sekolah,” kata Dato’ Shamshun Baharin, Pengarah Bahagian Pendidikan Komuniti SPRM.

“Cabaran terbesar kami adalah memastikan mesej antirasuah dapat dicapai oleh semua orang. Kami berharap agar kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, sekolah dan Institut Pendidikan Guru (IPG)

akan mengatasi masalah rasuah dan kami menasarkannya untuk membentuk satu generasi yang mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah.”

Mesej antirasuah akan dimasukkan dalam subjek Moral dan Pendidikan Islam bagi semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Sukatan pelajaran ini telah dibentuk oleh SPRM, dan akan siap untuk sesi persekolahan 2016. Pada masa yang sama, guru juga sedang dilatih untuk menyampaikan mesej antirasuah di Institut Pendidikan Guru (IPG) bukan sahaja dalam dua subjek tersebut tetapi juga merentas keseluruhan sukatan pelajaran.

Shamshun menambah lagi bahawa inisiatif-inisiatif lain yang memberi fokus kepada pelajar, seperti kempen perintis Wira Antirasuah dan seminar yang diadakan untuk para pengetua dan guru, nampaknya memberikan kesan terhadap keputusan tinjauan. Satu tinjauan lain yang serupa dengan tinjauan yang dilaksanakan pada 2012 telah dijalankan baru-baru ini dan keputusan menunjukkan peratusan pelajar yang sanggup menerima atau memberi rasuah jatuh kepada 16%.

Namun begitu, segmen masyarakat yang khusus ini memerlukan pemantauan berterusan untuk memastikan pendidikan antirasuah mula memberikan impaknya, dan bakal menyumbang kepada langkah-langkah membanteras rasuah pada masa hadapan.

“Semua agensi penguatkuasaan seluruh dunia bersetuju bahawa usaha menentang rasuah haruslah dimulakan pada usia muda dan itulah sebabnya kami akan memasukkan pendidikan antirasuah dalam buku sekolah.”



PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PELAKSANAAN

Anis Rizana binti Mohd Zainudin

Pengarah Unit NKRA Antirasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN ORANG RAMAI TERHADAP USAHA MEMERANGI RASUAH

Inisiatif NKRA Membanteras Rasuah semakin mendapat perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran orang ramai mengenai usaha menentang rasuah, kata Pengarah NKRA Membanteras Rasuah di Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO), Anis Rizana binti Mohd Zainudin.

“Kesan terbesar NKRA Membanteras Rasuah setakat ini, pada pendapat saya, ialah kesedaran orang ramai yang semakin meningkat terhadap inisiatif Kerajaan dalam memerangi rasuah,” kata beliau. “Kami telah menyaksikan Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor korporat umumnya mengambil langkah-langkah pencegahan rasuah untuk menambah baik amalan masing-masing, dan secara umum, saya gembira dengan kadar kemajuan yang ditunjukkan oleh NKRA Membanteras Rasuah.”

Menurut Anis, pencapaian terbesar yang diraih pada tahun 2014 khususnya ialah pelaksanaan Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) dan keputusan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian untuk berinteraksi dengan pihak media mengenai laporan Ketua Audit Negara.

“JITU ialah platform untuk semua agensi Kerajaan membincangkan hal integriti dan isu dalam kerajaan,” kata Anis. “Mesyuarat peringkat kebangsaan telah diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2014 untuk membincangkan hal-hal tadbir urus merentas pelbagai kementerian dan agensi. Sebagai contoh, dalam mesyuarat yang kedua, peserta membincangkan secara terperinci isu-isu tadbir urus berkaitan dengan aktiviti pembersihan tanah secara haram di Cameron Highlands.”

Mengenai interaksi Ketua Setiausaha dengan pihak media pula, Anis berkata bahawa langkah tersebut, yang belum pernah dibuat sebelum ini, membolehkan orang ramai melihat isu-isu yang terkandung dalam laporan Ketua Audit Negara secara lebih jelas dan objektif.

“Sesi interaksi tersebut membantu Kerajaan bersikap lebih telus,” ujar Anis. “Dialog yang kerap akan menghapuskan halangan yang

merencatkan pemahaman, dan komunikasi dua hala antara pihak media dengan Kerajaan membantu menjernihkan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul.”

“Kejayaan inisiatif yang diraih sehingga kini tidak bermakna kami harus menghentikan usaha. Masih banyak lagi perkara yang perlu dilakukan,” tambah beliau.

“Fokus utama kami pada tahun 2015 akan ditumpukan pada projek yang sedang dalam peringkat pelaksanaan. NKRA Membanteras Rasuah komited untuk meneruskan usaha yang telah dimulakan dalam projek terdahulu seperti menandatangani ikrar integriti yang lebih komprehensif bagi syarikat dan individu yang terlibat dengan projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP), dan merangka garis panduan untuk orang tengah dan pelobi,” terang beliau.

“Untuk mencapai matlamat tersebut, kami berharap untuk mempertingkatkan tahap kerjasama antara pelbagai agensi, iaitu PEMANDU, SPRM dan pihak Kementerian kerana semua pihak tersebut merupakan pemilik dan juga pelaksana inisiatif ini.”

Inisiatif lain yang akan menjadi fokus utama pada tahun 2015 ialah penyepaduan portal MyProcurement dengan perkhidmatan kerajaan yang lain, menggubal garis panduan untuk orang tengah dan pelobi serta menambah baik rangka kerja pembiayaan politik. Inisiatif tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bengkel Antirasuah khas pada awal tahun 2015.

Sementara itu, Anis berkata bahawa kerja asas bagi pindaan perundangan untuk memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM telah pun selesai, dan sepatutnya diluluskan di Parlimen apabila ia kembali bersidang pada tahun 2015.

“Peruntukan ini dijangka menggalakkan lagi kempen antirasuah yang dijalankan oleh syarikat dalam organisasi masing-masing, justeru ia merupakan langkah yang penting untuk menghapuskan rasuah pada semua peringkat dalam sektor swasta,” jelas beliau.



Pasukan NKRA Membanteras Rasuah akan mengambil tindakan selanjutnya untuk memastikan semua inisiatif yang dirancang semasa Makmal akan dilaksanakan sebagaimana yang dijadualkan. Contohnya, inisiatif untuk mewujudkan garis panduan bagi orang tengah dan pelobi, serta inisiatif untuk menyepadukan portal MyProcurement dengan portal-portal perolehan Kerajaan yang lain bakal menjadi keutamaan penting.

Pada masa yang sama, NKRA Membanteras Rasuah akan melaksanakan inisiatif yang sememangnya sudah dirancang, seperti memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM, yang dijangka dibentangkan pada sesi Parlimen 2015. Ini adalah untuk menetapkan momentum bagi NKRA untuk menekankan pelaksanaan penuh CISM, yang juga merupakan KPI tambahan bagi tahun 2015.

NKRA Membanteras Rasuah juga akan terus berusaha memperkukuh keupayaan dan kapasiti agensi penguatkuasaan dalam bidang yang tertentu. Amalan terbaik dari seluruh dunia akan dikongsi dengan setiap agensi untuk menentukan cara untuk mempertingkatkan rangka kerja integriti setiap agensi.

Contohnya, ujian integriti di PDRM akan diperluas menjadi alat penilaian dalam kenaikan pangkat pegawai. Ujian tersebut juga akan membantu PDRM mengenal pasti pegawai yang berisiko melakukan pelanggaran etika dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang bersesuaian.

NKRA Membanteras Rasuah juga akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk mempertingkatkan keupayaan IT dalam mengurus pekerja asing. Penggunaan IT bakal mengurangkan interaksi pegawai kerajaan dengan

objektif untuk menambah baik kecekapan penyampaian di samping mengurangkan peluang bagi rasuah atau sogokan.

Akhirnya, NKRA Membanteras Rasuah akan melaksanakan dua KPI baharu yang telah dikenal pasti. Pada tahun 2015, NKRA akan memantau bilangan syarikat yang telah mengendalikan penilaian sendiri dengan alat kerja (*toolkit*) yang disediakan selepas menandatangani Ikrar Integriti Korporat. KPI ini merupakan langkah yang penting dalam mewujudkan rangka kerja CISM yang komprehensif memandangkan ia mewujudkan garis dasar integriti yang akan berfungsi sebagai asas untuk mengukur kemajuan dalam bidang ini.

Satu KPI baharu juga akan diperkenalkan untuk menambah baik transformasi laporan Ketua Audit Negara. KPI tersebut akan memantau bilangan penyelesaian isu-isu yang diketengahkan dalam laporan Ketua Audit Negara.


GLOSARI PENCAPAIAN

No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Indeks Prestasi Integriti Nasional (IPIN): Skor Indeks Rasuah	7.1	6.9	97	●
2	Transparency International (TI): Skor Barometer Rasuah Global	60%	28%	47	●
3	Transparency International (TI): Skor Indeks Persepsi Rasuah	55%	52%	95	●
4	Meningkatkan kadar sabitan kes-kes rasuah	85%	78.3%	92	●
5	Menyelesaikan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah dalam tempoh 1 tahun	85%	71.8%	84	●
6	Membentangkan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen	100%	100%	100	●
7	Menerbitkan keputusan kontrak rundingan terus secara <i>online</i> kecuali kontrak Strategik dan Keselamatan	100%	100%	100	●
8	100% Ahli Parlimen menghadiri Latihan Integriti bagi Ahli Parlimen	67%	30.18%	45	●
9	Memasukkan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM	100%	80%	80	●
Jumlah				82%	●

JADUAL KPI 2015

No	KPI	Sasaran
1	Indeks Prestasi Integriti Nasional (IPIN): Skor Indeks Rasuah	7.3
2	Transparency International (TI): Skor Barometer Rasuah Global	60%
3	Transparency International (TI): Skor Indeks Persepsi Rasuah	55%
4	Peratusan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah dalam tempoh 1 tahun	85%
5	Meningkatkan kadar sabitan kes-kes rasuah	85%
6	Membentangkan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen	100%
7	Peratusan kes-kes yang berjaya diselesaikan dalam Laporan Siri 1-3, Ogos 2013 dalam tempoh setahun selepas dibentangkan di Parlimen	85%
8	Peratusan kemasukan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM	100%
9	Bilangan syarikat yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan	40 buah syarikat
10	Peratusan keputusan kontrak rundingan terus yang disiarkan secara dalam talian, tidak termasuk Kontrak Strategik dan Keselamatan	100%
11	Peratusan projek Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang disasarkan untuk menandatangani Pakatan Integriti	100%


Kedudukan CPI



Bertambah baik kepada **kedudukan ke-52** daripada **kedudukan ke-44** pada tahun 2010.

Ranking negara meningkat ke **kedudukan ke-50** (2014)

392 orang



diberikan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Latihan Integriti bagi Ahli Parlimen:

Setakat Disember 2014, sejumlah 140 Ahli Parlimen (MP) telah menghadiri sesi latihan integriti



776
pesalah rasuah

diterbitkan di laman sesawang SPRM bagi "Name and Shame"



512 syarikat
menandatangani ikrar Integriti Korporat

78%
kadar sabitan kes rasuah



Barometer Rasuah Global

28% rakyat Malaysia percaya bahawa Kerajaan serius dalam menentang rasuah



Pembentukan **27 Sekretariat Pencegahan Rasuah** di Institut Pendidikan Guru

Penerbitan kontrak rundingan terus di portal MyProcurement: Setakat ini, **90 kontrak** telah diterbitkan secara dalam talian



Mempercepat dan memantau kes-kes yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara



- a) Melaporkan Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara dalam setiap sesi Parlimen: **Laporan Audit Prestasi dan Kewangan** kini diasingkan dengan Laporan Audit Prestasi dibentangkan setiap kali Parlimen bersidang



- c) **Penubuhan Jawatankuasa Tindakan** untuk meneliti dengan rapi isu-isu dan kes-kes tertentu



- b) Pelancaran papan muka **Ketua Audit Negara** secara dalam talian



- d) **Sesi komunikasi media yang diatur** oleh Ketua Setiausaha Negara selepas pembentangan Laporan Peguam Negara



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



Meningkatkan Keupayaan Dalam Perkhidmatan Awam

Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) bertumpu pada keterangkuman dan menjadikan kemudahan kerajaan mudah diakses oleh orang ramai. Menambah baik penyampaian perkhidmatan awam merupakan aspirasi eksplisit Model Ekonomi Baru (MEB), yang merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme, NTP*) sejak awal lagi.

NTP memungkinkan negara untuk menjadi lebih mantap dari segi ekonomi dan lebih jitu dari segi sosial untuk menghadapi perubahan global. Meskipun inisiatif NTP telah menjana beberapa kejayaan dalam usaha untuk menjadikan sektor awam lebih cekap, tidak terpisah dan responsif kepada keperluan rakyat, namun ketiadaan strategi yang komprehensif bermaksud bahawa secara keseluruhan, penyampaian perkhidmatan awam pada masa ini tidak berada pada standard yang ditetapkan oleh MEB.

PSDT, sebagai bahagian daripada gagasan MEB, berusaha untuk menyelesaikan isu-isu yang wujud dalam penyampaian perkhidmatan awam menerusi pelaksanaan strategi berasaskan bukti, dan pada masa yang sama mewujudkan platform yang membolehkan maklum balas dan interaksi yang lebih cergas dengan orang ramai secara umum. Ketika Malaysia berusaha untuk mencapai status negara maju, akan wujud jangkaan rakyat yang lebih tinggi terhadap penglibatan mereka dalam reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian dasar serta perundangan.

Sebuah model interaksi baharu akan membolehkan rakyat, kumpulan perniagaan dan komuniti, termasuk pemastautin asing untuk menjadi peserta dan penyumbang yang lebih aktif terhadap perumusan dasar, pelaksanaan dan penilaian. Rancangan yang khusus untuk memudahkan keberhasilan sedemikian termasuk:

- Mewujudkan majlis perundingan rakyat dalam kerajaan dan entiti kerajaan tempatan untuk membolehkan penyertaan rakyat dalam penggubalan dasar, pelaksanaan dan penilaian
- Membina protokol perkongsian maklumat untuk memastikan rakyat mempunyai akses kepada maklumat untuk membolehkan penyertaan yang berkesan dalam penggubalan dasar.

Justeru itu, PSDT merupakan usaha Kerajaan untuk memperkenalkan penambahbaikan dalam kecekapan penyampaian, pada masa yang sama menyasarkan peningkatan penglibatan orang ramai ke tahap yang seterusnya. Inisiatif PSDT direka khusus untuk menterjemahkan aspirasi ke dalam bentuk tindakan, dan berusaha untuk menambah baik perkhidmatan awam dengan menyediakan akses yang lebih baik kepada kemudahan kerajaan dan dengan memenuhi jangkaan rakyat dengan lebih baik.


Dalam sebuah kajian terkini yang dijalankan oleh Oxford Economics, dijangkakan bagi Singapura, sebanyak USD10 bilion diperlukan untuk memenuhi permintaan perkhidmatan awam pada tahun 2025, sekiranya pertumbuhan kekal pada kadar semasa. Analisis yang sama telah dilaksanakan bagi Malaysia, di mana anggaran tambahan sebanyak RM48 bilion diperlukan menjelang tahun 2025 untuk memenuhi kehendak rakyat (lihat rajah di bawah).

Memandangkan Kerajaan tidak boleh mengambil jalan mudah bagi masalah ini dengan menyuntik dana tambahan ke dalam perkhidmatan awam, alternatif praktikal lain yang ada hanyalah untuk Kerajaan memaksimumkan penggunaan infrastruktur sedia ada dan sumber lain yang tersedia pada hari ini. Mandatnya adalah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan mempertingkatkannya menerusi pengurangan pembaziran dan peluasan keupayaan untuk mempertingkatkan penyampaian.¹

¹ Evolusi PSDT:

Sebelum tahun 2014, Penyampaian Perkhidmatan Awam merupakan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) di bawah bidang kuasa ETP. Sebagai SRI, peranannya adalah sebagai pemangkin yang memfokuskan penambahbaikan proses urusan berkaitan untuk menyokong kejayaan penyampaian inisiatif ETP. Salah satu inisiatif utama SRI adalah untuk melaksanakan Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) yang telah disempurnakan pada 2013. BLESS menyokong inisiatif ETP dengan memperkemas proses pelesenan dan kelulusan perniagaan selain mempertingkatkan komunikasi antara pemilik perniagaan dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan. Walaupun pencapaiannya sebagai SRI masih lagi dikekalkan, iaitu inisiatif seperti BLESS dan *Sistem Single Sign-On* (SSO) yang sedang diurus oleh agensi lain, SRI PSD telah dijuruskan untuk memfokuskan peningkatan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

JURANG Perbelanjaan perkhidmatan awam



APAKAH YANG INGIN DICAPAI OLEH TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM?

Pertama sekali, PSDT ingin mencapai penyampaian perkhidmatan awam yang lebih pantas dan lebih cekap bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan pendapatan. PSDT menetapkan sasaran untuk mempercepat usaha Kerajaan untuk menjadi institusi yang lebih cekap dan bersifat pemudah dalam konteks perkhidmatan yang ditawarkannya kepada orang ramai. Penyampaian perkhidmatan awam juga menyasarkan transformasi 1.3 juta kakitangan awam negara menjadi tenaga kerja yang bermotivasi dan berprestasi tinggi.

Untuk mencetuskan perubahan ini, proses dan struktur institusi awam perlu dinilai semula untuk mengelakkan pertindihan seperti fungsi bertindih yang lebih baik disediakan oleh sektor swasta. Sebaliknya, institusi awam perlu mengorientasikan fokus terhadap tugas yang tidak boleh atau tidak akan dilaksanakan oleh sektor swasta. Penyampaian perkhidmatan awam hendaklah cekap dan berkesan, menggunakan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government*) untuk melengkapi operasi sektor swasta untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan cekap kepada orang ramai.

Sebagai bahagian daripada proses penilaian semula, institusi awam hendaklah, dibawah PSDT, memperkukuh

pengurusan fiskal untuk mewujudkan ketelusan yang lebih baik di samping meningkatkan sistem insentif. Asas hasil kerajaan hendaklah dipelbagaikan dan perbelanjaan diselaraskan untuk memupuk penggunaan hasil yang lebih baik.

Berdasarkan MEB, PSDT memfokuskan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan menerusi tiga langkah dasar:

- Membuat pembaharuan terhadap kerajaan untuk menjadi lean (*kejat*), bercirikan perundingan dan berfokuskan penyampaian
- Meningkatkan kemahiran kakitangan untuk membolehkan mereka melakukan pelbagai tugas (*multitask*)
- Memodenkan pengurusan sumber manusia untuk memadankan kelayakan dengan pekerjaan.

Memandangkan langkah ini memerlukan penilaian perkhidmatan awam secara keseluruhan, tadbir urus PSDT mestilah berupaya berkembang dan mewakili semua kepentingan. Justeru, sebuah Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) telah dibentuk untuk memastikan kepentingan ini diwakili dengan sebaiknya. Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada ahli yang berikut:

- Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Pengerusi Bersama)
- Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (Pengerusi Bersama)
- Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan
- Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Tan Sri Hj. Shukry bin Hj. Mohd. Salleh, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri
- Datuk Dr. Rahamat Binti Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi
- Datuk Wira Omar bin Kaseh, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan di Jabatan Perdana Menteri

Jawatankuasa Pemandu bertanggungjawab menetapkan hala tuju strategik bagi kerja yang akan dilakukan dan telah meluluskan sebuah rangka kerja yang akan membentuk asas bagi semua projek yang ditangani oleh PSDT. PSDT berusaha untuk memastikan kerjasama erat antara semua Kementerian berkaitan dengan projek penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam, namun akan mengutamakan projek yang paling penting kepada rakyat atau yang telah dikenal pasti sebagai pemangkin kritikal.

MENJADIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM LEBIH BERKESAN DAN CEKAP UNTUK RAKYAT

PSDT telah melaksanakan beberapa program perintis pada tahun 2014, mewujudkan strategi yang tertumpu untuk mempercepat penyampaian dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Kementerian Kesihatan (KKM), contohnya, menerima guna teknik pengurusan untuk menambah baik pengurusan pesakit dalam bidang yang penting termasuk janji temu pesakit, pengurusan katil dan masa tindak balas ambulans.

Sementara itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan strategi baharu untuk mempercepat masa tindak balas terhadap kerosakan lif di perumahan awam. Kementerian Kerja Raya juga meninjau kaedah untuk menambah baik proses dalamannya untuk memberikan tindak balas yang lebih baik kepada isu penyenggaraan jalan raya dan juga penggunaan papan tanda jalan yang baharu dan lebih baik.

Usaha ini di samping usaha lain telah mewujudkan aliran kerja yang lebih cekap dan rejim pemantauan serta respons yang lebih mantap

di Kementerian yang berkaitan untuk memastikan bahawa rakyat diberi perkhidmatan yang lebih baik. Bahagian yang berikut menyediakan gambaran keseluruhan yang lebih terperinci tentang aktiviti yang telah dilaksanakan oleh setiap Kementerian berkaitan dan impak pencapaian masing-masing.

Menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan awam

Kenaikan rantaian nilai Malaysia telah mempercepat kadar urbanisasi di negara ini. Pusat bandar dijangka terus berkembang pada tahun 2020, justeru itu, penting bagi kemudahan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara menyampaikan perkhidmatan mereka dengan cara yang lebih berkesan dan cekap.

Sebagai sebahagian daripada gelombang pertama projek yang akan dilaksanakan di bawah program PSDT, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti beberapa keutamaan termasuk mengurangkan waktu menunggu pesakit,

mengurangkan kesesakan di kemudahan perkhidmatan kesihatan awam dan mengurangkan kadar penggunaan katil.

Untuk mencapai matlamat ini, KKM telah menerima guna kaedah penambahbaikan LEAN yang menekankan pengurangan pembaziran. Kejayaan projek perintis di Hospital Sultan Ismail di Johor dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang telah mendorong Kementerian untuk melancarkan perkhidmatan kesihatan awam LEAN di empat buah hospital kerajaan yang lain.

- Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang
- Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan
- Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu
- Hospital Sultanah Aminah, Johor.

Projek tersebut dimulakan oleh KKM dan PEMANDU dan diterajui oleh Pengarah Hospital yang berkenaan. Ahli-ahli daripada Institut Teknologi Industri Malaysia, Universiti Kuala Lumpur (UniKL MITEC) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dibawa masuk sebagai pakar LEAN untuk membiasakan kakitangan hospital dengan perkakasan LEAN dan membimbing mereka melalui fasa pelaksanaan.

Sejumlah besar interaksi dan komunikasi diperlukan untuk mendapatkan sokongan dan komitmen kakitangan hospital pada peringkat awal. Namun, setelah penerimaan diperoleh, pasukan hospital telah mengambil alih projek berkenaan dan memainkan peranan utama dalam menjayakan penyempurnaan projek tersebut.





Mengurangkan waktu menunggu rawatan kanser di HSIJB

Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru (HSIJB) merupakan pusat rujukan utama bagi rawatan barah di wilayah selatan. Di HSIJB, waktu menunggu untuk pesakit barah kepala dan leher yang perlu menerima rawatan radioterapi selepas rundingan bersama pakar onkologi telah dikurangkan daripada 120 hari kepada 30 hari, yang merupakan standard Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO).

Pelaksanaan prinsip LEAN telah mengoptimumkan keseluruhan proses untuk memastikan penggunaan sumber sedia ada dengan lebih baik.

Sebagai contoh, ahli radioterapi telah disusun semula untuk mengendalikan mesin radiologi sahaja manakala jururawat diambil untuk membantu mengurus pesakit. Pada masa lalu, ahli radioterapi bertanggungjawab untuk mengurus mesin serta pesakit dan ini bukanlah penggunaan masa ahli radioterapi yang cekap.

Dengan menggantikan seorang ahli radioterapi dengan seorang jururawat bagi setiap syif, bilangan pesakit yang

dirawat di klinik meningkat daripada 30 kepada 48 orang sehari, iaitu peningkatan sebanyak 60%. Pada masa yang sama, ahli radioterapi turut diberi latihan silang untuk mengendalikan mesin yang berbeza di pusat onkologi. Ini telah meningkatkan kefleksibelan ahli radioterapi untuk bekerja di stesen yang berbeza.

Kakitangan juga telah mengubah cara mereka mengesan dan mempamerkan status pesakit agar lebih mudah dilihat oleh semua kakitangan klinik. Pesakit diberi keutamaan berdasarkan kedudukan mereka dalam giliran, dan kes yang tertangguh diberikan keutamaan. Penjadualan pesakit yang lebih cekap turut membantu hospital berkenaan mengurangkan keperluan untuk membuat semula topeng (*masks*) rawatan. Inisiatif ini telah memberikan masa rawatan yang lebih tepat untuk pesakit barah kepala dan leher kerana masa merupakan faktor utama yang menentukan prognosis mereka.

Mengurangkan waktu menunggu Klinik Ortopedik di HSIJB

Proses penambahbaikan yang sama telah dilaksanakan di Klinik Ortopedik Pakar HSIJB. Waktu menunggu purata

115 minit bagi seorang pesakit berjumpa dengan doktor telah dikurangkan kepada 62 minit. Klinik dijangka mengurangkan lagi purata waktu menunggu kepada 42 minit apabila sistem IT yang sedia ada dinaik taraf.

Perubahan yang diperkenalkan untuk mengurangkan waktu menunggu termasuk pengurusan orang ramai yang lebih baik menerusi penggunaan halangan dan papan tanda, dan penyediaan kaunter sokongan tambahan untuk mengendalikan keperluan pesakit yang berbeza. Borang dioptimumkan untuk menghindarkan kemungkinan berlakunya kesilapan ketika menyampaikan maklumat penting pesakit di kalangan kakitangan klinik.

Klinik juga melaksanakan penyelesaian mudah untuk mengoptimumkan proses tersebut seperti meletakkan kerusi menunggu di luar setiap bilik rundingan. Susunan baharu itu mengurangkan jumlah masa yang diambil oleh pesakit untuk bergerak dari tempat menunggu umum di lobi ke bilik rundingan. Ini menyumbang kepada penjimatan masa secara keseluruhan.

Menambah baik aliran pesakit di Jabatan Kecemasan di HTAR

Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang merintis projek PSDT untuk mengurangkan kesesakan pesakit di zon bukan kritikal di Jabatan Kecemasan. Pengenalan LEAN telah berjaya meningkatkan bilangan pesakit di Zon Hijau, iaitu pesakit yang stabil atau pesakit bukan kecemasan yang dirawat dan dibenarkan pulang dalam tempoh masa dua jam sebanyak 3 kali ganda, iaitu daripada 18% keseluruhan pesakit Zon Hijau kepada 70%.

Antara inisiatif penting yang dilakukan termasuk memanjangkan waktu operasi klinik kesihatan awam berdekatan dengan hospital. Hasilnya, bilangan keseluruhan pesakit yang mendapatkan rawatan di bilik kecemasan telah berkurangan kerana pesakit telah mendapatkan rawatan bagi sakit yang kurang kritikal di klinik kesihatan.

Pasukan tersebut juga telah mengoptimalkan pengurusan kes yang dirujuk ke Jabatan Kecemasan oleh klinik kesihatan. Sebelum ini, semua rujukan dari klinik kesihatan dijuruskan melalui Jabatan Kecemasan dan diurus dengan cara yang sama seperti pesakit luar. Pengagihan borang kemasukan ke klinik kesihatan dan penghantaran isyarat prarujukan dan maklumat triaj oleh klinik telah membantu kakitangan hospital mengendalikan rujukan dengan lebih cekap berdasarkan tahap kecemasan. Sebagai contoh, pesakit yang stabil yang dirujuk ke hospital menerima rawatan segera daripada doktor yang berpengalaman tanpa perlu melalui proses triaj ulang.

Pasukan Jabatan Kecemasan tersebut juga turut memasang sebuah sistem paparan giliran di kantin berdekatan supaya para pesakit dan ahli keluarga mereka dapat menunggu dengan lebih selesa.

Bagi pesakit luar yang stabil, satu laluan baharu diperkenalkan untuk mempercepat rundingan dan kebenaran pulang. Dengan meletakkan doktor yang berpengalaman di bahagian hadapan, kira-kira 20% pesakit telah dikurangkan di laluan hijau tanpa mengkompromikan keselamatan pesakit.

Sebuah paparan penunjuk turut dipasang di semua bilik rundingan untuk menunjukkan dengan jelas tempoh seorang pesakit menunggu untuk rawatan setelah dihantar untuk radiologi atau ujian makmal.

Pengurangan kesesakan di jabatan kecemasan HTAR telah menambah baik penyampaian perkhidmatan dengan memastikan pesakit kecemasan mendapat perhatian utama yang diperlukan oleh mereka.

Mengurangkan kadar penggunaan katil wad perubatan di HTAR

Kakitangan HTAR telah berjaya meningkatkan kapasiti katil wad perubatan sebanyak 42% melalui beberapa inisiatif termasuk pewujudan wad tambahan (*sub-ward*) dan pengubahan asrama menjadi wad pengantaraan (*step-down ward*). Walau bagaimanapun, penambahan kapasiti hanyalah merupakan sebahagian daripada penyelesaian.

Pasukan tersebut telah mengenal pasti bahawa kadar discaj semasa pesakit wad juga menyumbang kepada keseluruhan kesesakan wad kerana lambakan pesakit yang menunggu untuk kemasukan ke wad terus bertambah dari sehari ke sehari. Pasukan tersebut telah membetulkan susun atur wad untuk meletakkan lebih banyak katil dan memperkenalkan penambahbaikan kepada proses discaj seperti pengenalan kepada senarai semak pradisaaj yang menyenaraikan perkara yang diperlukan untuk mempercepat proses discaj. Peningkatan masa discaj dapat dilihat dengan ketara, daripada 72% pesakit yang dibenarkan pulang dalam tempoh 4 jam kepada 100% pesakit.

Sebagai tambahan, pesakit yang dibenarkan pulang telah dipindahkan ke suite discaj dan bukannya terus berada di katil untuk tempoh yang lama. Ini telah menambah baik pengosongan katil dan menyediakan lebih banyak katil untuk pesakit yang bakal masuk.

Hospital tersebut juga telah melantik pengurus katil yang khusus untuk menyelaraskan penempatan pesakit dengan segera mengikut jenis katil dan wad di samping menyediakan kemas kini masa sebenar tentang status katil.

Hasil penambahbaikan ini, HTAR telah berjaya mewujudkan persekitaran wad yang lebih tersusun dan selesa untuk para pesakitnya.



Menambah baik perkhidmatan ambulans prahospital

Data KKM menunjukkan peningkatan purata tahunan antara 7% hingga 8% dalam jumlah pesakit yang dimasukkan ke Jabatan Kecemasan hospital seluruh negara sejak beberapa tahun yang lalu (lihat rajah di bawah). Jumlah pesakit yang meningkat telah mencetuskan beban tambahan kepada keupayaan Jabatan Kecemasan untuk memenuhi dan menyediakan perkhidmatan yang sebaik mungkin bagi penjagaan prahospital memandangkan sumber Jabatan Kecemasan dan perkhidmatan ambulans dikongsi bersama.


Tambahan pula, jumlah kawasan penduduk yang semakin meningkat yang dibina jauh dari lokasi hospital sedia ada menjejaskan masa tindak balas ambulans, sekali gus memerlukan suatu penilaian terhadap perkhidmatan rawatan prahospital sedia ada.

Untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan di kawasan ini, KKM melaksanakan projek perintis di bawah PSDT pada tahun 2014. Projek tersebut memfokuskan usaha untuk mencapai KPI KKM bahawa 90% daripada semua panggilan "Priority 1" perlu diberi tindak balas dalam tempoh 15 minit, iaitu pesakit dalam situasi yang amat kritikal, di lokasi utama yang menerima perkhidmatan lima buah hospital: HTAR, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Serdang, Hospital Ampang dan Hospital Sungai Buloh. Masa tindak balas 15 minit adalah setara dengan masa tindak balas ambulans di Australia.

Untuk mengurangkan masa tindak balas, KKM telah mengenal pasti lokasi *hotspot* di beberapa kawasan utama, iaitu di kawasan datangnya jumlah panggilan ED yang tinggi. Pangkalan ambulans tambahan akan diwujudkan di kawasan *hotspot* yang dikenal pasti ini, dan ini bermaksud bahawa ambulans tidak lagi perlu bergerak dari pangkalan ambulans pusat untuk menuju ke lokasi-lokasi ini (lihat rajah di bawah).

Pasukan ambulans hospital disokong oleh dua penyedia perkhidmatan pihak ketiga, iaitu Persatuan Palang Merah Malaysia dan St John Ambulance, untuk memberikan khidmat kepada kawasan *hotspot*. Penyedia perkhidmatan diberi taklimat mengenai tatacara penjagaan prahospital dan diberi bantuan untuk membina kapasiti yang diperlukan sebelum mereka dihantar untuk memberikan tindak balas kepada panggilan.

Kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma mengikut Zon tahun 2010-2012




Perkhidmatan dan prestasi semasa




LOKASI	Purata masa tindak balas (Prioriti I) (min)
Lokasi I	7 min
Lokasi II	10 min
Lokasi III	35-45 min

Perkhidmatan ditransformasikan dan prestasi ditambah baik



LOKASI	Purata masa tindak balas (Prioriti I) (min)
Lokasi I	90% < 15 min
Lokasi II	
Lokasi III	



Pada akhir tempoh projek, program ini berjaya mencapai masa tindak balas 15 minit kepada sebanyak 90% daripada Panggilan Utama 1, yang memberikan manfaat kepada 1.02 juta rakyat yang tinggal di kawasan sasaran. Seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 4, masa tindak balas bertambah baik daripada purata kira-kira 80% sebelum pelaksanaan program kepada lebih 90% di semua lima hospital rintis.

Pelaksanaan projek ini juga menekankan betapa pentingnya mengekalkan talian komunikasi terbuka antara pelbagai pihak berkepentingan, dan melibatkan setiap orang dalam Proses Penyegeraan Perubahan. Melangkah ke hadapan, KKM akan meninjau penambahbaikan lain terhadap perkhidmatan prahospital dan menuju ke arah penggabungan dapatan daripada program perintis ini dengan hospital yang lain.

Menambah baik papan tanda jalan

Inisiatif untuk menambah baik papan tanda di Kuantan, Pahang menyaksikan pelaksanaan standard baharu papan tanda jalan yang lebih kecil dan kurang reflektif, dan diletakkan secara konsisten untuk memudahkan pemandu mengenal pasti jalan mereka.

Papan tanda jalan dan penanda destinasi di permukaan jalan di United Kingdom telah digunakan sebagai penanda aras (*benchmark*) projek ini. Satu penilaian perbandingan telah dilakukan terhadap piawaian Jabatan Kerja Raya (JKR) yang sedia ada, seterusnya menghasilkan satu set piawaian baharu yang menggabungkan kedua-dua piawaian.

Penyaluran awal lalu lintas pada jarak 300 meter sebelum setiap persimpangan menggunakan penanda destinasi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya manakala papan tanda pengesahan di persimpangan pula menambahkan keyakinan pengguna bahawa mereka membelok ke tempat yang betul.

Penggunaan papan tanda baharu telah menyumbang kepada pengurangan kos

sebanyak hampir RM8.2 juta. Tinjauan yang dilakukan oleh perunding utama IKRAM menunjukkan bahawa 92% pengguna jalan tempatan di Kuantan berpuas hati dengan penggunaan papan tanda jalan piawaian baharu. Kepuasan ini juga disuarakan oleh 86% penduduk tempatan yang tinggal di luar Kuantan. Sebanyak 80% daripada 350 responden yang ditinjau turut menyatakan penanda jalan adalah jelas, memudahkan pemanduan ke destinasi akhir mereka.

Beberapa cabaran telah ditempuh ketika fasa pembinaan seperti kehadiran kabel utiliti bawah tanah di lokasi pemasangan dan juga papan tanda sedia ada yang dipasang oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang perlu diubah atau dikeluarkan untuk memastikan keterlihatan papan tanda baru tidak terjejas.

Untuk menangani masalah ini, satu pasukan khas telah dibentuk terdiri daripada wakil daripada JKR Daerah Kuantan, Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Pejabat Tanah dan Daerah Kuantan, Majlis Perbandaran Kuantan, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia dan Pengurusan Air Pahang Berhad. Hubungan kukuh yang terbina dengan pihak berkepentingan utama sebelum pelaksanaan projek tersebut terutama dengan Menteri Kerja Raya, Menteri Besar Pahang, Yang Dipertua MPK sehinggalah Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah sangat penting untuk memastikan kejayaan projek ini.



Menambah baik penyampaian perkhidmatan penyelenggaraan lif perumahan awam

Sebagai respons kepada kekerapan aduan oleh penghuni Projek Perumahan Rakyat atau PPR, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama-sama dengan DBKL telah menjalankan program perintis yang direka khusus untuk mengatasi kerosakan dan memperkemas tempoh tindak balas. Di bawah program perintis tersebut, tempoh tindak balas terhadap kerosakan lif di PPR Batu Muda telah dikurangkan kepada 30 minit sekali gus mengurangkan separuh daripada jumlah aduan berdaftar penduduk.

Dalam fasa pertama pelaksanaan, pasukan ini telah mengenal pasti bahawa punca utama kerosakan ialah vandalisme dan kekurangan sikap bertanggungjawab dikalangan penghuni bangunan. Tambahan pula, kebanyakan lif dalam perkhidmatan telah berfungsi melebihi 20 tahun dan sememangnya berada pada tahap yang memerlukan penyelenggaraan kerap. Walau bagaimanapun, kekurangan pertimbangan yang diberi kepada tahap penggunaan lif yang lebih tinggi bermaksud proses penyelenggaraan tidak dapat dirancang dan dilakukan dengan cekap.

Tiga aktiviti khusus telah dijalankan untuk menangani isu ini:

- Berkomunikasi dengan penghuni rumah untuk mendapatkan maklum balas dan memudahkan kerjasama dalam penyelenggaraan lif
- Mentransformasikan proses penyelenggaraan untuk memudahkan tindak balas dan tempoh pusingan kerja
- Mengambil tindakan tegas terhadap perosak harta awam yang bertanggungjawab terhadap sebahagian besar kerosakan.

Dalam projek perintis Batu Muda, pasukan ini telah mengumpulkan punca kerosakan lif kepada tiga bahagian: vandalisme (37%), kegagalan mekanikal (36%) dan kegagalan elektrik (27%). Memandangkan vandalisme menyumbang kepada bahagian yang terbesar dalam isu lif, inisiatif khusus telah dikerahkan untuk menangani masalah tersebut.

Contoh langkah pencegahan vandalisme yang diambil termasuk pemasangan CCTV dan pengambilan tindakan yang lebih tegas terhadap perosak harta awam seperti mengambil tindakan polis terhadap mereka. Pengawasan 24 jam juga dilaksanakan di dalam bangunan sementara penghuni dilibatkan dalam program kesedaran untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pemantauan keadaan lif.

Sementara itu, Persatuan Penduduk bangunan tersebut diperkukuh untuk memimpin dan mengawal keadaan dan dengan itu telah diberi kuasa untuk mencadangkan penyelesaian kepada masalah ini. Ahli-ahli daripada komuniti PPR Batu Muda juga telah dilantik sebagai ahli "*Flying Squad*" bagi pasukan operasi dan penyelenggaraan lif dan juga dalam membantu inisiatif mencegah vandalisme.

Untuk mempercepat tempoh tindak balas dan penyelenggaraan, perjanjian tahap perkhidmatan dengan pihak ketiga pembekal perkhidmatan penyelenggaraan telah disusun semula selari dengan keperluan baharu untuk menguatkuasakan kualiti penyampaian penyelenggaraan oleh pembekal. Akhirnya, proses penyelenggaraan dalaman diperkemas dan dioptimumkan untuk mempercepat penyampaian perkhidmatan.

Hasil daripada program perintis, bilangan aduan lif oleh penghuni PPR Batu Muda telah berkurangan sebanyak 390 aduan dalam tahun 2014 daripada 780 pada tahun sebelumnya. Kejayaan program perintis ini bakal menyaksikan program ini turut dilaksanakan di bangunan PPR yang lain pada tahun 2015.



Menambah baik penyampaian penyelenggaraan jalan di MRR1

KWP bersama-sama dengan DBKL juga telah melaksanakan program perintis untuk menambah baik tempoh pusingan kerja bagi kerja penyelenggaraan jalan, dan untuk meningkatkan persepsi awam terhadap keberkesanan kerja penyelenggaraan jalan.

Semenjak bulan Julai 2014, semua lopak yang diklasifikasikan sama ada kecil (lebih kecil daripada 3m²) atau sederhana (lebih besar daripada 3m²) telah siap dibaiki dalam tempoh 12 jam dan dua hari setelah aduan pengguna jalan raya diterima. Tempoh baharu itu merupakan peningkatan daripada piawaian sebelumnya, iaitu dalam tempoh 24 jam dan tiga hari.

Untuk mencapai keberhasilan ini dan meningkatkan persepsi awam, pasukan ini telah mempertingkatkan keupayaan kru penyelenggaraan dengan memantapkan "Flying Squad" yang sedia ada, iaitu pasukan penyelenggaraan bergerak. Mereka dilengkapi dengan lebih banyak alatan untuk pembaikan segera dan dijenamakan semula untuk mencipta penampilan kumpulan yang lebih profesional ketika bekerja.

Model yang digunakan bagi perintis MRR1 akan diperluas ke jalan lain di bawah skop DBKL pada masa hadapan selain diperluas ke bahagian lain seperti jabatan landskap. Perancangan masa hadapan juga memerlukan penggunaan model tersebut dalam majlis tempatan melalui KPKT.





Penghutanan semula Cameron Highlands

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah memperoleh RM1 juta dalam bentuk dana sektor swasta untuk menanam semula pokok di Cameron Highlands melalui projek Perkongsian Awam Swasta (*Public-Private Partnership, PPP*). Projek ini bakal menyaksikan penanaman hampir 40,000 pokok dalam tempoh tiga tahun.

Memandangkan sebatang pokok dalam iklim tropika akan mengasingkan purata 23kg atmosfera karbon dioksida dalam setahun, 40,000 batang pokok tersebut akan mengasingkan kira-kira 920,000 kg atmosfera karbon dioksida setiap tahun pada akhir tempoh tiga tahun.

Selain mengumpulkan dana, NRE sedang bekerjasama dengan rakan kongsi strategik untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan berkenaan dengan keperluan untuk membina ekosistem yang mampan. Kementerian menetapkan sasaran untuk meneruskan kempen pengumpulan dana pada tahun yang berikutnya.



Mempercepat pembangunan kawasan Muda

Kementerian Pertanian (MoA) sedang bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan Muda.

Pada tahun 2014, Program Transformasi MADA memfokuskan masalah tanah gambut (*soft soil*) di kawasan penanaman dan pencepatan proses pemerolehan tanah bagi pembinaan infrastruktur pengaliran tertiar.

Tanah gambut pada masa ini menjejaskan 8% kawasan penanaman di kawasan Muda. Masalah tanah gambut telah diselesaikan melalui pengenaan tempoh rehat tanah bagi kawasan yang terjejas, penambahbaikan saliran dan infrastruktur, dan pengenaan moratorium pascapenanaman ke atas penyediaan tanah. Inisiatif tersebut dijangka meningkatkan hasil padi sebanyak 81,070 tan atau RM105.2 juta setahun menjelang tahun 2016 dan seramai 4000 orang petani dapat meningkatkan pendapatan tahunan mereka sebanyak RM26,000 seorang.



“Kini MADA telah membuat pengairan dari kawasan Muda 1 ke Muda 2, oleh itu, kami boleh mendapatkan bekalan air yang lebih baik. Hasilnya, kami boleh mengikut jadual penanaman seperti yang telah ditetapkan oleh MADA dan pastinya dapat meningkatkan hasil pendapatan.

Ismail Hamzah
Petani

Sementara itu, proses pemerolehan tanah telah diperkemas dan tempoh yang diperlukan untuk proses kelulusan telah dikurangkan daripada 29 bulan kepada 11 bulan. Ini dijangka akan menggandakan pendapatan 38,000 orang petani. Menjelang tahun 2020, penghasilan padi pada tahun 2020 dijangka berganda disebabkan oleh kekemasan proses pemerolehan, dan dijangka meningkatkan keuntungan pada anggaran RM1 bilion. Peningkatan dalam pengeluaran padi daripada 5 tan/hektar kepada 9 tan/hektar akan menggandakan pendapatan 38,000 orang petani.



Perkara yang penting untuk memperkemas proses pemerolehan tanah memerlukan Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MoA) mendapatkan kerjasama daripada 11 agensi Persekutuan dan Negeri dan entiti komersil yang semuanya telah bekerja secara bersendirian selama ini. Kita telah berjaya memudahkan kerjasama antara mereka melalui bengkel yang menyaksikan kehadiran semua pihak berkepentingan yang dijemput oleh Menteri Besar Kedah.

Menambah baik tandas awam di Teluk Kemang

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan tandas awam kepada orang ramai dengan mendapatkan maklum balas menyeluruh daripada orang ramai. Tandas di Teluk Kemang telah direka bentuk semula untuk

memenuhi permintaan awam dan kini mengandungi kemudahan seperti tempat menukar lampin, lebih banyak bilik kecil dan sebuah tempat membasuh kaki.

KPKT juga telah meningkatkan pencapaian dari segi standard penyenggaraan dan pengurusan tandas awam. KPKT telah menggubal satu dasar dan garis panduan penyelenggaraan yang baharu, membuat latihan pengendali dan mewujudkan sistem penarafan tandas yang lebih progresif.

Sejak pelaksanaan inisiatif ini, keadaan beratur di tandas Teluk Kemang telah meningkat secara mendadak dan waktu menunggu untuk menggunakan tandas awam telah berkurangan sebanyak 95%. Kapasiti tandas juga telah dipertingkatkan sebanyak 75% dan menyaksikan pengambilan pekerja yang lebih berkemahiran. Kejayaan projek perintis ini bakal menyaksikan model ini diperluas ke seluruh negara.





BERUSAHA KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG LEBIH BERFOKUSKAN RAKYAT UNTUK KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

Penambahbaikan dalam perkhidmatan awam akan menyaksikan kerjasama yang berterusan dengan kementerian-kementerian bagi mengenal pasti bidang tumpuan yang akan menghasilkan peningkatan bermakna dalam penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Ini adalah penting kerana Malaysia dijangka untuk meneruskan laluan ke arah menjadi negara yang lebih makmur, yang akan meletakkan harapan yang lebih tinggi dalam standard PSDT.

Selain daripada inisiatif baru yang diperkenalkan, Indeks PSDT juga akan menilai penyertaan Kementerian dalam program ini serta kejayaan dalam menutup projek-projek PSDT. Apabila dilaksanakan, Indeks tersebut akan berfungsi sebagai sebuah barometer untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh terhadap usaha-usaha kementerian dalam memperkemas proses penyampaian perkhidmatan, serta akan menekankan bidang yang memerlukan lebih perhatian.

GLOSARI PENCAPAIAN


No	KPI	Sasaran	Sebenar	% Pencapaian	
1	Kementerian Kerja Raya				
	Penambahbaikan papan tanda jalan & tanda-tanda di daerah Kuantan				
	Peraturan penambahbaikan papan tanda jalan dan tanda-tanda jalan yang telah siap	100%	100%	100	●
2	Kementerian Kesihatan				
	Mengoptimumkan aliran pesakit menerusi inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN untuk meningkatkan masa menunggu				
	Bilangan inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN di Hospital KKM	2 projek	4	200	●
3	Kementerian Wilayah Persekutuan				
	Penyelenggaraan Lif				
	Pengurangan aduan kerosakan lif Batu Muda	50%	58.3%	117	●
JUMLAH				139%	●

Meningkatkan Respon Terhadap Panggilan Praambulans

90% Panggilan Utama 1, 15 minit masa tindak balas. Telah memberi manfaat kepada 1.02 juta rakyat yang tinggal di kawasan sasaran




Prestasi masa tindak balas



Penambahbaikan Papan Tanda Jalan

Papan tanda standard baru telah menjimatkan kos kira-kira RM8.2 juta




92% daripada pengguna jalan raya Kuantan berpuas hati dengan piawaian baharu.

Tinjauan: Perunding Utama IKRAM

Menambahbaik Penyelenggaraan Lif di Perumahan Awam

Bilangan aduan kerosakan lif daripada penduduk PPR Batu muda telah menurun kepada 390 aduan pada tahun 2014 daripada 780 aduan pada tahun sebelumnya



Mempercepatkan Pembangunan di Kawasan Muda

Penghasilan padi dijangka meningkat sebanyak **81,070 tan** (RM105.2 juta) setahun menjelang tahun 2016 dan seramai 4000 orang petani



Penghasilan padi dijangka berganda pada tahun 2020 dan dijangka meningkatkan keuntungan pada anggaran RM1 bilion. 9 tan/ hektar dalam pengeluaran padi, meningkat daripada 9 tan/hektar akan menggandakan pendapatan


38,000 orang petani



11 bulan untuk proses pengesahan. Dikurangkan daripada 29 bulan



Menambahbaik Tandas Awam di Teluk Kemang



95% pengurangan waktu menunggu bagi
penggunaan tandas di Teluk Kemang

75% peningkatan
kapasiti tandas



Pengambilan pekerja yang lebih berkemahiran

Pengurangan Waktu Menunggu di Klinik Ortopedik, Hospital Sultan Ismail


**PURATA
WAKTU
MENUNGGU**

115
MINIT
SEBELUM PSDT

62
MINIT
SELEPAS PSDT
FEBRUARI 2014

Menambah baik Aliran Pesakit di Jabatan Kecemasan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah

HASIL



KAD SKOR MENTERI



Kerajaan percaya bahawa skala transformasi yang mahu dicapai oleh Malaysia memerlukan rangka kerja akauntabiliti yang menyeluruh, bermula dari peringkat teratas hinggalah ke akar umbi.

Justeru, Menteri Kabinet, sebagai ketua eksekutif kerajaan, turut bertanggungjawab terhadap keupayaan Kementerian masing-masing untuk melaksanakan inisiatif transformasi.

Di bawah Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme, NTP*), yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme, GTP*), Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme, ETP*) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (*Strategic Reform Initiatives, SRI*), semua Menteri Kabinet diberi Penunjuk Prestasi Utama (KPI) masing-masing. Di bawah GTP, KPI yang ditetapkan bagi tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area, NKRA*) dibangunkan berdasarkan pelan hala tuju ini. Begitu juga dengan KPI yang diwujudkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area, NKEA*), di bawah ETP dan SRI.

Selain itu, Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (*Ministerial Key Results Area, MKRA*), yang merupakan bidang tumpuan tahunan semua Menteri, mempunyai KPI yang dikenali juga sebagai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (*Ministerial Key Performance Indicators, MKPI*). KPI ini dibangunkan berdasarkan visi dan misi Kementerian.

Sebelum pelaksanaan NKEA pada tahun 2011, hanya Menteri bukan NKRA mempunyai MKPI dalam kad skor masing-masing. Menteri yang mengetuai NKRA hanya mempunyai KPI NKRA. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2011, semua Menteri mempunyai MKPI selain KPI NKRA, NKEA dan SRI yang berkenaan. Setakat ini, tujuh (7) Menteri Peneraju dan empat (4) Menteri ditugaskan menyokong pelaksanaan NKRA. Tiga belas (13) Menteri Peneraju dan lima Menteri yang ditugaskan menyokong pelaksanaan NKEA dan lima belas (15) Menteri untuk SRI.

Rangka Kerja dan Proses Kerja Penetapan KPI

Rangka kerja yang digunakan untuk menetapkan dan mengurus KPI terdiri daripada lima langkah berasingan:

- Menetapkan KPI
- Melaksanakan aktiviti mengikut pelan pelaksanaan

- Pemantauan prestasi KPI
- Penilaian Prestasi PM-Menteri
- Ganjaran, akibat dan tindakan.

Di bawah rangka kerja ini, KPI bagi NKRA dan NKEA ditetapkan berdasarkan pelan hala tuju GTP dan ETP sementara MKPI ditetapkan berdasarkan visi dan misi Kementerian masing-masing namun masih sejajar dengan Pelan

Transformasi Negara. Justeru, rangka kerja ini mewujudkan satu hasil ukuran prestasi Kementerian, yang pada peringkat akhir rangka kerja boleh digunakan untuk mengukur prestasi Menteri untuk menentukan ganjaran, akibat dan tindakan.

Rangka kerja yang berstruktur telah digunakan untuk membangun dan menguruskan KPI Kementerian




Kad Skor Menteri turut digunakan untuk memantau kemajuan setiap Kementerian kerana semua KPI akan dilaporkan setiap bulan selain daripada pelaporan mingguan yang dibuat di bawah program NKRA & NKEA. Pemantauan berterusan yang dilaksanakan akan memastikan sebarang rintangan atau halangan

dapat dikenal pasti dan diselesaikan dengan segera. Perdana Menteri akan berjumpa dengan semua Menteri dua kali setahun—iaitu pada Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun—untuk menilai prestasi semua Menteri.

Sesecara bersemuka ini membolehkan Menteri membincangkan dengan lebih

lanjut dan melaporkan sebarang isu yang memerlukan perhatian dan tindakan Perdana Menteri. Di samping itu, Perdana Menteri boleh memberikan arahan tambahan kepada Menteri untuk tindakan lanjut. Semasa Penilaian Akhir Tahun, Perdana Menteri akan mengeluarkan penilaian dan maklum balas kepada setiap orang Menteri.

Penetapan Kad Skor Menteri




Penetapan KPI: Sesi Klinik

Penetapan KPI amat penting dalam memastikan semua inisiatif dilaksanakan dan semua objektif berjaya dicapai. Seajar dengan Metodologi Keberhasilan Besar yang Pantas (*Big Fast Results, BFR*) PEMANDU, penetapan KPI tahunan diadakan pada bulan Oktober hingga Disember untuk menentukan objektif dan jangkaan yang betul bagi aktiviti pada tahun berikutnya.

Inisiatif ini membolehkan Kementerian merancang pelaksanaan dan pengukuran aktiviti pada tahun berikutnya dengan lebih awal. Selain itu, ia bertindak sebagai pemacu perilaku dan fungsi prestasi sebagai titik semakan tahunan bagi Kementerian untuk menentukan sama ada semua inisiatif dilaksanakan seperti yang dirancang atau sama ada inisiatif itu perlu diubah. Proses yang teliti ini melibatkan kesemua Kementerian dan agensi utama dalam portfolio semua Menteri.

Garis masa pembangunan dan pengurusan KPI Menteri adalah seperti yang berikut:



Setiap Kementerian menyerahkan usul KPI yang akan dibincangkan secara individu dan dicabar untuk memastikan KPI ditetapkan dengan betul untuk memacu penyampaian dan prestasi. Prinsip yang berikut digunakan untuk menetapkan KPI:

HURAIAN KPI

- Huraian KPI mestilah jelas dan terperinci dalam menerangkan pencapaian yang perlu dicapai oleh KPI.

- Huraian KPI mestilah konsisten dengan cara pencapaian diukur, misalnya jika pencapaian diukur menggunakan bilangan unit, KPI mestilah ditetapkan berdasarkan ukuran tersebut.

PENETAPAN SASARAN

- Sasaran yang tinggi mestilah ditetapkan untuk mendorong lebih banyak usaha bagi mencapai matlamat.
- Sasaran mestilah ditetapkan berdasarkan hala tuju terperinci yang telah ditetapkan dengan matlamat

akhir, bukan secara ad hoc. Walau bagaimanapun, bagi sasaran jangka panjang, KPI ditetapkan mengikut aktiviti tahun semasa.

- Data sejarah digunakan untuk menilai asas semasa selain menilai trend pencapaian untuk memastikan sasaran tahun berikutnya memacu semua pihak untuk maju ke hadapan.

DOKUMEN SOKONGAN


- Setiap pencapaian KPI harus disokong oleh dokumentasi yang sah bagi tujuan pengesahan data untuk memastikan kesahihan data yang dilaporkan.

UKURAN PENCAPAIAN

- Pencapaian KPI mestilah sentiasa tersedia untuk pelaporan secara berkala dan tetap, misalnya setiap minggu, bulan, suku tahun atau tahun.
- Setiap KPI mestilah ditetapkan supaya pencapaiannya boleh diukur dengan kerap.
- Bagi KPI yang mengukur kemajuan projek jangka panjang, iaitu projek yang mengambil masa lebih setahun untuk diselesaikan, hanya aktiviti yang dijalankan pada tahun semasa akan diambil kira untuk KPI.
- Contoh ukuran/pengiraan KPI adalah seperti rajah di kanan.

Setiap tahun, lebih kurang 700 KPI spesifik ditetapkan. KPI ini dipantau sepanjang tahun oleh pasukan dan Kementerian masing-masing dengan objektif untuk memastikan ketepatan tindakan.

Jenis KPI



Jenis pengukuran/pengiraan KPI yang digunakan

	Jenis KPI	Contoh KPI	Pengiraan Yang Digunakan
1	Peningkatan hasil atau output atau pembangunan pencapaian	KPI: Bilangan pelancong, pelaburan baharu, pekerjaan yang dijana	PENCAPAIAN / SASARAN
2	Objektif adalah untuk mencapai lebih rendah berbanding sasaran	KPI: Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah keseluruhan sekolah Sasaran: 1.4% (lebih rendah, lebih baik)	SASARAN / PENCAPAIAN
3	Sekiranya sasaran menyatakan "sekurang-kurangnya xx" / "tidak melebihi xx"	KPI: Bilangan teknologi yang dibangunkan Sasaran: Sekurang-kurangnya 15	SKOR DIHADKAN PADA 100%
4	Objektif untuk mengukur pencapaian tahun semasa sahaja	KPI: Peratusan siap kerja pembinaan	(SEBENAR - PENCAPAIAN TAHUN SEBELUMNYA) / (SASARAN - PENCAPAIAN TAHUN SEBELUMNYA)
5	KPI prorata dengan sasaran bulanan	KPI: SAIDI keseluruhan untuk Sabah (minit/pelanggan/tahun)	(SASARAN / 12 BULAN X BULAN PELAPORAN) / PENCAPAIAN BULANAN X 100%
6	KPI komposit, iaitu beberapa subKPI menyumbang kepada skor satu KPI	KPI: Program pendidikan dan kesedaran pelabur dalam Skim Persaraan Swasta (PRS) i. Aset di bawah pengurusan PRS (RM juta) ii. Jumlah ahli	SKOR AKHIR: (SKOR KPI 1 + KPI 2) / BILANGAN KPI i. KPI 1: PENCAPAIAN / SASARAN - SKOR ii. KPI 2: PENCAPAIAN / SASARAN - SKOR

Pencapaian Kad Skor Menteri


Secara umumnya, prestasi kad skor Menteri kian meningkat sejak pelaksanaan GTP pada tahun 2009. Selepas lima tahun dilaksanakan, semua Menteri dan pasukan masing-masing lebih terbuka dengan sifat KPI berasaskan prestasi dan kini mereka lebih arif dengan proses penetapan KPI. Hasilnya, semua Menteri dan pasukannya semakin agresif dalam melaksanakan perubahan dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengenal pasti projek yang dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan mereka.

Cabaran

Proses penetapan KPI yang rapi dan teliti mendorong dan memacu sasaran yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dan jangkaan keberhasilan yang lebih baik untuk mencapai objektif NTP. Walau bagaimanapun adalah lumrah masih terdapat cabaran dalam melaksanakan proses ini kerana usaha ini memerlukan perubahan minda dan tingkah laku yang besar pada semua pihak yang terlibat dalam Kementerian. Misalnya masih ada Kementerian yang akan menetapkan sasaran yang lebih rendah dengan alasan bahawa mereka tidak dapat mengawal faktor luaran dan persekitaran, tanpa berusaha menerobos sempadan dan menerokai cara baharu untuk mencapai objektif yang lebih besar. Justeru, wujudnya tentangan dan keengganan untuk berubah.

Namun demikian, cabaran ini tidak menyekat hasrat kerajaan untuk menetapkan sasaran yang tinggi, yang telah mula menyaksikan peningkatan minat daripada Kementerian. Objektif utamanya adalah untuk menerapkan lagi anjakan paradigma ini dalam perkhidmatan awam agar menjadi sebahagian amalan dalam budaya perkhidmatan awam.

Kad Skor Menteri - Pencapaian Keseluruhan



87% daripada 573

KPI dicapai / melebihi sasaran pada tahun 2014,

berbanding 87.4% daripada 606 KPI pada 2013 dan 86.5% daripada 703 KPI pada tahun 2012. KPI yang diwujudkan setiap tahun menurun secara beransur-ansur disebabkan oleh proses penetapan KPI yang menumpukan KPI yang memberi impak yang besar.

TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PwC

Program Transformasi Kerajaan (GTP) diukur berdasarkan dikumpulkan dan diukur berdasarkan penunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan pada setiap awal tahun. Pencapaiannya disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers Malaysia (PwC) Malaysia, iaitu sebuah firma perkhidmatan profesional antarabangsa. Tatacara yang Dipersetujui [*Agreed Upon Procedures, AUP*] merupakan satu set ujian dan tatacara yang khusus untuk menilai keputusan setiap NKRA yang dilaporkan berbanding dengan NKPI masing-masing.

AUP diterapkan pada sampel yang diambil daripada setiap KPI dan disemak dengan garis panduan dan formula yang dibangunkan dalam sesi awal makmal PEMANDU. Sepanjang beberapa tahun yang lepas dan sekali lagi pada tahun ini, PwC menekankan beberapa pengecualian terhadap sampel yang dipilih, yang kemudiannya diketengahkan dan dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.

PwC turut mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan telah disahkan menurut AUP. Firma perkhidmatan profesional itu turut memberikan nasihat dan mengenal pasti cara untuk terus menambah baik proses pelaporan bagi memastikan laporan tersebut mencerminkan standard yang paling tinggi.

Kehadiran AUP dalam pengumpulan data merupakan bukti komitmen Kerajaan terhadap standard ketelusan dan akauntabiliti yang paling tinggi dalam penyampaian program di bawah GTP. Jumlah maklumat yang paling banyak terkumpul melalui proses ini kemudiannya disusun dan diedarkan kepada orang ramai serta pihak penilai melalui pelbagai saluran termasuk Laporan Tahunan, Sesi Hari Terbuka secara berkala, media tradisional dan saluran digital.

Pelan keseluruhan untuk pelaksanaan GTP digariskan dengan terperinci dalam Pelan Hala Tuju bagi fasa pembangunan yang pertama dan kedua, masing-masing dikenali sebagai Pelan Hala Tuju GTP 1.0 dan GTP 2.0, yang boleh dimuat turun oleh orang ramai menerusi laman sesawang PEMANDU. Pelan Hala Tuju ini turut menyediakan matlamat yang khusus dan terperinci untuk setiap NKRA, sekali gus mewujudkan rangka kerja penandaarasan keseluruhan bagi program ini.

Pemeriksaan yang amat teliti telah dibuat untuk memastikan keputusan yang diterbitkan dalam laporan tahunan ini adalah setepat dan setelus yang mungkin. Melalui kerjasama dengan Kementerian yang berkaitan dan pihak berkepentingan sektor swasta, PEMANDU akan mengambil tindakan preskriptif untuk mempertingkatkan proses pelaporan sepanjang 12 bulan yang akan datang.

“Pemeriksaan yang amat teliti telah dibuat untuk memastikan keputusan yang diterbitkan dalam laporan tahunan ini adalah setepat dan setelus yang mungkin. Melalui kerjasama dengan Kementerian yang berkaitan dan pihak berkepentingan sektor swasta, PEMANDU akan mengambil tindakan preskriptif untuk mempertingkatkan proses pelaporan sepanjang 12 bulan yang akan datang.

PRESTASI DAN BAJET PERBELANJAAN NKRA 2014

Prestasi dan bajet perbelanjaan NKRA dibentangkan di sini demi mendukung ketelusan dan akauntabiliti. Program ini yang berbangga dengan keunikannya dalam memberikan penekanan terhadap keberkesanan kos yang dapat dilaksanakan menjadikannya berbeza daripada projek yang lain, sekali gus membolehkan penjimatan bajet dalam bidang yang berkemungkinan asalkan tindakan tersebut tidak menjadi penghalang kepada pencapaian NKPI yang disasarkan.

Mengukur Pencapaian GTP

Kejayaan NKPI dan NKRA diukur menggunakan tiga kaedah pemarkahan yang berlainan. Setiap satu kaedah mempunyai tahap keketatan yang berbeza (peraturan tambahan) yang menghasilkan tiga penanda aras ujian yang berlainan. Kaedah ini memastikan keputusan yang dicapai benar-benar mantap dan menyeluruh. Tiga kaedah pemarkahan tersebut dijelaskan seperti yang berikut:

Kaedah Pemarkahan	Huraian
Kaedah 1	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan yang mudah berbanding dengan sasaran tahun 2013 yang telah ditetapkan. Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata bagi semua markah.
Kaedah 2	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2013 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: • Jika pemarkahan kurang daripada 100%, skor #2 akan diambil sebagai peratusan sebenar • Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #2 akan diambil sebagai 100% • Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah
Kaedah 3	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar berbanding dengan sasaran tahun 2013 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: • Jika pemarkahan adalah sama atau kurang daripada 50%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0 • Jika pemarkahan melebihi 50% dan kurang daripada 100%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0.5 • Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 1

PRESTASI KESELURUHAN NKRA 2014

No	NKRA	Sasaran (FY)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	Bajet yang Diluluskan (RM)	Bajet yang Dibelanjakan (RM)	Dibelanjakan (%)
1	Menangani Kos Sara Hidup Rakyat	100%	99 	98 	83 	30,000,000	42,720,789	142
2	Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar		102 	94 	94 	3,324,156,801	2,243,548,402	67
3	Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar		99 	95 	75 	37,274,516	21,908,443	59
4	Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah		102 	96 	86 	299,096,000	295,648,520	99
5	Memastikan Pendidikan Berkualiti		94 	90 	68 	381,904,200	367,983,873	96
6	Mengurangkan Jenayah		160 	95 	90 	365,245,900	266,566,308	73
7	Membanteras Rasuah		82 	82 	50 	9,300,000	8,736,361	94
8	Transformasi penyampaian perkhidmatan awam		139 	100 	100 	2,188,888	2,188,888	100
Skor Keseluruhan			105% 	93% 	78% 	4,449,166,305	3,249,291,584	73%

Untuk kemudahan pembaca, sistem kod warna digunakan untuk menunjukkan kadar kejayaan NKRA KPI.

≥ 90% 	51% - 89% 	< 50% 
---	---	---



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1 (%)		Kaedah 2 (%)		Kaedah 3	
1	Bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang baharu	Sekurang-kurangnya 35 (Sabah: 6) (Sarawak: 12) (Labuan: 1) (Semenanjung: 16)	36	100	●	100	●	1.0	●
2	Bilangan kedai yang aktif menyertai program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)	Sekurang-kurangnya 1,000	1,000	100	●	100	●	1.0	●
3	Bantuan terus kepada Rakyat (BR1M): (i) RM650 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan + iBR1M RM50 (ii) RM450 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan + iBR1M RM50 (iii) RM300 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan + iBR1M RM50	100% (i) 100% (ii) 100% (iii) 100%	98.7%	99	●	99	●	0.5	●
4	Bilangan Klinik 1Malaysia baharu yang menyediakan perkhidmatan	50	51	102	●	100	●	1.0	●
5	Insentif Kembali ke Sekolah - Pelaksanaan bantuan wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 (bilangan pelajar)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
6	Pelaksanaan baucar buku bernilai RM250 kepada pelajar IPTA & IPTS (RM yang dituntut oleh kedai buku)	100%	90%	90	●	90	●	0.5	●
JUMLAH				99%	●	98%	●	83%	●



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Pembinaan Jalan Raya (KM)	437.65	485.49	111	●	100	●	1.0	●
	Semenanjung	226.64	244.29	108	●	100	●	1.0	●
	Sabah	104.55	108.95	105	●	100	●	1.0	●
	Sarawak	106.46	132.25	124	●	100	●	1.0	●
2	Penyampaian bekalan air (Isi rumah)	8,000	8,195	102	●	102	●	1.0	●
	Semenanjung	2,000	2,195	110	●	100	●	1.0	●
	Sabah	3,000	3,000	100	●	100	●	1.0	●
	Sarawak	3,000	3,000	100	●	100	●	1.0	●
3	Penyampaian Bekalan Elektrik (Isi rumah)	14,295	14,299	100	●	100	●	1.0	●
	Semenanjung	1,644	1,540	94	●	94	●	0.5	●
	Sabah	4,151	4,227	102	●	100	●	1.0	●
	Sarawak	8,500	8,532	100	●	100	●	1.0	●
4	Nisbah Program Bantuan Rumah (PBR) - Rumah yang Dibaiki: Rumah baharu yang dibina	8,175 (Nisbah 80:20)	8,995	110	●	100	●	1.0	●
	Semenanjung	2,908	3,560	122	●	100	●	1.0	●
	Sabah	2,732	2,637	97	●	97	●	0.5	●
	Sarawak	2,535	2,798	110	●	100	●	1.0	●
5	Penyenggaraan jalan raya (KM)	730	815	112	●	100	●	1.0	●
6	EPP Pertanian #7: Menaik Taraf Keupayaan untuk menghasilkan Buah-buahan dan Sayur-sayuran premium - Ladang Buah-buahan yang besar	2	1	50	●	50	●	0.5	●
7	Desa Lestari	13	13	100	●	100	●	1.0	●
8	Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (i) Pemenang RBC	13-20	115%	115	●	100.00	●	1.0	●
	Peratusan pemenang tahun 2012 mencapai peningkatan pendapatan sebanyak 25%	80%	90.9%	114	●	100	●	1.0	●
JUMLAH				102%	●	94%	●	94%	●



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	470,000	455,728	97	●	97	●	0.5	●
2	Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	71%	72%	101	●	100	●	1.0	●
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	75%	86%	115	●	100	●	1.0	●
4	Faktor muatan KTM Komuter	75% - 80%	92%	87	●	87	●	0.5	●
5	Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi	95%	97.5%	103	●	100	●	1.0	●
6	Faktor muatan bas henti-henti pada waktu puncak pagi	80%	69%	81	●	81	●	0.5	●
7	Penambahan bilangan tempat letak kereta di Rangkaian Rel di Lembah Klang	2,100	2,407	115	●	100	●	1.0	●
8	Bilangan Teksi Bajet KL – setanding dengan standard ASEAN	4,100	3,788	92	●	92	●	0.5	●
JUMLAH				99%	●	95%	●	75%	●



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Bilangan peserta 1AZAM baharu yang dipantau dalam tempoh minimum 6 bulan selepas pelaksanaan	32,300	33,368	103	●	100	●	1.0	●
2	Bilangan peserta 1AZAM yang sedia ada, yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	28,900	24,646	85	●	85	●	0.5	●
3	Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Literasi Kewangan	32,300	28,562	88	●	88	●	0.5	●
4	Bilangan projek 1AZAM yang bekerjasama dengan NGO dan sektor korporat	36	46	128	●	100	●	1.0	●
5	Bilangan Komuniti 1AZAM/ Program Berasaskan Kumpulan	77	77	100	●	100	●	1.0	●
6	Memastikan semua (100%) peserta 1AZAM dikemas kini dalam sistem eKasih	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
7	Bilangan peserta yang lulus program 1AZAM yang berjaya memperoleh pinjaman Mikro kredit	500	555	111	●	100	●	1.0	●
JUMLAH				102%	●	96%	●	86%	●



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Enrolmen prasekolah	90%	84.2%	94	●	94	●	0.5	●
2	Enrolmen penjagaan kanak-kanak (0-4 tahun)	10%	9.71%	97	●	97	●	0.5	●
3	Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	1.4%	1.39%	101	●	100	●	1.0	●
4	Peratusan sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	31%	31.03%	100	●	100	●	1.0	●
5	Kadar literasi Bahasa Inggeris untuk Tahun 2	83%	78.30%	94	●	94	●	0.5	●
6	Peratusan pengambilan guru di IPGM daripada lepasan sekolah menengah kelompok 30% teratas	100%	98.9%	99	●	99	●	0.5	●
7	Untuk membangunkan pelan hala tuju bagi mencapai 100% pengambilan guru di institusi pengajian tinggi daripada lepasan STPM/ Matrikulasi/setara kelompok 30% teratas seperti dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
8	Peratusan guru yang dilatih yang telah meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris sekurang-kurangnya satu band (CPT atau setara dengan CPT)	85%	0	0	●	0	●	0.0	●
9	Peratusan calon pengetua yang dikenal pasti menggunakan syarat baharu, sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum persaraan pengetua sebelumnya bagi mengisi kekosongan jawatan pengetua	100%	85.38%	85	●	85	●	0.5	●
10	Mengekalkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang sedia ada	115	115	100	●	100	●	1.0	●
11	Sekolah Berprestasi Tinggi yang baharu	10	13	130	●	100	●	1.0	●

(Sambungan muka surat sebelum)



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI (bersambung)

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
12	Kadar literasi BM untuk Tahun 3	100%	98.65%	99	●	99	●	0.5	●
13	Kadar numerasi untuk Tahun 3	100%	98.92%	99	●	99	●	0.5	●
14	Peratusan guru besar yang menerima Tawaran Baharu (i) Sekolah rendah (ii) Sekolah menengah	100% (i) 5% (ii) 5%	153.8% (i) 7.3% (ii) 8.08%	154	●	100	●	1.0	●
15	Mengenal pasti garis asas guru yang mencapai kompetensi minimum	100%	95%	95	●	95	●	0.5	●
16	Guru Bahasa Inggeris baharu yang mencapai C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	100%	72.5%	73	●	73	●	0.5	●
17	Guru pelatih Bahasa Inggeris baharu yang mencapai minimum A atau A+ dalam subjek Bahasa Inggeris SPM sebelum memasuki institut latihan perguruan (IPG & IPT)	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
18	Pelaksanaan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran yang Dibezakan kepada Tingkatan 3 di semua sekolah hotspot	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
19	Peratusan 138 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang mempunyai kedudukan/penarafan yang mencapai garis asas	100%	70%	70	●	70	●	0.5	●
JUMLAH				94%	●	90%	●	68%	●



MENGURANGKAN JENAYAH

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Mengurangkan Keseluruhan Indeks Jenayah yang dilaporkan	5%	12.6%	252	●	100	●	1.0	●
2	Mengurangkan Kejadian Pecah Rumah yang Dilaporkan	5%	11.7%	234	●	100	●	1.0	●
3	Indeks Persepsi Keselamatan	52% (Garis Dasar: 42.7%)	38.6%	74	●	74	●	0.5	●
4	Meningkatkan bilangan kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan	35%	43.3%	124	●	100	●	1.0	●
5	Kepuasan orang awam terhadap prestasi polis	80%	92.5%	116	●	100	●	1.0	●
JUMLAH				160%	●	95%	●	90%	●



MEMBANTERAS RASUAH

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Indeks Prestasi Integriti Nasional (IPIN): Skor Indeks Rasuah	7.1	6.9	97	●	97	●	0.5	●
2	Transparency International (TI): Skor Barometer Rasuah Global	60%	28%	47	●	47	●	0.0	●
3	Transparency International (TI): Skor Indeks Persepsi Rasuah	55%	52%	95	●	95	●	0.5	●
4	Meningkatkan kadar sabitan kes-kes rasuah	85%	78.3%	92	●	92	●	0.5	●
5	Menyelesaikan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah dalam tempoh 1 tahun	85%	71.8%	84	●	84	●	0.5	●
6	Membentangkan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
7	Menerbitkan keputusan kontrak rundingan terus secara <i>online</i> kecuali kontrak Strategik dan Keselamatan	100%	100%	100	●	100	●	1.0	●
8	100% Ahli Parlimen menghadiri Latihan Integriti bagi Ahli Parlimen	67%	30.18%	45	●	45	●	0.0	●
9	Memasukkan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM	100%	80	80	●	80	●	0.5	●
JUMLAH				82%	●	82%	●	50%	●



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

No	KPI	Sasaran	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Kementerian Kerja Raya					
	Penambahbaikan papan tanda jalan & tanda-tanda di daerah Kuantan					
	Peratusan penambahbaikan papan tanda jalan dan tanda-tanda jalan yang telah siap	100%	100%	100 ●	100 ●	1.0 ●
2	Kementerian Kesihatan					
	Mengoptimumkan aliran pesakit menerusi inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN untuk meningkatkan masa menunggu					
	Bilangan inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN di Hospital KKM	2 projek	4	200 ●	100 ●	1.0 ●
3	Kementerian Wilayah Persekutuan					
	Penyelenggaraan Lif					
	Pengurangan aduan kerosakan lif Batu Muda	50%	58.3%	117 ●	100 ●	1.0 ●
JUMLAH				139% ●	100 ●	1.0 ●

GLOSARI

10MP	Rancangan Malaysia ke-10	COL NKRA	NKRA Menangani Kos Sara Hidup
1AZAM	Akhiri Zaman Miskin	COMBI	Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku
AADK	Agensi Anti-Dadah Kebangsaan	CPC	Sijil Perakuan Siap Kerja
ADB	Bank Pembangunan Asia	CPI	Indeks Persepsi Rasuah
AES	Sistem Penguatkuasaan Automatik	CPO	Ketua Polis Negeri
AFC	Kutipan Tambang Automatik	CPTED	Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran
AGC	Jabatan Peguam Negara	CRI NKRA	NKRA Mengurangkan Jenayah
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia	CSI	Pelaburan Sosial Korporat
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	CSO	Pertubuhan Perkhidmatan Komuniti
Anti-COR NKRA	NKRA Antirasuah	CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara	CSRM	Mesin Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan
ATP	Perlindungan Tren Automatik	CTSS	Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat
AuG	Ketua Audit Negara	DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
AUP	Tatacara yang Dipersejui	DIG	Timbalan Ketua Polis Negara
BB1M	Baucar Buku 1Malaysia	DMO	Pejabat Pengurusan Pelaksanaan
BBKLCC	Operasi Pembersihan Jalan Bukit Bintang KLCC	DoS	Jabatan Statistik
BET	Bus Expressway Transit	DTF	Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan
BFR	Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results)	DTP	Program Transformasi Daerah
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
BLESS	Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan	EDU NKRA	NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
BLT	Jadual Liga Balai	EIU	Economist Intelligence Unit
BPH	Bahagian Pengurusan Hartanah	ELTC	Pusat Latihan Bahasa Inggeris
BPKhas	Indeks Pembayar Rasuah	EO	Ordinan Darurat
BPI	Bribe Payer Index	EPP	Projek Permulaan
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia	EPU	Unit Perancang Ekonomi
BRT	Bas Aliran Deras	ERL	Express Rail Link
CBD	Pusat Bandar	ETP	Program Transformasi Ekonomi
CCI	Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur	FDI	Pelaburan Langsung Asing
CCSC	Pusat Perkhidmatan Pulih dan Prihatin	FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
CCTV	Kamera Litar Tertutup	FLET	Latihan Pendidikan Celik Kewangan
CEFR	Common European Framework of Reference for Languages	FMCG	Barangan Pengguna Laris
CF	Sijil Layak Menduduki	GCB	Barometer Rasuah Global
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	GCR	Laporan Daya Saing Global
CIP	Ikrar Integriti Korporat	GDP	Keluaran Dalam Negeri Kasar
CISM	Sistem Integriti Korporat Malaysia	GIS	Sistem Maklumat Geografi
		GKL	Greater Kuala Lumpur

GMM	Gerakan Kesederhanaan Global	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
GNI	Pendapatan Negara Kasar	JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
GPI	Indeks Keamanan Global	JPM	Jabatan Penjara Malaysia
GPS	Sistem Kedudukan Global	JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
GTP	Program Transformasi Kerajaan	JPPJ	Jabatan Pencegahan dan Pembanterasana Jenayah
HAB	Hentian Akhir Bandar	JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
HCD	Pembangunan Modal Insan	JTK	Jabatan Tenaga Kerja
HDPE	Polietilena Berketumpatan Tinggi	K1M	Klinik 1Malaysia
HDR	Laporan Pembangunan Manusia	KAR1SMA	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia
HOTS	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	KBS	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
HPS	Sekolah Berprestasi Tinggi	KDN	Kementerian Dalam Negeri
HSIJB	Hospital Tengku Ampuan Rahimah	KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
HTAR	Hospital Sultan Ismail Johor Bahru	KEDAP	Kelas Dewasa Untuk Orang Asli dan Penan
ICT	Teknologi Komunikasi Maklumat	KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
ICPS	Sistem Pembayaran Tanpa Wang Tunai Bersepadu	KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan	KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
IDEAS	Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi	KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
IEA	<i>International Association for the Evaluation of Educational Achievement</i>	KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia
IGP	Ketua Polis Negara	KK1M	Kedai Kain Rakyat 1Malaysia
IIM	Institut Integriti Malaysia	KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
ILU	Unit Perhubungan Antarabangsa	KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
IO	Pegawai Penyiasat	KPI	Penunjuk Prestasi Utama
IPIN	Indeks Persepsi Integriti Nasional	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
IPG	Institut Pendidikan Guru	KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
IPR	Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam	KR1M	Kedai Rakyat 1Malaysia
IRB	Lembaga Hasil Dalam Negeri	KSN	Ketua Setiausaha Negara
ITT	Terminal Bersepadu Selatan	KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
ITT BTS	Terminal Bersepadu Selatan – Bandar Tasik Selatan (TBS – BTS)	KV	Lembah Klang
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor	KWPKB	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
JAKOA	Jabatan Kebajikan Orang Asli	LIH	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
JHEV	Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia	LIH NKRA	NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
JIPS	Jabatan Integriti dan Pmatuhan Standard	LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi
JITU	Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	LPG	Gas Petroleum Cecair
JKJR	Jabatan Keselamatan Jalan Raya	LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat	LRT	Transit Aliran Ringan
JKR	Jabatan Kerja Raya	LTA	Penguasa Pengangkutan Darat Singapura
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti	MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia	MACC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia	MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa		

MAHA	Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia	NPE	New Pantai Expressway
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia	NPQEL	Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	NTP	Program Transformasi Negara
MARRIS	Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia	NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
MCAD	Peranti Akses Berkomputer Mudah Alih	OBBS	Belanjawan Berasaskan Hasil
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia	OCPD	Ketua Polis Daerah (Officer-in-Charge of Police District)
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	PAC	Jawatankuasa Tindakan Awam
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam	PACOS	Pertubuhan Rakan Komuniti Sabah
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor	PADU	Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan
MDKL	Majlis Daerah Kuala Langat	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
MDKS	Majlis Daerah Kuala Selangor	PCA	Akta Pencegahan Jenayah 1959
MDTCC	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	PDRM	Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police Force)
MEB	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management and Delivery Unit)
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Komoditi	PERHEBAT	Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera
MKPI	Penunjuk Prestasi Utama Kementerian	PGA	Pasukan Gerak Am
MKRA	Bidang Keberhasilan Utama Kementerian	PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia (General Insurance Association of Malaysia)
MoA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	PID	Paparan Maklumat Penumpang
MoE	Kementerian Pendidikan	PIS	Sistem Maklumat Penumpang
MoF	Kementerian Kewangan	PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment)
MoH	Kementerian Kesihatan	PLI	Paras Garis Kemiskinan
MoHA	Kementerian Dalam Negeri	PMhS	Sistem Hab Pemantauan Prestasi
MOICC	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	PPMM	Persatuan Profesional Melayu Malaysia
MoT	Kementerian Pengangkutan	PPP	Unit Kerjasama Awam Swasta
MP	Ahli Parlimen	PPR	Project Perumahan Rakyat
MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	PR1MA	Projek Rumah 1Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia	PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
MR1M	Menu Rakyat 1Malaysia	PVR	Sukarelawan Polis
MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad	PwC	PricewaterhouseCoopers Malaysia
MRR2	Lebuhraya Lingkaran Tengah 2	RBB	Belanjawan Berdasarkan Keputusan
MRT	Transit Aliran Massa	RBI	Infrastruktur Asas Luar Bandar
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan	RBM	Pengurusan Berdasarkan Keputusan
NBTS	Sistem Tiket Bas Baharu	RD NKRA	NKRA Pembangunan Luar Bandar
NEM	Model Ekonomi Baru	RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (People's Volunteer Corps)
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan	RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara	RoS	Pendaftar Pertubuhan Malaysia
NKPI	Penunjuk Prestasi Utama Negara (National Key Performance Indicator)	RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre)
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara	RTD	Jabatan Pengangkutan Jalan
NPCS	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (National Pre-school Curriculum Standard)		

RTM	Radio Televisyen Malaysia	SRS	Skim Rondaan Sukarela
RUTF	Makanan Terapeutik Sedia Digunakan	TI	Transparency International
SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (System Average Interruption Duration Index)	TI-M	Transparency International Malaysia
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (School Examination Analysis System)	TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
SCMS	Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Safe City Monitoring System)	TLDM	Tentera Laut DiRaja Malaysia (Royal Malaysian Navy)
SCP	Program Bandar Selamat (Safe City Programme)	TNB	Tenaga Nasional Berhad
SEB	Lembaga Elektrik Sabah	TUKAR	Transformasi Untuk Kedai Runcit
SEN	Keperluan Pendidikan Khas	UAC	Kempen Bersama Membanteras Jenayah
SESCO	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	UI	Instrumen Bersepadu
SIP	Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Programme)	UKAS	Unit Kerjasama Awam-Swasta
SIT	Alat Penambahbaikan Sekolah (School Improvement Toolkit)	UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan	UNWTO	Pertubuhan Pelancongan Dunia
SME	Perusahaan Kecil dan Sederhana	UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan	UPT	Pengangkutan Awam Bandar
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Land Public Transport Commission)	UPT NKRA	NKRA Pengangkutan Awam Bandar
SPIKES	Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substen	URB	Unit Rondaan Bermotosikal
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia	UTC	Pusat Transformasi Bandar
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad	VPS	Skim Rondaan Sukarela (Voluntary Patrol Scheme)
SPRINT	Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd	VTREC	Majlis Pengurangan Pencurian Kenderaan Malaysia (Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia)
SPU	Jabatan Perancang Negeri Sarawak (Sarawak State Planning Unit)	WCP	Kepolisian Bertaraf Dunia
		WEF	Forum Ekonomi Dunia
		WJP	Projek Keadilan Dunia (World Justice Project)

PENGHARGAAN

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan sebuah pelan perubahan menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada sektor awam dan swasta. Kerajaan Malaysia berbesar hati merakamkan terima

kasih dan penghargaan yang setulusnya kepada kakitangan kerajaan, syarikat dan organisasi bukan kerajaan yang mengambil bahagian dan menyumbangkan masa, tenaga dan nasihat kepada pelan dan pelaksanaan GTP. Meskipun secara realistiknya

mustahil bagi Kerajaan untuk menyebut satu persatu agensi dan individu yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada pelaksanaan GTP, Kerajaan berhasrat untuk menzahirkan penghargaan secara khusus kepada organisasi yang berikut:

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Menangani Kos Sara Hidup Rakyat	
1	Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
2	Kementerian Pendidikan
3	Kementerian Kewangan
4	Kementerian Kesihatan
5	Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Berhad
Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar	
1	Jabatan Pertanian (DoA)
2	Jabatan Perangkaan (DoS)
3	Unit Perancang Ekonomi, Sabah
4	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
5	Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU)
6	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
7	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
8	Kerajaan Negeri Melaka
9	Kementerian Kewangan
10	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
11	Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
12	Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak
13	Kementerian Pelancongan (MoTOUR)
14	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
15	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
16	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
17	Kerajaan Negeri Perak
18	Perbadanan Labuan
19	Jabatan Kerja Raya (JKR), Malaysia

(bersambung)

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar (bersambung)	
20	Jabatan Kerja Raya (JKR), Sabah
21	Jabatan Kerja Raya (JKR), Sarawak
22	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
23	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
24	Kerajaan Negeri Sabah
25	Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)
26	Sarawak Energy Berhad
27	Kerajaan Negeri Sarawak
28	Sibu Water Board
29	Jabatan Air Negeri Sabah
30	Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Pengangkutan Awam Bandar	
1	Majlis Pebandaran Ampang Jaya
2	Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
3	Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
4	Express Rail Link Sdn Bhd
5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)
6	Majlis Perbandaran Klang (MPK)
7	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
8	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
9	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
10	Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
11	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
12	Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
13	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp)
14	Kementerian Kewangan (MoF)
15	Kementerian Pengangkutan (MoT)
16	Kementerian Kerja Raya (KKR)
17	Unit Kerjasama Awam Swasta(UKAS)
18	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
19	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
20	Jabatan Keselamatan Jalan Raya(JKJR)
21	Majlis Perbandaran Shah Alam(MBSA)
22	Majlis Perbandaran Selayang(MPS)
23	Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)

(bersambung)

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Pengangkutan Awam Bandar (bersambung)	
24	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
25	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
26	Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
27	Touch 'n Go Sdn Bhd (TNGSB)
28	Urusbudi TRANSPLAN Sdn Bhd
Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	
1	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
2	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
3	Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
4	Kementerian Kesihatan
5	Kementerian Sumber Manusia
6	EPIC Homes
7	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
8	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
9	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
10	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
11	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWK)
12	Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
13	Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak
14	Unit Perancang Negeri Sarawak
15	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
16	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
17	Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
18	Kementerian Pertanian & Industri Makanan, Sabah
19	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
20	Kerajaan Negeri Sarawak
21	Kerajaan Negeri Sabah
22	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
Memastikan Pendidikan Berkualiti	
1	Cambridge ESOL, University of Cambridge, UK
2	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
3	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
4	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM)
5	Pejabat Pendidikan Daerah

(bersambung)

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Memastikan Pendidikan Berkualiti (bersambung)	
6	Majlis Penjagaan & Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE)
7	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
8	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
9	Kementerian Pendidikan
10	Kementerian Kesihatan
11	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
12	Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)
13	SeDidik Sdn. Bhd., subsidiari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)
14	Sekolah Menengah Seri Kembangan
15	Pejabat Pendidikan Negeri
16	Yayasan Sabah
Mengurangkan Jenayah	
1	Jabatan Peguam Negara Malaysia
2	Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
3	Jabatan Penerangan Malaysia
4	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
5	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
6	Jabatan Imigresen Malaysia
7	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
8	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
9	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)
10	Kementerian Kewangan
11	Kementerian Kesihatan
12	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
13	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
14	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
15	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
16	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
17	Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA)
18	Jabatan Penjara Malaysia
19	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
20	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
21	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
22	Kerajaan Negeri Sarawak

(bersambung)

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Membanteras Rasuah	
1	Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM)
2	Jabatan Peguam Negara Malaysia
3	Jabatan Audit Negara
4	Bursa Malaysia Berhad
5	Bank Negara Malaysia(BNM)
6	Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
7	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
8	Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
9	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
10	Kedutaan Amerika Syarikat
11	Pesuruhjaya Tinggi India
12	Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
13	Jabatan Imegresen Malaysia
14	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
15	Institut Integriti Malaysia (IIM)
16	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
17	Jabatan Kerajaan Tempatan , Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
18	Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
19	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia(MACA)
20	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia(SPRM)
21	Majlis Peguam Malaysia
22	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia(SKMM)
23	Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
24	Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
25	Media Prima
26	Kementerian Kewangan
27	Kementerian Luar Negeri(KLN)
28	Kementerian Negeri (KDN)
29	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
30	Kementerian Penerangan,Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)
31	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri (MITI)
32	Kementerian Kerja Raya
33	Jabatan Audit Negara
34	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

(bersambung)

No	Bidang Keberhasilan Utama Negara
Membanteras Rasuah (bersambung)	
35	Majlis Keselamatan Negara (MKN)
36	Unit kerjasama Awam Swasta(UKAS)
37	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)
38	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia(JPA)
39	Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
40	Radio Televisyen Malaysia (RTM)
41	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
42	Jabatan Pengangkutan Jalan(JPJ)
43	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
44	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
45	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia(SSM)
46	Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC)
47	Transparency International, Malaysia (TI-M)
48	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)
49	Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC)





Hak Cipta © 2015

**UNIT PENGURUSAN PRESTASI & PELAKSANAAN
(PEMANDU), JABATAN PERDANA MENTERI**

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke sebarang bentuk atau alat sekalipun, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman, salinan foto atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu pemilik hak cipta.

PENAFIAN: Setiap langkah yang perlu telah diambil semasa penyediaan dokumen ini. Namun, PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. Semua maklumat dan spesifikasi bersifat semasa ketika penyediaan dan tertakluk kepada perubahan bila mana perlu.

UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia.

Tel : +603 8872 7237

Faks : +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my

